BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

KEPERLUAN BERKANUN

Mengikut seksyen 13 Akta Bank Negara Malaysia 2009, Bank Negara Malaysia dengan ini menerbitkan dan telah mengemukakan kepada Menteri Kewangan satu naskhah Laporan Tahunan 2015 ini berserta dengan satu salinan Penyata Kewangan Tahunannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2015, yang telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Penyata Kewangan Tahunan ini akan juga diterbitkan di dalam Warta.

Bagi maksud seksyen 115 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, laporan tahunan berhubung dengan pentadbiran Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan perkara lain yang berkaitan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 dimasukkan ke dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2015 yang merupakan satu bahagian penting Laporan Tahunan 2015.



Zeti Akhtar Aziz
Pengerusi
Lembaga Pengarah

23 Mac 2016

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz,
Gabenor dan Pengerusi

Datuk Muhammad bin Ibrahim,
Timbalan Gabenor

Datuk Nor Shamsiah binti Mohd Yunus,
Timbalan Gabenor

Dr. Sukudhew Singh,
Timbalan Gabenor

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah,
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Dato' N. Sadasivan a/l N.N. Pillay,
Pengerusi Jawatankuasa Risiko Lembaga dan Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga

Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob,
Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga dan Ahli Jawatankuasa Risiko Lembaga

Datuk Chin Kwai Yoong,
Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga dan Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga

Tan Sri Datuk Dr. Yusof bin Basiran*,
Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga

Tan Sri Dato' Seri Siti Norma binti Yaakob*,
Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga

Dato Sri Lim Haw Kuang*,
Ahli Jawatankuasa Risiko Lembaga

Dato' Lee Yeow Chor*,
Ahli Jawatankuasa Risiko Lembaga

* Dilantik sebagai ahli Lembaga pada Mac 2015.

Lembaga Pengarah ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada dua ahli Lembaga Pengarah yang telah lama berkhidmat, Tan Sri Datuk Oh Siew Nam dan Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang bin Mohd. Nor, yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka pada bulan Februari 2015.

AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SHARIAH

Datuk Dr. Mohd Daud bin Bakar (Pengerusi)
P.J.N

Prof. Dr. Mohamad Akram bin Laldin (Timbalan Pengerusi)

Tun Abdul Hamid bin Mohamad
S.S.M, D.U.P.N, S.P.C.M, D.M.P.N, D.P.C.M, K.M.N, P.J.K

Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman
P.S.M, P.J.N, D.S.D.K, S.D.K, A.M.N

Dato' Seri Haji Hassan bin Ahmad
P.M.P, D.S.P.N, P.J.N, D.G.P.N

Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali

Prof. Dr. Ashraf bin Md. Hashim

Prof. Madya Dr. Rusni binti Hassan

Prof Madya Dr. Asmadi bin Mohamed Naim

Dr. Shamsiah binti Mohamad

En. Burhanuddin bin Lukman

Gabenor	Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Timbalan Gabenor	Datuk Muhammad bin Ibrahim
Timbalan Gabenor	Datuk Nor Shamsiah binti Mohd Yunus
Timbalan Gabenor	Dr. Sukudhew Singh
Setiausaha Lembaga Pengarah	Abu Hassan Alshari bin Yahaya
Penolong Gabenor	Dato' Bakarudin bin Ishak
Penolong Gabenor	Norzila binti Abdul Aziz
Penolong Gabenor	Jessica Chew Cheng Lian
Penolong Gabenor	Donald Joshua Jaganathan
Penolong Gabenor	Abu Hassan Alshari bin Yahaya
Penolong Gabenor	Abdul Rasheed Ghaffour
Penolong Gabenor	Mohd. Adhari bin Belal Din
Pengarah	
Pejabat Gabenor	Vivienne Leong Sook Leng
Komunikasi Strategik	Shariffuddin bin Khalid
Audit Dalam	Mohamad Muhsin bin Mohd Anas
Pengurusan Risiko	Abdul Rahman bin Hussein
Ekonomi	
Ekonomi	Fraziali bin Ismail
Dasar Monetari	Dr. Norhana binti Endut
Antarabangsa	Nazrul Hisyam bin Mohd Noh
Perkhidmatan Statistik	Toh Hock Chai
Pengawalan	
Pembangunan Sektor Kewangan	Aznan bin Abdul Aziz
Perbankan Islam dan Takaful	Mohd Zabidi bin Md Nor
Pemantauan dan Pengawasan Kewangan	Madelena binti Mohamed
Dasar Kewangan Pruden	Qaiser Iskandar bin Anwarudin
Kewangan Pembangunan dan Enterpris	Marina binti Abdul Kahar
Dasar Sistem Pembayaran	Tan Nyat Chuan
Konsumer dan Amalan Pasaran	Suhaimi bin Ali
Pengawalan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Shahariah binti Othman
Penyeliaan	
Penyeliaan Konglomerat Kewangan	Che Zakiah binti Che Din
Penyeliaan Insurans dan Takaful	Yap Lai Kuen
Penyeliaan Perbankan	Cindy Siah Hooi Hoon
Unit Pakar Risiko	Charles Sandanasamy*
Pentadbiran Pengawalan dan Penyeliaan	Nor Aslaini binti Mohd Nasir**
Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan	Abd. Rahman bin Abu Bakar
Pelaburan dan Operasi	
Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan	Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid
Pentadbiran Pertukaran Asing	Shamsuddin bin Mohd Mahayidin
Pengurusan dan Operasi Matawang	Azman bin Mat Ali
Pembangunan Organisasi	
Pengurusan Strategik	–
Modal Insan Strategik	Mohd. Adhari bin Belal Din
Kewangan	Eugene Hon Kah Weng
Undang-Undang	Wan Mohd Nazri bin Wan Osman
Pusat Pembangunan Modal Insan	Thomas Tan Koon Peng
Perkhidmatan Perbankan Pusat	Ruziana binti Mohd Mokhtar**
LINK dan Pejabat Wilayah	Arlina binti Ariff
Perkhidmatan IT	Ho Chai Huey
Unit Promosi MIFC	Nik Mohamed Din bin Nik Musa
Perkhidmatan Sokongan Berpusat	
Pengurus Besar	Dato' Mohd Nor bin Mashor
Pejabat Pengurusan Perkhidmatan Sokongan Berpusat	Lim Foo Thai
Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti	Myrzela binti Sabtu
Perkhidmatan Hospitaliti	Azmi bin Abd Hamid
Perkhidmatan Keselamatan	Dato' Badaruddin bin Mohd Isa
Muzium, Galeri Seni dan Perkhidmatan Pusat Pengurusan Ilmu Pengetahuan	–
Perkhidmatan Am dan Sumber Manusia	Hairi bin Adam**
Ketua Perwakilan	
Pejabat Perwakilan Beijing	Albert See Choon Kwang**
Pejabat Perwakilan London	Raja Syamsul Anwar bin Raja Mohammed Affandi**
Pejabat Perwakilan New York	Harris bin Hassan***
Ketua Pejabat Wilayah	
Johor Bahru	Raman A/L Krishnan**
Pulau Pinang	Mohd Daud bin Dahar**
Kuching	Rosnani binti Mahamad Zain**
Kota Kinabalu	Zambre bin Ismail**
Pengurus Cawangan	
Shah Alam	Syarinoor bin Sahimi***
Kuala Terengganu	Yusoff bin Yahaya***

* Ketua (secara pentadbiran)
** Timbalan Pengarah
*** Pengurus

Kandungan

PERUTUSAN GABENOR

RINGKASAN EKSEKUTIF

PERKEMBANGAN EKONOMI PADA TAHUN 2015

13 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

17 *Rencana: Kelembapan Perdagangan Global Dewasa Ini: Masalah Kitaran atau Perubahan Struktur?*

25 Ekonomi Malaysia

37 Sektor Luaran

38 *Rencana: Menilai Keadaan Permintaan-Penawaran dalam Pasaran Harta Tanah di Malaysia*

66 Perkembangan Inflasi

70 *Rencana: Inflasi dan Kos Sara Hidup*

77 *Rencana: Kesan Penyusutan Nilai Kadar Pertukaran Terhadap Inflasi di Malaysia*

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN PADA TAHUN 2015

89 Keadaan Monetari dan Kewangan Antarabangsa

92 Keadaan Monetari dan Kewangan Domestik

99 Pembiayaan Ekonomi

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2015

103 Dasar Monetari

105 *Rencana: Evolusi Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia: Peristiwa Penting Sejak Penubuhannya*

109 Operasi Monetari

PROSPEK DAN DASAR PADA TAHUN 2015

115 Prospek Ekonomi Antarabangsa

118 Ekonomi Malaysia

126 *Rencana: Peralihan Ke Arah Teknologi Baharu, Meniti Arus Perubahan: Evolusi Industri Elektronik dan Elektrik (E&E) Malaysia*

129 Prospek Inflasi

131 Dasar Monetari

131 Dasar Fiskal

TADBIR URUS, PEMBANGUNAN ORGANISASI DAN KOMUNIKASI

137 Tadbir Urus
141 Pembangunan Organisasi
145 Komunikasi
149 Struktur Organisasi

PENYATA KEWANGAN TAHUNAN

157 Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015
158 Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015
159 Nota-nota bagi Penyata Kewangan

TAMBAHAN

PERUTUSAN GABENOR

Beberapa perkembangan penting dengan implikasi yang luas telah berlaku pada tahun 2015. Pemulihan ekonomi global kekal sederhana, dalam keadaan perdagangan dunia yang semakin perlahan, pertumbuhan ekonomi sedang pesat membangun yang sederhana dan kebimbangan yang berterusan terhadap daya tahan pemulihan ekonomi dalam kalangan ekonomi maju. Keadaan ini berlatarkan landskap dasar global yang berubah-ubah, dengan dasar monetari di Amerika Syarikat kembali semula kepada keadaan yang wajar dan ekonomi utama lain meneruskan pelonggaran dasar, di samping kejatuhan harga tenaga yang berpunca daripada perubahan jangka masa pendek dan perubahan struktur dalam keadaan penawaran dan permintaan global. Gabungan semua perkembangan ini telah mendorong peralihan besar dalam aliran modal serta menyebabkan turun naik yang lebih ketara dalam pasaran kewangan antarabangsa.

Dalam tempoh terdekat, semua perkembangan ini akan terus berlaku dan persekitaran global dijangka terus mengalami ketidakpastian yang tinggi. Sambil kita melangkah lebih jauh ke hadapan, penting untuk menyedari bahawa landskap global telah mengalami pelbagai perubahan asas dan keadaan ini tidak akan kembali kepada keadaan yang pernah dialami pada dekad-dekad yang terdahulu. Cabaran untuk mencapai pertumbuhan global yang lebih mampan akan semakin bergantung pada usaha-usaha untuk lebih berupaya menyesuaikan keadaan ekonomi dengan landskap yang telah berubah di seluruh ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun.

Berikutan tahap keterbukaan ekonomi Malaysia yang tinggi dan integrasi dengan sistem kewangan antarabangsa yang semakin bersepadu, ekonomi dalam negeri telah dipengaruhi dengan ketara oleh perkembangan global dan serantau. Namun, meskipun menghadapi cabaran-cabaran ini, ekonomi Malaysia telah berjaya menempuh semua perkembangan ini pada tahun 2015, sekali gus mengekalkan pertumbuhan yang membanggakan. Yang penting, prospek pertumbuhan ekonomi masih stabil. Daya tahan yang mendasari ekonomi Malaysia bagi menghadapi persekitaran semasa yang sukar ini adalah hasil daripada kekukuhan yang berterusan dalam asas-asas ekonomi dan hasil daripada langkah-langkah pelarasan dan pembaharuan struktur yang telah dilaksanakan sepanjang beberapa dekad yang lalu. Satu aspek utama daripada langkah-langkah ini ialah pempelbagaian struktur ekonomi negara daripada terlalu bergantung pada eksport kepada pembangunan sumber-sumber pertumbuhan dalam negeri yang baharu. Perkembangan ini telah mengurangkan kebergantungan ekonomi secara keseluruhan pada hanya satu sumber pertumbuhan dan dengan itu, kita tidak mudah terjejas kepada kejutan mana-mana industri tertentu.

Selain itu, pertumbuhan telah menjadi lebih seimbang, diterajui oleh permintaan dalam negeri yang dipacu oleh sektor swasta yang mampan dan sebahagiannya diperkukuh oleh beberapa siri langkah yang dilaksanakan dalam beberapa tahun kebelakangan ini untuk

membendung lebihan dan ketidakseimbangan. Sistem kewangan juga merupakan tunggak utama kekuatan ekonomi Malaysia. Meskipun pasaran kewangan domestik dan kadar pertukaran ringgit dipengaruhi oleh peralihan besar dalam aliran modal, namun, sistem kewangan yang lebih berdaya tahan dan maju, berserta dengan paras rizab antarabangsa yang kekal tinggi dan tahap keberhutangan luar negeri yang terurus, telah memperkukuh keupayaan ekonomi negara untuk menghadapi kejutan luaran. Keadaan ini telah memastikan bahawa pengantaraan kewangan terus berfungsi tanpa gangguan.

Di dalam negeri, ekonomi Malaysia terus melalui tempoh pelarasan, dengan pelaksanaan pembaharuan fiskal yang berterusan. Pembaharuan ini adalah penting dan memainkan peranan utama untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan. Walau bagaimanapun, buat sementara waktu, pelarasan dalam negeri ini di samping kesan kadar pertukaran ringgit yang lebih lemah telah memberikan kesan terhadap kos sara hidup isi rumah, khususnya bagi segmen pendapatan yang lebih rendah. Namun, memandangkan usaha-usaha ini diperkenalkan dalam persekitaran harga komoditi global yang lebih rendah dan inflasi global yang pada amnya lemah, maka kadar inflasi keseluruhan dijangka kekal terurus. Di samping itu, untuk mengurangkan beberapa kesan negatif daripada pelarasan ini, pelbagai langkah telah dilaksanakan untuk menyokong segmen yang mudah terjejas dalam ekonomi. Kemajuan yang dicapai dalam usaha memajukan rangkuman kewangan, selain mekanisme yang dilaksanakan oleh Bank untuk memberikan bantuan kepada isi rumah dan perniagaan yang mengalami masalah kewangan, telah menyumbang ke arah mengurangkan kelemahan segmen masyarakat ini dalam tempoh ekonomi yang sukar.

Berdepan dengan persekitaran yang lebih mencabar ini, Bank terus memberikan tumpuan pada usaha memelihara kestabilan monetari dan sistem kewangan. Daya tahan ekonomi dan kewangan yang telah terbina sejak beberapa dekad yang lalu menjadi tunggak kestabilan dalam tempoh yang sukar ini. Daya tahan ini telah mengetepikan keperluan untuk terlalu bergantung pada satu pilihan dasar sahaja, lantas menyediakan ruang bagi pengurusan ekonomi yang bersifat pencegahan awal dan berpandangan ke hadapan. Pada masa ini, keutamaan dasar Bank tertumpu pada dua perkara, iaitu untuk mengatasi kelemahan dalam jangka masa terdekat, dan untuk terus menyediakan persekitaran yang menyokong pertumbuhan yang mampan. Bagi memastikan keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan berikutan tempoh aliran keluar bersih, Bank terus menyediakan mudah tunai kepada sistem perbankan dengan melaksanakan beberapa langkah komprehensif. Operasi monetari diperkukuh dan dipertingkat melalui pengenalan beberapa instrumen baharu. Langkah ini disokong pengurangan dalam Keperluan Rizab Berkanun yang dilaksanakan baru-baru ini. Berikutan perkembangan luar dan dalam negeri yang terus mempengaruhi kadar pertukaran ringgit, usaha juga telah ditumpukan ke arah memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing. Selaras dengan kestabilan harga dan kemampanan prospek pertumbuhan keseluruhan, dasar monetari terus stabil dan kekal akomodatif serta menyokong aktiviti ekonomi.

Dalam jangka masa sederhana, Malaysia dijangka terus menghadapi cabaran yang besar. Selain menguruskan risiko kepada kestabilan makroekonomi dan kewangan yang timbul daripada ketidakpastian luaran, tumpuan perlu terus diberikan pada usaha membina daya tahan masa hadapan. Pada masa yang sama, tindakan segera perlu diambil untuk mempercepat peralihan ekonomi kepada ekonomi bernilai

tambah lebih tinggi dan berpendapatan tinggi serta mengelak daripada terjebak dalam perangkap ekonomi berpendapatan sederhana. Untuk mencapai tujuan ini, tiga anjakan utama diperlukan. Pertama ialah mempercepat peralihan yang dipacu oleh sektor swasta ke arah peningkatan produktiviti dan inovasi, serta mengurangkan kebergantungan pada pengumpulan faktor dan pengeluaran bernilai rendah untuk memacu pertumbuhan ekonomi. Kedua, memperkukuh integrasi ekonomi Malaysia dengan ekonomi global berikutan landskap antarabangsa yang baharu dan berubah-ubah, dengan memberikan tumpuan pada bidang baharu yang mempunyai kelebihan berbanding (comparative advantage) dan memanfaatkan peluang bidang pertumbuhan baharu. Ketiga ialah mengukuhkan lagi infrastruktur institusi dan fizikal sedia ada untuk mewujudkan persekitaran yang diperlukan oleh ekonomi moden dalam persekitaran yang cepat berubah. Meskipun menghadapi cabaran ini, Malaysia mempunyai sepenuh potensi untuk beralih kepada ekonomi bernilai tambah lebih tinggi dan berpendapatan tinggi pada masa hadapan.

Pada tahun 2015, beberapa pencapaian penting dilakarkan ke arah pengukuhan integrasi ekonomi serantau. Yang paling menyerlah ialah penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Bagi integrasi kewangan serantau, pelancaran Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ABIF) telah meletakkan asas untuk sistem perbankan yang lebih bersepadu di rantau ini. Integrasi kewangan di negara-negara ASEAN mempunyai tujuan inklusif yang dapat memanfaatkan semua segmen masyarakat. Oleh itu, rangkuman kewangan dimartabatkan sebagai keutamaan dasar di rantau ini. Pada masa hadapan, momentum proses integrasi kewangan ASEAN dijangka terus meningkat menerusi matlamat Rangka Tindakan AEC 2025. Pelan ini menyediakan asas untuk memajukan lagi integrasi kewangan sepanjang dekad akan datang di samping mempertingkat rangkuman kewangan dan memelihara kestabilan kewangan. Selain itu, bank pusat serantau juga kekal komited untuk memastikan kestabilan makroekonomi dan kewangan serantau menerusi pelbagai platform kerjasama yang lain seperti ASEAN+3, Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) dan Pusat Penyelidikan dan Latihan Bank-bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN).

Selain kemajuan yang dicapai di bawah ASEAN, penyertaan Malaysia dalam perjanjian perdagangan bebas antarabangsa seperti Perkongsian Trans-Pasifik dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau akan mendorong peningkatan produktiviti dan keperluan perubahan struktur dalam ekonomi, serta menyokong pembangunan Malaysia dalam jangka masa lebih panjang. Perjanjian ini akan memupuk persaingan, mewujudkan akses pasaran, menggalakkan ketelusan dan amalan tadbir urus yang baik, di samping mengukuhkan kesalinghubungan perdagangan dan kewangan antara Malaysia dengan negara lain di dunia.

Pada tahun 2015, Bank terus menjalani transformasi dan pemodenan organisasi supaya kekal relevan dan efektif dalam pengurusan bagi menghadapi cabaran baharu. Bank kini berdiri atas landasan yang kukuh susulan beberapa siri transformasi organisasi yang melebihi satu dekad. Secara khususnya, sepanjang 15 tahun yang lalu, lebih daripada sepuluh undang-undang utama yang mengawal selia bank pusat dan industri kewangan telah diperkenalkan, termasuk Akta Bank Negara Malaysia 2009. Sepadan dengan kuasa baharu yang diperuntukkan kepada Bank, rangka kerja kebertanggungjawaban dan struktur tadbir urus telah dipertingkat dan diinstitusikan dengan nyata. Sehubungan dengan itu, peranan pengawasan oleh Lembaga Pengarah telah diperkukuh dalam bidang pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir

urus. Akta Bank Negara Malaysia 2009 juga menginstitusikan kebebasan dasar monetari yang telah wujud sejak penubuhan Bank pada tahun 1959. Pada tahun 2015, ahli luar Bank yang baharu telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Dasar Monetari, justeru menambah gabungan kepelbagaian dari segi pengalaman, kepakaran dan pengetahuan. Rangka kerja tadbir urus yang mantap juga memastikan keputusan dasar Bank dibuat mengikut tahap profesionalisme dan kewibawaan yang tertinggi, dan sentiasa menjaga kepentingan negara.

Melangkah ke hadapan, saya yakin kedudukan Bank adalah amat kukuh. Yang penting, asas keinstitusian Bank dibina atas keupayaan tenaga mahirnya. Bank amat menitikberatkan pelaburan dalam pembangunan tenaga mahir secara berterusan untuk memastikan tenaga mahirnya sentiasa dilengkapkan dengan set kemahiran perbankan pusat yang terbaik serta berkaliber. Usaha-usaha pembangunan tenaga mahir dan kepimpinan disokong oleh strategi tenaga mahir yang mantap, perancangan penggantian dan ganjaran berasaskan prestasi. Bank menerapkan budaya berprestasi tinggi dengan rasa kebertanggungjawaban yang mantap. Dalam budaya korporat Bank, terdapat matlamat bersama iaitu untuk berkhidmat demi negara, komited terhadap tanggungjawab, dan mendukung tradisi integriti yang berkekalan. Bank juga telah melalui transformasi sejak beberapa tahun yang lalu daripada kesepaduan menegak (vertically integrated) kepada jalinan kerjasama agar mendapat manfaat daripada kepelbagaian kepakaran di Bank. Ini membolehkan sumber dan tenaga organisasi dioptimumkan dan diselaraskan ke arah hasil strategik bagi memastikan hasil terbaik dicapai. Etos kerja Bank juga memerlukan pengurusan risiko yang baik, memandangkan dasar Bank yang mempunyai banyak implikasi dan kesan.

Dedikasi yang ditunjukkan oleh Bank untuk mengekalkan piawaian kecemerlangan yang tinggi telah menyediakan persekitaran yang kondusif untuk prestasi. Profesionalisme dan kepakaran kakitangan Bank, berserta hasil dan peranan yang jelas telah membolehkan Bank untuk sentiasa memenuhi mandat yang telah diamanahkan, meskipun berdepan dengan cabaran dari dalam dan luar negeri. Bagi pihak Lembaga dan pengurusan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua kakitangan Bank atas dedikasi dan komitmen mereka untuk memenuhi mandat Bank. Saya juga merakamkan penghargaan kepada Lembaga Pengarah atas sokongan dan bimbingan mereka yang berterusan. Sebagai sebuah organisasi yang terus berusaha ke arah kecemerlangan perkhidmatan demi kepentingan terbaik negara, saya amat yakin bahawa daya tahan dan keupayaan institusi yang dibina selama ini telah memantapkan Bank untuk maju ke hadapan dengan sepenuh potensi bagi memberikan khidmat terbaik pada tahun-tahun akan datang.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
23 Mac 2016

2015

1 RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pada tahun 2015, pertumbuhan global menjadi sederhana dalam keadaan ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa yang meningkat. Sepanjang tahun itu, persekitaran ekonomi dan kewangan global dipengaruhi oleh tiga perkembangan utama. Pertama, harga komoditi global jatuh mendadak hingga mencecah paras yang rendah selepas krisis, lantas memberikan kesan yang ketara kepada pertumbuhan global dan inflasi. Kedua, pasaran kewangan antarabangsa mengalami turun naik yang lebih ketara didorong oleh peralihan dasar dalam ekonomi utama, kebimbangan terhadap momentum pertumbuhan global yang makin perlahan, hutang kerajaan di kawasan euro, dan kejatuhan harga komoditi. Turun naik yang dialami pasaran kewangan bertambah ketara apabila terdapat pengambilan kedudukan spekulatif dan pelupusan kedudukan spekulatif tersebut, serta peralihan mendadak dalam kesanggupan mengambil risiko oleh pelabur, yang menyebabkan turun naik dalam aliran modal. Ketiga, pertumbuhan global menjadi sederhana akibat pertumbuhan yang sederhana dalam ekonomi maju yang tidak memadai untuk mengimbangi pertumbuhan lebih rendah dalam ekonomi sedang pesat membangun. Pertumbuhan turut tidak sekata di seluruh ekonomi maju. Meskipun aktiviti ekonomi di AS terus mencapai kemajuan, pertumbuhan di kawasan euro meningkat pada kadar yang sederhana pada tahun 2015 disebabkan oleh kekangan struktur yang tidak dapat diselesaikan. Dalam keadaan persekitaran luar yang sangat mencabar, pertumbuhan dalam ekonomi Asia menjadi sederhana pada tahun 2015 apabila prestasi eksport yang lemah memberikan kesan kepada kadar pertumbuhan ekonomi. Di RR China khususnya, pertumbuhan kekal mencatat trend yang sederhana disebabkan oleh aktiviti yang perlahan dalam sektor yang mempunyai kapasiti lebihan serta kelemahan dalam sektor luaran. Tekanan inflasi global juga menjadi sederhana pada tahun 2015, mencerminkan terutamanya harga komoditi global yang lebih rendah dan keadaan permintaan global yang lembap.

Bagi menghadapi momentum pertumbuhan yang makin perlahan dalam persekitaran ekonomi dan kewangan yang semakin tidak menentu, pendirian dasar monetari global secara keseluruhan adalah lebih akomodatif di kebanyakan rantau. Dalam kalangan ekonomi maju, pendirian dasar monetari bank-bank pusat utama adalah berbeza-beza. Meskipun AS telah mengambil langkah pertama untuk mengembalikan kadar faedah kepada paras yang wajar, kawasan euro dan Jepun terus meningkatkan rangsangan monetari menerusi program pembelian aset masing-masing dan juga memperkenalkan kadar faedah negatif. Di Asia, beberapa ekonomi menurunkan kadar dasar utama dan memperkenalkan langkah fiskal untuk menyokong pertumbuhan.

Meskipun persekitaran ekonomi mencabar pada tahun 2015, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan 5.0%, disokong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan. Laporan Tahunan ini memberikan analisis perkembangan ekonomi Malaysia dan menggariskan cabaran pada masa hadapan. Selain itu, laporan ini memaparkan usaha Bank Negara Malaysia untuk meningkatkan tadbir urus, pembangunan organisasi, dan komunikasi.

Ekonomi Malaysia pada tahun 2015

Ekonomi Malaysia meningkat 5.0% pada tahun 2015 (2014: 6.0%), disokong oleh peningkatan permintaan dalam negeri yang berterusan (2015: 5.1%, 2014: 5.9%). Permintaan dalam negeri didorong terutamanya oleh sektor swasta. Peningkatan permintaan luar negeri yang sederhana pada separuh kedua tahun 2015 juga memberikan dorongan tambahan terhadap pertumbuhan ekonomi.

Penggunaan swasta terus berkembang walaupun pada kadar yang lebih sederhana apabila isi rumah membuat pelarasan terhadap perbelanjaan mereka disebabkan peningkatan kos sara hidup berikutan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST), pelarasan harga ditadbir, dan penyusutan nilai ringgit. Namun begitu, isi rumah menerima beberapa sokongan daripada pindahan tunai di bawah skim Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang lebih tinggi, pengurangan kadar cukai pendapatan individu bagi tahun taksiran 2015 dan penjimatan yang diperoleh daripada penurunan harga bahan

api dalam negeri yang lebih rendah pada tahun itu. Perbelanjaan isi rumah juga disokong oleh peningkatan pendapatan yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang stabil. Penggunaan awam mencatat pertumbuhan yang mampan sebanyak 4.3% pada tahun 2015 (2014: 4.4%), mencerminkan usaha yang berterusan oleh Kerajaan untuk memberikan sokongan kepada pertumbuhan, dan pada masa yang sama kekal komited untuk meneruskan pengurangan defisit fiskal .

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) berkembang 3.7% pada tahun 2015 (2014: 4.8%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan pelaburan sektor swasta yang lebih perlahan. Pada tahun 2015, pelaburan swasta mencatat pertumbuhan lebih rendah pada 6.4% (2014: 11.0%), mencerminkan permintaan dalam negeri yang sederhana dan sentimen perniagaan yang berhati-hati. Meskipun pelaburan untuk cari gali baharu bagi minyak dan gas menurun, pelaburan swasta keseluruhan terus disokong oleh aktiviti hiliran minyak dan gas, serta projek baharu dan yang sedang dilaksanakan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pelaburan awam meningkat dengan mencatat penguncupan yang lebih kecil sebanyak -1.0% (2014: -4.7%) apabila Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam terus membuat perbelanjaan modal, sekali gus memberikan sokongan kepada ekonomi.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi utama mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana, kecuali sektor perlombongan. Penurunan ini mencerminkan pertumbuhan aktiviti yang lebih perlahan dalam industri yang menyokong permintaan dalam negeri. Namun begitu, perkilangan berorientasikan eksport dan perkhidmatan berkaitan dengan perdagangan memperoleh manfaat daripada peningkatan permintaan luar negeri yang sederhana.

Keadaan pasaran pekerja secara keseluruhan kekal stabil pada tahun 2015 apabila permintaan untuk pekerja terus disokong oleh pertumbuhan yang berterusan di seluruh sektor ekonomi. Meskipun kadar penyertaan tenaga kerja stabil pada 67.6% (2014: 67.5%), kadar pengangguran meningkat kepada 3.2% (2014: 2.9%) apabila sentimen perniagaan yang lebih berhati-hati menyebabkan prospek guna tenaga yang lebih sederhana menjelang separuh kedua tahun 2015.

Inflasi keseluruhan menurun kepada 2.1% pada tahun 2015 (2014: 3.2%) apabila kesan penurunan harga tenaga dan komoditi global lebih daripada mengimbangi kesan penyusutan kadar pertukaran ringgit, pelaksanaan GST dan beberapa pelarasan menaik dalam harga ditadbir. Meskipun paras inflasi adalah lebih rendah pada tahun 2015, kenaikan harga adalah lebih meluas disebabkan oleh pelaksanaan GST, penyusutan nilai ringgit dan kenaikan harga barangan makanan segar. Inflasi keseluruhan juga secara relatif lebih tidak menentu pada tahun 2015 mencerminkan satu siri pelarasan harga bahan api dalam negeri. Walau bagaimanapun, inflasi teras tanpa GST kekal stabil pada 2.3% pada tahun 2015 (2014: 2.3%). Kestabilan inflasi teras ini mencerminkan keadaan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana, ketiadaan kenaikan upah yang berlebihan, dan inflasi yang sederhana pada peringkat global.

Kedudukan sektor luaran Malaysia kekal berdaya tahan pada tahun 2015 meskipun terdapat ketidaktentuan yang lebih ketara dalam ekonomi global. Meskipun lebihan akaun semasa mengecil pada tahun 2015, ia terus disokong oleh lebihan perdagangan yang besar berjumlah RM94.6 bilion (2014: RM82.5 bilion). Bagi tahun 2015, pertumbuhan eksport dan import masing-masing menurun kepada 1.9% dan 0.4% (2014: 6.3% and 5.3%). Terdapat dua trend yang berbeza dalam perdagangan luaran pada tahun 2015. Pada separuh pertama tahun 2015, prestasi perdagangan luaran sebahagian besarnya terjejas oleh penurunan harga komoditi dan permintaan yang lembap terhadap komoditi dan keluaran perkilangan berkaitan komoditi. Pada separuh kedua tahun itu, perdagangan luaran bertambah baik disebabkan oleh pertumbuhan eksport meningkat semula berikutan permintaan lebih tinggi terhadap keluaran perkilangan dan komoditi, dan kesan penilaian positif daripada penyusutan nilai ringgit. Bagi keseluruhan tahun 2015, lebihan perdagangan adalah lebih tinggi, disokong oleh keluaran perkilangan dan komoditi.

Berlatarkan ketidakpastian yang berterusan dalam pasaran kewangan global, sektor luaran mengalami aliran modal dua hala merentas sempadan yang ketara pada sebahagian besar tahun 2015. Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM53.3 bilion (2014: Aliran keluar bersih RM81.6 billion). Pada tahun 2015, ketidaktentuan yang ketara dicatat dalam dana portfolio asing, sebahagiannya disebabkan oleh pengumpulan dan pelupusan kedudukan spekulatif dalam pasaran dalam negeri dan

luar pesisir. Aliran keluar bersih portfolio dana bukan pemastautin berjumlah RM19.0 bilion (2014: aliran keluar bersih RM10.4 bilion). Walaupun dengan perkembangan dalam aliran portfolio jangka pendek ini, Malaysia kekal sebagai destinasi yang berdaya saing untuk modal jangka panjang, seperti yang dibuktikan oleh aliran masuk pelaburan langsung asing (foreign direct investments, FDI) yang stabil. Sebahagian besar daripada aliran FDI disalurkan kepada sektor perkilangan, khususnya industri elektronik dan elektrik (E&E) dan industri berkaitan petrokimia.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM409.1 bilion (bersamaan dengan USD95.3 bilion) pada 31 Disember 2015. Pada 29 Februari 2016, rizab berjumlah RM410.5 bilion (bersamaan dengan USD95.6 bilion). Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa dan mencukupi untuk membiayai 8.3 bulan import tertunggak dan ialah 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek. Liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing secara progresif telah menyebabkan desentralisasi rizab antarabangsa yang lebih besar, yang membolehkan ekonomi mengurangkan kebergantungannya pada rizab antarabangsa Bank. Ini terbukti apabila entiti Malaysia semakin meningkatkan pemerolehan aset di luar negeri. Ketersediaan aset luaran ini membolehkan entiti ini memenuhi obligasi hutang luar negeri mereka tanpa perlu membuat tuntutan terhadap rizab antarabangsa. Kadar pertukaran yang lebih fleksibel juga mengurangkan kebergantungan pada rizab antarabangsa untuk menguruskan tekanan luaran.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus sepanjang tahun 2015. Hutang luar negeri berjumlah RM833.7 billion, bersamaan dengan USD192.2 bilion atau 72.1% daripada KDNK pada akhir tahun 2015 (akhir tahun 2014: RM747.5 bilion, bersamaan dengan USD211.8 bilion atau 67.5% daripada KDNK). Peningkatan hutang luar negeri disebabkan terutamanya oleh kesan penilaian daripada penyusutan nilai ringgit berbanding dengan kebanyakan mata wang pada tahun 2015. Tidak termasuk perubahan penilaian semula pertukaran asing, peminjaman luar pesisir meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 4.0% pada tahun 2015, iaitu menyumbang sebanyak dua mata peratusan kepada peningkatan keseluruhan hutang luar negeri. Ini mencerminkan terutamanya ambilan bersih peminjaman antara syarikat oleh beberapa syarikat swasta dalam sektor minyak dan gas, serta terbitan baharu sekuriti hutang antarabangsa. Walau bagaimanapun, profil hutang luar negeri Malaysia kekal teguh dengan lebih separuh daripada hutang tersebut menjurus kepada tempoh jangka sederhana dan panjang. Risiko daripada turun naik pertukaran asing sebahagian besarnya dapat dibendung memandangkan kira-kira 36% daripada hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit, manakala hutang dalam denominasi mata wang asing sebahagian besarnya dilindung nilai. Ini dilakukan sama ada secara semula jadi melalui perolehan mata wang asing atau melalui penggunaan instrumen kewangan.

Sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada ketidakpastian yang meningkat dan risiko yang berpunca daripada perkembangan luar. Namun begitu, Malaysia telah menunjukkan keupayaan untuk menghadapi kejutan luaran menerusi fleksibiliti ekonomi dan perlindungan yang disediakan oleh penampan kewangan dan rangka kerja dasar yang mantap yang telah terbina sejak beberapa tahun yang lalu. Pasaran kewangan domestik Malaysia yang mendalam dan pelbagai berupaya untuk menampung aliran modal dalam jumlah yang besar, manakala pelabur institusi domestik membolehkan permintaan yang mampan terhadap aset kewangan domestik apabila pelabur asing mengimbangi semula dedahan mereka. Operasi monetari Bank dan penggunaan beberapa instrumen dasar turut memastikan terdapatnya mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong pasaran wang dan pasaran pertukaran asing berfungsi dengan teratur. Fleksibiliti kadar pertukaran juga telah membolehkan ringgit membuat penyesuaian terhadap perubahan keadaan luaran. Pada masa yang sama, rizab antarabangsa bertindak sebagai penampan dengan menghalang turun naik kadar pertukaran ringgit yang berlebihan. Oleh yang demikian, meskipun ketidaktentuan yang tinggi dalam aliran modal, kesan terhadap pasaran kewangan domestik adalah tidak ketara, lantas membolehkan pengantaraan kewangan berfungsi tanpa gangguan untuk menyokong ekonomi.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2015

Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR)

pada 3.25% pada tahun 2015, dengan tumpuan diberikan pada usaha memastikan keadaan monetari menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan dan mengekalkan kestabilan harga. Berdepan dengan persekitaran luar yang mencabar, yang mempengaruhi prospek ekonomi Malaysia, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi. MPC juga terus berwaspada terhadap risiko yang berkaitan dengan ketidakseimbangan kewangan.

Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang pada kadar yang stabil antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2015, berdasarkan jangkaan bahawa permintaan dalam negeri akan menjadi peneraju pertumbuhan dalam keadaan permintaan luar negeri yang lemah. Inflasi keseluruhan diramalkan berada dalam julat antara 2.0% hingga 3.0% berikutan penurunan harga komoditi global dan inflasi global yang dijangka mengimbangi peningkatan faktor kos dalam negeri dan kesan daripada penyusutan kadar pertukaran ringgit. Berdasarkan penilaian, inflasi asas secara relatif kekal sederhana dalam keadaan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih perlahan. Namun begitu, prospek ini bergantung pada risiko yang berpunca daripada perkembangan sepanjang tahun itu. Ini termasuk kesan daripada ketidakpastian dalam harga komoditi terhadap sektor minyak dan gas dalam negeri dan kemungkinan kesan limpahannya yang negatif kepada aktiviti pelaburan, eksport, imbangan pembayaran keseluruhan, dan kedudukan fiskal Kerajaan. Satu lagi risiko dikaitkan dengan kesan daripada pelaksanaan GST pada bulan April 2015, khususnya dari segi tingkah laku penentuan harga oleh firma dan kemungkinan berlakunya pencatutan harga. Ketidakpastian yang meningkat dalam ekonomi dan pasaran kewangan global, dan sebahagiannya, faktor dalam negeri pada separuh kedua tahun itu juga telah memberikan kesan yang ketara kepada pasaran kewangan domestik dan kadar pertukaran ringgit.

Meskipun melalui perkembangan ini, ekonomi Malaysia terbukti berdaya tahan serta disokong oleh keadaan ekonominya yang amat pelbagai. Pasaran kewangan yang mendalam dan permodalan institusi kewangan yang kukuh berupaya menghadapi aliran modal yang besar dan tidak menentu, lantas membolehkan pengantaraan kewangan turut berfungsi tanpa gangguan. Mudah tunai domestik secara keseluruhan kekal mencukupi dan institusi kewangan terus beroperasi dengan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh. Berdepan dengan persekitaran ini, MPC membuat penilaian bahawa pendirian dasar monetari adalah wajar dan konsisten dengan pencapaian pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kestabilan harga. Dasar monetari berserta langkah kehematan makro dan mikro juga terus memainkan peranan bagi memastikan pertumbuhan hutang isi rumah yang mampan dan mengurangkan risiko ketidakseimbangan kewangan.

Perkembangan ringgit pada tahun 2015 amat dipengaruhi oleh aliran pelaburan portfolio yang berpunca terutamanya daripada faktor luaran. Bagi keseluruhan tahun itu, ringgit menyusut nilai sebanyak 18.6% berbanding dengan dolar AS. Trend penyusutan nilai ringgit yang meluas ini disebabkan oleh beberapa faktor utama. Jangkaan dan susulan kenaikan kadar dasar AS telah menyebabkan pengimbangan semula pelaburan portfolio kepada aset kewangan AS. Ini mendorong penambahan nilai dolar AS yang ketara. Tambahan pula, berlaku aliran keluar portfolio yang besar daripada kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Malaysia. Kebimbangan terhadap kesan harga minyak mentah dan komoditi yang lebih rendah terhadap ekonomi dalam negeri serta sentimen negatif dalam negeri juga mendorong penyusutan nilai ringgit yang lebih besar berbanding dengan mata wang lain. Bagi ekonomi terbuka seperti Malaysia, penyusutan nilai ringgit merupakan suatu keperluan untuk menghadapi gangguan luaran terhadap ekonomi. Ringgit yang lebih lemah membolehkan pengeksport mengurangkan kerugian yang mungkin dialami akibat harga komoditi yang lebih rendah menerusi hasil yang lebih tinggi daripada penukaran mata wang. Walau bagaimanapun, peralihan aliran modal secara besar-besaran merentas sempadan pada tahun itu menyebabkan ringgit terkurang nilai dan tidak sejajar dengan asas-asas ekonomi.

Pada tahun 2015, operasi monetari Bank tertumpu pada usaha menguruskan pengurangan mudah tunai dalam sistem perbankan yang disebabkan oleh aliran keluar yang besar. Tekanan penguncupan terhadap mudah tunai diimbangi oleh pengeluaran bersih dana yang ditempatkan di Bank. Di samping itu, terbitan Nota Monetari Bank Negara (BNMN) digantikan dengan instrumen lain yang

mempunyai tempoh matang yang lebih pendek untuk membolehkan bank-bank sedia memenuhi sebarang pengeluaran dana secara tiba-tiba yang disebabkan oleh aliran keluar. Bank juga menggunakan operasi monetari, termasuk kemudahan repo berbalik, untuk menyediakan mudah tunai kepada sistem perbankan apabila diperlukan. Bagi memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan domestik, Bank mengurangkan nisbah keperluan rizab berkanun (SRR) daripada 4.00% kepada 3.50%, berkuat kuasa 1 Februari 2016. Berikutan keadaan mudah tunai yang terus lebih daripada mencukupi dan keadaan pasaran kewangan yang teratur, proses pengantaraan kewangan terus berfungsi dengan lancar, dengan aktiviti pembiayaan kekal pada tahap yang baik.

Pembiayaan bersih kepada sektor swasta berkembang pada kadar tahunan 8.2% pada tahun 2015 (2014: 8.6%). Kadar pertumbuhan yang lebih sederhana pada tahun itu didorong oleh pertumbuhan pinjaman kepada sektor isi rumah yang lebih rendah. Pertumbuhan hutang isi rumah yang lebih rendah sebahagiannya hasil daripada langkah-langkah awalan oleh Bank dan Kerajaan sejak tahun 2010 untuk memastikan hutang isi rumah yang mampan. Walau bagaimanapun, pembiayaan kepada perniagaan kekal teguh dan seiring dengan aktiviti ekonomi, dengan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pinjaman terkumpul dan terbitan bersih sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sektor perniagaan. Khususnya, pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus mencatat pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2015 didorong terutamanya oleh pinjaman kepada sektor perkhidmatan.

Prospek Ekonomi Malaysia pada Tahun 2016

Landskap ekonomi dan kewangan antarabangsa yang mencabar dijangka menjadi faktor utama yang akan mempengaruhi prospek ekonomi Malaysia pada tahun 2016. Perkembangan global, bergantung pada sifatnya, boleh menimbulkan risiko pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih tinggi atau lebih perlahan. Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 4.0 - 4.5% pada tahun 2016. Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Penggunaan swasta dijangka tumbuh pada kadar di bawah purata jangka panjangnya, sebahagian besarnya mencerminkan pelarasan isi rumah yang berterusan terhadap persekitaran harga yang lebih tinggi dan ketidakpastian yang lebih besar. Namun, kesan daripada penurunan ini akan diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan yang berterusan dalam pendapatan dan guna tenaga, serta beberapa sokongan daripada langkah-langkah Kerajaan yang menyasarkan peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah.

Dalam persekitaran ketidakpastian yang berterusan dan sentimen perniagaan yang berhati-hati, pertumbuhan pelaburan sektor swasta diunjurkan lebih perlahan berbanding dengan prestasinya sepanjang tempoh lima tahun yang lalu. Perbelanjaan modal dalam sektor perlombongan huluan akan terus terjejas oleh persekitaran harga tenaga dan komoditi yang rendah. Perbelanjaan modal sektor swasta dijangka disokong oleh projek-projek yang sedang dilaksanakan dan projek pelaburan baharu, khususnya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Mencerminkan komitmen Kerajaan terhadap perbelanjaan yang lebih berhemat, pertumbuhan perbelanjaan sektor awam juga dijangka menjadi lebih sederhana tetapi akan terus menyokong pertumbuhan keseluruhan. Pelaburan awam, bagaimanapun, diunjurkan kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif, mencerminkan perbelanjaan yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan untuk aset tetap dan pelaksanaan berterusan projek infrastruktur utama oleh perusahaan awam.

Sektor luaran dijangka kekal berdaya tahan pada tahun 2016. Walaupun harga komoditi lemah, prestasi eksport Malaysia dijangka kekal positif, sejajar dengan peningkatan permintaan luar negeri yang sederhana. Pempelbagaian eksport Malaysia yang meluas akan terus menyokong pertumbuhan eksport secara keseluruhan. Import kasar diunjurkan terus meningkat berikutan peningkatan import barangan pengantara untuk menyokong prestasi eksport perkilangan yang mampan, di samping pertumbuhan import barangan modal yang lebih tinggi disebabkan oleh pelaburan swasta dalam negeri yang berterusan. Imbangan perdagangan keseluruhan dijangka terus mencatat lebihan pada tahun 2016, walaupun dalam jumlah yang lebih kecil. Akaun perkhidmatan diunjurkan mencatat defisit yang lebih kecil disebabkan oleh jangkaan bahawa aktiviti pelancongan bertambah baik. Secara keseluruhan, lebihan akaun semasa diunjurkan terus mengecil kepada 1.0 - 2.0% daripada pendapatan negara kasar (PNK).

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi diunjurkan berkembang, walaupun pada kadar yang lebih sederhana pada tahun 2016. Sektor perkhidmatan dan perkilangan dijangka terus menjadi pemacu utama pertumbuhan keseluruhan. Walaupun harga minyak dan gas adalah lebih rendah, pertumbuhan dalam sektor perlombongan akan disokong oleh kapasiti pengeluaran gas yang baharu. Momentum pertumbuhan sektor pembinaan diunjurkan menurun sedikit pada tahun 2016 dalam keadaan peningkatan yang sederhana dalam subsektor kediaman dan bukan kediaman.

Inflasi keseluruhan diunjurkan meningkat 2.5 - 3.5% pada tahun 2016 (2015: 2.1%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga bagi beberapa barangan harga ditadbir dan kadar pertukaran ringgit yang lemah. Walau bagaimanapun, kesan daripada faktor kos ini terhadap inflasi akan diimbangi oleh harga tenaga dan komoditi global yang rendah, inflasi global yang pada amnya lemah, serta permintaan dalam negeri yang sederhana. Walau bagaimanapun, trajektori inflasi pada tahun ini boleh menjadi lebih tidak menentu kerana ia bergantung pada ketidakpastian harga minyak dan komoditi global serta kadar pertumbuhan global.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2016

Dasar monetari pada tahun 2016 akan memberikan tumpuan pada usaha untuk memastikan keadaan monetari kekal menyokong pertumbuhan dalam negeri yang mampan berserta kestabilan harga, di samping mengambil kira risiko yang berubah-ubah dalam persekitaran luar dan dalam negeri. Khususnya, perkembangan ekonomi dan kewangan global akan memerlukan pemantauan dan penilaian yang teliti dari segi implikasi perkembangan ini terhadap prospek pertumbuhan dalam negeri dan inflasi. Dasar monetari juga akan terus menitikberatkan risiko ketidakseimbangan kewangan. Di samping itu, berdasarkan jangkaan bahawa aliran tunai akan mengalami turun naik yang berterusan, operasi monetari Bank akan memberikan tumpuan pada usaha memastikan mudah tunai domestik terus mencukupi dalam sistem kewangan bagi menyokong pasaran kewangan domestik berfungsi dengan teratur.

Dasar fiskal pada tahun 2016 akan terus tertumpu pada konsolidasi fiskal. Bajet 2016 yang diubah suai pada bulan Januari 2016 mengambil kira jangkaan penurunan harga minyak global. Keutamaan perbelanjaan Kerajaan telah disusun semula dan langkah-langkah telah diperkenalkan untuk mempelbagaikan sumber hasil. Perbelanjaan fiskal akan diberikan keutamaan kepada projek infrastruktur berimpak tinggi yang mempunyai kesan pengganda yang besar dengan meningkatkan keupayaan produktif dalam ekonomi. Di samping itu, penekanan akan terus diberikan ke arah memastikan pertumbuhan yang inklusif dan mampan melalui peningkatan kebajikan, terutamanya dalam bentuk sokongan sosioekonomi kepada segmen berpendapatan rendah dan sederhana untuk membantu mereka menghadapi kos sara hidup yang kian meningkat.

Berikutan jangkaan persekitaran kewangan global yang mencabar, Malaysia mungkin berdepan dengan pergerakan aliran modal yang tidak menentu. Walau bagaimanapun, pasaran kewangan Malaysia yang mendalam dan maju berada pada kedudukan yang baik untuk mengantara aliran ini, sekali gus memastikan pasaran kewangan domestik terus berfungsi dengan teratur dan menyokong ekonomi benar. Keupayaan Malaysia menghadapi kejutan luaran juga akan terus diperkukuh dengan tersedianya penampan yang mencukupi serta rangka kerja dasar yang teguh yang telah dibina secara berterusan sejak sekian lama.

Tadbir Urus, Pembangunan Organisasi dan Komunikasi

Sebagai sebuah institusi yang berkhidmat demi kepentingan terbaik negara, Bank sentiasa memberi lebih penekanan pada usaha memperkukuh piawaian tadbir urus dan keupayaan dalamannya. Lembaga Pengarah Bank mengawasi dasar am, pentadbiran, prestasi institusi, pengurusan risiko, pengurusan kewangan, serta pengurusan rizab dan mata wang bagi mencapai mandatnya. Pada tahun 2015, dua orang ahli Lembaga Pengarah telah menamatkan penggal perkhidmatan mereka dan empat orang ahli Lembaga Pengarah baharu telah dilantik. Dua orang ahli luar Bank yang baharu juga telah dilantik untuk menjadi ahli MPC, yang menandakan kali pertama MPC melantik ahli dari luar Bank. Pelantikan baharu ini menambah lagi kepelbagaian serta pengalaman, kepakaran, dan pengetahuan Lembaga Pengarah dan MPC secara kolektif, lantas mengukuhkan lagi pengawasan Lembaga Pengarah terhadap Bank dan MPC.

Pada tahun 2015, inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan tumpuan strategik yang berterusan dan budaya pengurusan risiko yang mantap dalam semua aspek operasi Bank. Pelan Urusan Bank 2015-2017 memberikan fokus dan penjelasan kepada organisasi mengenai matlamat dan strategi utama Bank untuk jangka sederhana. Pada tahun itu, Bank memperincikan lagi pernyataan-pernyataan mengenai kesanggupan mengambil risiko dan toleransi risikonya berdasarkan data yang lebih terperinci. Ini untuk memastikan keputusan dibuat dengan pertimbangan teliti berkenaan risiko yang terlibat serta langkah-langkah sokongan yang bersesuaian. Fungsi pengurusan risiko dilengkapkan oleh fungsi audit dalam berasaskan risiko untuk semua operasi kritikal Bank.

Bank mengamalkan pengurusan kewangan berhemat, dan gigih berusaha meningkatkan kecekapan organisasi. Satu dasar utama Bank ialah menarik dan mengekalkan tenaga mahir berkaliber yang sesuai. Bank mengekalkan pelaburan yang besar dalam membina kemahiran teknikal dan kepimpinan kakitangannya. Bagi membolehkan Bank bergerak seiring dengan perkembangan pesat dalam perubahan teknologi, arkitektur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Bank telah dikaji semula secara bebas pada tahun 2015.

Berikutan meningkatnya ketidakpastian dalam persekitaran ekonomi dan kewangan, baik di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa, komunikasi Bank ditingkatkan lagi sepanjang tahun 2015 untuk menggalakkan pemahaman yang lebih baik tentang perkembangan yang mempengaruhi ekonomi dan sistem kewangan Malaysia. Ini dilakukan melalui sidang akhbar, temu bual serta sesi interaksi dan perbincangan yang lebih kerap dengan pihak berkepentingan utama, yang melengkapkan saluran komunikasi lain seperti Pernyataan Dasar Monetari (MPS).

Bank juga terus berperanan mempengaruhi isu-isu perbankan pusat pada peringkat global melalui peningkatan perbincangan dan interaksi serta kerjasama dengan komuniti kewangan dan ekonomi antarabangsa. Peranan kepimpinan Bank sebagai kepimpinan berwawasan dan sokongan telah diiktiraf dengan pelantikan Gabenor sebagai Pengerusi bagi Responsible Finance Institute's Council of Advisors, di samping peranan Bank sebagai satu daripada tiga negara sedang pesat membangun yang dilantik, sebagai pemerhati dalam Jawatankuasa Basel mengenai Penyeliaan Perbankan, serta Pengerusi bagi BIS Central Bank Governance Group. Pengiktirafan global terhadap kepimpinan kanan Bank juga termasuk anugerah kepimpinan daripada Alliance for Financial Inclusion dan anugerah deklarasi Maya untuk kepimpinan global dalam rangkuman kewangan; "Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat untuk pembangunan kewangan Islam global" oleh Tuan Yang Terutama Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, Pemerintah Dubai; Pingat Dekan Wharton yang berprestij untuk mengiktiraf pemimpin cemerlang dalam perusahaan swasta, perkhidmatan awam dan akademik; dan ``Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat´´ oleh Central Banking Publications.

Satu pencapaian penting pada tahun 2015 ialah penubuhan Asia School of Business (ASB), satu kerjasama antara Bank dengan Massachusetts Institute of Technology (MIT) Sloan School of Management. ASB menyokong pembangunan tenaga mahir dengan memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap keupayaan kepimpinan dan pengurusan, lebih-lebih lagi dengan transformasi dan potensi pertumbuhan rantau Asia yang pantas.

Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang Diaudit bagi Tahun 2015

Kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia, yang telah diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara, kekal kukuh pada tahun 2015. Aset Bank berjumlah RM440.6 bilion, dengan keuntungan bersih sebanyak RM7.8 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015. Bank Negara Malaysia mengumumkan dividen sebanyak RM3.0 bilion kepada Kerajaan bagi tahun 2015.

BAB 1

PERKEMBANGAN EKONOMI PADA TAHUN 2015

13 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

17 *Rencana: Kelembapan Perdagangan Global Dewasa Ini: Masalah Kitaran atau Perubahan Struktur?*

25 Ekonomi Malaysia

37 Sektor Luaran

38 *Rencana: Menilai Keadaan Permintaan-Penawaran dalam Pasaran Harta Tanah di Malaysia*

66 Perkembangan Inflasi

70 *Rencana: Inflasi dan Kos Sara Hidup*

77 *Rencana: Kesan Penyusutan Nilai Kadar Pertukaran Terhadap Inflasi di Malaysia*

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pada tahun 2015, persekitaran ekonomi dan kewangan global dipengaruhi oleh tiga perkembangan utama. Pertama, harga komoditi global jatuh mendadak hingga mencecah paras yang rendah pascakrisis. Keadaan ini memberikan kesan yang ketara kepada prospek pertumbuhan negara-negara pengeksport komoditi dan pengimport komoditi, di samping kesan inflasi terhadap kedua-dua ekonomi tersebut. Kedua, pasaran kewangan antarabangsa mengalami turun naik yang lebih ketara, didorong oleh peralihan dasar dalam ekonomi utama, aktiviti spekulatif, penghindaran risiko yang tinggi, serta kejatuhan mendadak harga minyak dan komoditi utama yang lain. Ketiga, pertumbuhan global menjadi sederhana. Pertumbuhan yang sederhana dalam ekonomi maju ini tidak memadai untuk mengimbangi pertumbuhan sederhana ekonomi sedang pesat membangun. Namun, ekonomi sedang pesat membangun kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan global dengan bahagiannya mencakupi 73%. Dalam keadaan ketidakpastian yang berbagai-bagai berikutan kebimbangan yang meningkat terhadap pertumbuhan, inflasi dan kesan limpahan luaran, prospek dasar menjadi lebih mencabar pada tahun itu. Pembuat dasar dalam kebanyakan ekonomi juga menghadapi kekangan fiskal, yang menyebabkan mereka terus bergantung terutamanya pada dasar monetari untuk menyokong pertumbuhan. Hal ini dapat dilihat dengan nyata terutamanya dalam beberapa ekonomi maju yang mencatat kadar dasar yang negatif. Oleh itu, keputusan dan langkah dasar monetari menjadi faktor utama yang mendorong pasaran kewangan.

Pertumbuhan global sederhana

Ekonomi global melangkah masuk ke tahun 2015 dengan jangkaan bahawa pertumbuhan mencatat pemulihan yang lebih baik, yang disokong sebahagiannya oleh keyakinan tentang kesan positif penurunan harga minyak terhadap permintaan di negara-negara pengimport minyak. Yang nyata, Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) pada awal tahun 2015 telah meramalkan pertumbuhan global sebanyak 3.5% dan perdagangan global sebanyak 3.8%. Walau bagaimanapun, dalam tempoh berikutnya pada tahun itu, ekonomi global terus menunjukkan prestasi yang kurang memberangsangkan. Dalam beberapa ekonomi sedang pesat membangun yang besar, kekangan dalam negeri yang mendasarinya, termasuk keberhutangan yang tinggi, telah mengatasi manfaat yang diperoleh permintaan dalam negeri berikutan harga komoditi yang rendah. Keadaan ini diburukkan lagi oleh ketidaktentuan yang meningkat dalam pasaran kewangan, yang menjejaskan sentimen pengguna, perniagaan dan pelabur. Peningkatan dalam ekonomi maju utama kekal sederhana, dipengaruhi oleh kesan buruk krisis kewangan, termasuk keberhutangan sektor swasta yang tinggi, kedudukan fiskal yang terbatas dan pasaran pekerja yang lembap. Oleh itu, prospek pertumbuhan global telah disemak ke bawah secara berturut-turut sepanjang tahun. Di samping itu, pertumbuhan perdagangan global telah mengalami semakan ke bawah yang besar, dengan mencatat kadar pertumbuhan yang paling perlahan dalam tempoh pascakrisis.

> Pertumbuhan global menjadi sederhana dalam keadaan ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa yang meningkat

Di Amerika Syarikat (AS), aktiviti ekonomi terus mencapai kemajuan, didorong terutamanya oleh pasaran pekerja dan perumahan yang bertambah baik. Yang ketara, ekonomi AS mewujudkan lebih daripada 200,000 pekerjaan baharu secara purata setiap bulan. Kadar pengangguran menurun kepada 5%, iaitu kadar paling rendah sejak tahun 2008. Dalam pasaran perumahan, jualan, pembinaan baharu dan harga juga menunjukkan trend yang lebih tinggi. Perkembangan ini disokong oleh kedudukan kewangan isi rumah yang bertambah baik. Penurunan harga petrol kepada purata USD2.42 segelen (2014: USD3.36 segelen) turut memberikan rangsangan tambahan

Rajah 1.1

Prospek Ekonomi Global IMF



r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

kepada penggunaan. Walaupun sektor berkaitan komoditi dalam keadaan lemah, aktiviti pelaburan disokong oleh perbelanjaan dalam sektor perkhidmatan yang mencakupi hampir tiga per empat daripada jumlah pelaburan. Dengan asas-asas ekonomi beransur-ansur bertambah kukuh, Federal Reserve (Fed) memberikan isyarat sepanjang tahun 2015 untuk memulakan usaha mengembalikan semula kadar faedah ke paras yang wajar. Akhirnya pada bulan Disember, Fed menaikkan Kadar Dana Persekutuan (Federal Funds Rate, FFR) buat kali pertama sejak tahun 2006, mengurangkan sedikit sebanyak ketidakpastian dalam pasaran kewangan global untuk sementara waktu.

Di RR China, pertumbuhan kekal mencatat trend yang sederhana pada tahun 2015 apabila pengimbangan semula ekonomi yang berterusan dan pelaksanaan pembaharuan struktur menyebabkan aktiviti dalam sektor berkapasiti berlebihan menjadi lebih perlahan. Ekonomi RR China menempuh rintangan yang lebih kuat ekoran permintaan luaran yang lemah dan pasaran kewangan yang lebih tidak menentu, terutamanya pada separuh kedua tahun 2015. Yang nyata, episod berkala pembetulan yang mendadak dalam pasaran ekuiti China, dengan kesan limpahan yang tidak dijangka daripada langkah dan pelarasan dasar, ditambah pula dengan kebimbangan yang meningkat terhadap prospek pertumbuhan global, telah mencetuskan peningkatan mendadak dalam penghindaran risiko global yang menaikkan CBOE Volatility Index (VIX) ke paras tertinggi dalam tempoh empat tahun pada bulan Ogos. Walau bagaimanapun, kesan daripada usaha pengimbangan semula

Jadual 1.1

Ekonomi Dunia: Penunjuk Ekonomi Utama

	Pertumbuhan KDNK Benar (Perubahan tahunan, %)		Inflasi (Perubahan tahunan, %)	
	2014	2015*a*	2014	2015*a*
Pertumbuhan Dunia	**3.4**	**3.1**	**-**	**-**
Perdagangan Dunia	**3.4**	**2.6**	**-**	**-**
Ekonomi Maju				
Amerika Syarikat	2.4	2.4	1.6	0.1
Jepun	0.0	0.5	2.8	0.8
Kawasan euro	0.9	1.6	0.4	0.0
United Kingdom	2.9	2.2	1.5	0.0
Asia Sedang Pesat Membangun[1]	**6.2**	**5.8**	**2.5**	**1.8**
Negara Maju				
Asia yang Lain	**3.4**	**2.0**	**1.6**	**0.5**
Korea	3.3	2.6	1.3	0.7
China Taipei	3.9	0.7	1.2	-0.3
Singapura	3.3	2.0	1.0	-0.5
Hong Kong SAR	2.6	2.4	4.4	3.0
Republik Rakyat China	**7.3**	**6.9**	**2.0**	**1.4**
ASEAN-4	**4.5**	**4.6**	**4.7**	**3.6**
Malaysia	6.0	5.0	3.2	2.1
Thailand	0.8	2.8	1.9	-0.9
Indonesia	5.0	4.8	6.4	6.4
Filipina	6.1	5.8	4.2	1.4
India[2]	**7.2**	**7.6**	**6.6**	**4.9**

[1] Asia Sedang Pesat Membangun merujuk kepada China Taipei, Hong Kong SAR, Indonesia, Korea, Malaysia, Filipina, RR China, Singapura dan Thailand

[2] Data KDNK bagi India ditunjukkan berdasarkan tahun fiskal

a Anggaran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pihak Berkuasa Negara dan anggaran Bank Negara Malaysia

ekonomi serta sentimen yang lebih lemah dalam pertumbuhan keseluruhan RR China diimbangi sebahagiannya oleh pengumuman langkah propertumbuhan pada tahun itu dalam keadaan perbelanjaan pengguna yang mampan dan sektor perkhidmatan yang terus berkembang.

Di Eropah, pertumbuhan meningkat pada kadar yang sederhana pada tahun 2015 berikutan kekangan struktur yang tidak dapat diselesaikan. Pertumbuhan ekonomi di UK disokong terutamanya oleh peningkatan yang stabil

dalam penggunaan swasta. Namun, meskipun pengangguran jatuh ke paras terendah dalam tempoh hampir sepuluh tahun, pertumbuhan upah masih rendah. Sebaliknya, aktiviti pelaburan menjadi sederhana. Khususnya, pemulihan dalam pasaran perumahan adalah perlahan selepas mencatat pertumbuhan yang mantap dalam tempoh dua tahun sebelumnya. Kawasan euro mengalami pemulihan ekonomi yang lebih nyata pada tahun 2015, disokong oleh permintaan dalam negeri dan eksport. Penggunaan swasta, khususnya, meningkat dalam semua ekonomi teras kawasan euro, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang beransur-ansur bertambah baik, harga minyak yang rendah dan keadaan kredit yang memuaskan. Namun demikian, kadar pertumbuhan kekal tidak sekata dan sesetengah ekonomi kawasan euro yang lebih kecil mengalami pertumbuhan negatif. Tambahan pula, rantau ini terus mengalami turun naik yang meningkat berikutan kebimbangan terhadap hutang kerajaan yang tidak dapat diselesaikan di Greece. Pada suku kedua tahun 2015, kebimbangan pelabur dicetuskan semula oleh percanggahan antara pemiutang antarabangsa dengan kerajaan pemerintah di Greece berkaitan pembaharuan struktur, lantas meningkatkan prospek kemungkiran hutang oleh Greece. Keadaan ini bertambah buruk pada penghujung bulan Jun apabila kerajaan Greece memperkenalkan kawalan modal dan mengumumkan referendum terhadap syarat yang dikenakan bagi bantuan penyelamat itu. Sentimen pelabur kemudiannya bertambah baik susulan pengumuman program bantuan penyelamat ketiga pada pertengahan bulan Julai. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada ketidaktentuan yang dialami dalam tempoh ini tertumpu pada pasaran kewangan.

Sebaliknya, ekonomi Jepun hanya mencatat pemulihan yang sederhana pada tahun 2015, berikutan pertumbuhan yang tidak berkembang pada tahun sebelumnya. Meskipun langkah pelonggaran monetari terus dilaksanakan, penggunaan swasta dan aktiviti pelaburan masih lemah. Pertumbuhan eksport juga dipengaruhi oleh permintaan yang lebih perlahan daripada ekonomi Asia dalam keadaan aktiviti ekonomi yang sederhana di rantau ini.

Aktiviti ekonomi dalam ekonomi sedang pesat membangun menurun untuk tahun kelima berturut-turut, mencerminkan gangguan luaran dan dalam negeri, kelembapan perdagangan global dalam keadaan permintaan luaran yang lemah serta sentimen yang memberikan kesan kepada ekonomi sedang pesat membangun, khususnya ekonomi yang keterbukaan perdagangannya adalah tinggi. Ini diburukkan lagi oleh gangguan lebih ketara yang berpunca daripada ketidaktentuan aliran modal yang meningkat dan kesannya terhadap tekanan kepada mata wang tempatan berbanding dengan dolar AS. Bagi pengeksport komoditi, penurunan ketara dalam harga komoditi global menyebabkan kemerosotan dalam kedudukan perdagangan dan kedudukan fiskal ekonomi-ekonomi ini. Perkembangan khusus sesebuah negara, termasuk ketidakpastian keadaan politik dalam beberapa ekonomi Amerika Latin dan peningkatan konflik di Timur Tengah dan Rusia memberikan tekanan terhadap pertumbuhan dalam ekonomi tersebut. Bagi beberapa ekonomi sedang pesat membangun yang besar, pertumbuhan dipengaruhi oleh pembaharuan struktur, termasuk pembaharuan tenaga, cukai dan harga yang bertujuan menambah baik kedudukan fiskal dan meningkatkan daya saing ekonomi.

Dalam keadaan persekitaran luar yang sangat mencabar, pertumbuhan dalam ekonomi Asia lain juga menjadi sederhana pada tahun 2015. Meskipun permintaan dalam negeri terus menjadi pemacu utama pertumbuhan serantau, prestasi eksport yang lemah memberikan kesan kepada kadar pertumbuhan ekonomi. Bagi menangani momentum pertumbuhan yang semakin perlahan ini, pembuat dasar beberapa ekonomi dalam rantau ini telah menurunkan kadar dasar dan memperkenalkan langkah-langkah rangsangan fiskal, yang memberikan sedikit sokongan kepada aktiviti ekonomi.

Inflasi global lebih lemah

Tekanan inflasi global menjadi sederhana pada tahun 2015, mencerminkan harga komoditi global yang lebih rendah dan keadaan permintaan global yang lemah.

Harga minyak mentah jatuh mendadak kepada purata USD54[1] setong pada tahun 2015 (2014: USD99 setong). Pengeluaran yang lebih tinggi oleh ekonomi pengeluar minyak utama dan pengeluar minyak shale di AS, dalam keadaan permintaan global yang sederhana, telah menyebabkan kebimbangan

[1] Berdasarkan harga hadapan 1 bulan minyak mentah Brent global

terhadap lebihan bekalan yang berterusan dalam pasaran global. Kebimbangan ini terus meningkat pada separuh tahun kedua berikutan kejayaan usaha memuktamadkan perjanjian nuklear Iran, komitmen Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Minyak (OPEC) untuk tidak mengurangkan tahap pengeluaran sedia ada, dan sentimen yang semakin buruk dalam beberapa ekonomi sedang pesat membangun terhadap prospek pertumbuhan global. Akhirnya, harga minyak mentah menurun ke paras terendah dalam tempoh dua belas tahun iaitu pada USD36 setong menjelang akhir tahun 2015.

Harga komoditi bukan minyak juga menjadi sederhana pada tahun itu. Khususnya, harga logam asas, seperti bijih besi, tembaga dan zink yang menurun dengan ketara, terjejas terutamanya oleh permintaan yang perlahan dari RR China dan peningkatan dalam bekalan daripada lombong baharu. Di samping itu, harga makanan juga menjadi sederhana kerana keadaan cuaca yang baik telah menyokong pengeluaran beberapa produk pertanian, termasuk gula, kopi dan kacang soya di negara Amerika Latin dan Amerika Utara. Penurunan harga makanan diburukkan lagi oleh inventori yang semakin meningkat disebabkan permintaan global yang lebih lemah.

Dalam ekonomi maju, tekanan inflasi menjadi lemah pada tahun 2015 disebabkan terutamanya oleh harga tenaga yang lebih rendah. Yang ketara, beberapa ekonomi utama mengalami episod inflasi keseluruhan hampir sifar atau negatif pada tahun itu. Sementara itu, kadar inflasi teras, yang tidak termasuk harga makanan dan tenaga, secara relatif kekal lemah, dalam keadaan permintaan dan pertumbuhan upah yang sederhana. Begitu juga, inflasi dalam kebanyakan ekonomi

Rajah 1.2

Indeks Harga Komoditi Utama



Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

Asia juga menjadi lemah seiring dengan kemerosotan harga komoditi dan pertumbuhan ekonomi yang sederhana. Walau bagaimanapun, inflasi keseluruhan meningkat di Indonesia, mencerminkan terutamanya kenaikan harga runcit bahan api berikutan pelaksanaan langkah rasionalisasi subsidi bahan api.

Pendirian dasar global lebih akomodatif

Bagi menghadapi persekitaran luar yang semakin mencabar dan aktiviti ekonomi dalam negeri yang makin sederhana, pendirian dasar global secara keseluruhan menjadi lebih akomodatif di kebanyakan rantau. Dalam ekonomi maju, momentum pertumbuhan tidak sekata antara ekonomi menyebabkan perbezaan hala tuju dalam dasar monetari. Meskipun kadar faedah AS dinaikkan buat kali pertama dalam tempoh sembilan tahun, kawasan euro dan Jepun meningkatkan rangsangan monetari masing-masing melalui program pembelian aset dan kadar faedah negatif. Di Asia, beberapa ekonomi mengurangkan kadar dasar utama dan memperkenalkan langkah fiskal bersasaran untuk menyokong pertumbuhan. Selain itu, pembuat dasar di rantau ini terus melaksanakan pembaharuan struktur untuk mengukuhkan asas-asas makroekonomi dan meningkatkan kemampanan pertumbuhan jangka sederhana.

Pendirian dasar monetari yang berbeza-beza antara ekonomi maju menjadi lebih ketara pada tahun 2015. Di AS, dengan sokongan petunjuk yang semakin jelas tentang keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik, Fed mula menyuarakan hasratnya untuk mengembalikan semula dasar monetari kepada keadaan yang wajar pada tahun itu. Walau bagaimanapun, Federal Open Market Committee (FOMC) mengekalkan Kadar FFR pada tiga suku tahunan yang pertama, dengan menyatakan kebimbangan terhadap kesan perkembangan ekonomi dan kewangan global terhadap pertumbuhan dan inflasi. Walau bagaimanapun, dengan ketidaktentuan pasaran kewangan yang lebih rendah dan aktiviti ekonomi AS yang bertambah baik pada suku keempat, FOMC meningkatkan julat sasaran FFR sebanyak 25 mata asas kepada 0.25 – 0.5% pada bulan Disember. Sebaliknya, dalam keadaan inflasi yang lemah, European Central Bank (ECB) terus melaksanakan program pembelian aset berjumlah EUR60 bilion setiap bulan, yang dijangka kekal sehingga bulan Mac 2017. Di samping itu, kadar faedah bagi kemudahan

Kelembapan Perdagangan Global Dewasa Ini: Masalah Kitaran atau Perubahan Struktur?

Pengenalan

Pertumbuhan perdagangan global mengalami penurunan mendadak pada tahun 2015, sekali gus mencatat kadar pertumbuhan paling perlahan sejak Krisis Kewangan Global 2008 (Global Financial Crisis, GFC) (Rajah 1). Walau bagaimanapun, prestasi perdagangan global yang lebih rendah berbanding dengan aktiviti ekonomi global bukanlah fenomena yang hanya berlaku dalam tempoh kebelakangan ini. Keanjalan perdagangan global, yang dikira berasaskan nisbah pertumbuhan perdagangan dunia kepada pertumbuhan KDNK dunia, telah mengalami trend menurun walaupun sebelum GFC berlaku (Rajah 2), menunjukkan bahawa trend pertumbuhan yang lemah dalam permintaan global pada masa ini hanya sebahagian daripada penjelasan tentang prestasi perdagangan yang sederhana sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Beberapa perubahan struktur mungkin menjadi penyumbang kepada perubahan dinamik antara perdagangan global dengan pertumbuhan global. Rencana ini bertujuan memberikan penjelasan tentang faktor kitaran dan struktur yang mungkin mempengaruhi trend pertumbuhan perdagangan global serta potensi kesan trend ini terhadap Asia.

Rajah 1

Perdagangan Global pada Tahun 2015 Berkembang pada Kadar Paling Perlahan Sejak Krisis



a Anggaran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

Rajah 2

Keanjalan Perdagangan Mengalami Trend Menurun dalam Dekad Kebelakangan ini



a Anggaran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

Faktor-faktor Kitaran dan Struktur

Kelembapan ekonomi yang berterusan terutamanya dalam beberapa ekonomi maju utama mungkin merupakan faktor utama yang menjelaskan prestasi perdagangan dunia yang sederhana selepas GFC.

Dalam tempoh pra-GFC, ekonomi maju secara kolektif menyumbang hampir dua pertiga daripada jumlah import global (Rajah 3) dan hampir 60% daripada pertumbuhan import global. Walau bagaimanapun, ekonomi-ekonomi ini yang mengalami penguncupan pertumbuhan mendadak serta sistem kewangan yang terjejas ketika krisis itu mengakibatkan permintaan merosot secara berpanjangan, seterusnya mengekang kadar pertumbuhan perdagangan global (Rajah 4).

Rajah 3

Pra-GFC, Kawasan-kawasan Maju Mempunyai Bahagian yang Lebih Tinggi dalam Perdagangan Global



Sumber: Pertubuhan Perdagangan Dunia

Rajah 4

Permintaan Import Pasca-GFC daripada Ekonomi Maju Masih Lemah



Sumber: Pertubuhan Perdagangan Dunia

Secara khusus, pemulihan yang lemah dalam pertumbuhan pelaburan mempunyai implikasi yang besar terhadap aktiviti perdagangan global kerana barangan pelaburan lazimnya mempunyai kandungan import yang tinggi berbanding dengan barangan penggunaan (Constantinescu et al., 2015). Dalam ekonomi maju, pertumbuhan pelaburan kekal lemah walaupun perbelanjaan pengguna telah mencatat pemulihan. Di Eropah, permintaan dalam negeri terus lemah disebabkan oleh pelaksanaan langkah-langkah penjimatan fiskal dan sentimen pelabur yang lemah berikutan kebimbangan terhadap krisis hutang kerajaan di Eropah yang berpanjangan.

Yang nyata, meskipun permintaan yang terus lemah dalam ekonomi maju, aktiviti perdagangan global sepanjang tempoh pasca-GFC tidak merudum. Faktor utama yang menyokong pertumbuhan perdagangan global ialah pemulihan perdagangan dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun (Marinov dan Marinova, 2013), berikutan pemulihan pertumbuhan yang kukuh bagi ekonomi-ekonomi ini dalam tempoh sejurus selepas krisis. Antara tahun 2010 hingga 2011, ekonomi sedang pesat membangun menyumbang hampir empat perlima daripada pertumbuhan KDNK global.

Walau bagaimanapun, kebelakangan ini perdagangan global menghadapi rintangan yang lebih besar. Pada tahun 2015, beberapa ekonomi sedang pesat membangun yang besar mengalami pertumbuhan yang sederhana disebabkan oleh gabungan beberapa faktor. Faktor ini termasuk penurunan harga komoditi yang ketara, pelaksanaan langkah-langkah pembaharuan struktur yang berterusan dan faktor yang khusus untuk sesebuah negara, yang memberikan kesan terhadap tahap permintaan dalam dan luar negeri bagi ekonomi ini. Ketidakpastian yang meningkat pada tahun itu, yang berpunca daripada perubahan dasar dan pelarasan pasaran kewangan dalam beberapa ekonomi utama, juga menyebabkan kesan negatif pada sentimen global, turut menyumbang kepada kelemahan dalam perdagangan global yang terus berkembang walaupun hanya pada kadar yang sederhana.

Melangkaui kelemahan kitaran ini, terdapat juga peranan faktor-faktor struktur, terutamanya kesan yang berkurangan daripada faktor pemangkin utama yang merupakan pemacu penting pertumbuhan perdagangan global yang tinggi seperti yang dicatat sekitar tahun 1990-an dan awal tahun 2000-an. Pertama, percambahan rantaian nilai global (global value chains, GVC) menjadi pemangkin kepada peningkatan pesat perdagangan global bagi barangan pengantara (WTO, 2011). Peningkatan ini sebahagiannya didorong oleh revolusi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), yang banyak mengurangkan kos mengurus, berurus niaga dan menyelaras

pengeluaran merentas sempadan (WTO, 2011). Oleh itu, firma-firma lebih berupaya memanfaatkan kelebihan berbanding (comparative advantage) negara-negara lain dengan lebih baik, melalui penyumberan luar dan pengagihan peringkat pengeluaran yang berbeza ke serata dunia.

Kedua, kejayaan penting dalam liberalisasi perdagangan, termasuk pembentukan Kesatuan Eropah (EU)[1] dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), menyebabkan pengurangan tarif dan halangan kawal selia. Hal ini memberikan rangsangan tambahan kepada pengembangan GVC. Bagi Eropah, persekitaran perdagangan yang lebih liberal antara anggota EU telah menyumbang kepada peningkatan perdagangan intra-Eropah sehingga tiga kali ganda, iaitu daripada EUR800 bilion pada tahun 1992 kepada EUR2.9 trilion pada tahun 2014.

Ketiga, penyertaan RR China dalam WTO pada tahun 2001 menandakan perubahan besar dalam landskap perdagangan global. Ekonomi RR China yang semakin terbuka memudahkan peningkatan pesat sektor perkilangannya berikutan aliran masuk pelaburan langsung asing dalam jumlah yang besar. Fenomena perkilangan luar pesisir meningkat berikutan kejayaan firma-firma memaksimumkan ekonomi ikut bidangan (economies of scale) yang ditawarkan oleh GVC dengan lebih baik. Hal ini turut disokong oleh kos pengeluaran yang rendah di negara tuan rumah seiring dengan peningkatan kecekapan dalam proses perkilangan. Seterusnya, bahagian eksport barangan dunia RR China dalam perdagangan global bertambah melebihi dua kali, daripada 5.8% pada tahun 2003 kepada 12.7% pada tahun 2014.

Hipotesis menyatakan bahawa kesan pemangkin daripada faktor-faktor ini mungkin telah mencapai kemuncak, seterusnya menyebabkan keanjalan perdagangan dunia yang lebih rendah berhubung dengan pertumbuhan global. Sejak kebelakangan ini, terdapat tanda-tanda kemunculan trend ke arah lebih banyak aktiviti perkilangan yang ditempatkan semula di dalam sesebuah negara (onshoring) atau dikembalikan ke negara asal dari penempatan di negara luar (re-shoring). Bukti anekdot menunjukkan bahawa semakin banyak syarikat multinasional yang menempatkan semula aktiviti pengeluaran di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah[2].

Pengalaman Asia

Sepanjang beberapa dekad yang lalu, berikutan sejarah orientasi global dan keterbukaan perdagangan yang panjang, Asia telah mendapat manfaat yang besar daripada peningkatan aktiviti perdagangan antarabangsa yang pesat. Kepelbagaian sumber di rantau ini membolehkan setiap ekonomi membuat pengkhususan pada peringkat rangkaian pengeluaran serantau dan global yang berbeza-beza[3]. Kekuatan dalaman yang wujud di rantau ini terus diperkukuh oleh jarak geografi yang dekat antara negara Asia dengan RR China yang sedang pesat berkembang, dalam keadaan hubungan perdagangan yang terus meningkat dengan RR China (Rajah 5). Perdagangan intrarantau berkembang daripada 32% pada tahun 1990 kepada 43% daripada jumlah perdagangan pada tahun 2007, manakala perdagangan barangan di Asia meningkat pada kadar purata tahunan sebanyak 8.9% antara tahun 1990 hingga 2000 dan 16.3% antara tahun 2002 hingga 2007.

Seperti ekonomi maju, aktiviti perdagangan di Asia terjejas teruk semasa GFC. Walau bagaimanapun, ekonomi Asia mengalami pemulihan permintaan yang pantas dalam tempoh beberapa tahun selepas GFC. Pemulihan ekonomi yang kukuh sebahagiannya mungkin disebabkan oleh peningkatan perdagangan dalam rantau Asia dan antara Asia dengan ekonomi sedang pesat membangun lain

[1] Kesatuan Eropah (EU) ditubuhkan pada tahun 1992 apabila Perjanjian Maastricht ditandatangani. Sehingga kini, EU terdiri daripada 28 negara anggota dengan Croatia menjadi anggota terbaharu kesatuan itu pada tahun 2013.

[2] Satu kaji selidik oleh BCG melibatkan eksekutif kanan sektor perkilangan yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS) menunjukkan bahawa lebih banyak pengilang merancang untuk menambah kapasiti pengeluaran di AS, berbanding dengan mana-mana negara lain. Bahagian pengilang yang sedang dalam proses mengembalikan kemudahan pengeluaran ke AS juga semakin meningkat (Boston Consulting Group, 2015).

[3] Peringkat pembangunan yang berbeza dalam kalangan negara Asia membolehkan setiap negara mengambil peluang daripada ciri-ciri keunikan tersendiri untuk membangunkan ekosistem yang saling menyokong, seperti yang dijelaskan oleh ``flying geese model´´ (Kojima, 2000).

yang turut mencatat pertumbuhan memberangsangkan selepas krisis tersebut. Sebagai contoh, perdagangan Asia dengan Amerika Latin, Timur Tengah dan Afrika meningkat daripada 12% pada tahun 2007 kepada 15% daripada jumlah perdagangan Asia pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini, gabungan pelbagai rintangan, termasuk kelemahan permintaan dalam ekonomi maju yang berterusan, serta faktor-faktor struktur, seperti kematangan GVC, telah menyumbang kepada pertumbuhan perdagangan yang terus sederhana di rantau ini.

Tambahan lagi, peralihan ekonomi RR China telah memberikan cabaran tambahan kepada ekonomi Asia, khususnya kepada pengeksport bahan-bahan mentah dan barangan pengantara. Kelembapan permintaan akhir RR China akan menjejaskan prestasi eksport rakan perdagangan negara itu. Selain itu, proses transformasi struktur RR China dalam keadaan firma tempatan yang semakin kompetitif telah mendorong kepada penggantian import untuk beberapa alat ganti dan komponen yang biasanya diperoleh dari negara-negara lain, termasuk dari Asia (Kee dan Tang, 2015). Hal ini terbukti apabila import barangan pengantara oleh RR China adalah lebih sederhana daripada pertumbuhan purata sebelum krisis sebanyak 26.5% kepada hanya 3.5% antara tahun 2012 hingga 2014 (Rajah 6).

Rajah 5

Kepentingan RR China sebagai Sumber Permintaan Akhir untuk Asia telah Meningkat



Nota: Permintaan akhir tahun 2014 bagi rantau ini dianggarkan berdasarkan angka pada tahun 2011 diperolehi daripada OECD TiVA

Sumber: OECD Trade in Value Added (TiVA) – pangkalan data Oktober 2015 dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 6

Import Barangan Pengantara RR China telah Menurun



Sumber: UN COMTRADE

Prospek Asia

Dengan kesan trend lepas yang semakin berkurang, hala tuju masa hadapan perdagangan global akan bergantung pada interaksi antara pelbagai peralihan struktur yang sedang berlaku dengan yang baru muncul, dalam landskap ekonomi dan perdagangan global. Antaranya termasuk peralihan ekonomi RR China kepada pertumbuhan yang lebih berasaskan penggunaan, peningkatan bilangan penduduk berpendapatan sederhana dalam ekonomi sedang pesat membangun dan perjanjian perdagangan pelbagai hala baharu. Ketangkasan diperlukan untuk membuat penyesuaian dengan persekitaran yang pantas berubah ini dengan jayanya. Oleh itu, ekonomi perlu mempunyai institusi yang kukuh, fleksibiliti dasar yang mencukupi serta kepelbagaian dalam sumber perdagangan dan pertumbuhan. Berikutan Krisis Kewangan Asia, pembuat dasar di Asia telah melaksanakan pelbagai pembaharuan struktur bagi mengukuhkan daya tahan dan meningkatkan prospek pertumbuhan ekonomi. Pembuat dasar secara khususnya telah memulakan usaha untuk membangunkan asas perkilangan yang teguh, menempatkan ekonomi pada tahap lebih tinggi dalam rantaian nilai serta meningkatkan kecekapan dan daya saing. Pada masa yang sama, langkah-langkah juga telah dilaksanakan untuk memperkukuh permintaan dalam negeri di rantau ini, termasuk meningkatkan fleksibiliti pasaran pekerja dan menambah baik jaring keselamatan sosial.

Kesimpulan

Rencana ini menyatakan faktor-faktor kitaran dan struktur yang telah menyebabkan pertumbuhan perdagangan global dan tahap perdagangan merosot dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Dengan ekonomi global masih menjalani beberapa peralihan yang kritikal ketika ini, sukar untuk membuat kesimpulan sama ada semua trend ini akan berterusan dalam perdagangan global. Walau bagaimanapun, penting bagi ekonomi untuk terus melaksanakan inisiatif dasar yang menjurus ke arah peningkatan daya saing, bagi memperoleh manfaat daripada dunia yang lebih global dan mempersediakan ekonomi untuk menghadapi persekitaran global yang semakin mencabar.

Rujukan

Boston Consulting Group. (2015). `U.S. Is Now the Preferred Location for New Factory Capacity to Serve U.S. Market as Interest in Reshoring Stays Strong´. Diakses pada 16 Februari 2016 di http://www.bcg.com/news/press/10december2015-2015-manufacturing-survey.aspx

Constantinescu, C., Mattoo, A. dan Ruta, M. (2015). `The Global Trade Slowdown: Cyclical or Structural?´ IMF Working Paper No. 15/6. International Monetary Fund. Washington DC.

Kee, H.L., dan Tang H. (2015). `Domestic Value Added in Exports: Theory and Firm Evidence from China´. *Policy Research Working Paper* WPS 7491. The World Bank Group. Washington, D.C.

Kojima, K. (2000). `The ``Flying Geese´´ Model of Asian Economic Development: Origin, Theoretical Extensions, and Regional Policy Implications´. Journal of Asian Economics 11 (2000) 375–40.

Marinov, M. dan Marinova, S. (2013). `The Global Crisis and the World: The Cases of Emerging and Developed Economies´. *Emerging Economies and Firms in the Global Crisis*. Palgrave Macmillan UK.

World Trade Organisation (2011). `Trade Patterns and Global Value Chains in East Asia: From Trade in Goods to Trade in Tasks´. WTO. Geneva, Switzerland.

Jadual 1.2

Malaysia - Penunjuk Ekonomi Utama

	2013	2014	2015*a*	2016*r*
Penduduk (juta orang)	30.2	30.6	31.0	31.4
Tenaga kerja (juta orang)	13.6	14.0	14.2	14.6
Guna tenaga (juta orang)	13.2	13.5	13.8	14.1
Pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.1	2.9	3.2	3.3 ~ 3.5
Pendapatan Per Kapita (RM)	32,596	34,945	36,285	37,930
(USD)	10,345	10,677	9,291	8,821
KELUARAN NEGARA (% perubahan)				
KDNK benar pada harga tahun 2010[1]	4.7	6.0	5.0	4.0 ~ 4.5
(RM bilion)	955.3	1,012.5	1,062.6	1,106.1
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1.9	2.1	1.0	-0.3
Perlombongan dan pengkuarian	1.2	3.3	4.7	3.5
Perkilangan	3.4	6.2	4.9	4.1
Pembinaan	10.8	11.8	8.2	7.9
Perkhidmatan	6.0	6.5	5.1	4.4
PNK nominal	5.3	8.6	5.2	5.9
(RM bilion)	984.8	1,069.3	1,124.7	1,191.0
PNK benar	5.2	6.0	6.8	3.8
(RM bilion)	916.9	971.9	1,038.1	1,077.7
Agregat permintaan dalam negeri benar[2]	7.3	5.9	5.1	4.3
Perbelanjaan swasta	8.5	7.9	6.1	5.2
Penggunaan	7.2	7.0	6.0	5.1
Pelaburan	12.8	11.0	6.4	5.5
Perbelanjaan awam	4.1	0.4	2.1	1.6
Penggunaan	5.9	4.4	4.3	2.0
Pelaburan	1.9	-4.7	-1.0	1.1
Tabungan negara kasar (% daripada PNK)	30.4	30.3	28.8	28.3
IMBANGAN PEMBAYARAN (RM bilion)				
Imbangan barangan	96.6	113.4	108.9	99.5
Eksport	637.7	679.9	685.8	707.6
Import	541.1	566.5	576.9	608.1
Imbangan perkhidmatan	-9.6	-11.2	-20.5	-19.2
Pendapatan primer, bersih	-34.0	-37.3	-32.2	-38.0
Pendapatan sekunder, bersih	-17.5	-17.6	-22.2	-23.1
Imbangan akaun semasa	35.5	47.3	34.0	19.1
(% daripada PNK)	3.6	4.4	3.0	1.0 ~ 2.0
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih[3]	441.9	405.3	409.1	-
(dalam bilangan bulan import tertangguh)	9.5	8.3	8.4	-
HARGA (% perubahan)				
IHP (2010=100)[4]	2.1	3.2	2.1	2.5 ~ 3.5
IHPR (2010=100)[5]	-1.7	1.4	-4.8	-
Upah benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan	5.8	1.5	3.7	-

[1] Mulai tahun 2015, KDNK benar telah diasaskan semula kepada harga tahun 2010, daripada harga tahun 2005 sebelum ini
[2] Tidak termasuk stok
[3] Semua aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan penambahan/pengurangan nilai juga ditunjukkan dengan sewajarnya dalam akaun Bank
[4] Bermula tahun 2011, Indeks Harga Pengguna merujuk kepada tahun asas baharu 2010=100 daripada tahun asas 2005=100 sebelum ini
[5] Bermula tahun 2015, Indeks Harga Pengeluar merujuk kepada tahun asas baharu 2010=100 daripada tahun asas 2005=100 sebelum ini
[6] Berdasarkan kadar pertukaran purata dolar AS bagi tempoh Januari-Februari 2016
a Awalan
r Ramalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 1.3

Malaysia - Penunjuk Kewangan dan Monetari

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM bilion)	2013	2014	2015*a*
Hasil	213.4	220.6	219.1
Perbelanjaan mengurus	211.3	219.6	217.0
Perbelanjaan pembangunan bersih	40.7	38.5	39.3
Imbangan keseluruhan	-38.6	-37.4	-37.2
Imbangan keseluruhan (% daripada KDNK)	-3.8	-3.4	-3.2
Perbelanjaan pembangunan bersih sektor awam	139.4	154.6	161.5
Imbangan keseluruhan sektor awam (% daripada KDNK)	-4.6	-6.0	-8.6
HUTANG LUAR NEGERI[1]			
Jumlah hutang (RM bilion)	696.6	747.5	833.7
Hutang jangka sederhana dan panjang	357.7	384.3	481.9
Hutang jangka pendek	338.8	363.2	351.9
Nisbah khidmat bayaran hutang[2] (% daripada eksport barangan dan perkhidmatan)			
Jumlah hutang	18.4	19.1	22.6
Hutang jangka sederhana dan panjang	18.3	18.9	22.4

WANG DAN PERBANKAN		Perubahan 2013		Perubahan 2014		Perubahan 2015	
		RM bilion	%	RM bilion	%	RM bilion	%
Bekalan wang	M1	37.8	13.0	18.8	5.7	14.0	4.1
	M3	107.5	7.9	101.5	7.0	41.5	2.7
Deposit sistem perbankan		116.9	8.3	116.4	7.6	29.5	1.8
Pinjaman sistem perbankan[3]		117.7	10.6	114.1	9.3	105.4	7.9
Nisbah pinjaman kepada deposit (%, pada akhir tahun)[4]		84.8		86.7		88.7	
Nisbah pinjaman kepada dana (%, pada akhir tahun)[4,5]		80.7		82.1		83.0	
Nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti (%, pada akhir tahun)[4,5,6]		73.3		74.1		74.6	

KADAR FAEDAH (%, PADA AKHIR TAHUN)	2013	2014	2015
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.25	3.25
Kadar antara bank (1 bulan)	3.20	3.38	3.45
Bank perdagangan			
Deposit tetap 3 bulan	2.97	3.13	3.13
12 bulan	3.15	3.31	3.31
Deposit tabungan	0.99	1.07	1.04
Kadar asas (BR)	-	-	3.86
Kadar pinjaman asas (BLR)	6.53	6.79	6.79
Bil perbendaharaan (3 bulan)	3.00	3.42	2.74
Sekuriti Kerajaan Malaysia (1 tahun)[7]	3.03	3.48	2.59
Sekuriti Kerajaan Malaysia (5 tahun)[7]	3.66	3.84	3.47

KADAR PERTUKARAN (PADA AKHIR TAHUN)	2013	2014	2015
Pergerakan Ringgit (%)			
Perubahan berbanding dengan SDR	-7.3	-0.7	-15.1
Perubahan berbanding dengan USD	-6.8	-6.1	-18.6

[1] Seperti yang didefinisikan bermula suku pertama 2014. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana bertajuk `Definisi Semula Hutang Luar Negeri dalam Buletin Suku Tahunan mengenai Perkembangan Ekonomi dan Kewangan dalam Perkembangan Ekonomi Malaysia pada Suku Pertama 2014
[2] Termasuk prabayaran hutang jangka sederhana dan panjang
[3] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[4] Deposit tidak termasuk deposit yang diterima daripada institusi perbankan. Pinjaman tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan pinjaman yang diberikan kepada institusi perbankan. Mulai Julai 2015, pinjaman tidak temasuk pembiayaan oleh akaun Pelaburan Islam
[5] Dana terdiri daripada deposit dan semua instrumen hutang (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/sukuk yang diterbitkan, kertas komersial dan nota berstruktur)
[6] Ekuiti terdiri daripada saham biasa dan saham keutamaan, premium saham dan perolehan tertahan
[7] Merujuk kepada data daripada FAST, Bank Negara Malaysia
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

deposit diturunkan sebanyak 10 mata asas kepada -0.3% menjelang akhir tahun. Di Jepun, Bank of Japan (BoJ) meneruskan pembelian aset tahunan sebanyak JPY80 trilion dalam keadaan kebimbangan terhadap disinflasi. Bagi menggalakkan penurunan dalam kadar faedah jangka panjang, BoJ telah menambah pembelian ini dengan melanjutkan tempoh matang pembelian bon semasa kerajaan Jepun kepada 7-12 tahun (sebelumnya: 7-10 tahun) dari bulan Januari 2016 dan seterusnya, serta meningkatkan pembelian dana dagangan bursa dan amanah pelaburan harta tanah. Merentas ekonomi maju yang lain, bank pusat di Australia, Kanada, Denmark, New Zealand, Norway dan Sweden turut mengurangkan kadar dasar utama berikutan risiko yang lebih tinggi terhadap inflasi dan pertumbuhan.

Di RR China, People's Bank of China (PBoC) menurunkan kadar pinjaman tanda aras dan nisbah keperluan rizab sebanyak 125 dan 250 mata asas, masing-masing kepada 4.35% dan 17.50%, untuk membantu mengurangkan kos pembiayaan bagi institusi kewangan, dan akhirnya kos pembiayaan sektor korporat. Serentak dengan itu, PBoC juga terus melaksanakan pembaharuan kewangan, termasuk melaksanakan insurans deposit, menghapuskan kadar siling bagi deposit dan memperkenalkan rangka kerja kadar pertukaran yang lebih berorientasikan pasaran. Bagi menyokong pertumbuhan ekonomi, pembuat dasar RR China mengumumkan langkah fiskal bersasaran pada tahun itu. Usaha ini termasuk mengurangkan cukai bagi barangan pengguna dan kereta, dasar keutamaan cukai untuk PKS, sekatan lebih rendah bagi pasaran harta tanah dan pendanaan tambahan untuk pelaburan infrastruktur.

Rajah 1.3

Pergerakan Kadar Dasar Kumulatif (Januari 2015 - Januari 2016)



Nota: Kadar dasar semasa dalam kurungan adalah pada akhir Januari 2016

Sumber: Pihak Berkuasa Negara

Dasar di Asia dipengaruhi oleh kebimbangan dalam negeri berikutan keadaan persekitaran luar yang lebih mencabar, dengan beberapa bank pusat di rantau ini menurunkan kadar dasar utama. Disebabkan tekanan inflasi yang lebih lemah, Bank Indonesia, Bank of Thailand dan Reserve Bank of India mengurangkan kadar dasar utama mereka masing-masing sebanyak 50, 50 dan 125 mata asas. Begitu juga di Singapura, Monetary Authority of Singapore (MAS) mengurangkan cerun bagi jalur dasar kadar pertukaran efektif nominal S$ pada bulan Januari dan Oktober. Dalam keadaan permintaan dalam negeri yang sederhana dan eksport yang lemah, bank-bank pusat di Korea dan China Taipei turut menurunkan kadar dasar utama mereka masing-masing sebanyak 50 dan 25 mata asas. Sebaliknya, Hong Kong Monetary Authority meningkatkan Kadar Asasnya sebanyak 25 mata asas pada bulan Disember berikutan keputusan Fed untuk meningkatkan FFR.

Selain pelonggaran monetari, beberapa ekonomi Asia, termasuk China Taipei, Thailand, Indonesia dan Korea, mengumumkan langkah fiskal untuk menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Langkah ini meliputi bidang yang menyediakan sokongan pembiayaan untuk perniagaan kecil, pelaburan awam yang lebih tinggi dan rebat untuk menggalakkan pembelian barangan pengguna tahan lama. Bagi mengukuhkan lagi asas makroekonomi dan meningkatkan prospek pertumbuhan jangka sederhana, pembuat dasar di Asia juga meneruskan pelaksanaan pembaharuan struktur. Khususnya, pembuat dasar di rantau ini memperkenalkan langkah untuk mempercepat pelaburan infrastruktur, penyahkawalseliaan pasaran pekerja, meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan dan menggalakkan keusahawanan.

Kepelbagaian langkah dasar yang dilaksanakan pada tahun 2015 menekankan cabaran yang dihadapi oleh pembuat dasar untuk mengimbangi tindakan antara menangani risiko jangka pendek dengan cabaran pertumbuhan jangka panjang. Perumusan dan pelaksanaan dasar menjadi lebih sukar berikutan aliran modal yang tidak menentu dan tekanan dalam pasaran pertukaran asing. Hakikat bahawa ruang dasar di banyak negara menghadapi lebih kekangan berikutan langkah kukuh yang dilaksanakan sejurus selepas krisis kewangan global pada tahun 2008-09 juga meningkatkan sedikit ketidakpastian dalam pasaran

kewangan. Berserta dengan ketidakseimbangan yang sedang berlaku dalam banyak ekonomi utama, persekitaran operasi pada tahun 2015 kekal mencabar, dan keadaan ini dijangka mempengaruhi prospek bagi tahun 2016.

EKONOMI MALAYSIA

Tinjauan Keseluruhan

Meskipun persekitaran ekonomi mencabar pada tahun 2015, ekonomi Malaysia meningkat 5.0% (2014: 6.0%), disokong oleh peningkatan permintaan dalam negeri yang berterusan. Pertumbuhan permintaan dalam negeri lebih kukuh pada awal tahun 2015, sebahagiannya mencerminkan perbelanjaan penggunaan yang dipercepat sebelum pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada bulan April 2015. Pada separuh kedua tahun 2015, berikutan penurunan pertumbuhan permintaan dalam negeri, peningkatan sederhana dalam permintaan luar negeri memberikan dorongan tambahan terhadap pertumbuhan ekonomi.

Permintaan dalam negeri dipacu terutamanya oleh sektor swasta. Penggunaan swasta terus berkembang, walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Meskipun wujud kebimbangan mengenai peningkatan kos sara hidup dan kelemahan sentimen, perbelanjaan isi rumah disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang stabil. Perbelanjaan ini disokong seterusnya oleh peningkatan bantuan Kerajaan yang disasarkan kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana, di samping pertambahan pendapatan boleh guna berikutan penurunan harga bahan api pada tahun 2015.

Meskipun persekitaran ekonomi mencabar, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.0% pada tahun 2015

Pelaburan swasta mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan disebabkan perbelanjaan modal yang terjejas oleh pertumbuhan dalam negeri dan global yang sederhana dan juga sentimen perniagaan yang berhati-hati. Meskipun penurunan harga minyak memberikan kesan kepada pelaburan perlombongan huluan, kemajuan berterusan projek pelaburan yang sedang dilaksanakan dan projek baharu dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan, terutamanya dalam industri berorientasikan eksport, memberikan sokongan kepada prestasi pelaburan secara keseluruhan.

Walaupun keadaan mencabar, sektor awam terus memberikan sokongan kepada pertumbuhan di samping terus komited terhadap usaha mengurangkan defisit fiskal secara beransur-ansur. Langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membekukan pengambilan pekerja baharu dan mengurangkan kos bagi mengurangkan perbelanjaan budi bicara menyumbang kepada pertumbuhan mampan dalam penggunaan awam pada tahun 2015. Pelaburan awam meningkat untuk mencatat penguncupan yang lebih kecil disebabkan oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh syarikat awam dan Kerajaan Persekutuan. Pertumbuhan disokong oleh projek yang sedang dilaksanakan dan projek baharu.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi utama mencatat pertumbuhan lebih sederhana, kecuali sektor perlombongan. Pertumbuhan yang sederhana ini mencerminkan peningkatan yang lebih perlahan dalam industri berkaitan permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, industri perkilangan berorientasikan eksport dan industri perkhidmatan berkaitan perdagangan mendapat manfaat daripada peningkatan sederhana dalam perdagangan luar, terutamanya dengan ekonomi maju yang utama.

Sektor luaran kekal berdaya tahan pada tahun 2015. Pada separuh pertama tahun 2015, prestasi perdagangan luar negeri terutamanya dipengaruhi oleh penurunan harga komoditi dan kelembapan permintaan terhadap komoditi dan keluaran perkilangan berkaitan komoditi. Pada separuh kedua tahun 2015, perdagangan luar negeri meningkat disebabkan peningkatan semula pertumbuhan eksport berikutan permintaan yang lebih tinggi terhadap keluaran perkilangan dan komoditi, dan kesan penilaian positif daripada penurunan nilai ringgit. Sepanjang tahun itu, lebihan perdagangan yang lebih tinggi sebahagian besarnya disebabkan oleh komoditi. Ini adalah kerana eksport komoditi yang lebih rendah diimbangi oleh penurunan yang lebih besar dalam import berkaitan komoditi, serta sokongan tambahan daripada eksport bersih yang kukuh bagi keluaran elektronik dan elektrik (E&E).

Jadual 1.4

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2010=100)

	2015*a*	2014	2015*a*	2014	2015*a*
	% daripada KDNK	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)	
Permintaan Dalam Negeri[1]	**91.6**	**5.9**	**5.1**	**5.4**	**4.6**
Perbelanjaan sektor swasta	69.2	7.9	6.1	5.3	4.2
Penggunaan	*52.4*	*7.0*	*6.0*	*3.6*	*3.1*
Pelaburan	*16.9*	*11.0*	*6.4*	*1.8*	*1.1*
Perbelanjaan sektor awam	22.4	0.4	2.1	0.1	0.5
Penggunaan	*13.5*	*4.4*	*4.3*	*0.6*	*0.6*
Pelaburan	*8.9*	*-4.7*	*-1.0*	*-0.5*	*-0.1*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	*25.8*	*4.8*	*3.7*	*1.3*	*1.0*
Perubahan dalam stok				**-0.6**	**0.6**
Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan	**8.6**	**12.8**	**-3.7**	**1.1**	**-0.3**
Eksport	*73.0*	*5.1*	*0.7*	*3.9*	*0.5*
Import	*64.4*	*4.2*	*1.3*	*2.8*	*0.8*
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**100.0**	**6.0**	**5.0**	**6.0**	**5.0**

[1] Tidak termasuk stok
a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1.5

KDNK Benar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (2010=100)

	2015*a*	2014	2015*a*	2014	2015*a*
	% daripada KDNK	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)[1]	
Perkhidmatan	53.5	6.5	5.1	3.5	2.8
Perkilangan	23.0	6.2	4.9	1.4	1.1
Perlombongan dan pengkuarian	8.9	3.3	4.7	0.3	0.4
Pertanian	8.8	2.1	1.0	0.2	0.1
Pembinaan	4.4	11.8	8.2	0.5	0.3
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**100.0**[1]	**6.0**	**5.0**	**6.0**	**5.0**

[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri terus menjadi sumber utama pertumbuhan

Permintaan dalam negeri terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, meskipun pertumbuhan menjadi sederhana kepada 5.1% pada tahun 2015 (2014: 5.9%). Prestasi yang lebih perlahan mencerminkan pertumbuhan sederhana dalam aktiviti sektor swasta, khususnya pada separuh tahun kedua. Sementara itu, perbelanjaan sektor awam meningkat sedikit berikutan penguncupan lebih kecil dalam pelaburan awam.

Penggunaan swasta berkembang pada kadar lebih sederhana

Pertumbuhan **penggunaan swasta** menjadi sederhana kepada 6.0% pada tahun 2015 (2014: 7.0%), apabila isi rumah membuat pelarasan terhadap perbelanjaan disebabkan oleh peningkatan kos sara hidup, ekoran langkah pengukuhan fiskal seperti pelaksanaan GST dan pelarasan harga ditadbir, di samping penurunan nilai ringgit. Sama seperti pengalaman negara-negara lain dalam pelaksanaan GST, isi rumah mempercepat perbelanjaan pada suku pertama tahun 2015 sebelum pelaksanaan cukai ini, khususnya dalam kategori pengangkutan, makanan dan minuman, dan komunikasi. Mulai suku kedua, pertumbuhan penggunaan swasta menjadi sederhana apabila isi rumah membuat pelarasan terhadap cukai baharu. Pelarasan menaik terhadap harga ditadbir, termasuk rokok, kadar tol dan tambang pengangkutan awam turut menyumbang kepada penurunan perbelanjaan. Selain itu, kelemahan sentimen disebabkan peningkatan ketidakpastian dalam persekitaran global dan dalam negeri dan penurunan nilai ringgit terus mempengaruhi pertumbuhan penggunaan swasta pada separuh tahun kedua.

Meskipun dengan semua perkembangan ini, isi rumah menerima sedikit sokongan daripada pendapatan boleh guna yang lebih tinggi menerusi langkah Kerajaan yang disasarkan kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana. Langkah ini termasuk jumlah pindahan wang tunai Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang lebih tinggi, pengurangan kadar cukai pendapatan individu bagi tahun penilaian 2015 sebanyak satu hingga tiga mata peratusan dan penjimatan yang diperoleh daripada penurunan harga bahan api pada tahun itu. Di samping itu, perkembangan

Kesan Cukai Barangan dan Perkhidmatan terhadap Penggunaan Swasta di Malaysia

Pengenalan

Pada 1 April 2015, Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) diperkenalkan pada kadar standard sebanyak 6%. Walaupun GST merupakan komponen utama inisiatif pembaharuan fiskal jangka panjang Kerajaan, gabungan daripada perkembangan negatif dalam ekonomi dan kejutan yang dialami selepas GST diperkenalkan telah memberikan kesan kepada corak perbelanjaan isi rumah. Serupa dengan pengalaman di negara lain, kesan utama GST ialah perubahan tingkah laku isi rumah terhadap perbelanjaan penggunaan dalam tempoh sebelum dan selepas GST diperkenalkan.

Pencepatan perbelanjaan penggunaan sebelum pelaksanaan GST

Sebelum GST dilaksanakan[1], isi rumah didapati mempercepat pembelian barangan atas jangkaan bahawa harga akan meningkat selepas cukai tersebut diperkenalkan. Isi rumah, terutamanya, mempercepat pembelian barang tahan lama seperti kereta penumpang, perabot dan perkakas elektrik. Yang nyata, ketidakpastian tentang kesan GST terhadap harga kereta menyebabkan kenaikan ketara dalam jualan kereta, terutamanya pada bulan Mac 2015 (Rajah 1). Isi rumah juga mempercepat pembelian barang keperluan seperti makanan dan minuman serta barang kegunaan rumah. Hal ini dicerminkan dalam pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 10.5% dalam indeks perdagangan runcit pada suku pertama tahun 2015 (Rajah 2). Kebanyakan peruncit, terutamanya pasar raya, mengalami peningkatan jualan yang ketara sepanjang beberapa minggu terakhir menjelang pengenalan GST.

Rajah 1

Lonjakan Jualan Kereta pada Bulan Mac 2015 Diikuti dengan Penurunan pada Bulan April 2015



Sumber: Persatuan Automotif Malaysia (MAA)

Rajah 2

Pertumbuhan Lebih Tinggi dalam Indeks Perdagangan Runcit dan Sub-komponennya pada S1 2015, Sebelum Menjadi Sederhana Pada S2-S3 2015



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lonjakan dalam perbelanjaan isi rumah juga dicerminkan oleh penunjuk penggunaan yang lain. Antara bulan Februari hingga Mac 2015, perbelanjaan kad kredit meningkat dengan ketara sebanyak 21.8%, manakala wang secara kecil (M1) meningkat sebanyak 9% (Rajah 3). Secara agregat, penggunaan swasta meningkat dengan kukuh sebanyak 8.8% pada suku pertama tahun 2015, jauh lebih tinggi berbanding dengan pertumbuhan purata jangka panjang sebanyak 6.7% (1990 – 2014). Situasi ini serupa dengan pengalaman di Jepun dan Singapura, apabila pembelian yang dipercepat sebelum pelaksanaan GST meningkatkan pertumbuhan penggunaan swasta melebihi purata jangka panjangnya sebanyak dua hingga empat mata peratusan.

[1] GST menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan di Malaysia bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem pencukaian sedia ada.

Seperti yang dijangkakan, lonjakan dalam perbelanjaan penggunaan sepanjang tempoh menjelang pengenalan GST hanya bersifat sementara. Serupa dengan pengalaman ekonomi lain[2] yang memperkenalkan cukai penggunaan baharu, pertumbuhan penggunaan swasta di Malaysia menurun pada suku tahun selepas pelaksanaan (Rajah 4; S2 2015: 6.4%). Isi rumah membuat penyesuaian terhadap kenaikan harga dengan mengubah corak penggunaan mereka, terutamanya dengan mengurangkan perbelanjaan budi bicara. Perdagangan runcit mengalami penurunan yang menyeluruh merentas kebanyakan barangan pengguna, terutamanya kelengkapan rumah, makanan, minuman dan tembakau. Perbelanjaan kad kredit dan M1 juga mencatat kadar pertumbuhan lebih rendah, masing-masing sebanyak 0.6% dan 8.4% antara bulan April hingga Mei 2015. Begitu juga dengan jualan kereta penumpang yang menguncup 10.8% pada S2 2015, selepas peningkatan pesat sebanyak 14% pada bulan Mac 2015, berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Rajah 3

Pertumbuhan Kukuh dalam Perbelanjaan Kad Kredit dan Wang Secara Kecil (M1) Sebelum Menjadi Sederhana Pasca-GST



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 4

Pertumbuhan Penggunaan yang Sederhana Selepas Pelaksanaan GST



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kejutan baharu melanjutkan tempoh penyesuaian selepas pelaksanaan GST

Persekitaran makroekonomi ketika GST diperkenalkan merupakan faktor utama yang menerangkan tempoh penyesuaian berikutnya dalam perbelanjaan isi rumah. Bagi ekonomi yang memperkenalkan cukai penggunaan dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang stabil, perbelanjaan isi rumah lazimnya kembali pulih selepas kira-kira tiga hingga enam bulan. Di New Zealand, dalam keadaan ekonomi yang kukuh, jualan runcit menurun pada suku tahun selepas pelaksanaan GST, sebelum pulih pada suku tahun berikutnya. Begitu juga di Australia, pertumbuhan penggunaan mulai bertambah baik enam bulan selepas GST dilaksanakan ketika ekonominya mencatat pertumbuhan yang mampan pada penghujung tahun 1990-an. Walau bagaimanapun, negara yang memperkenalkan GST semasa keadaan ekonomi tidak menentu cenderung mengalami tempoh penyesuaian perbelanjaan pengguna[3] yang lebih panjang.

Bagi Malaysia, tempoh selepas pengenalan GST menyaksikan kejutan baharu yang menyukarkan proses penyesuaian. Kebanyakan kejutan ini bersifat luaran (exogenous), terutamanya kejatuhan harga komoditi dan kelemahan mata wang ringgit, dan dicetuskan oleh peristiwa luaran yang tidak dijangka semasa tempoh sebelum pelaksanaan GST. Faktor-faktor ini ditambah lagi dengan beberapa

[2] Selepas GST diperkenalkan, Australia (2000) dan New Zealand (1986), sebagai contoh, mengalami peningkatan sementara dalam penggunaan swasta sebelum GST dilaksanakan, diikuti penurunan jualan runcit pada suku tahun selepas GST dilaksanakan.

[3] Di Kanada, apabila GST diperkenalkan semasa kemelesetan ekonomi pada bulan Januari 1991, penggunaan swasta mencatat penurunan selama tiga suku tahun berturut-turut sebelum pulih.

faktor lain, termasuk semakan ke atas harga ditadbir dalam tempoh selepas GST dilaksanakan, yang menyebabkan peningkatan kos sara hidup dan penurunan keyakinan pengguna secara beransur-ansur. Seperti yang dijangkakan, perbelanjaan isi rumah menurun pada suku kedua tahun 2015 kepada 6.4% dan mencapai paras terendah iaitu 4.1% pada suku ketiga, sebelum pulih kepada 4.9% pada suku keempat tahun itu.

Walau bagaimanapun, apabila Kerajaan mula-mula mengumumkan rancangan pelaksanaan GST pada bulan Oktober 2013, Kerajaan juga mengusulkan pakej langkah yang dirangka untuk membantu isi rumah dan perniagaan menghadapi peralihan tersebut. Bagi isi rumah, langkah ini termasuk pengurangan kadar cukai pendapatan individu sebanyak satu hingga tiga mata peratusan serta tambahan pemberian wang tunai kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana. Selain itu, pengecualian barangan dan perkhidmatan keperluan daripada GST membantu meringankan sedikit sebanyak beban penyesuaian yang dihadapi oleh isi rumah, terutamanya golongan berpendapatan rendah. Pada bulan Oktober 2015 pula, Kerajaan mengusulkan kenaikan upah minimum negara dan gaji kakitangan awam berkuat kuasa pada bulan Julai 2016. Berikutan kejutan baharu dalam ekonomi, Kerajaan melaksanakan langkah-langkah tambahan pada awal tahun 2016 bagi menyokong penggunaan isi rumah. Langkah ini termasuk memberi pekerja pilihan untuk mengurangkan kadar caruman KWSP mereka sebanyak tiga mata peratusan buat sementara waktu bagi meningkatkan pendapatan boleh guna mereka.

Kesimpulan

Pengenalan GST di Malaysia menyebabkan perubahan sementara dalam corak perbelanjaan isi rumah, dan proses penyesuaian masih berterusan semasa laporan ini ditulis. Seperti yang dijangkakan, perbelanjaan penggunaan dipercepat kerana jangkaan kenaikan harga selepas GST diperkenalkan. Selepas pelaksanaan GST pula, pengguna membuat penyesuaian dengan mengurangkan perbelanjaan mereka. Tempoh penyesuaian ini mungkin lebih panjang daripada jangkaan sebelum ini, ekoran tambahan kejutan luaran kepada ekonomi dalam bentuk persekitaran pertumbuhan global yang lebih perlahan, harga komoditi yang menurun, dan penyusutan nilai kadar pertukaran ringgit. Kejutan ini secara kumulatif meningkatkan ketidakpastian serta menjejaskan sentimen perniagaan dan isi rumah. Namun begitu, kesan GST dijangka akan berkurang pada masa hadapan kerana pertumbuhan pendapatan yang berterusan dan keadaan pasaran kerja yang stabil menyediakan sokongan asas untuk perbelanjaan isi rumah. Langkah sokongan oleh Kerajaan juga dijangka mendorong aktiviti penggunaan. Penggunaan swasta dijangka terus meningkat dalam tempoh jangka terdekat hingga sederhana, walaupun pada kadar lebih sederhana berbanding dengan pertumbuhan purata sebanyak 7.1% sepanjang lima tahun yang lalu.

Rujukan

Reserve Bank of Australia. (2000). `Box A: Transitional Effects on Demand of the GST: the Canadian, Japanese and New Zealand Experience.´ *Semi-Annual Statement on Monetary Policy*.

The Treasury of the Australian Government. (2003). `Preliminary assessment of the impact of *The New Tax System*.´ *Economic Roundup Autumn 2003*.

Statistics New Zealand. (2010). `How GST Affected Retail Sales in the 1980s.´

Kelembapan Keadaan Pasaran Pekerja

Pasaran pekerja secara keseluruhan kekal stabil pada tahun 2015, apabila pertumbuhan berterusan dalam semua sektor ekonomi mengekalkan permintaan terhadap pekerja. Kadar pengangguran meningkat kepada 3.2% (2014: 2.9%), apabila sentimen perniagaan yang lebih berhati-hati menyebabkan prospek guna tenaga lebih lembap menjelang separuh tahun kedua (Jadual 1). Kadar penyertaan tenaga pekerja stabil pada 67.6% (2014: 67.5%).

Jadual 1

Penunjuk Pasaran Pekerja Terpilih

	2011	2012	2013	2014	2015*a*
Guna tenaga ('000 orang)	12,284	12,723	13,210	13,532	13,759
Tenaga kerja ('000 orang)	12,676	13,120	13,635	13,932	14,215
Kadar pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.1	3.0	3.1	2.9	3.2
Pemberhentian pekerja (bil. orang)	12,689	20,031	14,465	12,406	21,713[1]
Pekerja asing ('000 orang)	1,573	1,572	2,250	2,073	2,135

a Awalan

[1] Merupakan pekerja yang terlibat dengan pemberhentian pekerja dan tawaran pemberhentian pekerja secara sukarela (VSS) dari tempoh Januari-Oktober 2015 dan termasuk pemberhentian pekerja berikutan daripada penyusunan semula korporat syarikat penerbangan negara

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Kementerian Sumber Manusia; Kementerian Dalam Negeri dan anggaran Bank Negara Malaysia

Bilangan pekerja yang diberhentikan berjumlah 21,713 orang, iaitu kira-kira 0.2% daripada jumlah guna tenaga. Kebanyakan pemberhentian pekerja (pengurangan tenaga kerja dan tawaran skim pemberhentian pekerja secara sukarela (VSS)) pada tahun 2015 disebabkan terutamanya oleh penurunan harga minyak global dan strategi perniagaan firma-firma multinasional yang diorientasikan semula. Pemberhentian pekerja ini dilaksanakan pada skala global dan serantau, khususnya dalam kalangan syarikat minyak dan gas serta pengilang dalam subsektor E&E. Dalam kalangan syarikat dalam negeri, syarikat penerbangan nasional telah melaksanakan langkah transformasi syarikat yang besar, manakala firma perkhidmatan kewangan telah mengambil langkah untuk mempertingkat kecekapan operasi mereka, sejajar dengan trend global dalam industri perkhidmatan kewangan.

Rajah 1

Peningkatan Guna Tenaga Bersih[1] Mengikut Sektor, 2013-2015



a Awalan

[1] Peningkatan guna tenaga bersih ialah perbezaan antara tahap pekerjaan pada sesuatu tahun berbanding dengan tahun sebelumnya

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Jumlah guna tenaga terus berkembang kepada 13.8 juta pekerja (2014: 13.5 juta pekerja). Tambahan bersih sebanyak 226,000 pekerjaan adalah terutamanya daripada sektor perkhidmatan (223,000 pekerjaan), khususnya dalam subsektor perdagangan edaran, pendidikan, dan kesihatan insan dan kerja sosial. Sektor pembinaan mencatat peningkatan guna tenaga bersih sebanyak 54,000 pekerjaan, manakala pertumbuhan guna tenaga dalam sektor minyak dan gas kekal stabil (peningkatan bersih sebanyak 19,000 pekerjaan), meskipun terdapat pengecilan skala secara besar-besaran dalam sektor ini sepanjang tahun itu (Rajah 1). Dari segi tahap kemahiran, peningkatan guna tenaga tertumpu terutamanya pada pekerjaan berkemahiran tinggi, mencerminkan peralihan berterusan ekonomi Malaysia kepada ekonomi bernilai tambah lebih tinggi

Rajah 2

Peningkatan Guna Tenaga Mengikut Tahap Kemahiran, 2011-2015



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

(Rajah 2). Walau bagaimanapun, permintaan terhadap pengeluaran bernilai rendah dan pekerja berkemahiran rendah kekal tinggi, seperti yang ditunjukkan dalam bilangan pekerja asing berdaftar yang meningkat kepada 2.14 juta pekerja (2014: 2.07 juta pekerja). Sektor pertanian dan pembinaan mencatat kebergantungan terhadap pekerja asing yang paling tinggi.

Produktiviti pekerja, seperti yang diukur oleh nilai ditambah benar bagi setiap pekerja, meningkat 3.2% (2014: 3.5%), didorong terutamanya oleh peningkatan produktiviti dalam sektor perkilangan (7.0%; 2014: 3.8%). Walau bagaimanapun, pertumbuhan produktiviti pekerja dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan adalah sederhana, masing-masing pada 3.6% dan 2.4% (2014: 13.4% dan 2.5%).

dalam pasaran pekerja terus kekal menyokong pertumbuhan upah dan penggunaan swasta. Purata pertumbuhan upah nominal dalam sektor perkilangan stabil pada 5.9% (2014: 4.7%), disokong oleh pertumbuhan upah yang kukuh dalam sektor berorientasikan eksport, manakala pertumbuhan upah dalam sektor berorientasikan dalam negeri kekal sederhana.

Penggunaan awam mencatat pertumbuhan mampan sebanyak 4.3% pada tahun 2015 (2014: 4.4%). Perbelanjaan untuk emolumen adalah lebih rendah, sebahagiannya disebabkan oleh pembekuan pengambilan pekerja baharu bagi jawatan tertentu dan ketiadaan bayaran bonus kepada penjawat awam. Usaha berterusan untuk menyelaraskan dan mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan menyebabkan perbelanjaan budi bicara yang lebih rendah, khususnya bagi bekalan bahan lain dan bayaran sewa. Walau bagaimanapun, jumlah perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan lebih tinggi pada tahun itu, disokong oleh kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih kecil, serta komunikasi dan utiliti.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) berkembang 3.7% pada tahun 2015 (2014: 4.8%), disebabkan terutamanya oleh pelaburan sektor swasta yang lebih perlahan. Persekitaran harga minyak yang rendah dan tidak menentu telah mempengaruhi pelaburan dalam sektor perlombongan huluan, menyebabkan firma minyak dan gas mengkaji semula rancangan perbelanjaan modal mereka pada tahun itu. Mengikut jenis aset, pelaburan dalam struktur mencatat pertumbuhan lebih rendah sebanyak 6.9% (2014: 9.9%) disebabkan terutamanya oleh kadar aktiviti pembinaan yang lebih perlahan dalam subsektor kediaman dan bukan kediaman. Pertumbuhan dalam perbelanjaan jentera dan kelengkapan kekal menguncup (-0.3%; 2014: -0.5%) dengan perbelanjaan terutamanya untuk pengangkutan, kelengkapan pejabat dan telekomunikasi.

Aktiviti pelaburan secara keseluruhan sederhana disebabkan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam perbelanjaan modal sektor swasta

Pelaburan swasta mencatat pertumbuhan lebih perlahan sebanyak 6.4% (2014: 11.0%), disebabkan sebahagiannya oleh keadaan permintaan dalam negeri yang sederhana dan sentimen perniagaan yang lemah. Meskipun pelaburan untuk cari gali baharu bagi minyak dan gas menjadi sederhana pada tahun 2015, pelaburan dalam aktiviti hiliran kekal stabil seperti yang dicerminkan oleh pengembangan kapasiti tambahan dalam kemudahan perkilangan petrokimia dan penyimpanan minyak. Prestasi pelaburan keseluruhan terus disokong oleh kemajuan projek baharu dan yang sedang dilaksanakan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Pelaburan dalam Industri Berorientasikan Eksport di Malaysia

Pengenalan

Sepanjang satu dekad yang lalu, Malaysia telah berjaya menarik jumlah pelaburan yang besar ke dalam industri berorientasikan eksport, menghasilkan bukan sahaja pelbagai keluaran tetapi juga menyepadukan Malaysia dalam rantaian bekalan global. Pelaburan dalam sektor eksport menjadi faktor utama kejayaan bagi memastikan eksport perkilangan Malaysia kekal kompetitif dalam persekitaran global yang berubah-ubah dan ekonomi Malaysia berkembang secara progresif ke arah akitiviti bernilai tambah tinggi. Artikel ini meneliti trend utama pelaburan dalam industri berorientasikan eksport di Malaysia.

Tinjauan keseluruhan industri berorientasikan eksport dalam ekonomi

Pelaburan di Malaysia tertumpu pada sektor perkilangan dan perkhidmatan (75% daripada pembentukan modal tetap kasar (PMTK)). Jumlah pelaburan terdiri daripada pelaburan dalam aktiviti berorientasikan eksport dan aktiviti berorientasikan dalam negeri.

Rajah 1 menunjukkan orientasi eksport pelbagai sektor dalam ekonomi. Pada amnya, sektor pertanian, perlombongan dan perkilangan kebanyakannya berorientasikan eksport, manakala sebahagian besar daripada sektor pembinaan dan perkhidmatan berorientasikan dalam negeri. Dalam sektor perkilangan, industri berorientasikan eksport termasuk industri yang terlibat dalam pengeluaran keluaran elektronik dan elektrik (E&E), petroleum, kimia, getah, plastik, logam yang direka, besi dan keluli. Meskipun kebanyakan aktiviti ekonomi dalam sektor perkhidmatan mempunyai kaitan dengan sokongan kepada aktiviti dalam negeri, industri logistik, industri maklumat dan komunikasi serta industri perdagangan edaran (terutamanya perdagangan borong) turut memenuhi keperluan sektor eksport.

Rajah 1

Orientasi Eksport Industri Terpilih di Malaysia



Nota:

[1] Dikira berdasarkan bahagian nilai tambah industri yang dieksport menggunakan jadual Input-Output 2010. Jika lebih daripada 50% daripada nilai tambah industri ini dieksport, ia diklasifikasikan sebagai berorientasikan eksport; jika tidak, ia diklasifikasikan sebagai berorientasikan dalam negeri.

[2] Keluaran berkaitan primer merujuk kepada keluaran tekstil, kayu, petroleum, kimia, getah dan plastik, manakala produk berkaitan pembinaan merujuk kepada bukan logam, logam asas dan logam yang direka.

Sumber: Jadual Input-Output 2010 dan anggaran Bank Negara Malaysia

Trend pelaburan industri berorientasikan eksport

Secara keseluruhan, pelaburan dalam industri berorientasikan eksport mencakupi anggaran 59% daripada jumlah PMTK pada tahun 2014 (lihat Rajah 2). Dalam sektor perkilangan, pelaburan dalam industri berorientasikan eksport mencakupi 87% daripada jumlah pelaburan perkilangan dan 16% daripada PMTK. Aktiviti-aktiviti perkilangan berorientasikan eksport ini adalah penting bagi memastikan Malaysia terus bersepadu dalam rantaian bekalan keluaran bernilai tambah tinggi seperti komponen solar dan separa konduktor yang digunakan dalam automotif, elektronik pengguna dan perniagaan pengkomputeran awan.

Dalam sektor perkhidmatan, pelaburan dalam industri berorientasikan eksport merupakan 35% daripada pelaburan perkhidmatan dan 20% daripada jumlah PMTK. Pelaburan ini, antara lain, termasuk perbelanjaan modal untuk meningkatkan kemudahan pelabuhan, menambah baik kemudahan kelengkapan logistik dan gudang, serta membina terminal penyimpanan minyak dan gas.

Rajah 2

Peratusan PMTK mengikut Aktiviti Ekonomi, 2014



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Walaupun pertumbuhan pelaburan dalam sektor perlombongan menjadi sederhana, pelaburan dalam industri perkilangan dan perkhidmatan berorientasikan eksport telah mencatat pertumbuhan yang kukuh, dengan purata melebihi 8% antara tahun 2011 hingga 2014 (lihat Jadual 1). Bagi sektor perkilangan, pelaburan dipacu terutamanya oleh perbelanjaan modal dalam subsektor keluaran berkaitan primer dan E&E (pertumbuhan purata 2011-2014: masing-masing 13.6% dan 5.6%).

Jadual 1

Pertumbuhan PMTK dalam Sektor Perkilangan dan Perkhidmatan

Sektor dan subsektor	Pertumbuhan purata (2011-2014)
Perkilangan	**8.3**
Berkaitan E&E	*5.6*
Berkaitan primer	*13.6*
Berkaitan pembinaan	*-1.8*
Perkhidmatan	**8.0**
Perdagangan borong dan runcit	*9.5*
Pengangkutan dan komunikasi	*11.1*
Keseluruhan PMTK	**9.6**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Sepanjang tempoh yang sama, pelaburan dalam sektor perkhidmatan berorientasikan eksport dilaksanakan sebahagian besarnya oleh subsektor pengangkutan dan komunikasi (pertumbuhan purata 2011-2014: 11.1%) untuk membina infrastruktur baharu dan menambah baik kelengkapan sedia ada.

Tumpuan berterusan untuk menggalakkan pelaburan berorientasikan eksport

Usaha berterusan Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan dalam pelbagai industri berorientasikan eksport, seperti aeroangkasa, E&E, peralatan perubatan dan tenaga boleh diperbaharui telah menyumbang kepada kemajuan besar dalam bidang strategik ini. Kejayaan usaha ini dapat dilihat dengan pertambahan pelaburan yang diluluskan dalam industri perkilangan berorientasikan eksport, terutamanya dalam subsektor E&E, petroleum dan petrokimia (lihat Rajah 3). Ini termasuk pelaburan oleh pengilang separa konduktor, panel solar, komponen kapal terbang dan keluaran berasaskan petrokimia seperti resin, polimer dan bahan kimia pembinaan.

Kemajuan yang sama turut dicapai dalam sektor perkhidmatan yang telah berjaya menarik pelaburan kepada perkhidmatan logistik dan meletakkan kedudukan Malaysia sebagai pusat operasi global dan serantau bagi syarikat multinasional (MNC) yang besar. Pada tahun 2014, sebanyak 234 syarikat global telah diberikan kelulusan untuk memulakan operasi di Malaysia, dengan tambahan sebanyak 224 syarikat lain pada tahun 2015[1].

Rajah 3

Pelaburan yang Diluluskan dalam Sektor Perkilangan Berorentasikan Eksport



Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pelaburan merentas rantau secara strategik

Pada tahun 1980-an dan 1990-an, pelaburan dalam industri berorientasikan eksport tertumpu terutamanya di kawasan perindustrian yang terletak di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor. Walau bagaimanapun, berikutan langkah strategik seperti mempromosikan koridor pertumbuhan wilayah, projek-projek pelaburan berorientasikan eksport semakin meluas merentas geografi di seluruh negara (lihat Jadual 2). Semua koridor ini berjaya menarik projek pelaburan penting dalam bidang kebitaraan (niche areas), dan membantu meningkatkan lagi eksport Malaysia. Sebagai contoh, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) berjaya menarik beberapa MNC besar yang mengeluarkan produk bernilai tambah yang lebih tinggi seperti peralatan perubatan dan separa konduktor untuk sensor. Begitu juga, wilayah Iskandar Malaysia berjaya menarik pelaburan dalam perkilangan E&E serta kemudahan penyimpanan minyak dan gas.

[1] Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

Jadual 2

Tumpuan Perkilangan Berorientasikan Eksport di Seluruh Koridor Wilayah

Koridor	Bidang tumpuan	Contoh keluaran
Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)	E&E dan bioteknologi	• Peralatan perubatan • Sensor automotif • Oleokimia
Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)	Industri berat dan automotif	• Keluaran logam • Komponen automotif
Iskandar Malaysia	Minyak dan gas hiliran	• Keluaran petrokimia • Penapisan minyak dan gas
Koridor Pembaharuan Tenaga Sarawak (SCORE)	Keluaran berasaskan sumber	• Keluaran aluminium dan kaca • Keluaran keluli
Koridor Pembangunan Sabah (SDC)	Keluaran berasaskan sumber	• Keluaran minyak sawit

Sumber: Pihak Berkuasa Koridor Wilayah

Kesimpulan

Meskipun ekonomi global menghadapi pelbagai cabaran, pelaburan berbilang tahun yang sedang dilaksanakan dalam industri berorientasikan eksport dijangka diteruskan. Secara khusus, pelaburan mengikut industri dalam sektor perkilangan maju dan perkhidmatan moden, termasuk pengilang sensor automotif dan peralatan perubatan serta perkhidmatan logistik maju dijangka berterusan. Industri ini juga akan meraih manfaat daripada pertumbuhan ekonomi global yang sederhana. Pelaburan yang mampan ini akan membolehkan sektor perkilangan dan perkhidmatan meningkat lebih tinggi dalam rantaian nilai dan memastikan eksport Malaysia kekal berdaya saing pada peringkat global.

Pertumbuhan Sederhana dalam Sektor Ekonomi Utama

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi utama mencatat kadar pertumbuhan yang lebih sederhana pada tahun 2015, disebabkan terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam permintaan luar negeri, khususnya dari ekonomi maju, memberi manfaat kepada industri perkilangan berorientasikan eksport dan subsektor perkhidmatan berkaitan perdagangan.

Sektor perkhidmatan berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 5.1% pada tahun 2015 (2014: 6.5%). Pertumbuhan dipengaruhi oleh pertumbuhan subsektor berkaitan penggunaan yang sederhana dan penguncupan subsektor kewangan dan insurans. Pertumbuhan dalam subsektor berkaitan penggunaan, khususnya segmen runcit dan kenderaan motor, menjadi sederhana sejajar dengan pertumbuhan lebih perlahan dalam perbelanjaan isi rumah. Subsektor kewangan dan insurans mencatat penguncupan kecil disebabkan terutamanya oleh pendapatan berasaskan fi yang lebih rendah ekoran aktiviti pasaran modal yang lebih lemah; dan pertumbuhan premium insurans yang lebih rendah. Sebaliknya, subsektor maklumat dan komunikasi kekal mantap, dipacu oleh permintaan kukuh untuk perkhidmatan komunikasi data. Pertumbuhan sektor perkhidmatan turut disokong oleh peningkatan prestasi segmen borong dan subsektor pengangkutan & penyimpanan, yang mendapat manfaat daripada peningkatan aktiviti berkaitan perdagangan.

Rajah 1

KDNK Benar Mengikut Aktiviti Ekonomi



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkilangan berkembang 4.9% pada tahun 2015 (2014: 6.2%), disebabkan terutamanya oleh industri berorientasikan eksport yang terus kukuh. Prestasi industri berorientasikan eksport dipacu terutamanya oleh pertumbuhan pengeluaran yang teguh dalam kelompok E&E, khususnya dalam segmen elektrik berasaskan pengguna dan komponen separa konduktor terpilih. Pertumbuhan turut disokong oleh kelompok keluaran berkaitan sumber disebabkan terutamanya oleh permintaan serantau yang mampan terhadap keluaran kimia. Namun begitu, industri berorientasikan dalam negeri menjadi sederhana disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan lebih perlahan dalam kelompok keluaran berkaitan pengguna.

Sektor pembinaan berkembang pada kadar sederhana pada tahun 2015 (8.2%; 2014: 11.8%), disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan lebih perlahan dalam subsektor kediaman. Aktiviti pembinaan dalam subsektor kediaman dipengaruhi oleh pelancaran harta tanah yang berkurang pada tahun itu. Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam subsektor kejuruteraan awam meningkat, mencerminkan kemajuan projek infrastruktur sedia ada di samping permulaan projek petrokimia yang besar di Johor. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan turut disokong oleh subsektor bukan kediaman, yang disokong oleh projek dalam segmen harta tanah industri dan komersial.

Dalam sektor pertanian, pertumbuhan menurun kepada 1.0% (2014: 2.1%) disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih rendah berikutan keadaan cuaca yang kurang baik. Keadaan cuaca ini termasuk hujan yang berlebihan pada suku pertama tahun 2015 mengakibatkan banjir di pantai timur Semenanjung Malaysia serta jerebu teruk dan fenomena cuaca El Nino pada separuh tahun kedua, yang menyebabkan hasil lebih rendah.

Sektor perlombongan mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 4.7% (2014: 3.3%) disebabkan peningkatan pengeluaran minyak mentah (654,200 tong sehari, tertinggi sejak tahun 2010). Peningkatan ini didorong oleh pengeluaran baharu daripada medan minyak laut dalam Gumusut Kakap yang besar di luar pesisir Sabah yang mula beroperasi pada suku keempat tahun 2014.

Pelaburan dalam sektor perkilangan (bahagian sebanyak 24% daripada pelaburan swasta) terus berkembang, disokong terutamanya oleh industri berorientasikan eksport yang mendapat manfaat daripada permintaan berterusan eksport perkilangan. Pelaburan perkilangan yang diluluskan oleh MIDA pada tahun 2015 kekal tinggi pada RM74.7 bilion (2014: RM71.9 bilion), dengan projek terutamanya dalam subsektor petrokimia, gas asli dan E&E.

Dalam sektor perkhidmatan (bahagian sebanyak 51% daripada pelaburan swasta), pelaburan disokong oleh perbelanjaan modal dalam subsektor perdagangan edaran, pengangkutan dan penyimpanan serta subsektor berkaitan pelancongan. Ini dicerminkan oleh pembangunan pesat di koridor serantau, seperti wilayah Iskandar (iaitu terminal minyak dan gas, serta perkhidmatan penjagaan kesihatan). Sementara itu, pelaburan dalam perkhidmatan telekomunikasi disokong oleh pengembangan rangkaian yang sedang dilaksanakan dan penambahbaikan infrastruktur di seluruh negara bagi pelancaran rangkaian 4G/LTE oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi utama. Walau bagaimanapun, pelaburan untuk harta tanah kediaman mencatat peningkatan sederhana sejajar dengan aktiviti pembinaan kediaman yang lebih perlahan.

Pelaburan awam mencatat pertumbuhan negatif pada separuh pertama tahun 2015 berikutan beberapa projek besar yang hampir siap dilaksanakan oleh syarikat awam. Walau bagaimanapun, pelaburan awam kembali mencatat pertumbuhan positif pada separuh kedua tahun itu disebabkan perbelanjaan lebih tinggi untuk aset tetap oleh syarikat awam dan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, pelaburan awam bertambah baik pada tahun itu, tetapi kekal menguncup (-1.0%; 2014: -4.7%). Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan disalurkan kepada sektor ekonomi untuk mengukuhkan kapasiti produktif dan daya saing ekonomi. Yang ketara, projek utama adalah berkaitan dengan pembangunan infrastruktur pengangkutan (seperti pembinaan dan naik taraf jalan raya dan landasan kereta api) serta kemudahan yang dinaik taraf untuk merangsang perdagangan dan industri, khususnya di koridor ekonomi serantau. Perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan sosial juga diberikan keutamaan dengan memperkukuh dan menambah baik perkhidmatan asas, termasuk perkhidmatan pendidikan dan perumahan yang lebih baik. Meskipun persekitaran mencabar, syarikat awam terus membuat perbelanjaan modal untuk mengembangkan dan mempelbagaikan aktiviti perniagaan, khususnya dalam subsektor minyak dan gas, pengangkutan dan utiliti, sekali gus memberikan sokongan kepada ekonomi secara keseluruhan.

SEKTOR LUARAN

Pada tahun 2015, sektor luaran Malaysia kekal berdaya tahan meskipun persekitaran ekonomi global lebih tidak menentu. Lebihan akaun semasa mengecil berikutan defisit lebih besar dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan sekunder, tetapi disokong oleh lebihan perdagangan yang masih besar. Paras rizab antarabangsa kekal mencukupi untuk memenuhi obligasi luar negeri jangka pendek, sekali gus menyediakan penampan yang lebih daripada mencukupi terhadap kejutan luar.

Dalam persekitaran global yang mencabar, kedudukan luaran Malaysia kekal berdaya tahan pada tahun 2015

Secara amnya, perdagangan luaran menunjukkan trend yang berbeza antara separuh pertama dan separuh kedua tahun 2015. Pada separuh pertama tahun itu, penurunan seterusnya dalam harga komoditi dan permintaan yang lembap terhadap komoditi dan keluaran perkilangan berkaitan komoditi menyebabkan penguncupan sebanyak 3.1% dalam eksport kasar Malaysia. Khususnya, permintaan terhadap LNG dari Jepun adalah lemah disebabkan cuaca yang lebih panas daripada biasa, manakala permintaan

(bersambung pada muka surat 49)

Menilai Keadaan Permintaan-Penawaran dalam Pasaran Harta Tanah di Malaysia

Pengenalan

Sejak kebelakangan ini, pasaran harta tanah Malaysia dicirikan oleh ketidakseimbangan merentas subsegmen, dengan permintaan melebihi penawaran dalam pasaran perumahan, manakala pasaran pejabat dan runcit mengalami lebihan penawaran. Sebahagian daripada punca kenaikan harga rumah yang mendadak, khususnya di pusat-pusat bandar utama, adalah disebabkan oleh kekurangan penawaran. Kekurangan ini jelas khususnya dalam penawaran rumah mampu milik. Kenaikan harga rumah yang mendadak ini telah menyebabkan lebih banyak isi rumah di Malaysia yang tinggal di bandar tidak mampu memiliki rumah. Sebaliknya, peningkatan dalam pembinaan bangunan pejabat dan pusat membeli-belah, terutamanya di bandar-bandar utama, telah meningkatkan kemungkinan pembinaan harta tanah komersial yang berlebihan yang boleh menyebabkan kesan negatif terhadap pasaran harta tanah. Rencana ini mengenal pasti dinamik permintaan-penawaran semasa dan prospek dalam tiga segmen harta tanah di Malaysia – perumahan, pejabat dan runcit, dengan memberikan tumpuan pada negeri-negeri utama[1] (Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang) serta memaparkan pengajaran melalui pengalaman negara-negara lain.

Kekurangan penawaran dalam pasaran perumahan mampu milik

Sejak tahun 2005, stok perumahan Malaysia telah meningkat 35%. Meskipun terdapat pertumbuhan yang ketara, kekurangan penawaran perumahan pada peringkat kebangsaan masih berlarutan. Jurang antara stok perumahan dengan bilangan isi rumah bertambah kepada 2.5 juta unit pada tahun 2015 berbanding dengan 2.1 juta unit pada tahun 2005[2] (Rajah 1). Kekurangan penawaran perumahan yang semakin ketara menunjukkan ketidakpadanan antara kadar pertumbuhan penawaran rumah baharu dengan peningkatan bersih bilangan isi rumah[3], terutamanya dalam tempoh lima tahun yang lalu. Antara tahun 2005 hingga 2008, purata bilangan rumah baharu yang siap dibina ialah 166,876 unit setahun manakala bilangan isi rumah pula meningkat kira-kira 117,250, menunjukkan lebihan penawaran unit perumahan kira-kira 49,626 unit setahun. Walau bagaimanapun, sejak lima tahun yang lalu, jumlah rumah yang siap dibina dalam setahun merosot dengan ketara kepada 80,089 unit, jauh di bawah purata peningkatan bersih dalam bilangan isi rumah iaitu 166,000 setahun[4]. Ini menunjukkan kekurangan purata sebanyak 85,911 unit rumah setahun antara tahun 2011 hingga 2015 (Rajah 2).

Kekurangan penawaran perumahan adalah meruncing khususnya dalam kategori perumahan mampu milik. Pada tahun 2014, separuh daripada isi rumah Malaysia memperoleh pendapatan bulanan sebanyak RM4,585 atau kurang. Menurut metodologi ``Median Multiple´´ yang dibangunkan oleh Demographia International dan disarankan oleh Bank Dunia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menilai pasaran perumahan bandar, sebuah rumah dianggap mampu milik sekiranya isi rumah boleh membiayai pemilikan itu dengan jumlah kurang daripada tiga kali pendapatan isi rumah tahunan (nisbah harga rumah kepada pendapatan 3.0 atau kurang). Ini menunjukkan bahawa rumah yang berharga sehingga RM165,060 dianggap sebagai mampu milik untuk isi rumah median rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, hanya 21% daripada perumahan baharu yang dilancarkan di Malaysia pada tahun 2014 berharga kurang daripada RM250,000. Sebaliknya, data menunjukkan terdapat lebihan penawaran harta tanah mewah[5] yang berharga melebihi RM500,000. Walaupun pelancaran harta tanah dalam kategori harga ini mencakupi 36% daripada jumlah harta tanah baharu yang dilancarkan

[1] Negeri-negeri utama merujuk kepada pusat guna tenaga utama di Malaysia.

[2] Anggaran ini mengandaikan bahawa semua isi rumah ingin memiliki dan mampu membeli rumah. Pada masa ini, terdapat kira-kira dua rumah bagi setiap tiga isi rumah, menunjukkan terdapat perkongsian penginapan dalam kalangan isi rumah, yang menyokong permintaan untuk pemilikan rumah.

[3] Ini merujuk kepada peningkatan bilangan isi rumah pada satu-satu masa berbanding masa yang lain (iaitu pembentukan isi rumah baharu ditolak pembubaran isi rumah, apabila seorang atau dua orang ketua isi rumah bergabung menjadi isi rumah tunggal dan/atau susulan kematian ketua tunggal dalam isi rumah).

[4] Aktiviti pembinaan rumah yang lebih rendah sebahagiannya mencerminkan pelancaran dan jualan harta tanah yang lebih rendah oleh pemaju.

[5] Lebihan penawaran harta tanah kediaman mewah adalah ketara khususnya di sesetengah kawasan di negeri-negeri utama dan dalam segmen harta tanah terpilih (iaitu kondominium mewah).

Rajah 1

Peningkatan Kekurangan Penawaran Perumahan Sepanjang Sedekad yang Lalu...



Rajah 2

...kerana Penawaran Perumahan Baharu tidak dapat Dipadankan dengan Peningkatan dalam Bilangan Isi Rumah Sepanjang Lima Tahun yang Lalu



* Jurang penawaran perumahan = Stok perumahan – Bilangan isi rumah ATAU Rumah baharu yang siap – Peningkatan bersih bilangan isi rumah

Angka negatif menunjukkan kekurangan penawaran perumahan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, CEIC dan anggaran Bank Negara Malaysia

di Malaysia, rumah-rumah jenis ini hanya mampu dimiliki oleh 5.4% daripada populasi, menurut metodologi yang sama[6] (Rajah 3). Meskipun inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) telah mewujudkan sedikit sebanyak momentum, tahap pembinaan rumah dalam segmen perumahan mampu milik pada masa ini tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan. Walau bagaimanapun, sebilangan besar unit perumahan mampu milik yang dibina melalui inisiatif ini masih berada dalam pelbagai peringkat pembinaan.

Rajah 3

Sejak Tahun 2010, Pelancaran Perumahan Baharu di Malaysia Semakin Menjurus kepada Rumah yang Berharga Melebihi RM500,000



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Rajah 4

Harga Rumah telah Berkembang pada Kadar yang Lebih Cepat daripada Paras Pendapatan



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan *Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas* Jabatan Perangkaan Malaysia

[6] Rumah yang berharga RM540,000 ke atas dianggap mampu dimiliki oleh isi rumah berpendapatan sekurang-kurangnya RM15,000 sebulan (5.4% daripada jumlah populasi Malaysia pada tahun 2014).

Ketidakseimbangan antara permintaan dengan penawaran, terutamanya dalam segmen perumahan mampu milik, telah menyumbang kepada kenaikan harga rumah yang mendadak[7]. Kenaikan harga ini telah menambah kepada isu kemampuan pemilikan rumah, khususnya bagi populasi berpendapatan rendah dan sederhana. Antara tahun 2009 hingga 2014, purata harga rumah di Malaysia meningkat 7.9% mengikut terma CAGR[8], melebihi pertumbuhan purata pendapatan isi rumah, iaitu 7.3% bagi tempoh yang sama. Peningkatan ini ketara berbeza berbanding dengan tempoh 2004 hingga 2007 apabila pendapatan meningkat melebihi pertumbuhan harga rumah (Rajah 4). Dengan kadar pertumbuhan yang tidak sekata antara harga rumah dengan pendapatan, kemampuan pemilikan rumah merentas negeri utama di Malaysia semakin berkurang. Secara agregat, rumah di Malaysia dianggap *sangat tidak mampu milik* (seriously unaffordable) pada tahun 2014 (nisbah harga rumah kepada pendapatan ialah 4.4) mengikut metodologi "Median Multiple". Di negeri-negeri utama, rumah dianggap *benar-benar tidak mampu milik* (severely unaffordable) di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, manakala di Johor dan Selangor, masing-masing dianggap *sangat tidak mampu milik* (seriously unaffordable) dan *agak tidak mampu milik* (moderately unaffordable) (Jadual 1).

Jadual 1

Harga Rumah Dianggap Benar-benar tidak Mampu Milik di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang

Lokasi	Nisbah harga rumah kepada pendapatan	
	2012	2014
Kuala Lumpur	4.9	5.4
Pulau Pinang	4.1	5.2
Johor	3.7	4.2
Selangor	3.6	4.0
Malaysia	**4.0**	**4.4**

Penarafan	Nisbah harga rumah kepada pendapatan
Benar-benar tidak mampu milik	5.1 & Ke atas
Sangat tidak mampu milik	4.1 hingga 5.0
Agak tidak mampu milik	3.1 hingga 4.0
Mampu milik	3.0 & Ke bawah

Sumber: *Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas* Jabatan Perangkaan Malaysia, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan 12th Annual Demographia International Housing Affordability Survey 2016

Jurang antara harga rumah sebenar dengan paras yang dianggap mampu milik bagi kebanyakan isi rumah di Malaysia memerlukan penyelesaian menyeluruh. Pada tahun 2014, harga rumah median yang terdapat dalam pasaran ialah RM242,000, iaitu RM76,940 lebih tinggi daripada harga mampu milik untuk isi rumah median[9]. Antara negeri utama, jurang ini adalah paling besar di Kuala Lumpur iaitu RM215,680 (Rajah 5). Keadaan ini lebih meruncing di pusat-pusat guna tenaga bandar utama di negeri-negeri utama ini (Rajah 6).

[7] Satu lagi faktor penyumbang kepada peningkatan harga rumah yang mendadak sejak beberapa tahun lalu ialah penggunaan alat pemasaran oleh pemaju dan kadar cukai keuntungan harta tanah (real property gains tax, RPGT) yang rendah. Contohnya, Developer Interest-Bearing Scheme (DIBS) bukan sahaja melonjakkan harga harta tanah secara buatan, malah turut mendorong spekulator memasuki pasaran harta tanah dengan perbelanjaan modal yang sangat kecil. Pada bulan November 2013, Bank Negara Malaysia melarang penggunaan DIBS, seiring dengan pengenalan kadar RPGT yang lebih punitif oleh Kerajaan.

[8] Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkumpul (Compound Annual Growth Rate, CAGR) ialah purata kadar pertumbuhan tahunan bagi tempoh masa yang ditetapkan.

[9] Rumah yang berharga sehingga maksimum tiga kali pendapatan isi rumah median tahunan dianggap mampu milik (RM165,060).

Rajah 5

Harga Rumah di Negeri-negeri Utama tidak Mampu Dimiliki oleh Kebanyakan Rakyat Malaysia pada Tahun 2014...



Rajah 6

...dan Lebih-lebih Lagi di Pusat-pusat Guna Tenaga Bandar Utama



Nota: Angka dalam kurungan ( ) merujuk kepada pendapatan bulanan isi rumah median setiap **negeri** pada tahun 2014
Angka dalam kurungan persegi [ ] merujuk kepada pendapatan bulanan isi rumah median **bandar** setiap negeri pada tahun 2014, yang digunakan sebagai proksi untuk pendapatan isi rumah median di setiap kota bandar

*Bandar-bandar di setiap negeri adalah berdasarkan penggarisan (i) Daerah: Petaling (Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya) di Selangor dan Johor Bahru di Johor; (ii) Mukim: Pusat Bandar Kuala Lumpur di Kuala Lumpur dan Georgetown di Pulau Pinang

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 7

Penawaran Rumah Baharu Perlu Meningkat Kira-kira 200,000 Unit Setahun dalam Tempoh Lima Tahun ini Supaya Berpadanan dengan Anggaran Pertumbuhan Isi Rumah



a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, CEIC dan anggaran Bank Negara Malaysia

Melangkah ke hadapan, peningkatan yang ketara dalam penawaran perumahan mampu milik diperlukan. Dianggarkan 202,571 rumah baharu[10] diperlukan setiap tahun antara tahun 2016 hingga 2020 untuk dipadankan dengan anggaran pertumbuhan isi rumah sepanjang tempoh ini, iaitu kira-kira 2.5 kali bilangan rumah yang dibina setiap tahun dalam tempoh lima tahun lalu (Rajah 7). Saiz isi rumah yang semakin menyusut[11], digabungkan dengan pertumbuhan pendapatan dan populasi yang berterusan serta kepesatan pembandaran, dijangka kekal sebagai pemacu penting bagi permintaan terhadap rumah secara keseluruhan, terutamanya di kawasan bandar utama. Selaras dengan permintaan asas, terutamanya di pusat bandar dan pusat guna tenaga utama, perumusan sistem perancangan dan pelaksanaan yang holistik adalah penting untuk menyediakan perumahan berkualiti yang mencukupi dan mampu milik untuk isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana.

[10] Anggaran ini mencerminkan trend sejarah yang berterusan dari segi pembentukan isi rumah dan keupayaan isi rumah untuk membuat pilihan dalam memiliki rumah. Oleh yang demikian, pertumbuhan isi rumah bersih dijangka terus berkembang pada purata jangka panjang (antara 2005 hingga 2015) sebanyak 2.6% setahun antara tahun 2016 hingga 2020.

[11] Pada tahun 1970, terdapat purata 5.5 orang bagi setiap isi rumah. Menjelang tahun 2020, purata yang diunjurkan ialah empat orang bagi setiap isi rumah. Oleh yang demikian, bilangan isi rumah akan meningkat pada kadar yang lebih pantas berbanding dengan pertumbuhan populasi. (Sumber: Khazanah Research Institute, Making Housing Affordable, 2015).

Rencana: Kemampuan Membuat Pinjaman Perumahan

Penilaian kemampuan memiliki rumah secara alternatif boleh diukur melalui keupayaan isi rumah untuk membayar pinjaman gadai janji menggunakan pendapatan. Ukuran hutang berbanding dengan pendapatan, yang semakin digunakan oleh beberapa negara yang mempunyai paras hutang isi rumah yang tinggi, menetapkan had atas bagi jumlah pinjaman isi rumah berbanding dengan pendapatan boleh guna[12] mereka. Dalam pendekatan ini, kami membandingkan antara amaun pinjaman maksimum[13] yang boleh diberikan oleh bank kepada isi rumah median dengan harga rumah median sebenar. Hasilnya sama dengan hasil kaji selidik kami yang menggunakan pendekatan ``Median Multiple´´.

Isi rumah median di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang tidak berkemampuan untuk membayar pinjaman gadai janji berdasarkan harga rumah median di kawasan ini (Rajah A). Kemampuan ini adalah lebih rendah di pusat-pusat guna tenaga bandar utama (Rajah B).

Rajah A

Harga Rumah di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang adalah Tidak Mampu Dimiliki oleh Isi Rumah Median



Rajah B

Keadaan Lebih Runcing Di Pusat-pusat Guna Tenaga Bandar Utama



Nota: Angka dalam kurungan ( ) merujuk kepada pendapatan bulanan isi rumah median setiap **negeri** pada tahun 2014
Angka dalam kurungan persegi [ ] merujuk kepada pendapatan bulanan isi rumah median **bandar** setiap negeri pada tahun 2014, yang digunakan sebagai proksi untuk pendapatan isi rumah median di setiap kota bandar

*Bandar-bandar di setiap negeri adalah berdasarkan penggarisan (i) Daerah: Petaling (Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya) di Selangor dan Johor Bahru di Johor; (ii) Mukim: Pusat Bandar Kuala Lumpur di Kuala Lumpur dan Georgetown di Pulau Pinang

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan anggaran Bank Negara Malaysia

Lebihan binaan dalam pasaran harta tanah komersial

Meskipun pasaran perumahan berhadapan dengan isu kekurangan penawaran, terdapat risiko lebihan penawaran dalam pasaran ruang pejabat dan runcit, khususnya di bandar-bandar utama di Malaysia.

Segmen pejabat

Salah satu ukuran kekukuhan harta tanah komersial ialah kadar kekosongan atau jumlah ruang komersial yang tidak digunakan, dengan kadar yang lebih tinggi lazimnya menunjukkan bahawa

[12] Alfelt, Gustav, et.al. (2015). Tiada definisi umum tentang had hutang kepada pendapatan yang perlu dirumuskan dan kesannya berbeza-beza bergantung pada penetapannya. Contohnya, had hutang kepada pendapatan boleh diperkenalkan sama ada menyasarkan isi rumah individu atau stok pemberian pinjaman bank. Selain itu, definisi hutang dan pendapatan mungkin berbeza-beza mengikut negara.

[13] Saiz pinjaman berdasarkan 30% nisbah khidmat bayaran hutang perumahan* (menggunakan pendapatan yang ditolak potongan berkanun), tempoh pinjaman 35 tahun, nisbah pinjaman kepada nilai perumahan 90% dan kadar pinjaman 5%.
** Kebanyakan pembeli muda cenderung mengalami keberhutangan dengan obligasi hutang sedia ada (iaitu pinjaman kereta, pembayaran balik tunggakan kad kredit), mencerminkan semakin sedikit amaun pendapatan boleh guna yang boleh diperuntukkan pada pinjaman perumahan.*

penawaran melebihi permintaan. Pada tahun 2015, Lembah Klang mencatat kadar kekosongan ruang pejabat sebanyak 20.4%. Angka ini jauh berbeza daripada purata serantau sebanyak 6.6% dan paras nasional sebanyak 16.3% (Rajah 8). Selaras dengan kadar kekosongan yang tinggi di Lembah Klang, sewa bulanan ruang pejabat utama (prime) di Kuala Lumpur adalah paling rendah berbanding dengan bandar raya serantau, iaitu hanya AS2.60 sekaki persegi (Rajah 9). Meskipun sewa bulanan rendah, beberapa bangunan pejabat Gred A yang siap dibina baru-baru ini di Kuala Lumpur belum mencapai kadar penghunian yang memuaskan. Savills Research, dalam Laporan Tinjauan Keseluruhan Pasaran Harta Tanah Mei 2015, mendapati bahawa beberapa bangunan pejabat Gred A yang siap pembinaannya antara tahun 2011 hingga 2014 hanya berjaya mencatat kadar penghunian antara 50% hingga 75%.

Rajah 8

Kadar Kekosongan di Lembah Klang adalah Jauh Lebih Tinggi Berbanding dengan Purata Nasional dan Serantau...



Nota: *Purata serantau merujuk kepada purata mudah untuk Shanghai, Beijing, Bangkok, Hong Kong dan Singapura pada S2 2015

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan Colliers International

Rajah 9

... dan Sewa Bulanan adalah yang Paling Rendah antara Bandar-bandar Serantau



Sumber: Savills Research

Rajah 10

Penawaran Ruang Pejabat di Lembah Klang Akan Meningkat dengan Ketara antara Tahun 2016 hingga 2018



r Ramalan

*Penawaran baharu dalam tahun 2016 hingga 2018 tidak termasuk Tun Razak Exchange, Pusat Bandar Bukit Bintang dan Bandar Malaysia

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, Jones Lang Wootton dan anggaran Bank Negara Malaysia

Dalam tempoh beberapa tahun akan datang, situasi penawaran akan datang (incoming supply) yang ketara daripada projek-projek besar boleh menyukarkan keadaan lebihan penawaran dalam segmen pejabat di Lembah Klang. Menurut Laporan Pasaran Harta Tanah Suku Tahunan S4 2015 oleh Jones Lang Wootton, sejumlah 63 bangunan pejabat baharu dijadualkan siap dibina di Lembah Klang dalam tempoh tiga tahun akan datang, dengan purata 4.9 juta kaki persegi ruang pejabat baharu akan ditambah dalam pasaran setiap tahun. Angka ini ketara lebih tinggi berbanding dengan purata dalam sejarah yang pernah dicatat antara tahun 2001 hingga 2015, iaitu 2.8 juta kaki persegi ruang pejabat baharu yang ditambah dalam pasaran setiap tahun (Rajah 10).

Segmen runcit

Tanda-tanda lebihan penawaran turut muncul dalam segmen runcit di kawasan bandar utama di Malaysia, khususnya di Pulau Pinang, Johor dan Lembah Klang. Meskipun kadar kekosongan di sesetengah kawasan ini bertambah baik sejak beberapa tahun lalu, kadar kekosongan antara 12.4% di Lembah Klang hingga 28.2% di Pulau Pinang kekal lebih tinggi secara relatif berbanding dengan ekonomi serantau yang lain (Rajah 11). Kadar kekosongan yang tinggi ini merupakan tanda ketidakpadanan antara permintaan dengan penawaran terhadap pusat membeli-belah di bandar-bandar utama di Malaysia. Sebagai contoh, Johor Bahru, Pulau Pinang dan Lembah Klang adalah antara bandar raya yang mempunyai paras pendapatan isi rumah dan populasi paling rendah

Rajah 11

Kadar Kekosongan Ruang Runcit telah Menjadi Sederhana di Beberapa Kawasan Bandar Utama di Malaysia, Tetapi Tetap Jauh Lebih Tinggi daripada di Bandar-bandar Serantau Lain



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara



*Purata serantau merujuk kepada data pada tahun 2014

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, Jones Lang LaSalle dan Singapore Urban Redevelopment Authority (URA)

Rajah 12

Paras Pendapatan dan Populasi Kawasan Bandar Utama di Malaysia Ketinggalan Berbanding dengan Kebanyakan Bandar-bandar Serantau...



Nota: [1] Data tahun 2013
[2] Pendapatan isi rumah median bagi isi rumah yang aktif dari segi ekonomi
[3] Pendapatan boleh guna untuk isi rumah bandar

Data pendapatan isi rumah (dalam mata wang tempatan) bagi setiap bandar ditukar menggunakan kadar pertukaran purata pada tahun 2014 kecuali Bangkok (2013)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Pihak Berkuasa Serantau, Haver dan Aliran Berita

Rajah 13

...tetapi Ruang Runcit Utama (Prime) per Kapita adalah antara yang Tertinggi di Asia



* Merujuk kepada purata mudah untuk Bangkok, Beijing, Hong Kong, Shanghai dan Singapura
** Termasuk Mukim Bandar Johor Bahru, Plentong dan Tebrau

Data untuk bandar-bandar serantau merujuk kepada S2 2015

Sumber: Jones Lang Wootton, Jones Lang LaSalle, Jabatan Perangkaan Malaysia, World Atlas dan anggaran Bank Negara Malaysia

berbanding dengan bandar raya serantau yang lain (Rajah 12). Namun, ruang runcit utama (prime) per kapita di bandar raya di Malaysia ini adalah nyata lebih tinggi berbanding dengan bandar raya serantau yang berpopulasi lebih tinggi seperti Shanghai dan Beijing, dan juga bandar raya yang berpendapatan lebih tinggi, seperti Singapura dan Hong Kong (Rajah 13).

Rajah 14

Ruang Runcit Utama (Prime) per Kapita Dijangka Terus Meningkat pada Tahun 2018



Nota: Populasi di Pulau Pinang, Lembah Klang dan Johor Bahru untuk tahun 2018 adalah diekstrapolasi menggunakan kadar purata pertumbuhan populasi di Malaysia antara tahun 2011 hingga 2015

r Ramalan
* Termasuk Mukim Bandar Johor Bahru, Plentong dan Tebrau

Sumber: Jones Lang Wootton, Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Data yang diperoleh daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (National Property Information Centre, NAPIC) menunjukkan bahawa pada masa ini terdapat 55 pusat membeli-belah yang sedang dibina di Malaysia, dengan 35 daripadanya di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor. Antara tahun 2016 hingga 2018, tambahan sebanyak 30.9 juta kaki persegi ruang runcit akan siap dibina di lokasi-lokasi ini, bersamaan dengan kira-kira 40% daripada ruang runcit sedia ada. Menjelang tahun 2018, ruang runcit utama (prime) per kapita di Lembah Klang dan Johor Bahru diunjurkan meningkat masing-masing sebanyak kira-kira 43% dan 119% daripada paras yang secara relatif sudah tinggi pada masa ini (Rajah 14). Kemunculan pusat membeli-belah yang lebih baharu ini dijangka meningkatkan persaingan untuk mendapatkan penyewa, sekali gus menyebabkan peningkatan kadar kekosongan, sewaan yang lebih rendah dan peningkatan risiko keusangan.

Lebihan penawaran ruang komersial mungkin menyebabkan kesan limpahan kepada sektor ekonomi yang lain

Keadaan ekonomi yang mencabar pada masa ini mungkin meningkatkan risiko terhadap permintaan ruang komersial. Dalam segmen pejabat, harga minyak global yang rendah dalam tempoh masa yang lama akan menjejaskan permintaan terhadap ruang pejabat oleh sektor minyak dan gas. Di Lembah Klang, sektor minyak dan gas merupakan penghuni pejabat yang terbesar daripada sektor swasta, merangkumi kira-kira 16% jumlah ruang pejabat (Jones Lang Wootton, 2015). Dalam segmen runcit, keupayaan peruncit untuk menarik kunjungan pelanggan dan perbelanjaan pengguna mungkin menjadi lebih mencabar berikutan sentimen pengguna yang lemah.

Rajah 15

Kesan Lebihan Penawaran Ruang Komersial Mungkin Melimpah ke Sektor-sektor Lain



Implikasi peningkatan kadar kekosongan yang ketara mungkin tidak terbatas hanya kepada sektor harta tanah komersial, dengan kemungkinan limpahan ke sektor ekonomi yang lain (Rajah 15). Peningkatan kadar kekosongan yang mendadak mungkin mengakibatkan keadaan aliran tunai yang lebih ketat dalam kalangan pemaju, yang lazimnya merupakan pemilik harta tanah komersial. Keadaan ini mungkin mengakibatkan kesan buruk terhadap subsektor lain dalam sektor pembinaan dan industri lain yang berkaitan[14]. Kelemahan seterusnya dalam sektor berkaitan ini mungkin memberikan kesan kepada prospek pekerjaan, yang memberikan kesan kepada keupayaan sesetengah isi rumah untuk membayar balik pinjaman mereka.

Di beberapa negara, penguraian ledakan harta tanah komersial yang tidak teratur telah mengakibatkan kerugian pinjaman bank yang

besar. Pada awal tahun 90-an, Sweden, Finland, Norway dan Jepun mengalami pelupusan ledakan harta tanah komersial yang buruk dan mendadak. Ini telah mengakibatkan limpahan yang teruk ke atas sektor ekonomi lain dalam ekonomi-ekonomi ini, yang seterusnya menyebabkan kelembapan aktiviti ekonomi. Semasa Krisis Kewangan Global 2008/09, harta tanah komersial juga merupakan penyebab utama kerugian pinjaman di Australia, Perancis, Ireland dan New Zealand, meskipun pada amnya ia mencakupi bahagian yang jauh lebih kecil dalam akaun pinjaman bank berbanding dengan harta tanah kediaman. Ini disebabkan kadar kemerosotan yang lebih mendadak dalam harga harta tanah komersial berbanding dengan harga rumah (Matua, 2015).

Pengalaman dasar di negara-negara lain

Ketidakseimbangan permintaan dan penawaran dalam pasaran harta tanah perumahan dan komersial bukan sahaja berlaku di Malaysia, bahkan banyak negara lain telah menghadapi isu yang serupa. Pengalaman negara-negara ini memberikan pengajaran yang berharga dalam pengurusan dinamik permintaan dan penawaran dalam sektor harta tanah.

Pasaran perumahan

Di Korea dan Singapura, penubuhan entiti tunggal yang memberikan tumpuan pada hal ehwal perumahan mampu milik berjaya mengurangkan ketidakpadanan antara permintaan dengan penawaran perumahan. Entiti di negara-negara ini, Land and Housing Corporation di Korea dan Housing and Development Board (HDB) di Singapura, bertanggungjawab menerajui, memusatkan dan menyelaraskan inisiatif nasional dan negeri yang berkaitan dengan perumahan mampu milik. Penyatuan pelbagai entiti perumahan mampu milik di bawah satu agensi bukan hanya membolehkan perancangan sumber yang lebih berkesan di negara-negara ini, tetapi turut mengurangkan kos pembangunan menerusi ekonomi ikut bidangan (economies of scale).

Singapura turut berjaya mengurangkan kos pembinaan keseluruhan dengan penggunaan Industrialised Building Systems (IBS)[15] secara meluas dalam projek perumahan awamnya. Penggunaan IBS dalam

Rajah 16

Negara-negara dengan Harga Rumah Tidak Mampu Milik pada Amnya Lebih Tertumpu pada Pasaran Sewa



Nota:
[1] Data pada S3 2015, kecuali Switzerland (tahun 2012) dan Jerman (tahun 2013)
[2] Data pada tahun 2014, kecuali Kanada (tahun 2011), Jepun, New Zealand, Singapura dan Switzerland (tahun 2013)

* Harga rumah median di Jerman merujuk kepada harga median rumah keluarga tunggal di Frankfurt, dengan binaan seluas 150 meter persegi
** Angka bagi Malaysia termasuk isi rumah yang tinggal di kuarters
*** Kadar pemilikan rumah yang tinggi di Singapura mencerminkan dominasi perumahan awam. Kira-kira 80% daripada populasi Singapura tinggal di unit *Housing Development Board (HDB)*, dengan 95% penghuni ialah pemilik (Pahang, 2010)

Sumber: *12th Annual Demographia International Housing Affordability Survey 2016*, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia, Pihak Berkuasa, Global Property Guide dan Trading Economics

[14] Ini termasuk bahan binaan berkaitan pengeluaran dan perkhidmatan berkaitan pembinaan.
[15] IBS ialah proses pembinaan yang menggunakan teknik, produk, komponen atau sistem bangunan yang melibatkan komponen pasang siap dan pemasangan di tapak.

kira-kira 80% bangunan HDB membolehkan penjimatan kos pekerja melebihi 45% berbanding dengan kaedah konvensional[16]. Tempoh pembinaan bangunan HDB juga dapat dikurangkan dengan ketara, dengan penambahbaikan dalam kualiti bangunan ekoran intensiti pekerja yang lebih rendah dan penyeragaman pembinaan.

Di negara-negara lain, pasaran sewa umumnya diberikan keutamaan yang sama dalam dasar perumahan nasional dan merupakan alternatif yang penting kepada pemilikan rumah. Keadaan ini jelas khususnya di negara-negara yang mempunyai paras harga rumah yang tidak mampu dimiliki[17] (Rajah 16). Di Switzerland, Jerman dan Australia, pasaran sewa swasta yang teguh telah menyumbang ke arah memastikan penawaran rumah yang mencukupi bagi memenuhi keperluan isi rumah yang mempunyai paras pendapatan dan pilihan yang berbeza-beza, serta perubahan demografi. Dengan perubahan pilihan sosial dalam dunia globalisasi yang amat pesat, penyewaan menawarkan fleksibiliti dan mobiliti kepada isi rumah untuk mengejar peluang kerjaya dan pendidikan.

Pasaran harta tanah komersial

Langkah yang tepat pada masa dan berhemat boleh dilaksanakan untuk menggalakkan pembangunan sektor harta tanah komersial yang mampan. Pelaksanaan projek-projek besar boleh dilakukan secara berperingkat, selaras dengan permintaan semasa dan akan datang terhadap ruang pejabat dan runcit.

Selain itu, pengalaman di Lower Manhattan di Bandar Raya New York memaparkan manfaat penukaran bangunan komersial lama untuk memudahkan penggunaan tanah yang lebih baik di pusat bandar. Antara tahun 1995 hingga 2014, lebih daripada 17 juta kaki persegi bangunan komersial lama telah ditukar untuk pelbagai kegunaan lain, termasuk unit kediaman sewa, hotel dan restoran[18]. Meskipun momentum awal penukaran bangunan ini disokong oleh program insentif kewangan bandar raya tersebut[19], penukaran telah berterusan dengan rancak biarpun insentif tersebut berakhir pada tahun 2006. Program ini bukan hanya menghidupkan semula kota tersebut, malah turut menyokong kewujudan komuniti kediaman di kawasan itu. Pihak berkuasa setempat juga menggembleng usaha untuk mengurangkan kadar kekosongan ruang pejabat dengan menyediakan program insentif untuk menggalakkan perniagaan berpindah ke Lower Manhattan[20]. Mencerminkan kejayaan insentif ini, kadar penghunian ruang pejabat telah bertambah baik, dengan jumlah penyewa yang lebih pelbagai, sekali gus beralih daripada syarikat tradisional seperti kewangan, insurans dan harta tanah kepada syarikat dalam sektor media, teknologi, bukan untung dan pendidikan (CBRE, 2014). Penukaran harta tanah komersial kepada kediaman turut berjaya dilaksanakan di beberapa kawasan di London, Toronto, Tokyo dan Sydney. Di semua kawasan ini, peningkatan permintaan terhadap bangunan yang mesra alam sekitar, dasar bandar, keusangan pejabat dan pasaran perumahan yang ketat menjadi pemacu paling penting dalam usaha penukaran bangunan (Remøy & Wilkinson, 2015).

Kesimpulan

Malaysia mengalami kekurangan penawaran rumah mampu milik khususnya di kawasan bandar utama, tetapi lebihan penawaran ruang pejabat dan runcit di beberapa kota dan bandar utama. Jika kedua-dua trend ini dibiarkan tanpa dibendung, ia boleh mengakibatkan ketidakseimbangan yang lebih serius dalam pasaran harta tanah, dengan limpahan negatif kepada bahagian ekonomi yang lain. Dasar perancangan negara yang menyeluruh dan dirumus dengan teliti diperlukan untuk pasaran harta tanah dan akan menyokong hasrat Kerajaan untuk membangunkan lebih banyak perumahan, selain turut menguruskan lebihan penawaran dalam harta tanah komersial. Penukaran dan perubahan tujuan ruang komersial berlebihan yang kurang digunakan sewajarnya menjadi sebahagian daripada strategi keseluruhan tersebut, dengan kos yang ditanggung oleh pemilik harta tanah, bukan pembayar cukai.

---

[16] Thanoon, Waleed., et al. (2003).

[17] Nisbah harga rumah kepada pendapatan lebih daripada 3.0.

[18] CBRE Global Research and Consulting (2014).

[19] Pembangunan semula pada mulanya dibantu oleh program insentif kewangan. Program 421G, yang diperkenalkan pada tahun 1995, memberikan insentif cukai untuk menggalakkan pemaju menukar bangunan pejabat yang dibina sebelum tahun 1975 kepada harta tanah kediaman. Meskipun beberapa projek kediaman ini disasarkan kepada komuniti mewah, Lower Manhattan Development Corporation turut memperuntukkan lebih daripada Dolar AS50 juta untuk membangunkan perumahan mampu milik di kawasan tersebut. Program ini ditamatkan pada tahun 2006 setelah berjaya menghidupkan semula Lower Manhattan (Mechanic, 2012).

[20] Antara program ini ialah Commercial Rent Tax Special Reduction, Lower Manhattan Relocation Employment Assistance Programme (LM-REAP) dan Lower Manhattan Energy Programme (LMEP).

Dalam pasaran perumahan, memastikan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana mendapat akses kepada perumahan mampu milik yang berkualiti memerlukan komitmen bukan sahaja daripada Kerajaan, malah sokongan sektor swasta. Pengalaman yang dilalui oleh negara-negara lain menunjukkan bahawa pembinaan lebih banyak unit perumahan awam hanyalah sebahagian daripada penyelesaian. Penyatuan berbilang penyedia perumahan mampu milik merentas peringkat negeri dan kebangsaan merupakan satu keperluan dan tumpuan yang sama juga perlu diberikan terhadap pasaran sewa. Selain itu, langkah-langkah kehematan makro dan fiskal yang telah dilaksanakan, seperti langkah nisbah pinjaman kepada nilai (LTV), Garis Panduan Pemberian Pinjaman Bertanggungjawab, cukai keuntungan harta tanah yang lebih tinggi dan larangan menggunakan Developer Interest-Bearing Scheme (DIBS), terus memainkan peranan penting ke arah mengekalkan kemampanan jangka panjang pasaran harta tanah, dan mengurangkan potensi risiko terhadap kestabilan kewangan.

Rujukan

Alfelt, Gustav, Björn Lagerwall dan Dilan Ölcer. (2015). An analysis of the debt-to-income limit as a policy measure. *Sveriges Riksbank Economic Commentaries*, No. 8.

CBRE Global Research and Consulting. (2014). Downtown Manhattan: A market transformed. *Research Note*, Januari 2014.

Jones Lang Wootton. (2015). The Quarterly Subscribers' Forum, Kuala Lumpur.

Khazanah Research Institute. (2015). Making Housing Affordable. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute.

Kragh-Sørensen, Kasper dan Haakon Selheim. (2014). What do banks lose money on during crises? *Norges Bank Staff Memo*, No.3.

Matua, Te. (2015). Commercial property and financial stability, *Reserve Bank of New Zealand Bulletin*, 78 (2).

Mechanic, Marc. (2012), The future of lower Manhattan. Lehigh University, Pennsylvania.

Phang, Sock-Yong. (2010). Lessons from Singapore's Central Provident Fund. 4th Global Conference on Housing Finance in Emerging Markets, World Bank, Washington DC.

Remøy, Hilde dan Sara Wilkinson (2015). Adaptive reuse of offices. 22nd Annual European Real Estate Society (ERES) Conference, Istanbul.

Thanoon, Waleed, Lee Wah Peng, Mohd Razali Abdul Kadir, Mohd Saleh Jaafar dan Mohd Sapuan Salit. (2003). The essential characteristics of industrialised building systems. International Conference on Industrialised Building Systems, Kuala Lumpur.

Jadual 1.6

Imbangan Pembayaran[1]

Butiran (Bersih)	2013	2014	2015*a*
	RM bilion		
Barangan	96.6	113.4	108.9
Perkhidmatan	-9.6	-11.2	-20.5
Pendapatan primer	-34.0	-37.3	-32.2
Pendapatan sekunder	-17.5	-17.6	-22.2
Imbangan akaun semasa	**35.5**	**47.3**	**34.0**
% daripada PNK	*3.6*	*4.4*	*3.0*
Akaun modal	**0.0**	**0.3**	**-1.2**
Akaun kewangan	**-20.2**	**-81.6**	**-53.3**
Pelaburan langsung	-6.3	-18.5	0.2
Pelaburan portfolio	-3.0	-38.5	-28.2
Derivatif kewangan	-0.3	-1.0	-0.5
Pelaburan lain	-10.7	-23.6	-24.9
Kesilapan dan ketinggalan[2]	-0.6	-2.5	24.1
% daripada jumlah perdagangan antaranya:	0.0	-0.2	1.6
Penambahan (+) atau pengurangan (-) nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing	*18.6*	*7.6*	57.3
Imbangan keseluruhan	**14.6**	**-36.5**	**3.7**
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih	**441.9**	**405.3**	**409.1**
Nilai dalam USD bilion	**134.9**	**115.9**	**95.3**

[1] Data disusun mengikut Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi Keenam (BPM6) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)

[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa yang belum direalisasikan disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

terhadap getah dari China dipengaruhi oleh kelembapan penggunaan dalam negeri. Pertumbuhan serantau yang lebih perlahan turut menyumbang kepada penurunan eksport keluaran petroleum. Memandangkan kepelbagaian eksport Malaysia, prestasi eksport komoditi yang lemah diimbangi sebahagiannya oleh eksport lebih tinggi bagi keluaran E&E dan keluaran perkilangan bukan berasaskan sumber. Yang ketara, permintaan terhadap keluaran E&E dari AS dan EU adalah kukuh, terutamanya untuk separa konduktor bagi teknologi hijau dan kelengkapan pemprosesan data. Eksport separa konduktor sebahagiannya didorong oleh pencepatan permintaan berkaitan solar di AS berikutan insentif cukai solar yang pada awalnya akan tamat tempoh pada akhir tahun 2016. Sementara itu, permintaan berterusan terhadap jentera, perkakas dan komponen, keluaran logam serta keluaran besi dan keluli, daripada negara maju dan serantau turut menyumbang secara positif kepada prestasi eksport keseluruhan.

Import kasar turut menurun pada separuh tahun pertama (ST1 2015: -2.6%). Import barangan pengantara, yang mencakupi 58.2% import kasar, dipengaruhi terutamanya oleh penurunan mendadak dalam input berkaitan bahan api berikutan permintaan yang lebih rendah terhadap eksport perkilangan berasaskan sumber. Import barangan modal, khususnya jentera dan kelengkapan, adalah lebih rendah seiring dengan kadar aktiviti pelaburan yang lebih sederhana dalam ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, import penggunaan mencatat pertumbuhan yang kukuh disebabkan terutamanya oleh permintaan yang tidak anjal terhadap makanan dan minuman import, dan barangan pengguna seperti ubat, kosmetik dan penjagaan diri, serta pakaian dan tekstil.

Pada separuh tahun kedua, pertumbuhan eksport meningkat semula kepada 6.8%, disebabkan permintaan lebih tinggi terhadap keluaran perkilangan dan komoditi, dan kesan penilaian positif daripada penurunan nilai ringgit. Pertumbuhan kukuh eksport E&E disokong terutamanya oleh permintaan lebih tinggi dari AS dan Singapura terhadap peranti separa konduktor dan jentera elektrik, sejajar dengan pelancaran siri keluaran elektronik baharu. Pertumbuhan berterusan ekonomi serantau dan aktiviti eksport semula yang mantap menyokong prestasi eksport perkilangan bukan E&E dan komoditi seperti keluaran petroleum, keluaran kayu dan berkaitan kayu, keluaran minyak sawit dan berkaitan minyak sawit, serta getah dan keluaran getah. Meskipun permintaan meningkat, eksport komoditi terus menurun disebabkan oleh kejatuhan harga. Walaupun ekonomi maju masih merupakan destinasi eksport penting bagi Malaysia, eksport ke ekonomi ASEAN, yang mencakupi kira-kira satu per tiga daripada jumlah eksport Malaysia, menyediakan daya tahan tambahan terhadap permintaan global yang lemah.

Pertumbuhan import juga secara relatif lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2015 (ST2 2015: 3.2%), disokong oleh import lebih tinggi

Jadual 1.7

Perdagangan Luar Negeri

	Bahagian 2015 (%)	2013	2014	2015*a*
		Perubahan tahunan (%)		
Eksport kasar	**100.0**	**2.5**	**6.3**	**1.9**
Perkilangan	80.2	5.1	7.1	6.5
Elektronik dan elektrik (E&E)	*35.6*	*2.5*	*8.1*	*8.5*
Bukan E&E	*44.6*	*7.1*	*6.4*	*5.0*
Komoditi	19.2	-4.6	3.9	-13.4
Mineral	*10.6*	*3.7*	*6.2*	*-20.6*
Pertanian	*8.6*	*-14.4*	*0.5*	*-2.7*
Import kasar	**100.0**	**6.9**	**5.3**	**0.4**
Barangan pengantara	58.2	4.3	7.6	-2.3
Barangan modal	14.0	2.2	-2.4	0.0
Barangan penggunaan	9.1	8.8	5.7	24.1
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**-**	**71.3**	**82.5**	**94.6**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

bagi barangan modal, khususnya jentera elektrik, kelengkapan telekomunikasi dan gerabak kereta api. Import penggunaan kekal mantap, khususnya bagi makanan dan minimum, pakaian dan kasut. Import untuk dieksport semula, khususnya keluaran logam, turut meningkat dalam tempoh ini. Walau bagaimanapun, import barangan pengantara dipengaruhi oleh import bekalan industri yang lebih rendah, khususnya nikel, kuprum dan keluli tahan karat, apabila pengilang mengurangkan inventori input ini.

Bagi tahun 2015, eksport dan import menurun masing-masing kepada 1.9% dan 0.4% (2014: masing-masing 6.3% dan 5.3%). Dengan kelembapan import mengatasi eksport yang sederhana, lebihan perdagangan adalah lebih tinggi pada RM94.6 bilion (2014: RM82.5 bilion). Lebihan perdagangan yang besar disebabkan oleh kedua-dua produk perkilangan dan komoditi. Komoditi juga terus menyumbang kepada lebihan perdagangan, apabila eksport komoditi yang lebih rendah turut diikuti oleh penurunan import berkaitan komoditi, manakala eksport CPO dan LNG mempunyai import bersamaan yang minimal.

Akaun perkhidmatan mencatat defisit lebih besar disebabkan terutamanya oleh penerimaan

Rajah 1.4

Prestasi Eksport



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

bersih lebih rendah daripada akaun perjalanan dan pembayaran bersih lebih tinggi bagi perkhidmatan import lain untuk perdagangan dan aktiviti berkaitan pelaburan. Penerimaan pelancongan menurun pada tahun 2015 berikutan ketibaan pelancong yang lebih rendah ke Malaysia, manakala perjalanan keluar meningkat. Pada tahun 2015, terdapat defisit lebih besar dalam akaun pendapatan sekunder disebabkan peningkatan kiriman wang keluar oleh pekerja asing. Sementara itu, defisit dalam akaun pendapatan primer menurun berikutan penurunan dalam pembayaran terakru kepada pelabur langsung asing di Malaysia yang telah lebih daripada mengimbangi penurunan penerimaan pendapatan terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri.

Rajah 1.5

Prestasi Import



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

ASEAN telah Memberikan Sokongan Positif kepada Perdagangan Malaysia, meskipun Permintaan Global Lemah

Peningkatan stabil dalam eksport ke ASEAN sepanjang dekad yang lalu..

Rajah 1

Eksport Malaysia Mengikut Rakan Perdagangan



..didorong oleh penembusan yang lebih kukuh ke dalam pasaran ASEAN sedang pesat membangun..

Rajah 2

% Bahagian daripada Jumlah Eksport ke ASEAN



..dan pempelbagaian dalam produk nilai ditambah yang lebih tinggi, dan semakin tinggi untuk permintaan serantau akhir

Rajah 3

Eksport Malaysia ke ASEAN Mengikut Keluaran



Import Malaysia dari ASEAN juga lebih tinggi dalam tempoh kebelakangan ini..

Rajah 4

Import Malaysia Mengikut Rakan Perdagangan



..dan semakin bertambah untuk memenuhi permintaan akhir Malaysia

Rajah 5

Import Malaysia dari ASEAN Mengikut Jenis Barang



Sokongan positif yang berterusan dari ASEAN meskipun permintaan global lemah berikutan krisis 2008

Rajah 6

Jumlah Perdagangan Malaysia dengan Rakan Perdagangan Asia Terpilih



Nota: G3 merujuk kepada Amerika Syarikat, Euro dan Jepun
ASEAN-6 merujuk kepada Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Singapura

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Dengan lebihan perdagangan mengatasi defisit dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan, imbangan akaun semasa di Malaysia kekal dalam lebihan, meskipun jumlahnya lebih kecil iaitu RM34.0 bilion atau 3.0% daripada PNK (2014: RM47.3 bilion, 4.4% daripada PNK). Ini dicerminkan oleh lebihan tabungan-pelaburan (T-P) yang lebih kecil pada tahun itu. Tabungan negara kasar (TNK) terus berkembang dengan sederhana sebanyak 0.1% (2014: 8.1%) kepada 28.8% daripada PNK (2014: 30.3%), manakala jumlah pembentukan modal kasar berkembang pada kadar lebih pantas sebanyak 4.9% (2014: 4.7%). Pertumbuhan TNK yang lebih perlahan berpunca daripada penurunan lebih besar dalam tabungan awam (-28.7%; 2014: -5.9%) dan pertumbuhan lebih sederhana dalam tabungan sektor swasta (11.2%; 2014: 14.7%). Ini disebabkan terutamanya oleh lebihan operasi syarikat yang lebih rendah dalam sektor berkaitan komoditi. Sebaliknya, pembentukan modal kasar awam kembali mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.9% pada tahun 2015 (2014: -3.2%). Berserta penurunan tabungan sektor awam, kedua-duanya menyebabkan defisit T-P awam yang lebih besar kepada -RM39.7 bilion (2014: -RM13.1 bilion). Walau bagaimanapun, pembentukan modal kasar swasta berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 7.5% (2014: 10.1%) ekoran permintaan dalam negeri yang sederhana dan sentimen perniagaan yang lebih berhati-hati. Memandangkan tabungan swasta meningkat pada kadar lebih pantas berbanding dengan pembentukan modal, jurang T-P sektor swasta mencatat lebihan lebih besar sebanyak RM73.7 bilion pada tahun 2015 (2014: RM60.4 bilion).

Rajah 1.6

Imbangan Perdagangan Mengikut Komoditi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.7

Imbangan Akaun Semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.8

Tabungan Negara Kasar dan Jurang Tabungan-Pelaburan



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

Aliran modal dua hala yang ketara

Berlatarkan ketidakpastian yang berterusan dalam pasaran kewangan global, sektor luaran mengalami aliran modal dua hala merentas sempadan yang ketara pada sebahagian besar tahun 2015. Aliran keluar dana portfolio asing pada tahun itu adalah ketara. Walau bagaimanapun, Malaysia terus menerima aliran masuk pelaburan langsung asing yang stabil. Syarikat Malaysia dan pelabur pemastautin juga terus meningkatkan kehadiran mereka dalam pasaran antarabangsa dan memperoleh aset portfolio di luar negeri, walaupun pada kadar yang lebih perlahan. Sementara itu, akaun pelaburan lain mencatat aliran keluar bersih yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh aliran keluar yang lebih tinggi oleh sektor swasta. Secara keseluruhan, akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM53.3 bilion (2014: aliran keluar bersih RM81.6 bilion).

Meskipun ekonomi global menghadapi gangguan yang lebih besar, Malaysia kekal sebagai destinasi yang kompetitif untuk entiti asing dan syarikat multinasional melabur dan mengembangkan kapasiti produktif mereka. Dari segi liabiliti, **pelaburan langsung masuk** mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM37.6 bilion, bersamaan dengan 3.3% daripada PNK (2014: aliran masuk bersih sebanyak RM34.6 bilion atau 3.3% daripada PNK). Sebahagian besar aliran masuk ini mencerminkan pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) yang berjumlah RM39.5 bilion, terutamanya dalam bentuk suntikan modal ekuiti dan pengeluaran pinjaman antara syarikat, manakala perolehan yang disimpan untuk tujuan pelaburan adalah mampan. Sebahagian besar aliran masuk FDI disalurkan ke dalam sektor perkilangan, terutamanya untuk industri E&E dan pengambilalihan aset dalam industri berkaitan petrokimia. Meskipun harga minyak mentah menurun, FDI dalam sektor perlombongan masih dalam jumlah yang besar, mencerminkan terutamanya suntikan modal kerja untuk menyokong aktiviti penerokaan dan cari gali huluan yang berterusan di medan minyak dan gas di luar pesisir pantai Sabah dan Sarawak. Sementara itu, baki FDI terdiri terutamanya daripada pelaburan dalam sektor perkhidmatan, khususnya dalam subsektor kewangan dan insurans serta subsektor maklumat dan komunikasi. Dari segi negara sumber, sebahagian besar aliran FDI ini berasal dari ekonomi maju, terutamanya Jepun, Amerika Syarikat dan Singapura.

Dari segi aset, **pelaburan langsung keluar** mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM37.4 bilion atau 3.3% daripada PNK (2014: aliran keluar bersih sebanyak RM53.1 bilion atau 5.0% daripada PNK). Aliran keluar yang lebih rendah ini mencerminkan terutamanya pelaburan langsung ke luar negeri (direct investment abroad, DIA) yang sederhana oleh syarikat-syarikat Malaysia pada tahun itu, yang berjumlah RM39.3 bilion. Aliran DIA yang sederhana ini disebabkan terutamanya oleh suntikan modal ekuiti yang lebih rendah dalam keadaan pinjaman antara syarikat yang disalurkan kepada syarikat subsidiari di luar negeri yang berterusan. Sebahagian besar DIA terus disalurkan ke dalam sektor perlombongan. Pelaburan ini mencerminkan terutamanya pemberian pinjaman jangka panjang oleh syarikat minyak negara kepada syarikat bersekutu untuk tujuan pengambilalihan aset-aset berkaitan minyak dan gas yang strategik di Asia Barat, di samping pelaburan yang berterusan dalam aktiviti pengeluaran di Asia Tengah. DIA dalam sektor perkhidmatan juga besar, terutamanya untuk pengembangan yang berterusan dalam operasi kewangan dan insurans serta maklumat dan komunikasi di rantau Asia.

Pergerakan aliran modal jangka pendek terus menerima kesan buruk daripada keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu sejak suku ketiga tahun 2014. **Pelaburan portfolio bukan pemastautin** mengalami tahap turun naik yang ketara sepanjang tahun itu,

Rajah 1.9

Pelaburan Langsung Asing Bersih Mengikut Sektor[1]



[1] Pelaburan langsung asing seperti yang ditakrifkan mengikut Edisi Kelima Manual Imbangan Pembayaran (BPM5) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Merujuk kepada sektor pertanian dan pembinaan
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.10

Pelaburan Langsung ke Luar Negeri Bersih Mengikut Sektor[1]



[1] Pelaburan langsung ke luar negeri seperti yang ditakrifkan mengikut Edisi Kelima Manual Imbangan Pembayaran (BPM5) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Merujuk kepada sektor pertanian, pembinaan dan perkilangan
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aliran Pelaburan Berterusan Malaysia-ASEAN

Aliran FDI dari ASEAN menyumbang kira-kira satu per empat daripada jumlah aliran masuk FDI ke Malaysia

Rajah 1

Pelaburan Langsung Asing (FDI)[1] di Malaysia



Aliran masuk DIA Malaysia ke ASEAN telah menyederhana dalam tahun-tahun kebelakangan ini

Rajah 2

Pelaburan Langsung ke Luar Negeri (DIA)[2] oleh Syarikat-syarikat Malaysia



FDI dari ASEAN kebanyakannya dijalankan oleh anak-anak syarikat multinasional yang terletak di Singapura

Rajah 3

Kedudukan Pelaburan Langsung ASEAN di Malaysia mengikut Negara



DIA ke ASEAN adalah lebih pelbagai, terutamanya ke Singapura, Indonesia dan Thailand

Rajah 4

Kedudukan Pelaburan Langsung Malaysia di ASEAN mengikut Negara



FDI dari ASEAN disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan dan perkhidmatan kewangan

Rajah 5

Kedudukan Pelaburan Langsung ASEAN di Malaysia Mengikut Sektor[1]



Sebahagian besar DIA ke ASEAN adalah dalam sektor perkhidmatan, khususnya perkhidmatan kewangan

Rajah 6

Kedudukan Pelaburan Langsung Malaysia di ASEAN Mengikut Sektor[2]



[1] Pelaburan Langsung Asing (FDI) sebagaimana yang ditakrifkan mengikut Manual Imbangan Pembayaran Edisi Kelima (BPM5) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Pelaburan Langsung Ke Luar Negeri (DIA) sebagaimana yang ditakrifkan mengikut Manual Imbangan Pembayaran Edisi Kelima (BPM5) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
[3] Merujuk kepada sektor pembinaan dan perlombongan
[4] Merujuk kepada sektor pertanian dan pembinaan

a Awalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

berikutan ketidakpastian terhadap pengaturan masa dan kecepatan pengembalian dasar monetari kepada keadaan yang wajar di AS. Ini telah mendorong kepada pengimbangan semula dedahan yang ketara oleh pelabur antarabangsa, lantas menyebabkan aliran keluar yang meluas daripada ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Malaysia. Tahap turun naik yang ketara ini juga dikaitkan dengan pengumpulan dan pelupusan kedudukan spekulatif dalam pasaran dalam negeri dan luar pesisir. Penurunan harga komoditi dan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam ekonomi sedang pesat membangun juga terbukti menjadi pencetus terhadap aliran keluar. Penghindaran risiko global diburukkan lagi oleh keadaan turun naik ketara yang berlaku secara berkala, yang dicetuskan oleh kebimbangan terhadap krisis hutang Greece pada bulan Julai dan tindak balas keterlaluan terhadap pembetulan pasaran saham di RR China pada bulan Ogos. Akibat perkembangan ini, pelabur bukan pemastautin mengurangkan pemegangan aset portfolio Malaysia, lantas menyebabkan aliran keluar bersih berjumlah RM29.1 bilion bagi tempoh tiga suku pertama tahun 2015.

Dalam tempoh itu, pelupusan ekuiti oleh bukan pemastautin telah menyebabkan penurunan dalam bahagian penyertaan asing kepada 23.0% daripada jumlah permodalan pasaran ekuiti pada bulan September 2015. Sementara itu, terdapat aliran masuk bersih yang kecil ke dalam sekuriti hutang pada separuh tahun pertama, apabila penebusan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN) yang matang sebahagian besarnya diimbangi oleh pembelian Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan terbitan sekuriti hutang luar pesisir oleh sebuah syarikat awam dalam sektor minyak dan gas, serta terbitan sukuk dengan tempoh matang 10 tahun dan 30 tahun oleh Kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, sekuriti hutang mencatat aliran keluar yang besar pada suku ketiga disebabkan terutamanya oleh kematangan beberapa MGS dan beberapa bon syarikat dalam denominasi mata wang asing yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat awam. Oleh itu, pemegangan bukan pemastautin jatuh kepada 21.5% daripada jumlah sekuriti hutang awam terkumpul pada bulan September 2015. Namun, sentimen pelabur bertambah baik sedikit menjelang akhir tahun, apabila keputusan Fed untuk menaikkan kadar faedah yang telah mengurangkan sedikit ketidakpastian dalam pasaran kewangan global. Berikutan itu, dana portfolio mencatat aliran masuk bersih pada suku keempat, terutamanya untuk pembelian MGS. Bagi keseluruhan tahun 2015, pelaburan portfolio oleh bukan pemastautin mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM19.0 bilion (2014: aliran keluar bersih sebanyak RM10.4 bilion). Pada akhir tahun 2015, penyertaan asing dalam pasaran ekuiti adalah pada 22.3%, manakala pemegangan instrumen hutang awam secara keseluruhan oleh bukan pemastautin adalah pada 22.1% (akhir tahun 2014: masing-masing 24.1% dan 23.0%).

Rajah 1.11

Pelaburan Portfolio



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aliran keluar bersih **pelaburan portfolio oleh pemastautin** menurun kepada RM9.2 bilion pada tahun 2015 (2014: aliran keluar bersih sebanyak RM28.1 bilion). Pelaburan ini kebanyakannya merupakan strategi pempelbagaian pelabur institusi, pengurus dana dan institusi kewangan dalam negeri untuk memperoleh aset kewangan di luar negeri, dalam usaha untuk meningkatkan pulangan dan memberikan aliran dividen yang stabil kepada ahli-ahli dan pemegang saham mereka. Pada masa yang sama, institusi kewangan dan syarikat domestik turut membuat beberapa penebusan terhadap pemegangan sekuriti hutang mata wang asing luar pesisir, terutamanya pada separuh tahun kedua. Secara kolektif, pelaburan portfolio oleh pemastautin dan bukan pemastautin mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM28.2 bilion pada tahun 2015 (2014: aliran keluar bersih sebanyak RM38.5 bilion).

Akaun **pelaburan lain** mencatat aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM24.9 bilion bagi keseluruhan tahun 2015 (2014: aliran keluar bersih sebanyak RM23.6 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih dalam

sektor perbankan dan sektor swasta bukan bank (2015: RM23.0 bilion; 2014: aliran keluar bersih sebanyak RM21.6 bilion). Dalam sektor perbankan, aliran keluar bersih disebabkan terutamanya oleh pemberian pinjaman oleh bank-bank Malaysia kepada institusi kewangan asing di luar negeri. Pada masa yang sama, jumlah deposit institusi kewangan bukan pemastautin yang matang dalam sistem perbankan domestik lebih daripada mengimbangi jumlah deposit milik bank Malaysia yang matang dalam institusi kewangan asing di luar negeri. Urus niaga antara bank ini, yang berbeza dari segi magnitud dan arah pada setiap suku tahun, mengesahkan strategi setiap institusi perbankan menguruskan dedahan mudah tunai pertukaran asing mereka. Urus niaga ini juga mencerminkan kehadiran bank domestik dalam pasaran serantau yang kian meningkat. Aliran keluar bersih yang sederhana dicatat oleh sektor swasta bukan bank, mencerminkan terutamanya pemberian bersih kredit perdagangan yang lebih rendah oleh pengeksport Malaysia kepada rakan perdagangan mereka, sejajar dengan pertumbuhan eksport yang lebih perlahan. Sementara itu, sektor awam mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM1.9 bilion (2014: aliran keluar bersih sebanyak RM2 bilion) apabila pembayaran balik peminjaman luar negeri telah lebih daripada mengimbangi pengeluaran pinjaman baharu, terutamanya oleh syarikat awam.

Pada tahun 2015, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat lebihan sebanyak RM3.7 bilion (2014: defisit sebanyak RM36.5 bilion). Kesilapan dan Ketinggalan (Errors & Omissions, E&O) berjumlah +RM24.1 bilion atau +1.6% daripada jumlah perdagangan, sebahagian besarnya mencerminkan penambahan nilai rizab antarabangsa disebabkan penilaian semula pertukaran asing. Tidak termasuk penambahan daripada penilaian semula, E&O berjumlah -RM33.2 bilion atau -2.3% daripada jumlah perdagangan.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM409.1 bilion (bersamaan dengan USD95.3 bilion) pada akhir tahun 2015 berbanding dengan RM405.3 bilion (bersamaan dengan USD115.9 bilion) pada akhir tahun 2014. Berikutan pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing, paras rizab dalam nilai ringgit telah meningkat disebabkan oleh penyusutan nilai ringgit berbanding dengan kebanyakan mata wang, terutamanya pada tiga suku pertama tahun 2015. Walau bagaimanapun, dengan komposisi aset rizab mata wang asing yang pelbagai, paras rizab dalam nilai USD telah menurun, berikutan pengukuhan USD berbanding dengan kebanyakan mata wang lain pada tempoh yang sama. Secara amnya, rizab antarabangsa yang lebih rendah dalam nilai USD mencerminkan aliran keluar pelaburan portfolio bukan pemastautin yang secara relatif lebih tinggi, di samping pelaburan langsung dan pelaburan portfolio di luar negeri yang berterusan oleh pemastautin, meskipun lebih rendah pada tahun 2015. Aliran keluar ini telah lebih daripada mengimbangi lebihan akaun semasa dan aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan pada tahun itu.

Langkah liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing secara progresif dalam beberapa tahun ini telah menggalakkan aliran modal dua hala yang lebih besar dan telah menyumbang kepada kedalaman pasaran kewangan domestik. Ini juga telah menyebabkan desentralisasi rizab antarabangsa yang lebih besar, seperti yang dicerminkan oleh peningkatan pemerolehan aset di luar negeri oleh entiti-entiti Malaysia. Pada 31 Disember 2015, rizab antarabangsa mencakupi kira-kira 25% daripada jumlah aset luar negeri Malaysia, dengan baki 75% dimiliki oleh bank dan syarikat. Ketersediaan aset luar negeri membolehkan entiti-entiti ini memenuhi obligasi hutang luar negeri mereka dan dengan itu, tidak memerlukan tuntutan terhadap rizab antarabangsa. Kepelbagaian instrumen dasar monetari dan fleksibiliti kadar pertukaran juga telah membolehkan ekonomi mengurangkan pergantungannya pada rizab antarabangsa untuk menguruskan tekanan luaran.

Pada 29 Februari 2016, rizab berjumlah RM410.5 bilion (bersamaan dengan USD95.6 bilion). Paras rizab ini kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa dan adalah mencukupi untuk membiayai 8.3 bulan import tertangguh dan ialah 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Hutang luar negeri terurus

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM833.7 bilion, bersamaan dengan USD192.2 bilion atau 72.1% daripada KDNK pada akhir tahun 2015 (akhir tahun 2014: RM747.5 bilion, bersamaan dengan USD211.8 bilion atau 67.5% daripada KDNK). Profil hutang luar negeri kekal teguh memandangkan lebih daripada separuh adalah bertempoh jangka sederhana dan panjang (57.8%). Dari segi mata wang,

kira-kira 36% daripada hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit, terutamanya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik dan deposit oleh bukan pemastautin.

Pada akhir tahun 2015, peminjaman luar pesisir kekal rendah, mencakupi kira-kira separuh daripada jumlah hutang luar negeri dan hanya 40.1% daripada KDNK (Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC): 60.0% daripada KDNK). Komposisi peminjaman luar pesisir juga telah berubah. Meskipun syarikat swasta bukan bank merupakan peminjam utama ketika berlakunya AFC, bahagian mereka telah menurun pada tahun-tahun kebelakangan ini disebabkan lebih banyak syarikat telah memperoleh pembiayaan daripada pasaran kewangan domestik yang lebih maju. Bank-bank kini mencakupi bahagian yang besar daripada peminjaman luar pesisir berikutan kehadiran mereka yang lebih nyata dalam ekonomi serantau. Sehubungan dengan itu, subsidiari luar pesisir dan cawangan bank domestik semakin giat menempatkan dana dengan ibu pejabat mereka di Malaysia di bawah operasi pengurusan mudah tunai mata wang asing berpusat.

Peminjaman luar pesisir, yang sebahagian besarnya dalam denominasi mata wang asing, kekal terurus. Khususnya, bank dan syarikat mencakupi kira-kira 75% daripada aset kewangan luar negeri Malaysia[2] pada akhir tahun 2015, yang tersedia untuk memenuhi obligasi luar negeri mereka. Dedahan luar negeri mereka juga pada amnya dilindungi nilai, sama ada secara semula jadi melalui perolehan mata wang asing, atau melalui penggunaan instrumen kewangan. Selain itu, peminjaman luar pesisir digunakan

Rajah 1.12

Hutang Luar Negeri Terkumpul (akhir tempoh)



[1]Termasuk deposit bukan pemastautin, kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan lain-lain.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 1.8

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2014	2015
	RM bilion	
Peminjaman luar pesisir[1]	371.1	463.6
Bersamaan dengan USD bilion	*105.2*	*106.9*
Jangka sederhana dan panjang	*211.4*	*285.9*
Sektor awam	93.1	128.3
Sektor swasta	118.3	157.6
Jangka pendek	*159.7*	*177.7*
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	223.3	211.3
Jangka sederhana dan panjang	*162.4*	*184.1*
Jangka pendek	*60.9*	*27.2*
Deposit bukan pemastautin	87.7	81.6
Lain-lain[2]	65.5	77.2
Jangka sederhana dan panjang	*10.5*	*11.9*
Jangka pendek	*55.0*	*65.3*
Jumlah hutang luar negeri	**747.5**	**833.7**
Bersamaan dengan USD bilion	*211.8*	*192.2*
Hutang luar negeri (Definisi semula)		
Jumlah hutang/KDNK (%)	67.5	72.1
Hutang jangka pendek[3]/Jumlah hutang (%)	48.6	42.2
Rizab antarabangsa/Hutang jangka pendek[3] (kali)	1.1	1.2[5]
Nisbah khidmat bayaran hutang (% eksport barangan dan perkhidmatan)	19.1	22.6
Hutang luar negeri (Definisi terdahulu)		
Jumlah hutang/KDNK (%)	33.5	40.1
Hutang jangka pendek[4]/Jumlah hutang (%)	43.0	38.3
Rizab antarabangsa/Hutang jangka pendek[4] (kali)	2.5	2.3[5]
Nisbah khidmat bayaran hutang (% eksport barangan dan perkhidmatan)	11.3	15.6

[1] Bersamaan dengan hutang luar negeri definisi terdahulu, terdiri terutamanya daripada pinjaman dalam mata wang asing diperoleh, dan nota dan bon terbitan luar pesisir
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan pelbagai
[3] Peminjaman luar pesisir jangka pendek, pemegangan sekuriti hutang domestik jangka pendek oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin, kredit perdagangan jangka pendek dan pelbagai
[4] Bersamaan dengan peminjaman luar pesisir jangka pendek
[5] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 29 Februari 2016

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[2] Kedudukan pelaburan antarabangsa Malaysia.

Rajah 1.13

Peminjaman Luar Pesisir Kekal Rendah Berbanding Tahap Semasa Krisis Kewangan Asia



Sumber: Bank Negara Malaysia

terutamanya untuk membiayai pengembangan kapasiti produktif dan untuk pengurusan sumber kewangan yang lebih baik dalam kumpulan syarikat. Bagi pinjaman antara syarikat, peminjaman ini pada amnya adalah berdasarkan terma berkonsesi dengan jadual pembayaran balik yang fleksibel.

Hutang luar negeri meningkat 11.5% pada tahun 2015, disebabkan terutamanya oleh kesan penilaian daripada penyusutan nilai ringgit berbanding dengan kebanyakan mata wang pada tempoh tiga suku pertama tahun itu. Penyusutan nilai ringgit telah memberikan kesan terutamanya kepada peminjaman luar pesisir, yang meningkat sebanyak RM92.6 bilion atau 24.9% kepada RM463.6 bilion (akhir tahun 2014: RM371.1 bilion). Tidak termasuk perubahan penilaian semula pertukaran asing, peminjaman luar pesisir meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 4.0% pada tahun itu, menyumbang sebanyak dua mata peratusan kepada peningkatan keseluruhan hutang luar negeri. Ini mencerminkan terutamanya ambilan bersih peminjaman antara syarikat oleh beberapa syarikat swasta dalam sektor minyak dan gas. Ambilan bersih peminjaman luar pesisir oleh syarikat awam pada tahun itu disebabkan terutamanya oleh terbitan baharu sekuriti hutang serta terbitan sukuk antarabangsa oleh sebuah syarikat minyak dan gas pada suku pertama tahun 2015. Sementara itu, Kerajaan Persekutuan telah menerbitkan sukuk 10 tahun dan 30 tahun yang berjumlah USD1.5 bilion. Sebahagian daripada hasil terbitan sukuk ini telah digunakan untuk menebus Sukuk Global 1Malaysia berjumlah

Rajah 1.14

Hutang Luar Negeri yang Lebih Tinggi pada Tahun 2015 Disebabkan Terutamanya oleh Perubahan Penilaian Semula



Sumber: Bank Negara Malaysia

USD1.25 bilion yang matang pada suku kedua tahun 2015. Yang nyata, peminjaman luar pesisir terkumpul oleh Kerajaan Persekutuan kekal rendah pada 4.6% daripada jumlah peminjaman luar pesisir dan 1.9% daripada KDNK. Sebaliknya, bank-bank mencatat pembayaran balik bersih peminjaman luar pesisir pada tahun itu, mencerminkan pembayaran balik bersih peminjaman antara bank yang lebih daripada mengimbangi terbitan sekuriti hutang jangka sederhana dan panjang.

Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin merosot sebanyak RM11.9 bilion atau 5.3% kepada RM211.3 bilion, terutamanya

pada tiga suku pertama tahun 2015 (akhir tahun 2014: RM223.3 bilion). Pelupusan sekuriti hutang domestik sebahagian besarnya terhad kepada Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN), yang mengimbangi pemerolehan Sekuriti Kerajaan Malaysia oleh bukan pemastautin pada tahun itu. Pemegangan BNMN yang lebih rendah juga sebahagiannya disebabkan oleh operasi monetari yang lebih sedikit dan lebih kecil yang dilaksanakan oleh Bank untuk menyerap mudah tunai pada tahun itu. Pemberhentian terbitan baharu BNMN oleh Bank dan membenarkan instrumen itu matang pada separuh pertama tahun 2015 sebahagiannya adalah sebagai tindak balas terhadap pengurangan mudah tunai ekoran aliran keluar modal jangka pendek. Bank menerbitkan semula BNMN pada separuh kedua tahun 2015 apabila aliran keluar modal jangka pendek mula stabil pada lewat bulan Ogos dan mencatat aliran masuk bersih pada suku keempat. Pada akhir tahun 2015, pemegangan BNMN oleh bukan pemastautin telah meningkat tetapi kekal rendah pada RM23.7 bilion atau 11.2% daripada pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin.

Sementara itu, deposit bukan pemastautin menurun kepada RM81.6 bilion (2014: RM87.7 bilion), mencerminkan kematangan deposit yang ditempatkan dengan institusi perbankan domestik.

Secara keseluruhan, hutang luar negeri Malaysia kekal terurus. Profil hutang luar negeri Malaysia kekal teguh dengan lebih separuh daripada hutang tersebut menjurus kepada tempoh jangka sederhana dan panjang. Risiko daripada turun naik pertukaran asing sebahagian besarnya dapat dibendung memandangkan kira-kira 36%

Rajah 1.15

Pemegangan Sekuriti Hutang Domestik oleh Bukan Pemastautin Penunjuk kepada Tahap Sumbangan kepada Hutang Luar Negeri



Sumber: Pangkalan data Asian Bond Monitor Bank Pembangunan Asia dan Bank Negara Malaysia

daripada hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit manakala hutang dalam denominasi mata wang asing sebahagian besarnya dilindung nilai. Nisbah khidmat bayaran hutang kekal rendah pada 22.6% pada tahun 2015 (2014: 19.1%). Sementara itu, rizab antarabangsa adalah mencukupi untuk memenuhi obligasi hutang luar negeri jangka pendek dengan liputan sebanyak 1.2 kali (lihat juga rencana bertajuk Memahami Hutang Luar Negeri Jangka Pendek). Suatu perkara penting untuk diambil perhatian ialah bukan semua hutang luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan terhadap rizab memandangkan peminjam mempunyai perolehan eksport dan aset luar negeri.

Daya tahan terhadap kejutan luaran

Sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka serta mempunyai hubungan yang meluas dengan ekonomi dan pasaran kewangan global, Malaysia sudah pasti tidak terkecuali daripada ketidakpastian yang meningkat dan risiko yang berpunca daripada perkembangan luaran. Namun begitu, Malaysia telah menunjukkan keupayaan untuk menghadapi kejutan luaran yang dialami pada tahun itu dengan bergantung pada kebolehsesuaian ekonominya serta perlindungan yang disediakan oleh penampan kewangan dan rangka kerja dasar (policy framework) yang mantap yang telah dibina sejak beberapa tahun yang lalu.

Malaysia telah menunjukkan keupayaannya untuk menghadapi kejutan luaran dengan bergantung pada kebolehsesuaian ekonominya, penampan kewangan serta rangka kerja dasar (policy framework) yang mantap yang telah dibina sejak beberapa tahun yang lalu

Walaupun aliran modal amat tidak menentu, kesan terhadap pasaran kewangan domestik adalah tidak ketara, lantas membolehkannya berfungsi tanpa gangguan dan memastikan pengantaraan kewangan yang berkesan untuk menyokong ekonomi benar. Pasaran kewangan domestik Malaysia yang mendalam dan pelbagai, di samping sektor

Memahami Hutang Luar Negeri Jangka Pendek

Hutang luar negeri jangka pendek berjumlah RM351.9 bilion, bersamaan dengan 30.4% daripada KDNK pada akhir tahun 2015 (akhir tahun 2009: RM166.3 bilion atau 23.3% daripada KDNK), dan mencakupi 42.2% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir tahun 2009: 42.8%). Trend menaik dalam hutang luar negeri jangka pendek antara tahun 2009 hingga akhir Jun 2014 mencerminkan terutamanya pemegangan sekuriti hutang domestik jangka pendek dan deposit yang lebih besar oleh bukan pemastautin. Antara bulan Julai 2014 hingga akhir tahun 2015, hutang luar negeri jangka pendek meningkat disebabkan oleh kesan penilaian kadar pertukaran ringgit yang lebih lemah berbanding dengan kebanyakan mata wang lain. Berbanding dengan rizab antarabangsa, tampungan rizab bagi hutang luar negeri jangka pendek menurun kepada 1.2 kali pada akhir tahun 2015 (akhir tahun 2009: 2.0 kali).

Rajah 1

Hutang Luar Negeri Jangka Pendek



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2

Sumbangan kepada Peningkatan Hutang Luar Negeri Jangka Pendek



¹ Termasuk perubahan harga terutamanya terhadap sekuriti hutang domestik dipegang oleh bukan pemastautin, dan pelarasan lain terutamanya mengenai klasifikasi, liputan dan kemaskini maklumat
² Terutamanya penebusan pemegangan sekuriti hutang domestik jangka pendek oleh bukan pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3

Pertumbuhan[1] Hutang Luar Negeri Jangka Pendek Mengikut Komponen, 2009-ST1 2014



[1] Kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (CAGR)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 4

Tampungan Rizab ke atas Hutang Luar Negeri Jangka Pendek[1] di Negara Terpilih



[1]Pada akhir suku ketiga 2015, kecuali Malaysia (akhir suku keempat 2015)

Sumber: Haver Analytics, Jabatan Perangkaan Singapura dan Bank Negara Malaysia

Meskipun meningkat, hutang luar negeri jangka pendek kekal terurus. Penilaian ini berdasarkan ciri-ciri penting liabiliti luar negeri dan peminjam. Peminjam, terutamanya bank dan syarikat, mempunyai keupayaan membayar balik obligasi hutang mereka. Sejak beberapa tahun yang lalu, entiti Malaysia telah memperoleh aset di luar negara berikutan liberalisasi secara progresif dalam peraturan pentadbiran pertukaran asing Malaysia. Syarikat[1] dan bank domestik mencakupi 75% daripada RM1.7 trilion aset kewangan luar negeri[2] pada akhir tahun 2015. Khususnya, aset luar negeri jangka pendek[3] syarikat berjumlah RM174.5 bilion, melebihi hutang luar negeri jangka pendek mereka sebanyak RM77.5 bilion. Bagi bank, hutang luar negeri jangka pendek (RM247.3 bilion) ditampung sebahagiannya oleh aset luar negeri jangka pendek (RM87.5 bilion).

Pengumpulan aset luar negeri oleh bank dan syarikat menunjukkan desentralisasi rizab antarabangsa, yang juga terbukti dengan peningkatan deposit mata wang asing dalam sistem perbankan domestik. Kira-kira dua pertiga daripada deposit ini merupakan deposit perusahaan perniagaan. Deposit mata wang asing perusahaan perniagaan telah meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan terkompaun sebanyak 23.0% dalam tempoh tahun 2007-2015 kepada RM90.4 bilion pada akhir tahun 2015. Oleh itu, bukan semua obligasi hutang luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan terhadap rizab antarabangsa.

Rajah 5

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (IIP) Malaysia



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 6

Aset Luaran Bank dan Syarikat Malaysia yang Besar Menyokong Keupayaan Khidmat Bayaran Hutang Mereka



Sumber: Haver Analytics dan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kesan buruk perubahan kadar pertukaran terhadap hutang luar negeri jangka pendek juga sebahagian besarnya terbendung. Kira-kira 25% daripada hutang luar negeri jangka pendek adalah dalam denominasi ringgit dan, dengan itu, tidak dipengaruhi oleh perubahan penilaian. Daripada baki hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing, yang sebahagian besarnya dilindung nilai, kira-kira 70% dipegang oleh bank.

Sektor perbankan mencakupi bahagian terbesar hutang luar negeri jangka pendek

Sektor perbankan mencakupi kira-kira 70% daripada hutang luar negeri jangka pendek. Hutang ini terutamanya dalam bentuk peminjaman antara bank dan deposit bukan pemastautin dalam institusi perbankan domestik. Sebahagian kecil hutang luar negeri jangka pendek bank turut merangkumi hutang luar negeri jangka pendek lain yang terdiri daripada pinjaman jangka pendek daripada bank luar pesisir dan pelbagai bayaran[4].

[1] Termasuk syarikat awam.
[2] Kedudukan pelaburan antarabangsa Malaysia.
[3] Kredit perdagangan, deposit yang ditempatkan di luar negeri, pinjaman antara syarikat dan aset jangka pendek lain.
[4] Termasuk, antaranya, tuntutan insurans yang belum dikeluarkan dan faedah perlu dibayar ke atas bon dan deposit.

Rajah 7

Komponen Hutang Luar Negeri Jangka Pendek (% bahagian, akhir tahun 2015)



Sumber: Bank Negara Malaysia.

Syarikat bukan bank merupakan pemilik hutang luar negeri jangka pendek kedua terbesar (22%), terutamanya dalam bentuk kredit perdagangan dan pinjaman antara syarikat. Syarikat milik bukan pemastautin mencakupi kira-kira 78.7% daripada hutang luar negeri jangka pendek syarikat bukan bank. Bank Negara Malaysia pula ialah pemilik hutang luar negeri jangka pendek ketiga terbesar di Malaysia disebabkan oleh pemilikan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN) yang tinggi oleh bukan pemastautin. Baki pemegangan sekuriti hutang domestik jangka pendek oleh bukan pemastautin yang secara relatif lebih kecil tertumpu pada Bil Perbendaharaan Kerajaan.

Keupayaan peminjam membayar balik hutang menunjukkan daya tahan terhadap kejutan kadar pertukaran

(a) *Sektor perbankan – Pengurusan risiko mudah tunai dan pertukaran asing yang berhemat dan aktif*
Peminjaman antara bank dan penempatan dana oleh entiti asing merupakan liabiliti hutang jangka pendek institusi perbankan domestik. Ini sebahagiannya mencerminkan operasi pengurusan mudah tunai dalam kumpulan bank, yang melibatkan pengumpulan lebihan mudah tunai berpusat merentas pelbagai operasi perbankan luar negeri. Entiti induk asing turut menempatkan deposit dalam bank asing yang diperbadankan di Malaysia. Bagi bank-bank di Labuan[5], yang mencakupi kira-kira 40% daripada jumlah peminjaman antara bank dan penempatan deposit bukan pemastautin, hutang bank-bank ini mencerminkan terutamanya peminjaman bank dikawal bukan pemastautin daripada entiti dalam kumpulan yang beroperasi di pusat kewangan serantau, iaitu di Hong Kong dan Singapura. Risiko berkaitan penempatan deposit dan peminjaman ini diuruskan secara berhemat melalui amalan pengurusan mudah tunai bank. Ini termasuk, tetapi tidak terhad pada, had dalaman bagi ketidakpadanan pendanaan dan kematangan serta pewujudan kemudahan pendanaan luar jangka dengan bank induk untuk menyerap kejutan pendanaan mata wang asing. Yang paling penting, risiko ketakpadanan kematangan adalah terbendung memandangkan aset luar negeri jangka pendek bank-bank telah berkembang seiring dengan pertumbuhan hutang luar negeri jangka pendek mereka.

[5] Berkuat kuasa mulai suku pertama tahun 2008, entiti di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) diolah sebagai pemastautin, bukannya bukan pemastautin seperti sebelum ini, dalam penyusunan hutang luar negeri.

Di samping aset mata wang asing, bank mengurus risiko pertukaran asing bagi hutang mereka dengan berhemat. Ini jelas pada kedudukan terbuka bersih bank yang rendah berbanding dengan jumlah modal, yang merangkumi dedahan pertukaran asing merentas semua tempoh matang (jangka pendek dan panjang) dan sumber (dalam dan luar negeri).

Rajah 8

Kedudukan Terbuka Bersih Pertukaran Asing Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

(b) Syarikat bukan bank – ketersediaan perolehan eksport, pinjaman antara syarikat yang fleksibel dan konsesi dan dedahan luar negeri dilindung nilai

Kredit perdagangan dan pinjaman antara syarikat mencakupi sebahagian besar hutang luar negeri jangka pendek syarikat bukan bank. Seperti mana-mana aktiviti berkaitan perdagangan, liabiliti kredit perdagangan berpunca daripada pelunasan invois terkumpul yang tertunda. Kredit perdagangan ini lazimnya diberikan oleh rakan kongsi perdagangan asing kepada pengimport yang mempunyai kedudukan kewangan yang mantap dan risiko kredit yang rendah. Memandangkan sebahagian besar import ialah barangan pengantara bagi pengeluaran barangan untuk eksport, kebanyakan syarikat yang diberikan kredit perdagangan mempunyai perolehan eksport mata wang asing. Data yang ada menunjukkan bahawa perolehan eksport bagi 60% daripada syarikat ini melebihi kredit perdagangan masing-masing. Selain itu, kira-kira separuh daripada baki syarikat ini mempunyai perolehan eksport yang mengimbangi sebahagian kredit perdagangan mereka.

Rajah 9

Liabiliti Kredit Perdagangan Berbanding dengan Import Kasar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, MATRADE dan Bank Negara Malaysia

Pinjaman antara syarikat merangkumi peminjaman luar pesisir oleh syarikat multinasional asing daripada syarikat induknya dan sebahagian kecilnya oleh syarikat tempatan (kira-kira 20% daripada jumlah pinjaman antara syarikat) daripada subsidiari mereka di luar negeri. Bank telah meliberalkan peraturan yang mentadbir urus pinjaman ini sejak tahun 2008 supaya ia tidak lagi tertakluk kepada sebarang keperluan kelulusan. Ini membolehkan pengurusan sumber kewangan yang lebih fleksibel dalam kumpulan syarikat.

Berdasarkan tinjauan Bank baru-baru ini, sejumlah besar pinjaman antara syarikat dikenakan terma yang fleksibel dan berkonsesi. Secara khusus, terma ini termasuk ketiadaan jadual pembayaran balik yang tetap dan kadar faedah sifar atau rendah, yang jauh lebih rendah berbanding dengan kadar pasaran semasa. Terma yang fleksibel dan berkonsesi ini membolehkan syarikat memenuhi obligasi hutang tanpa banyak kesukaran.

Rajah 10

Bahagian Pinjaman Antara Syarikat Jangka Pendek Menurut Aktiviti, akhir tahun 2015



Sumber: Bank Negara Malaysia

Obligasi hutang luar negeri mata wang asing syarikat sebahagian besarnya dilindung nilai, sama ada secara lazimnya melalui perolehan mata wang asing atau melalui instrumen kewangan, dengan itu mengehadkan sebarang kemungkinan kesan buruk daripada ringgit yang lemah terhadap keupayaan membayar balik hutang mereka.

(c) BNMN – Instrumen untuk menguruskan mudah tunai

BNMN diperkenalkan pada tahun 2006 sebagai satu instrumen untuk Bank menguruskan mudah tunai dalam pasaran kewangan konvensional dan Islam. Objektif utama BNMN adalah untuk meningkatkan kecekapan menyerap lebihan mudah tunai daripada sistem kewangan semasa tempoh berlakunya aliran masuk modal. BNMN juga boleh dilupuskan semasa tempoh aliran keluar modal, dengan itu menyuntik semula mudah tunai dan mengehadkan perubahan dalam keadaan mudah tunai dalam pasaran kewangan domestik.

Pemegangan BNMN oleh bukan pemastautin jatuh daripada paras tertinggi RM85.7 bilion pada akhir bulan Ogos 2014 kepada RM14.0 bilion pada pertengahan bulan Ogos 2015. Pada akhir tahun 2015, pemegangan BNMN oleh bukan pemastautin meningkat semula dengan lebih sederhana kepada RM23.7 bilion. Sebagai sebahagian daripada tindak balas kepada pengurangan mudah tunai yang berpunca daripada aliran keluar modal jangka pendek, Bank

telah menghentikan terbitan baharu dan membenarkan instrumen menjadi matang pada separuh pertama tahun 2015. Hanya pada separuh kedua tahun 2015 Bank menerbitkan semula BNMN apabila aliran modal mula stabil pada akhir bulan Ogos 2015. Selain BNMN, Bank mempunyai instrumen dasar monetari yang lengkap untuk mengurus mudah tunai domestik.

Kesimpulan

Hutang luar negeri jangka pendek Malaysia adalah terurus. Entiti Malaysia telah meningkatkan pemerolehan aset di luar negara sejak beberapa tahun lalu berikutan liberalisasi progresif dalam peraturan pentadbiran pertukaran asing. Berdasarkan paras aset luar negeri dan perolehan mata wang asing sedia ada, obligasi hutang luar negeri syarikat dan bank tidak memerlukan tuntutan terhadap rizab antarabangsa Bank. Selain itu, pinjaman antara syarikat yang fleksibel dan berkonsesi meningkatkan keupayaan syarikat bukan bank untuk membayar balik pinjaman ini, manakala bank dengan giat menguruskan risiko mudah tunai dan pertukaran asing mereka. Kesimpulannya, meskipun Malaysia tidak terkecuali daripada perkembangan global, pengurusan hutang luar negeri secara berhemat akan terus memastikan bahawa hutang luar negeri jangka pendek Malaysia kekal terurus tanpa menjejaskan daya tahan ekonomi terhadap kejutan kadar pertukaran yang buruk.

kewangan yang kukuh dan berdaya tahan telah dapat menampung dan mengantara jumlah aliran modal yang besar dengan lancar. Kehadiran pelabur institusi domestik adalah penting untuk membolehkan permintaan yang mampan terhadap aset kewangan domestik apabila pelabur asing mengimbang semula dedahan mereka. Selain itu, operasi monetari Bank dan penggunaan beberapa instrumen dasar dengan sangat teliti telah membantu memastikan terdapatnya mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong pasaran wang dan pertukaran asing berfungsi dengan teratur, terutamanya dalam tempoh aliran keluar yang lebih tinggi.

Yang penting, meskipun terdapat cabaran akibat kejatuhan harga komoditi dan turun naik pasaran kewangan, asas-asas teras Malaysia telah kekal kukuh, lantas membolehkan ekonomi menghadapi cabaran domestik dan luaran pada tahun itu. Fleksibiliti kadar pertukaran membolehkan ringgit membuat penyesuaian yang sewajarnya terhadap perubahan keadaan luaran, dan bertindak sebagai penyerap kejutan yang berpunca daripada keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu. Pada masa yang sama, rizab antarabangsa telah bertindak sebagai penampan dengan menghalang turun naik kadar pertukaran yang berlebihan dan memastikan pasaran kewangan berfungsi dengan lancar dalam tempoh aliran modal jangka pendek yang besar. Faktor-faktor inilah, bersama-sama dengan lebihan akaun semasa yang berterusan, paras hutang luar negeri yang terurus, dan struktur ekonomi dalam negeri yang pelbagai, yang telah menyediakan negara ini dengan keupayaan untuk menangani kejutan luaran.

PERKEMBANGAN INFLASI

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 2.1% pada tahun 2015 (2014: 3.2%). Walau bagaimanapun, inflasi keseluruhan secara relatif adalah lebih tidak menentu pada tahun 2015. Kadar inflasi menurun secara mendadak pada awal tahun kepada paras terendah iaitu pada 0.1% pada bulan Februari tetapi meningkat pada suku kedua untuk mencapai paras tertinggi, iaitu pada 3.3% pada bulan Julai sebelum menjadi sederhana sedikit selepas itu. Ketidaktentuan dalam inflasi keseluruhan sebahagian besarnya mencerminkan satu siri pelarasan harga bahan api dalam negeri. Bagi tahun 2015 secara keseluruhannya, inflasi keseluruhan yang lebih rendah sebahagian besarnya disebabkan oleh kesan penurunan harga tenaga dan komoditi global, yang lebih daripada mengimbangi kesan penyusutan kadar pertukaran ringgit, pelaksanaan GST dan beberapa pelarasan menaik harga ditadbir yang dibuat menjelang akhir tahun 2015.

Walaupun inflasi keseluruhan tidak menentu, inflasi teras[3] adalah stabil pada purata 2.3% pada tahun 2015 (2014: 2.3%). Kestabilan inflasi teras ini mencerminkan keadaan permintaan dalam negeri yang sederhana, ketiadaan tekanan upah

Rajah 1.16

Inflasi Harga Pengguna



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.17

Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[3] Inflasi teras cuba mengukur kadar inflasi asas. Bagi Malaysia, inflasi teras dikira setelah dikeluarkan barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir, iaitu barangan yang pergerakan harganya lebih cenderung dipengaruhi oleh kejutan sementara dan faktor bekalan tidak menentu dan bukan perubahan yang berterusan dalam faktor asas yang mempengaruhi keadaan permintaan dan penawaran. Di samping itu, inflasi teras juga tidak termasuk anggaran kesan langsung GST.

yang berlebihan, dan persekitaran inflasi global yang agak sederhana.

Meskipun inflasi keseluruhan adalah lebih rendah pada tahun 2015, kenaikan harga pada tahun itu adalah lebih meluas. Bahagian daripada barangan dalam bakul IHP dengan inflasi melebihi 4% meningkat kepada 32% pada suku kedua susulan pelaksanaan GST (11% pada suku pertama). Bahagian ini terus meningkat kepada 41% pada separuh kedua tahun 2015 apabila beberapa firma yang pada mulanya menyerap GST mula mengenakan GST kepada pengguna. Keadaan ini menjadi lebih ketara berikutan penyusutan nilai ringgit yang berterusan dan kenaikan harga barangan makanan segar. Barangan dengan inflasi melebihi 4% kebanyakannya ialah barangan makanan, minuman alkohol, dan produk penjagaan diri dan kesihatan. Walau bagaimanapun, memandangkan barangan ini mencakupi kurang daripada 50% wajaran bagi bakul IHP, inflasi yang lebih tinggi ini telah diimbangi oleh inflasi yang lebih rendah dalam barangan lain, seperti bahan api, utiliti, dan pakaian dan kasut. Dengan perkembangan dalam inflasi keseluruhan ini, kadar inflasi yang dialami oleh isi rumah merentas pelbagai kumpulan pendapatan dan lokasi akan berbeza memandangkan setiap isi rumah mempunyai bakul penggunaan yang berbeza (Lihat Rencana tentang Inflasi dan Kos Sara Hidup).

Dari segi kategori, penurunan inflasi pada tahun 2015 disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah dalam kategori *pengangkutan* dan *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain.* Kategori *pengangkutan* mencatat inflasi negatif sebanyak -4.5% pada tahun 2015 (2014: 4.9%)

Rajah 1.18

Peratusan Komponen IHP yang Mencatat Kadar Inflasi Tertentu



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.19

Sumbangan kepada Inflasi Mengikut Kategori



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

disebabkan oleh penurunan harga bahan api dalam negeri. Harga purata petrol RON97, petrol RON95 dan diesel adalah lebih rendah pada tahun 2015, masing-masing pada RM2.33, RM1.98 dan RM1.92 seliter (2014: masing-masing pada RM2.78, RM2.15 dan RM2.05 seliter). Harga bahan api dalam negeri yang lebih rendah disebabkan oleh penurunan harga minyak global, yang lebih daripada mengimbangi kesan penyusutan ringgit terhadap bahan api ditapis yang diimport untuk kegunaan dalam negeri. Inflasi dalam kategori *perumahan, air, elektrik, gas*

Rajah 1.20

Harga Bahan Api Dalam Negeri pada Tahun 2015



Sumber: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Bank Negara Malaysia

Jadual 1.9

Inflasi Mengikut Kategori (Prapelaksanaan dan Pascapelaksanaan GST)

Kategori	S1 2015 (Pra-GST)	S2 - S4 2015 (Pasca-GST)
	Inflasi purata (%)	
Makanan dan minuman bukan alkohol	2.5	4.0
Minuman alkohol dan tembakau	10.6	14.4
Pakaian dan kasut	-0.3	0.8
Perumahan, air, elektrik, gas, dan bahan api lain	2.1	2.5
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	0.3	3.5
Kesihatan	3.4	4.8
Pengangkutan	-7.6	-3.5
Komunikasi	-0.9	2.9
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	0.6	2.1
Pendidikan	2.1	2.5
Restoran dan hotel	3.1	4.6
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	1.6	5.0
Jumlah	**0.7**	**2.6**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 1.10

Pelarasan Harga Ditadbir pada Tahun 2015

Tarikh	Butiran	Kuantum Pelarasan	
		RM	%
1 Mac 2015	Elektrik	Purata -1 sen/kWj bagi isi rumah	-3.1
29 Jun 2015	Rokok	+RM0.30/pek 20 batang	2.2
15 Oktober 2015	Kadar Tol	Purata kenaikan sebanyak 40% melibatkan 18 lebuh raya dalam bandar	
4 November 2015	Rokok	+RM3.20/pek 20 batang	23.2
2 Disember 2015	Tambang KTM Komuter	+4 sen/km	36.4
	Tambang LRT dan Monorel	Purata kenaikan sebanyak 10% bergantung pada jarak perjalanan	

dan bahan api lain juga lebih rendah pada 2.5% (2014: 3.4%) disebabkan oleh semakan ke bawah yang dibuat terhadap tarif elektrik pada suku pertama tahun 2015.

Pelaksanaan GST pada kadar 6% pada 1 April 2015 menyumbang kepada inflasi yang lebih tinggi bagi kebanyakan kategori barangan dan perkhidmatan pengguna. Kenaikan harga adalah terutamanya ketara dalam kategori *hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah, komunikasi* dan *pelbagai barangan dan perkhidmatan*. Meskipun kenaikan harga adalah menyeluruh, iaitu merentas kebanyakan kategori IHP, kesan keseluruhan masih terkawal kerana GST hanya menyumbang 0.7 mata peratusan kepada inflasi keseluruhan pada tahun 2015. Ini adalah lebih rendah berbanding dengan anggaran awal sebanyak 1.0 mata peratusan. Kesan yang lebih rendah daripada jangkaan ini sebahagiannya disebabkan oleh sesetengah firma yang menanggung GST pada peringkat awal pelaksanaan. Di samping itu, kesan limpahan daripada GST adalah kecil berikutan penguatkuasaan *Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011* yang giat dijalankan oleh Kerajaan bagi memastikan kenaikan harga yang tidak berlebihan.

Inflasi pada tahun 2015 juga dipengaruhi oleh kekurangan bekalan makanan segar berikutan keadaan cuaca yang buruk, terutamanya pada separuh kedua tahun tersebut. Harga sayur-sayuran segar meningkat 7.7% pada tahun 2015 (2014: 1.6%) disebabkan keadaan cuaca yang berubah-ubah dan jerebu yang berpanjangan menjejaskan kualiti dan hasil tanaman. Menjelang akhir tahun 2015, pelarasan menaik yang dibuat terhadap beberapa harga ditadbir seperti kadar tol, tambang kereta api dan harga rokok, juga menyumbang kepada tekanan inflasi. Walau bagaimanapun, disebabkan kebanyakan pelarasan ini dilaksanakan menjelang akhir tahun, kesan terhadap inflasi keseluruhan bagi tahun 2015 adalah kecil.

Pada tahun 2015, ringgit menyusut nilai sebanyak 16.6% berbanding dengan mata wang negara rakan import utama Malaysia. Meskipun ringgit menyusut nilai, kesan terhadap inflasi dalam negeri menerusi saluran langsung dan tidak langsung adalah sederhana.

Menerusi saluran langsung, penyusutan ringgit menyebabkan kenaikan harga barangan siap yang diimport. Tidak termasuk bahan api, IHP import meningkat dengan kadar yang lebih tinggi sebanyak 3.0% pada tahun 2015 (2014: 0.9%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh kenaikan harga barangan makanan yang diimport, yang meningkat sebanyak 5.7% (2014: 2.4%). Walau bagaimanapun, kesan terhadap inflasi keseluruhan adalah terkawal memandangkan barangan yang diimport ini hanya merangkumi sebahagian kecil, iaitu 7.2% daripada bakul IHP.

Kesan tidak langsung penyusutan ringgit menerusi import bahan mentah dan bahan pengantara juga sederhana, diimbangi oleh penurunan yang lebih besar dalam harga komoditi global. Indeks Harga Komoditi Utama IMF merosot dengan kadar dua digit sebanyak 35.3% pada tahun 2015. Penurunan harga ini dicatat merentasi kebanyakan jenis komoditi disebabkan terutamanya oleh bekalan yang lebih daripada mencukupi dalam keadaan permintaan global yang lemah. Harga makanan global adalah lebih rendah seperti yang ditunjukkan oleh kemerosotan sebanyak 17.1% dalam Indeks Harga Makanan IMF[4] (2014: -4.1%), disebabkan terutamanya oleh pengeluaran pada rekod tertinggi bagi tanaman tertentu dan kos tenaga yang rendah secara keseluruhan. Walaupun ringgit menyusut nilai, harga komoditi global yang lebih rendah telah menyebabkan pengurangan keseluruhan kos input bagi pengeluar tempatan. Contohnya, harga bahan mentah dan bahan pengantara yang ditanggung oleh pengeluar masing-masing merosot sebanyak 15.6% dan 3.4%[5] pada tahun 2015 (2014: masing-masing sebanyak -1.0% dan 2.6%), menyebabkan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) merosot sebanyak 4.8% pada tahun 2015 (2014: 1.4%). Kesan penyusutan nilai ringgit menerusi saluran tidak langsung juga adalah terkawal disebabkan oleh bahagian bahan pengantara diimport yang kecil dalam struktur kos pengeluar[6] (Lihat Rencana tentang Kesan Penyusutan Kadar Pertukaran terhadap Inflasi di Malaysia).

Rajah 1.21

Kadar Pertukaran, Harga Komoditi Global, IHP Import dan IHPR



Nota: Pengiraan kadar pertukaran efektif nominal (nominal effective exchange rate, NEER) berbanding dengan rakan import adalah berdasarkan purata wajaran kadar pertukaran mata wang dua hala berbanding dengan 15 rakan import utama Malaysia. Angka positif menunjukkan penyusutan nilai ringgit berbanding dengan mata wang rakan import utama Malaysia jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bloomberg dan Bank Negara Malaysia

Di dalam negeri, tekanan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana disebabkan oleh peningkatan penggunaan swasta yang lebih perlahan dan ketiadaan kenaikan upah yang berlebihan, juga telah membantu membendung tekanan inflasi pada tahun 2015. Kapasiti pengeluaran firma kekal lebih daripada mencukupi untuk memenuhi peningkatan permintaan pengguna, seperti yang dicerminkan oleh kadar penggunaan kapasiti yang secara relatif stabil pada 77% pada tahun 2015 (2014: 79%) dalam sektor perkilangan. Maklumat daripada kaji selidik yang dijalankan oleh Bank juga menunjukkan bahawa firma keberatan untuk memindahkan sepenuhnya tekanan kos yang lebih tinggi kepada pengguna dalam keadaan persekitaran permintaan yang lembap.

[4] Indeks Harga Makanan IMF merangkumi indeks harga bijirin, minyak sayur-sayuran, daging, makanan laut, gula, pisang dan oren.

[5] Anggaran Bank Negara Malaysia. Harga ini menggabungkan harga bahan mentah dan bahan pengantara yang diimport dan yang diperoleh daripada sumber tempatan.

[6] Berdasarkan anggaran daripada Jadual Input-Output Malaysia 2010, kira-kira 20% daripada pengeluaran kasar ialah bahan pengantara yang diimport.

Inflasi dan Kos Sara Hidup

Rencana ini membincangkan secara ringkas perbezaan antara inflasi Indeks Harga Pengguna (IHP) dengan kos sara hidup. Rencana ini juga membentangkan analisis tentang perbezaan dalam kadar inflasi merentas pelbagai kumpulan pendapatan dan merentas negeri di Malaysia, di samping penilaian terhadap pertumbuhan pendapatan dan perbelanjaan isi rumah di Malaysia, dengan menggunakan data daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIS/BA) Tahun 2014, Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (HES) Tahun 2014 dan data IHP tidak agregat pada peringkat negeri.

I. Perbezaan antara inflasi IHP dengan kos sara hidup

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), mencerminkan kadar purata kenaikan harga bakul barangan dan perkhidmatan. IHP dibina berdasarkan andaian bahawa terdapat satu bakul barangan dan perkhidmatan yang mewakili bakul penggunaan semua isi rumah di negara ini[1]. Harga barangan dan perkhidmatan yang digunakan untuk membina IHP ialah harga purata yang dikumpul daripada peniaga runcit (retail outlet) di seluruh negara. Oleh itu, IHP mencerminkan kenaikan purata dalam harga dengan andaian bahawa wujudnya keseragaman dalam corak perbelanjaan seluruh isi rumah serta mengandaikan kuantiti dan kualiti barangan dan perkhidmatan dalam bakul penggunaan tidak berubah. Memandangkan IHP mencerminkan harga purata dalam ekonomi, ia memberikan ukuran yang baik bagi perubahan dalam paras harga keseluruhan barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi. Oleh itu, IHP ialah penunjuk yang bersesuaian dan berguna dalam pelaksanaan dasar makroekonomi, seperti dasar monetari, yang bertujuan untuk mempengaruhi ekonomi yang lebih luas.

Sebaliknya, **kos sara hidup** merujuk kepada jumlah perbelanjaan untuk barangan dan perkhidmatan yang ditanggung oleh isi rumah, termasuk obligasi kewangan untuk mengekalkan taraf hidup pada tahap tertentu[2]. Perbelanjaan atau kos sara hidup ini ditentukan oleh corak perbelanjaan isi rumah dan harga yang dihadapi oleh isi rumah. Corak perbelanjaan berbeza merentas isi rumah kerana corak perbelanjaan dipengaruhi terutamanya oleh pendapatan isi rumah, demografi, struktur keluarga dan kawasan kediaman[3]. Perubahan harga yang dihadapi oleh isi rumah pula berbeza terutamanya mengikut faktor geografi.

Disebabkan IHP tidak mengambil kira kepelbagaian (heterogeneity) dalam corak perbelanjaan isi rumah dan variasi dalam perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dihadapi oleh isi rumah, kadar inflasi dianggap sebagai anggaran bagi kadar kenaikan kos sara hidup. Selagi perbezaan dalam corak perbelanjaan dan perubahan harga tidak ketara, IHP merupakan pengukur yang munasabah bagi kos sara hidup. Dalam keadaan apabila perbezaan corak perbelanjaan dan perubahan harga adalah besar, kadar inflasi mungkin merupakan anggaran yang lemah bagi kadar kenaikan kos sara hidup. Dalam hal ini, IHP boleh terkurang anggaran atau terlebih anggaran kos sara hidup untuk sesetengah segmen isi rumah[4]. Memandangkan wujudnya kepelbagaian dalam corak perbelanjaan dan perbezaan yang ketara dalam harga barangan dan perkhidmatan, analisis yang lebih bermakna bagi kos sara hidup memerlukan penilaian terhadap perubahan corak perbelanjaan dan kos merentas pelbagai kategori isi rumah dan lokasi geografi. Dimensi paling lazim adalah untuk menilai perubahan kos sara hidup dari semasa ke semasa, merentas kumpulan pendapatan yang berbeza dan merentas negeri atau wilayah dalam sesebuah negara.

---

[1] Komposisi barangan dan perkhidmatan dalam bakul IHP dan wajaran masing-masing ditentukan berdasarkan corak perbelanjaan isi rumah agregat yang diperoleh daripada penyiasatan perbelanjaan di seluruh negara. Di Malaysia, bakul IHP disemak setiap lima tahun berdasarkan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah mengikut amalan antarabangsa. Wajaran IHP terkini, berdasarkan penyiasatan tahun 2014, telah dikeluarkan pada bulan Januari 2016.

[2] Taraf hidup ialah ukuran kualiti hidup atau tahap kemakmuran dari segi material yang dinikmati oleh individu.

[3] Faktor-faktor lain termasuk tahap pendidikan dan etnik.

[4] Kajian empirik menunjukkan bahawa ada masanya IHP boleh juga terlebih anggaran kos sara hidup kerana kecenderungan terhadap penggantian (substitution bias). Disebabkan bakul IHP tidak berubah, ia mungkin tidak mengambil kira penggantian kepada barangan dan perkhidmatan yang lebih murah, yang kemudiannya boleh menyebabkan penurunan dalam kos sara hidup, walaupun semasa harga meningkat.

II. Analisis ke atas kos sara hidup menggunakan penyiasatan isi rumah dan data IHP tidak agregat

Dengan menggunakan data daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIS/BA) dan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (HES)[5] bagi tahun 2009 dan 2014; serta data IHP tidak agregat mengikut negeri[6], kajian ini menganalisis kos sara hidup bagi kumpulan isi rumah yang berbeza di Malaysia. HIS/BA dijalankan setiap dua hingga tiga tahun untuk mengumpul statistik berkaitan corak pengagihan pendapatan isi rumah di Malaysia. HES dijalankan setiap lima tahun untuk mengumpul maklumat yang menyeluruh tentang paras dan corak perbelanjaan penggunaan isi rumah.

Rajah 1 menunjukkan perbezaan corak perbelanjaan merentas kumpulan pendapatan yang berbeza bagi isi rumah di Malaysia berdasarkan penyiasatan HES yang terkini. Kumpulan berpendapatan lebih rendah memperuntukkan lebih banyak perbelanjaan untuk makanan, dan kurang untuk pengangkutan, penjagaan kesihatan, pendidikan dan perbelanjaan budi bicara berbanding dengan kumpulan berpendapatan lebih tinggi. Isi rumah di negeri-negeri dengan tahap pembandaran yang tinggi[7, 8], seperti Kuala Lumpur dan Selangor memperuntukkan lebih perbelanjaan untuk perumahan, manakala isi rumah di negeri-negeri dengan tahap pembandaran yang rendah[9] seperti Pahang dan Kelantan memperuntukkan lebih perbelanjaan untuk makanan.

Rajah 1

Bakul Penggunaan Isi Rumah Mengikut Kumpulan Pendapatan dan Negeri



*Perbelanjaan budi bicara termasuk perbelanjaan untuk *minuman alkohol dan tembakau, pakaian dan kasut, hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah, komunikasi, perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan, restoran dan hotel,* dan *pelbagai barangan dan perkhidmatan.*

Nota: 1. Negeri dengan paras pembandaran tinggi mempunyai paras pembandaran melebihi 70%, negeri dengan paras pembandaran sederhana mempunyai paras pembandaran di antara 55% dan 69% dan negeri dengan paras pembandaran rendah mempunyai paras pembandaran kurang daripada 55%.
2. Perbelanjaan dalam kumpulan *makanan dan minuman bukan alkohol* termasuk perbelanjaan untuk *makanan di luar rumah.*

Sumber: Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2014, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 (Banci 2010) dan anggaran Bank Negara Malaysia

Harga mungkin juga berbeza dengan ketara di antara lokasi berlainan. Perbezaan harga mencerminkan terutamanya variasi kos pengedaran, upah pekerja dan sewa serta keadaan permintaan dan penawaran secara relatif. Contohnya, berdasarkan data IHP peringkat negeri yang dikeluarkan

[5] HIS/BA dan HES dijalankan menggunakan pendekatan temu bual secara peribadi, yang meliputi kawasan bandar dan luar bandar di semua negeri. Penyiasatan ini dijalankan secara pensampelan kebarangkalian yang mewakili keseluruhan isi rumah di Malaysia.

[6] IHP mengikut negeri diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, dengan siri data yang ada sejak tahun 2011.

[7] Negeri-negeri dengan tahap pembandaran yang tinggi ialah negeri yang mencatat tahap pembandaran melebihi 70%. Tahap pembandaran dikira dalam Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 2010 (Banci 2010). Negeri-negeri ini termasuk Kuala Lumpur, Selangor serta Putrajaya, Pulau Pinang, Melaka dan Johor.

[8] Bagi tujuan rencana ini, takrif negeri merujuk kepada 13 negeri dan tiga wilayah persekutuan, seperti dikategorikan dalam HIS/BA dan HES.

[9] Negeri-negeri dengan tahap pembandaran yang rendah ialah negeri yang mencatat tahap pembandaran bawah 55%. Negeri-negeri ini termasuk Sabah, Sarawak, Pahang dan Kelantan.

Jadual 1

Inflasi Mengikut Negeri Berdasarkan Paras Pembandaran pada Tahun 2015

	Negeri dengan Paras Pembandaran Tinggi	Negeri dengan Paras Pembandaran Sederhana	Negeri dengan Paras Pembandaran Rendah
	Inflasi purata (%)		
Jumlah	**2.5**	**1.8**	**1.4**
Makanan dan minuman bukan alkohol	4.2	3.2	3.0
Minuman alkohol dan tembakau	13.4	14.1	13.6
Pakaian dan kasut	0.6	-0.1	0.1
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	3.5	2.8	0.3
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	3.1	2.9	2.3
Kesihatan	4.9	4.0	4.2
Pengangkutan	-4.8	-4.9	-4.1
Komunikasi	1.9	2.5	2.3
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	1.8	0.9	1.0
Pendidikan	3.4	2.6	2.2
Restoran dan hotel	4.6	3.3	3.6
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	4.3	4.1	4.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar sewa di negeri dengan tahap pembandaran yang lebih tinggi lazimnya adalah lebih mahal dan meningkat pada kadar yang lebih cepat daripada negeri dengan tahap pembandaran yang rendah. Kenaikan harga terutamanya dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol*, *restoran dan hotel*, *pendidikan* serta *perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan* juga pada amnya lebih tinggi di negeri dengan tahap pembandaran yang tinggi. Oleh itu, negeri dengan paras pembandaran tinggi seperti Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang dan Selangor mencatat kadar inflasi yang lebih tinggi (Jadual 1).

Kadar inflasi isi rumah pada tahun 2015 dikira dengan menggabungkan maklumat yang diperoleh daripada corak perbelanjaan merentas kumpulan pendapatan dan perubahan harga merentas negeri (Jadual 2). Hasil kajian menunjukkan kadar inflasi sememangnya berbeza merentas isi rumah dan boleh berbeza dengan ketara berbanding dengan kadar purata kebangsaan.

- **Kadar inflasi lebih tinggi di negeri dengan tahap pembandaran yang tinggi.** Kadar inflasi purata kebangsaan pada amnya lebih rendah daripada kadar inflasi isi rumah di negeri dengan tahap pembandaran yang tinggi seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya, Pulau Pinang dan Johor pada tahun 2015. Isi rumah di negeri-negeri ini mencakupi 43% daripada jumlah penduduk di Malaysia. Kadar inflasi purata kebangsaan adalah lebih tinggi daripada kadar inflasi yang dialami oleh isi rumah di beberapa negeri dengan tahap pembandaran yang sederhana dan rendah, iaitu Perak, Kedah, Perlis, Sabah dan Sarawak. Isi rumah di negeri ini mencakupi 36% daripada jumlah penduduk Malaysia.

- **Kadar inflasi lebih tinggi untuk kumpulan berpendapatan lebih rendah merentas kebanyakan negeri di Malaysia.** Isi rumah dalam kumpulan pendapatan 20% terendah mengalami kadar inflasi antara 0.12 hingga 1.10 mata peratusan lebih tinggi daripada isi rumah dalam kumpulan pendapatan 20% tertinggi. Bagi negeri dengan tahap pembandaran yang tinggi, perbezaannya lebih tinggi dengan purata 0.6 mata peratusan (0.4 mata peratusan untuk

Jadual 2

Inflasi IHP Mengikut Negeri dan Kumpulan Pendapatan pada Tahun 2015 (Perubahan tahunan,%)

		Persentil pendapatan					
		20 Terendah	**21-40**	**41-60**	**61-80**	**20 Tertinggi**	**Jumlah**
	MALAYSIA	**2.1**					
Negeri dengan paras pembandaran tinggi	Kuala Lumpur	**3.01**	**2.87**	**2.78**	**2.74**	**2.73**	**2.78**
	Selangor & Putrajaya	**2.70**	**2.51**	**2.38**	**2.33**	2.16	**2.34**
	Pulau Pinang	**2.72**	**2.56**	**2.50**	**2.46**	2.30	**2.45**
	Melaka	**2.57**	**2.23**	**2.31**	1.76	1.47	1.92
	Johor	**3.14**	**2.92**	**2.95**	**2.86**	**2.49**	**2.78**
Negeri dengan paras pembandaran sederhana	Negeri Sembilan	**2.77**	**2.62**	**2.56**	2.26	1.92	**2.30**
	Perak	2.06	1.95	1.80	1.77	1.60	1.77
	Kedah & Perlis	2.25	1.93	1.83	1.62	1.29	1.65
	Terengganu	2.04	2.00	1.98	1.97	1.60	1.85
Negeri dengan paras pembandaran rendah	Sabah & Labuan	1.08	0.97	0.96	0.82	0.80	0.88
	Sarawak	1.54	1.48	1.47	1.43	1.42	1.45
	Pahang	2.23	2.03	2.00	1.68	1.64	1.83
	Kelantan	**2.33**	2.08	1.98	1.90	1.69	1.91

Inflasi cenderung lebih tinggi bagi negeri yang mempunyai paras pembandaran yang lebih tinggi

Inflasi cenderung lebih tinggi bagi kumpulan berpendapatan lebih rendah

Inflasi 0.2 melebihi purata nasional

Inflasi dalam julat +/- 0.2 purata nasional

Inflasi 0.2 kurang daripada purata nasional

Nota:
1. Negeri dengan paras pembandaran tinggi mempunyai paras pembandaran melebihi 70%, negeri dengan paras pembandaran sederhana mempunyai paras pembandaran di antara 55% dan 69% dan negeri dengan paras pembandaran rendah mempunyai paras pembandaran kurang daripada 55%.
2. Walaupun Labuan merupakan negeri dengan paras pembandaran yang agak tinggi, kadar inflasinya adalah dilaporkan bersama dengan Sabah disebabkan oleh corak perbelanjaan dan harga barangan dan perkhidmatan yang agak sama.
3. Kadar inflasi bagi isi rumah dikira berdasarkan bahagian perbelanjaan isi rumah mengikut kategori yang diperolehi daripada Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2014 dan pecahan kadar inflasi pada peringkat negeri.

Sumber: Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

negeri dengan tahap pembandaran yang rendah). Memandangkan kumpulan berpendapatan lebih rendah memperuntukkan bahagian perbelanjaan yang lebih besar untuk makanan, mereka mengalami inflasi yang lebih tinggi disebabkan peningkatan inflasi makanan pada tahun 2015 (3.6%, 2014: 3.3%). Kumpulan berpendapatan lebih rendah juga kurang mendapat manfaat daripada penurunan harga bahan api dalam negeri pada tahun 2015 disebabkan bahagian perbelanjaan yang lebih rendah untuk bahan api. Oleh itu, isi rumah berpendapatan lebih rendah yang tinggal di negeri dengan tahap pembandaran yang tinggi cenderung mengalami peningkatan yang paling tinggi dalam kos sara hidup[10].

[10] Hasil kajian ini juga sah bagi tempoh antara tahun 2011 hingga 2015.

Perubahan kos sara hidup juga dinilai menggunakan data perbelanjaan isi rumah sebenar daripada HES 2014. Berdasarkan analisis ini, perbelanjaan isi rumah agregat, termasuk obligasi kewangan[11], meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (Compounded Annual Growth Rate, CAGR) sebanyak 8.5% dalam tempoh antara tahun 2010 hingga 2014. Pertumbuhan perbelanjaan yang lebih tinggi berbanding dengan CAGR bagi IHP sebanyak 2.6% untuk tempoh yang sama menunjukkan pertumbuhan perbelanjaan bukan sahaja didorong oleh harga yang lebih tinggi, malahan oleh peningkatan jumlah penggunaan barangan dan perkhidmatan. Pertumbuhan perbelanjaan yang kukuh dicatat merentas semua kumpulan pendapatan (Rajah 2). Perbelanjaan budi bicara agregat, khususnya, meningkat kukuh sebanyak 9.0% (Rajah 4), disumbangkan terutamanya oleh perbelanjaan yang lebih tinggi untuk restoran dan hotel, perkhidmatan rekreasi dan komunikasi (Rajah 5).

Rajah 2

Pertumbuhan dalam Pendapatan dan Perbelanjaan* Purata Isi Rumah



*Termasuk obligasi kewangan

Sumber: Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014 dan 2009, Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2014 dan 2009, dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 3

Pendapatan dan Perbelanjaan* Purata Isi Rumah



*Termasuk obligasi kewangan

Sumber: Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014, Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2014, dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 4

Pertumbuhan dalam Perbelanjaan Purata Isi Rumah Mengikut Jenis



Sumber: Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2009 dan 2014 dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 5

Sumbangan kepada Pertumbuhan dalam Perbelanjaan Budi Bicara



Sumber: Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2009 dan 2014 dan anggaran Bank Negara Malaysia

[11] Obligasi kewangan termasuk pembayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan pembayaran cukai pendapatan; serta pembayaran balik pinjaman.

Pertumbuhan perbelanjaan agregat diiringi dengan peningkatan pendapatan isi rumah agregat, yang meningkat dengan CAGR sebanyak 8.8% dalam tempoh yang sama. Secara purata, paras pendapatan melebihi perbelanjaan bagi semua kumpulan pendapatan, membolehkan isi rumah menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka (Rajah 3). Namun begitu, analisis yang lebih terperinci terhadap data tidak agregat daripada HIS/BA 2014 dan HES 2014 menunjukkan yang berikut:

- **Isi rumah yang berbelanja lebih daripada pendapatan (Dissaver household).** Terdapat isi rumah, terutamanya daripada kumpulan pendapatan lebih rendah, yang berbelanja melebihi pendapatan mereka.

- **Isi rumah dalam kumpulan pendapatan 40% terendah[12].** Obligasi kewangan isi rumah ini, termasuk pembayaran balik pinjaman, mencatat pertumbuhan yang secara relatif tinggi. Oleh itu, isi rumah ini, yang hanya mempunyai jumlah simpanan yang kecil[13] secara relatif, mudah terjejas oleh kejutan kepada pendapatan dan harga.

- **Isi rumah berpendapatan tetap, termasuk pesara.** Meskipun pendapatan agregat meningkat pada purata 8.8%, terdapat segmen penduduk yang mengalami pertumbuhan pendapatan yang jauh lebih rendah atau tiada pertumbuhan pendapatan.

Analisis ini telah menunjukkan kadar inflasi yang dialami oleh isi rumah adalah berbeza, disebabkan perbezaan corak perbelanjaan dan perubahan harga. Khususnya, isi rumah dalam kumpulan berpendapatan lebih rendah yang tinggal di negeri dengan tahap pembandaran yang tinggi mengalami inflasi yang lebih tinggi. Pada peringkat agregat, peningkatan kos sara hidup, secara purata, telah diiringi oleh peningkatan pendapatan yang setara. Walau bagaimanapun, pada peringkat tidak agregat, analisis data pendapatan dan perbelanjaan menunjukkan bahawa terdapat segmen masyarakat yang terdedah kepada peningkatan kos sara hidup, dan isi rumah ini merupakan isi rumah yang berbelanja lebih daripada pendapatan; isi rumah dalam kumpulan pendapatan 40% terendah; dan isi rumah berpendapatan tetap.

Kesimpulan

Isu kenaikan kos sara hidup perlu ditangani dengan mengambil pendekatan dasar pelbagai dimensi. Ini termasuk langkah-langkah untuk menangani cabaran pembandaran seperti perumahan dan kesalinghubungan, meningkatkan pendidikan dan kesedaran kewangan, serta meningkatkan produktiviti dan pendapatan. Yang penting, usaha lebih gigih perlu ditumpukan pada peningkatan tahap produktiviti rakyat Malaysia menerusi penggunaan teknologi moden dan peningkatan kemahiran pekerja melalui akses kepada pendidikan dan latihan yang lebih baik. Ini akan membolehkan rakyat Malaysia bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai ke arah pekerjaan bernilai tambah lebih tinggi untuk meraih pendapatan yang lebih tinggi, seterusnya menikmati taraf hidup yang lebih baik.

Rujukan

Boskin M J, E R Dulberger, R J Gordon, Z Griliches, D W Jorgensen (1998). `Consumer Prices, the Consumer Price Index and the Cost of Living´, *Journal of Economic Perspectives*, Vol 12, No 1.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2014). `Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah´.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2014). `Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas´.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2009). `Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah´.

[12] Isi rumah dalam kumpulan pendapatan 40% terendah ialah isi rumah yang termasuk dalam kumpulan pendapatan 40% terendah dalam pengagihan pendapatan kebangsaan, iaitu kurang daripada RM3,649 berdasarkan HIS/BA 2014.

[13] Kira-kira 28% daripada isi rumah dalam kumpulan pendapatan 40% terendah tidak membuat simpanan pada setiap bulan, manakala 11% membuat simpanan kurang daripada RM100 pada setiap bulan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2009). `Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas´.

Jacobs D, Perera D, Williams T (2014). `Inflation and the Cost of Living´, *Reserve Bank of Australia Bulletin (March Quarter)*.

Phillips B, J Li, M Taylor (2012). `Prices These Days! The Cost of Living in Australia´, *AMP.NATSEM Income and Wealth Report*, Issue 31, May, Sydney, AMP.

Schultze C, Mackie C (Eds.) (2002). `At What Price?: Conceptualizing and Measuring Cost-of-Living and Price Indexes, Panel on Conceptual, Measurement, and Other Statistical Issues in Developing Cost-of-Living Indexes´, Committee on National Statistics, Division of Behavioral and Social Sciences and Education, National Research Council, National Academy Press, Washington D.C.

Kesan Penyusutan Nilai Kadar Pertukaran Terhadap Inflasi di Malaysia

Pengenalan

Penyusutan nilai ringgit yang berterusan sejak bulan September 2014 telah menimbulkan kebimbangan mengenai risiko inflasi yang lebih tinggi di Malaysia. Secara amnya, penyusutan nilai kadar pertukaran yang besar dan berterusan dalam ekonomi kecil lagi terbuka akan menyebabkan inflasi dalam negeri menjadi lebih tinggi ekoran import menjadi lebih mahal. Namun begitu, pengalaman Malaysia selama dua dekad yang lalu menunjukkan bahawa episod penyusutan nilai kadar pertukaran yang berterusan tidak semestinya akan menyebabkan inflasi yang ketara lebih tinggi (Rajah 1). Kesannya juga bergantung pada perkembangan lain yang mempengaruhi ekonomi. Pengalaman menunjukkan bahawa walaupun penyusutan nilai ringgit pada tahun 1997-1998 mengakibatkan inflasi yang tinggi, episod penyusutan nilai baru-baru ini sebaliknya berlaku seiring dengan tempoh inflasi yang rendah.

Rencana ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama membentangkan hasil kajian daripada anggaran kesan pindahan kadar pertukaran (exchange rate pass-through, ERPT) kepada inflasi di Malaysia, dan bahagian kedua menjelaskan mengapa inflasi mungkin tinggi semasa episod penyusutan nilai kadar pertukaran tertentu tetapi rendah pada masa yang lain.

Rajah 1

Kadar Pertukaran dan Inflasi



Nota: Pengiraan kadar pertukaran efektif nominal (*nominal effective exchange rate, NEER*) berbanding dengan rakan import adalah berdasarkan purata wajaran kadar pertukaran mata wang dua hala berbanding dengan 15 rakan import utama Malaysia. Angka positif menunjukkan penyusutan nilai ringgit berbanding dengan mata wang rakan import utama Malaysia jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bloomberg dan Bank Negara Malaysia

A. Kesan pindahan kadar pertukaran kepada inflasi di Malaysia

Kesan pindahan kadar pertukaran (exchange rate pass-through, ERPT) kepada inflasi merujuk kepada sejauh mana harga dalam negeri berubah akibat perubahan kadar pertukaran nominal. Transmisi daripada kadar pertukaran kepada inflasi berlaku menerusi dua saluran utama. Saluran pertama ialah saluran langsung menerusi barangan siap diimport dalam bakul barangan IHP, dan yang kedua ialah saluran tidak langsung menerusi input yang diimport dalam rantaian pengeluaran (Gambar Rajah 1)[1] .

[1] Dalam rencana ini, IHP merujuk kepada Indeks Harga Pengguna; IHP-Import ialah komponen barangan siap yang diimport dalam IHP, tidak termasuk bahan api; IHPR ialah Indeks Harga Pengeluar; IHPR-Import ialah komponen IHPR yang diimport; dan IHPR-Tempatan ialah komponen IHPR dalam negeri.

(i) **Saluran langsung.** Turun naik kadar pertukaran mempunyai kesan secara langsung terhadap harga barangan siap yang diimport. Penyusutan nilai ringgit, berbanding dengan mata wang rakan import Malaysia, menyebabkan kenaikan kos barangan siap diimport daripada ekonomi tersebut.

(ii) **Saluran tidak langsung.** Pergerakan kadar pertukaran mempengaruhi kos input bagi firma yang menggunakan input yang diimport dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan tempatan. Input yang diimport mungkin dalam bentuk bahan mentah seperti kayu dan gandum, atau dalam bentuk bahan pengantara seperti kain dan batang besi.

Selain itu, harga barangan dan perkhidmatan yang dipengaruhi oleh pergerakan kadar pertukaran, sama ada menerusi satu atau kedua-dua saluran tersebut, mungkin memberikan kesan limpahan terhadap harga barangan dan perkhidmatan lain dalam IHP. Ini boleh mengakibatkan kenaikan harga secara umum[2].

Gambar Rajah 1

Saluran Transmisi daripada Kadar Pertukaran kepada Inflasi di Malaysia



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hubungan konsep antara pergerakan kadar pertukaran dengan inflasi diilustrasi dalam Rajah 2 yang menunjukkan penyusutan nilai mempunyai kesan inflasi manakala penambahan nilai mempunyai kesan disinflasi. Tahap kesan daripada perubahan kadar pertukaran terhadap inflasi boleh berbeza antara tempoh penambahan nilai dengan penyusutan nilai[3]. Asimetri ini berlaku kerana firma lazimnya lebih bersedia memindahkan kenaikan dalam kos import kepada harga pengguna berikutan penyusutan nilai kadar pertukaran, tetapi firma lazimnya kurang bersedia mengurangkan harga pengguna apabila terdapat pengurangan kos disebabkan oleh penambahan nilai kadar pertukaran. Selain itu, jika penyusutan nilai kadar pertukaran melebihi paras nilai ambang yang tertentu, firma boleh mengubah tingkah laku mereka dengan ketara, lantas mengakibatkan kesan yang lebih besar terhadap inflasi.

[2] Perubahan dalam kadar pertukaran mungkin juga mempengaruhi inflasi dalam negeri secara tidak langsung menerusi kesan penggantian. Jika penyusutan nilai kadar pertukaran menyebabkan barangan diimport menjadi lebih mahal, pengguna mungkin menggantikannya dengan barangan tempatan dan ini boleh memberikan tekanan menaik terhadap harga barangan keluaran tempatan. Selain itu, penyusutan nilai juga boleh menyebabkan permintaan yang lebih tinggi terhadap eksport dan menyebabkan pengukuhan permintaan agregat yang boleh menyebabkan tekanan inflasi.

[3] Strategi penentuan harga oleh firma cenderung berbeza pada tempoh penyusutan nilai dan penambahan nilai, yang akan menentukan kesan asimetri daripada kesan pindahan kadar pertukaran kepada inflasi. Kesan inflasi semasa penyusutan nilai cenderung lebih besar saiznya berbanding dengan kesan disinflasi semasa penambahan nilai.

Rajah 2

Hubungan Konsep antara Perubahan Kadar Pertukaran dengan Inflasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3

Plot Selerak Kadar Pertukaran dan Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bloomberg dan Bank Negara Malaysia

Rajah 4

Kandungan Import Barangan IHP dan Sensitiviti Harga Masing-masing terhadap Perubahan Kadar Pertukaran



Nota: Sensitiviti merujuk kepada darjah kesan pindahan kadar pertukaran bagi barangan IHP individu pada tahap 4-digit.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bloomberg dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 5

Perubahan Kadar Pertukaran dan Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bloomberg dan anggaran Bank Negara Malaysia

Dengan menggunakan data bagi dua dekad yang lalu, plot selerak (scatter plot) menunjukkan hubungan positif yang lemah antara kadar pertukaran[4] dengan inflasi (Rajah 3). Ini menunjukkan bahawa perubahan kadar pertukaran mungkin mempunyai kesan yang kecil terhadap inflasi dalam negeri. Dengan mengaplikasikan metodologi standard daripada bahan kepustakaan, anggaran kesan pindahan dibuat secara empirik[5] menggunakan kadar pertukaran efektif nominal (nominal effective exchange rate, NEER) dengan data suku tahunan dari tahun 1995 hingga tahun 2015. Hasil kajian diringkaskan seperti yang berikut:

[4] Kecuali dinyatakan sebaliknya, kadar pertukaran dalam rencana ini merujuk kepada kadar pertukaran efektif nominal (nominal effective exchange rate, NEER).

[5] Spesifikasi empirik mengikuti persamaan keluk Phillips linear, yang mengawal inflasi terlat (lagged inflation), harga komoditi global, dan jurang keluaran. Anggaran dibuat menggunakan NEER dan keputusan adalah mantap untuk kadar pertukaran nominal dua hala (RM/USD).

(i) ***Kesan pindahan kadar pertukaran kepada inflasi teras adalah rendah.*** Penyusutan nilai dalam kadar pertukaran sebanyak 10% dikaitkan dengan peningkatan inflasi teras antara 0.2% hingga 0.6%[6]. Dengan peredaran masa, tahap kesan pindahan kadar pertukaran kekal rendah dan secara relatif stabil[7].

(ii) ***Analisis data IHP tidak diagregat menunjukkan tiada hubungan positif yang signifikan antara kandungan import dengan sensitiviti[8] terhadap kadar pertukaran.*** Lazimnya, harga barangan yang mempunyai kandungan import yang lebih tinggi adalah lebih sensitif terhadap perubahan kadar pertukaran berbanding dengan barangan yang kandungan importnya lebih rendah. Namun, plot selerak (Rajah 4) menunjukkan bahawa hubungan ini lemah[9]. Penelitian terhadap setiap barangan dalam bakul IHP menunjukkan bahawa kebanyakan barangan dan perkhidmatan mempunyai kandungan import yang sederhana[10] dan anggaran kesan pindahan kadar pertukaran untuk barangan tersebut menunjukkan bahawa penyusutan nilai sebanyak 10% dikaitkan dengan inflasi yang lebih tinggi, tetapi tidak melebihi 3%.

(iii) ***Analisis mengikut peringkat pemprosesan menggunakan data IHPR tidak diagregat menunjukkan bahawa kesan pindahan kadar pertukaran menerusi saluran tidak langsung turut rendah dan tidak lengkap.*** Anggaran kesan pindahan kadar pertukaran dibuat pada dua peringkat berlainan dalam rantaian pengeluaran, yang bermula pada peringkat firma dan berakhir pada peringkat pengguna (Gambar Rajah 2). Pada peringkat pertama rantaian pengeluaran, kesan pindahan kadar pertukaran kepada kos input dianggarkan rendah dan tidak lengkap, iaitu perubahan 10% dalam kadar pertukaran dikaitkan dengan perubahan 1.3% dalam kos bahan mentah dan bahan pengantara yang diimport. Pada peringkat kedua, kesan pindahan daripada harga input kepada harga pengguna adalah lebih kecil, iaitu kenaikan harga input sebanyak 10% menyebabkan kenaikan harga barangan pengguna sebanyak 0.4% sahaja.

Gambar Rajah 2

Kadar Pertukaran, Harga Komoditi Global dan Harga-harga Sepanjang Rantaian Pengeluaran



Nota: Nombor dalam kurungan () mewakili purata perubahan tahunan pemboleh ubah semasa episod penyusutan nilai antara bulan Oktober 2014 dan Disember 2015. Bagi harga komoditi tempatan, data bermula dari bulan Oktober 2014 hingga September 2015.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bloomberg dan anggaran Bank Negara Malaysia

[6] Julat merujuk kepada kesan pindahan kadar pertukaran jangka pendek. Variasi dalam anggaran kesan pindahan berpunca daripada spesifikasi yang berbeza untuk persamaan penganggar (contoh: bilangan lat untuk inflasi, bilangan lat untuk kadar pertukaran, dan bilangan pemboleh ubah kawalan, seperti keadaan permintaan, dan lat masing-masing).

[7] Kesan pindahan kadar pertukaran kekal stabil apabila dua sampel masa dibandingkan, iaitu tahun 1995-2002 dan tahun 2003-2015. Mihaljek dan Klau (2008) juga merumuskan bahawa kesan pindahan kadar pertukaran di Malaysia adalah rendah dan stabil apabila dua sampel masa dibandingkan, iaitu tahun 1994-2000 dan tahun 1994-2006.

[8] Sensitiviti merujuk kepada kesan pindahan kadar pertukaran untuk setiap barangan IHP pada paras 4-digit.

[9] Ini merujuk kepada Forbes (2015). Selain itu, Choudhri dan Hakura (2006) serta Aron, MacDonald dan Muellbauer (2014) mendapati tiada hubungan yang signifikan antara kesan pindahan kadar pertukaran dengan keterbukaan (nisbah import kepada KDNK, kebergantungan import, dan bilangan pengimport).

[10] Sumber: Jadual Input-Output Tahun 2010 untuk Malaysia. Kebanyakan barangan dalam bakul IHP mempunyai kandungan import yang kurang daripada 40%.

(iv) ***Penyusutan nilai dan penambahan nilai kadar pertukaran mempunyai kesan asimetri terhadap inflasi.*** Perlu diketahui bahawa, anggaran kesan pindahan kadar pertukaran merangkumi kedua-dua tempoh berlakunya penyusutan nilai dan penambahan nilai. Namun, kaji selidik telah menunjukkan bahawa saiz kesan ini terhadap inflasi cenderung lebih besar semasa tempoh penyusutan nilai berbanding dengan tempoh penambahan nilai. Hubungan asimetri antara perubahan kadar pertukaran dengan inflasi (seperti yang diilustrasi dari segi konsep dalam Rajah 2) juga diperhatikan dalam data untuk Malaysia (Rajah 5)[11]. Anggaran empirik untuk membezakan kesan pindahan kadar pertukaran semasa episod penyusutan nilai dan episod penambahan nilai di Malaysia menunjukkan bahawa kesan pindahan kadar pertukaran sememangnya lebih besar semasa tempoh penyusutan nilai.

(v) ***Kekurangan bukti yang mantap bagi menunjukkan kesan nilai ambang (threshold) antara penyusutan nilai kadar pertukaran dengan inflasi.*** Firma cenderung untuk menyerap kenaikan kos pada awalnya jika mereka mendapati bahawa penyusutan nilai itu kecil atau sementara. Apabila penyusutan nilai kadar pertukaran berpanjangan dan melebihi ambang tertentu, firma mungkin mengubah tingkah laku mereka dalam penentuan harga. Pada peringkat ini, sensitiviti harga terhadap penyusutan nilai kadar pertukaran mungkin turut meningkat dengan tidak setara. Namun, di Malaysia, kesan nilai ambang didapati tidak konklusif. Bukti kesan nilai ambang akan menunjukkan bahawa apabila saiz penyusutan nilai kadar pertukaran menjadi lebih besar, inflasi akan turut meningkat pada kadar yang lebih cepat dan adakalanya tidak linear. Rajah 6 menunjukkan bahawa inflasi teras di Malaysia kekal stabil, iaitu pada purata menghampiri 2% apabila penyusutan nilai kadar pertukaran kurang daripada 6%. Apabila penyusutan nilai kadar pertukaran melebihi 6%, inflasi teras meningkat untuk berpurata pada 3.6%. Walau bagaimanapun, ini didorong terutamanya oleh data bagi tempoh tahun 1997-1998. Meskipun pemerhatian ini seolah-olah menunjukkan sedikit kesan ambang, anggaran empirik[12] menunjukkan bahawa keputusan ini tidak signifikan dari segi statistik. Ini mungkin disebabkan pengalaman Malaysia, menurut data sampel, sememangnya terhad dari segi inflasi tinggi dan penyusutan nilai kadar pertukaran yang besar.

Sebagai rumusan, tahap kesan pindahan kadar pertukaran di Malaysia adalah secara relatif kekal rendah. Ini selaras dengan kajian Bank[13] pada tahun 2011 dan hasil kajian umum bagi Malaysia dalam bahan kepustakaan. Kesan pindahan kadar pertukaran yang rendah boleh berpunca daripada faktor-faktor berikut:

- ***Kewujudan dasar harga ditadbir[14].*** Kira-kira 17.5% daripada barangan dalam bakul IHP tertakluk kepada dasar harga ditadbir. Kerajaan juga melaksanakan langkah-langkah lain untuk memastikan kenaikan harga tidak berlebihan. Langkah ini meliputi pengeluaran permit import yang lebih banyak untuk meningkatkan bekalan makanan semasa tempoh kekurangan bekalan, kempen penurunan harga, dan penguatkuasaan *Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011*.
  - Contohnya, faktor ini telah mengurangkan sensitiviti inflasi bahan api terhadap harga minyak global dan kadar pertukaran. Sebelum bulan Disember 2014, harga bahan api dalam negeri diklasifikasikan sebagai satu daripada barangan harga ditadbir. Meskipun bahan api untuk penggunaan dalam negeri kebanyakannya diimport, harganya tidak dipengaruhi oleh

[11] Data tersesuai dengan garis trend logaritma, kerana kadar peningkatan dalam perubahan kadar pertukaran seiring dengan inflasi yang lebih tinggi.

[12] Anggaran berdasarkan regresi ambang daripada Hansen (1999 dan 2000) apabila persamaan keluk Phillips dianggarkan untuk satu siri perubahan kadar pertukaran yang boleh mencerminkan potensi kesan ambang.

[13] Lihat rencana mengenai `Kesan Penambahan Nilai Ringgit Terhadap Harga Diimport dan Inflasi´ dalam Laporan Tahunan BNM 2011.

[14] Mekanisme penentuan harga barangan ditadbir dalam IHP ditentukan terutamanya oleh *Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011*, yang menggantikan *Akta Kawalan Harga 1946*. Secara amnya, terdapat dua jenis barangan harga ditadbir dalam IHP. Yang pertama merangkumi barangan yang harga runcitnya ditentukan oleh Kerajaan, seperti tepung dan minyak masak, yang juga diberikan subsidi oleh Kerajaan. Yang kedua merangkumi barangan yang memerlukan kelulusan Kerajaan sebelum harganya diubah, seperti rokok, tarif elektrik, dan tambang pengangkutan awam. Dengan tersedianya mekanisme harga ditadbir, kesan kejutan terhadap harga dalam negeri adalah lebih kecil, kurang langsung dan kurang segera.

Rajah 6

Inflasi Purata bagi Magnitud Perubahan Kadar Pertukaran Berbeza



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bloomberg dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 7

Sumbangan kepada Inflasi Bahan Api



Sumber: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Jabatan Perangkaan Malaysia, Bloomberg dan anggaran Bank Negara Malaysia

perubahan harga minyak global dan kadar pertukaran berikutan kewujudan subsidi bahan api. Ini mengawal tahap kesan pindahan kadar pertukaran kepada inflasi. Namun, perlu diketahui bahawa sejak subsidi bahan api dimansuhkan dan mekanisme penentuan harga apungan terurus bagi bahan api dilaksanakan pada bulan Disember 2014, pergerakan dalam harga minyak global dan kadar pertukaran telah memberikan kesan yang lebih langsung dan lebih cepat terhadap harga bahan api dalam negeri (Rajah 7)[15].

- ***Kandungan import yang terhad.*** Barangan siap yang diimport yang diliputi IHP-Import mempunyai bahagian kecil dalam bakul penggunaan untuk kebanyakan isi rumah (7.2%). Dari segi penawaran, berdasarkan Jadual Input-Output 2010 untuk Malaysia, bahan-bahan pengantara yang diimport mencakupi kira-kira 20% daripada jumlah pengeluaran kasar, dan IHPR-Import mencakupi 33% daripada jumlah IHPR. Dengan itu, kebergantungan pada import yang terhad menyumbang sebahagiannya kepada kesan pindahan kadar pertukaran yang rendah kepada harga dalam negeri.

- ***Penentuan harga berdasarkan pasaran.*** Tingkah laku penentuan harga oleh firma dipengaruhi terutamanya oleh struktur pasaran global dan dalam negeri. Faktor-faktor ini meliputi tahap persaingan, pembezaan dan kebolehgantian produk, serta tindak balas strategik daripada firma lain. Persaingan yang meningkat disebabkan oleh globalisasi dan liberalisasi pasaran yang lebih pesat, secara amnya telah meningkatkan keanjalan permintaan dan penawaran, dan seterusnya, mengurangkan kuasa penentuan harga oleh firma. Dengan itu, sebagai tindak balas terhadap kos yang lebih tinggi susulan penyusutan nilai kadar pertukaran, firma cenderung untuk menyerap kenaikan kos dengan mengubah margin keuntungan mereka atau menambah baik pengurusan kos dengan meningkatkan kecekapan atau menukar kepada barangan pengganti yang lebih murah. Dalam penilaian tentang kesan faktor-faktor ini, bukti anekdot di Malaysia menunjukkan bahawa firma cenderung untuk menunggu sekurang-kurangnya enam bulan untuk menilai kekukuhan permintaan sebelum menilai semula harga yang diletakkan, serta sama ada untuk melaraskan margin keuntungan mereka atau memindahkan kos yang lebih tinggi. Namun begitu, sesetengah peruncit, khususnya pengimport barangan siap, cenderung untuk memindahkan sepenuhnya kos yang lebih tinggi kepada harga pengguna jika tiada barangan pengganti tempatan.

[15] Kesan bersih terhadap inflasi akan bergantung sebaliknya pada magnitud dan hala tuju perubahan dalam harga minyak global dan kadar pertukaran. Lihat Rajah 7.

B. Perkembangan inflasi di Malaysia semasa episod penyusutan nilai

Berikutan kesan pindahan kadar pertukaran yang rendah, penyusutan nilai kadar pertukaran dijangka mempunyai kesan yang terhad terhadap inflasi. Namun begitu, episod penyusutan nilai yang lalu telah menunjukkan kesan yang berbeza terhadap inflasi. Sejak dua dekad yang lalu, Malaysia mengalami dua episod penyusutan nilai ringgit yang berpanjangan, iaitu: (i) antara bulan April 1997 dan Disember 1998 semasa Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC); dan (ii) antara bulan Oktober 2014 dan Disember 2015 semasa tempoh kejatuhan harga komoditi global yang berterusan dan pengukuhan dolar AS. Jadual 1 dan Rajah 1 kedua-duanya menunjukkan bahawa inflasi meningkat dengan mendadak semasa episod pertama tetapi secara relatif kekal lemah semasa episod kedua berikutan penyusutan nilai ringgit.

Analisis fakta olahan (stylised fact) yang dicatat semasa episod ini menunjukkan bahawa kesan keseluruhan akhir terhadap inflasi perlu dinilai dengan mempertimbangkan faktor-faktor penting yang lain, di luar kesan pindahan kadar pertukaran. Faktor-faktor ini termasuk trajektori penyusutan nilai kadar pertukaran, serta penentu inflasi yang lain seperti harga komoditi global dan keadaan permintaan dalam negeri. Mengikut pengalaman Malaysia, faktor-faktor lain ini memang penting dalam menentukan kesan inflasi terhadap ekonomi, yang boleh dibezakan dengan jelas antara dua episod penyusutan nilai ini. Khususnya, terdapat kesan pindahan kadar pertukaran semasa dua episod ini tetapi faktor pengimbang dalam episod semasa, khususnya penurunan harga komoditi global yang berpanjangan, memainkan peranan yang lebih penting dalam membendung kesan keseluruhan terhadap inflasi.

Bulan April 1997 - Disember 1998: Penyusutan nilai ringgit yang mendadak menyebabkan kenaikan kos import dan seterusnya menyebabkan kenaikan inflasi

Pada tempoh ini, penyusutan nilai NEER adalah pada purata 13.1%[16]. Trajektori penyusutan nilai meningkat dengan mendadak berikutan turun naik kadar pertukaran yang besar dan tinggi. Pada peringkat global, harga komoditi juga mengalami trend menurun, tetapi pada kadar yang lebih sederhana berbanding dengan tempoh baru-baru ini. Meskipun keadaan permintaan dalam negeri menjadi lebih lemah apabila ekonomi menguncup dengan ketara berikutan kesan buruk daripada AFC, terdapat bukti yang nyata bahawa wujudnya tekanan inflasi yang didorong permintaan sewaktu krisis bermula. Khususnya, terdapat jurang keluaran positif yang besar yang dicerminkan oleh pasaran pekerja yang ketat, pertumbuhan import yang kukuh, dan kekangan penawaran[17]. Perkembangan dalam negeri bersama-sama dengan penyusutan nilai ringgit yang mendadak menyebabkan peningkatan ketara dalam kos import dalam tempoh yang pendek, dan ini dipindahkan dengan cepat kepada harga pengguna. Khususnya, faktor-faktor ini mencetuskan kenaikan yang ketara dalam harga barangan siap yang diimport (IHP-Import), yang meningkat 9.1% pada tahun 1998 (1997: 1.8%) dan harga input yang diimport (IHPR-Import), yang meningkat dengan mendadak sebanyak 9.3% (1997: 2.8%). Peningkatan kos import yang cepat dan mendadak juga menunjukkan bahawa kemerosotan harga komoditi yang sederhana tidak mencukupi untuk mengimbangi kesan inflasi daripada penyusutan nilai ringgit yang besar dan mendadak. Akibatnya, inflasi keseluruhan meningkat dengan ketara daripada 2.1% pada bulan Julai 1997 kepada paras tertinggi iaitu 6.2% pada bulan Jun 1998 (dengan purata sebanyak 5.3% pada tahun 1998). Inflasi keseluruhan dan inflasi teras kekal berterusan melebihi 4% sepanjang tahun 1998.

Bulan Oktober 2014 - Disember 2015: Penyusutan nilai ringgit yang berterusan diimbangi oleh harga komoditi yang menurun

Berbanding dengan AFC, ada dua perbezaan dalam episod penyusutan nilai pada masa ini: magnitud penyusutan nilai adalah secara relatif lebih sederhana, dengan NEER menyusut nilai dengan purata sebanyak 9.3%[18] pada tempoh ini, malah trajektori penyusutan nilai lebih beransur-ansur dan berterusan dengan

[16] Antara bulan April 1997 dan bulan Disember 1998, NEER menyusut nilai sebanyak 31.9%. Penyusutan nilai sebanyak 13.1% merujuk kepada purata perubahan tahunan NEER pada asas bulanan, yang digunakan sebagai perbandingan yang setara terhadap inflasi. Inflasi juga diukur dengan cara yang serupa.

[17] Lihat Laporan Tahunan BNM 1997 dan 1998 untuk maklumat lanjut.

[18] Antara bulan Oktober 2014 dan bulan Disember 2015, NEER menyusut nilai sebanyak 20.5%. Penyusutan nilai sebanyak 9.3% ini merujuk kepada purata perubahan tahunan dalam kadar pertukaran pada asas bulanan, yang digunakan sebagai perbandingan yang setara terhadap inflasi. Inflasi juga diukur dengan cara yang serupa.

Jadual 1

Penunjuk Ekonomi Terpilih semasa Dua Episod Penyusutan Nilai Kadar Pertukaran

Purata perubahan tahunan semasa tempoh, %[1]	*Episod 1* (Apr 1997 – Dis 1998)	*Episod 2* (Okt 2014 – Dis 2015)
IHP keseluruhan	4.1	2.2
IHP teras[2]	4.4	2.3
IHP-Import	5.7	2.5
IHPR	7.4	-4.3
IHPR-Tempatan	7.5	-6.7
IHPR-Import	6.7	0.7
Jurang keluaran[3]	-0.1	0.3
KDNK benar	-1.0	5.1
NEER berbanding dengan rakan import[4]	13.1	9.3
RM/Dolar AS	21.2	13.9
Indeks Harga Komoditi Global IMF	-14.4	-32.2
Harga minyak Brent	-24.2	-43.5
IHP global[5]	4.5	1.1
Harga petrol RON95, RM/liter	1.06	2.04
Harga diesel, RM/liter	0.65	1.98

[1] Selain jurang keluaran, harga petrol dan harga diesel, semua penunjuk lain merujuk kepada purata perubahan tahunan semasa tempoh ini. Harga petrol RON95 dan diesel merujuk kepada harga purata semasa tempoh ini.

[2] Inflasi IHP teras cuba mengukur kadar inflasi asas. Pengiraannya tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir, iaitu barangan yang pergerakan harganya lebih cenderung dipengaruhi kejutan sementara dan faktor bekalan tidak menentu dan bukan perubahan yang berterusan dalam faktor asas yang mempengaruhi keadaan permintaan dan penawaran. Di samping itu, inflasi teras juga tidak termasuk anggaran kesan langsung GST.

[3] Jurang keluaran mencakupi peratus sisihan keluaran sebenar daripada keluaran potensi, iaitu anggaran paras tertinggi keluaran yang mampu dihasilkan sesebuah negara dalam persekitaran tanpa tekanan inflasi.

[4] Pengiraan kadar pertukaran efektif nominal (nominal effective exchange rate, NEER) berbanding dengan rakan import adalah berdasarkan purata wajaran kadar pertukaran mata wang dua hala berbanding dengan 15 rakan import utama Malaysia. Angka positif menunjukkan penyusutan nilai ringgit berbanding dengan mata wang rakan import utama Malaysia, berbanding dengan tahun sebelumnya.

[5] Inflasi IHP global merujuk kepada inflasi agregat 15 rakan import utama Malaysia, dengan wajaran bahagian import daripada negara-negara ini.

Sumber: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Jabatan Perangkaan Malaysia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bloomberg dan anggaran Bank Negara Malaysia

turun naik kadar pertukaran yang lebih kecil. Penyusutan nilai ini sememangnya telah menyebabkan IHP-Import[19] meningkat sebanyak 3.0% pada tahun 2015, namun kesan keseluruhan terhadap inflasi diimbangi oleh kejatuhan harga bahan api sebanyak 9.0%. Yang penting, kemerosotan yang besar dalam harga komoditi global sebanyak 32.2%[20] pada tempoh ini memainkan peranan penting untuk mengimbangi kesan penyusutan nilai kadar pertukaran terhadap inflasi. Ini dicerminkan oleh kemerosotan IHPR sebanyak 4.8% pada tahun 2015 dan hanya kenaikan yang kecil dalam IHPR-Import sebanyak 0.7%. Kesan pengimbangan daripada trend menurun harga komoditi global yang berpanjangan juga terbukti dalam perkembangan indeks harga yang lain sepanjang rantaian pengeluaran (Gambar Rajah 2). Harga bahan mentah dan bahan pengantara yang diimport hanya meningkat 0.6% pada episod ini berikutan penyusutan nilai ringgit, manakala harga bahan mentah dan bahan pengantara tempatan mencatat kemerosotan yang besar sebanyak 9.1%. Selain itu, keadaan permintaan dalam negeri kekal sederhana tanpa tanda-tanda tekanan inflasi yang didorong permintaan. Secara keseluruhan, inflasi kekal sederhana pada 2.1% pada tahun 2015 manakala inflasi teras kekal secara relatif stabil pada 2.3%.

Kesimpulan

Analisis data berdasarkan dua dekad yang lalu menunjukkan bahawa kesan pindahan kadar pertukaran kepada inflasi di Malaysia secara amnya adalah rendah. Tahap kesan pindahan yang

[19] Mengikut komposisi IHP-Import, harga komponen makanan dan bukan makanan meningkat masing-masing daripada 2.0% dan -0.8% pada bulan Disember 2014 untuk mencecah 7.5% dan 1.5% pada bulan Disember 2015.

[20] Merupakan perubahan tahunan purata pada tempoh itu bagi Indeks Harga Komoditi Utama IMF.

rendah ini disebabkan terutamanya oleh kewujudan harga ditadbir dalam IHP, kebergantungan yang sederhana pada barangan yang diimport, dan penentuan harga berdasarkan pasaran oleh firma. Meskipun kesan pindahan pada amnya rendah, pengalaman pada tahun 1997-1998 menunjukkan bahawa penyusutan nilai kadar pertukaran boleh diiringi oleh perubahan yang besar dalam inflasi. Walau bagaimanapun, pada tempoh baru-baru ini, tekanan inflasi kekal sederhana meskipun penyusutan nilai berterusan. Ini disebabkan terutamanya oleh kesan pengimbangan daripada kejatuhan besar dalam harga minyak dan komoditi global.

Melangkah ke hadapan, landskap ekonomi yang berubah berikutan pembaharuan ke arah penentuan harga yang lebih berasaskan pasaran boleh mengubah kedinamikan inflasi di Malaysia. Sejak tahun 2010, subsidi terhadap barangan keperluan utama termasuk barangan makanan, barangan bahan api dan utiliti telah dimansuhkan secara beransur-ansur. Yang nyata, pelarasan yang telah memberikan kesan kepada tingkah laku penentuan harga oleh firma, iaitu dasar upah minimum pada tahun 2013 dan mekanisme penentuan harga berasaskan pasaran bagi barangan bahan api pada tahun 2014. Perubahan ini boleh menyebabkan harga dalam negeri lebih fleksibel, yang kemudiannya boleh membuatkan firma lebih responsif bukan sahaja kepada perubahan kadar pertukaran tetapi juga kepada harga global.

Rujukan

Aron, J., MacDonald, R., and Muellbauer, J. (2014). `Exchange rate pass-through in developing and emerging markets: A survey of conceptual, methodological and policy issues, and selected empirical findings´. *Journal of Development Studies*, 50(1), pp. 101-143.

Bank Negara Malaysia Laporan Tahunan 1997.

Bank Negara Malaysia Laporan Tahunan 1998.

Bank Negara Malaysia (2012). `Penularan Harga Komoditi Dunia Terhadap Inflasi di Malaysia'. *Rencana Laporan Tahunan 2011*.

Bank Negara Malaysia (2012). `Kesan Penambahan Nilai Ringgit Terhadap Harga Import dan Inflasi´. *Rencana Laporan Tahunan 2011*.

Caselli, F. and Roitman, A. (2016). `Non-linear exchange rate pass-through in emerging markets´. *IMF Working Paper* No. 16/1.

Choudhri, E. and Hakura, D. (2006). `Exchange rate pass-through to domestic prices: Does the inflationary environment matter?´ *Journal of International Money and Finance*, 25 (4), pp. 614–639.

Forbes, K. (2015). `Much ado about something important: How do exchange rate movements affect inflation?´ Speech at the 47th Money, Macro and Finance Research Group Annual Conference, Cardiff, UK.

Frankel, J., Parsley, D., and Wei, SJ. (2012). `Slow pass-through around the world: A new import for developing countries?´ *Open Economies Review*, 23 (2), pp. 213–251.

Ghosh, A. and Rajan, R. (2007). `A survey of exchange rate pass-through in Asia´. *Asian-Pacific Economic Literature*, 21(2), pp. 13–28.

Hansen, B. (1999). `Threshold effects in non-dynamic panels: Estimation, testing, and inference´. *Journal of Econometrics*, 93(2), pp. 345-368.

Hansen, B. (2000). `Sample splitting and threshold estimation´. *Econometrica*, 68(3), pp. 575-603.

Ito, T. and Sato, K. (2008). `Exchange rate changes and inflation in post-crisis Asian economies: Vector autoregression analysis of the exchange rate pass-through´. *Journal of Money, Credit and Banking*, 40(7), pp. 1407 – 1438.

Mihaljek, D. and Klau, M. (2008). `Exchange rate pass-through in emerging market economies: What has changed and why?´ *BIS Papers* No. 35.

Taylor, J. (2000). `Low inflation, pass-through, and the pricing power of firms´. *European Economic Review*, 44(7), pp. 1389–1408.

Sek, SK. and Kapsalyamova, Z. (2008). `Pass-through of exchange rate into domestic prices: The case of four East-Asian countries´. *The International Journal of Economic Policy Studies*, 3, pp. 45-72.

2015

5

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN PADA TAHUN 2015

89 Keadaan Monetari dan Kewangan Antarabangsa

92 Keadaan Monetari dan Kewangan Domestik

99 Pembiayaan Ekonomi

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN ANTARABANGSA

Pasaran kewangan global mengalami ketidakpastian dan turun naik yang tinggi sepanjang tahun 2015 disebabkan oleh gabungan beberapa faktor. Faktor-faktor tersebut termasuk jangkaan yang berubah-ubah terhadap pengembalian semula kadar faedah ke paras yang wajar di AS, kebimbangan terhadap momentum pertumbuhan global yang semakin perlahan dan kebimbangan terhadap hutang kerajaan di kawasan euro. Harga minyak mentah dan komoditi global yang terus menurun juga mempengaruhi sentimen dalam pasaran kewangan global, terutamanya berhubung dengan kesannya terhadap ekonomi pengeksport komoditi. Turun naik tersebut diburukkan lagi oleh pengambilan kedudukan pelaburan spekulatif dan pelupusan kedudukan tersebut, serta kitaran pelaburan pengambilan risiko (risk-on) dan penghindaran risiko (risk-off) yang menyebabkan aliran modal menjadi tidak menentu.

Pasaran kewangan global mengalami ketidakpastian dan turun naik yang tinggi pada tahun 2015

Pada awal suku pertama tahun 2015, pasaran kewangan global dipengaruhi seketika oleh kebimbangan tentang momentum pertumbuhan global yang semakin perlahan dan harga minyak global yang terus menurun. Persekitaran penghindaran risiko yang meningkat berlaku seiring dengan semakan ke bawah ramalan pertumbuhan global oleh IMF dan Bank Dunia pada bulan Januari. Tambahan lagi, penurunan harga minyak mentah global (Brent) sehingga paras di bawah USD50 setong menimbulkan kebimbangan terhadap kesannya ke atas ekonomi pengeksport komoditi serta kemungkinan meningkatnya tekanan deflasi dalam ekonomi maju. Jangkaan pertumbuhan yang semakin perlahan dalam ekonomi sedang pesat membangun mendorong penjualan dalam kebanyakan pasaran ekuiti sedang pesat membangun dan penyusutan nilai sesetengah mata wang serantau berbanding dengan dolar AS. Sungguhpun begitu, sentimen dalam pasaran kewangan global bertambah baik pada bulan April. Pasaran kewangan memperoleh kelegaan daripada pelonggaran monetari yang dilaksanakan oleh Bank Pusat Eropah (ECB) dan Bank Rakyat China (PBoC), yang membawa kepada permintaan baharu untuk aset kewangan pasaran sedang pesat membangun. Aliran modal kembali masuk ke ekonomi sedang pesat membangun manakala kebanyakan mata wang serantau menambah nilai.

Walau bagaimanapun, tempoh sentimen yang positif tersebut adalah sementara kerana turun naik pasaran kewangan global meningkat semula pada suku kedua dan ketiga

Rajah 2.1

Turun Naik Pasaran Kewangan Global



Nota: [1] Merujuk kepada Indeks VIX
[2] Merujuk kepada Indeks Merrill Lynch Option Volatility Estimate (MOVE)

Sumber: Bloomberg

Rajah 2.2

Indeks MSCI Pasaran Sedang Pesat Membangun



Sumber: Bloomberg

tahun 2015. Dalam tempoh ini, tanda-tanda kelemahan pasaran muncul dalam keadaan turun naik pasaran kewangan yang lebih tinggi dan mudah tunai yang lebih ketat dalam pasaran bon. Keadaan kewangan menjadi ketat bagi kebanyakan pasaran sedang pesat membangun, seperti yang dicerminkan oleh kadar hasil bon kerajaan jangka panjang yang semakin meningkat, harga ekuiti yang lebih rendah dan kadar pertukaran yang lebih lemah. Tempoh turun naik mencapai kemuncak pada bulan Ogos apabila Chicago Board Options Exchange Volatility Index (VIX), yang merupakan pengukur turun naik pasaran, meningkat ke paras yang kali terakhir pernah dilihat semasa kemuncak krisis hutang kerajaan kawasan euro pada tahun 2011. Aliran keluar modal daripada pasaran sedang pesat membangun dianggarkan kira-kira USD53 bilion pada suku kedua dan ketiga tahun 2015.[1] Seiring dengan perkembangan ini, Indeks MSCI Pasaran Sedang Pesat Membangun jatuh 18.7% manakala dalam tempoh yang sama, spread Indeks Bon Pasaran Sedang Pesat Membangun (Emerging Market Bond Index, EMBI) JP Morgan meningkat 64 mata asas. Dalam tempoh ini, pasaran kewangan global dipengaruhi oleh beberapa faktor.

Pertama, ketidakpastian berhubung dengan dasar monetari di AS menyebabkan jangkaan yang berubah-ubah mengenai pengaturan masa pengembalian semula kadar faedah ke paras yang wajar oleh Federal Reserve (Fed). Hal ini jelas dilihat daripada peralihan dalam kadar federal funds tersirat pasaran[2], yang menunjukkan jangkaan pengembalian semula kadar faedah ke paras wajar Fed beralih daripada separuh kedua tahun ke akhir tahun 2015. Khususnya, pasaran kewangan global bertindak balas terhadap pengumuman data ekonomi atau pernyataan Fed yang mengubah jangkaan pasaran berhubung dengan pengaturan masa pengembalian semula kadar faedah ke paras yang wajar. Semasa tempoh ini, terdapat lebih banyak pengumuman data ekonomi yang positif dikeluarkan dan pernyataan yang kelihatan meyakinkan oleh pegawai Fed yang mendorong ke arah kenaikan kadar faedah. Keadaan ini menyebabkan pelabur antarabangsa memperuntukkan semula pelaburan portfolio mereka ke pasaran kewangan AS dan hasilnya, dolar AS bertambah kukuh berbanding dengan mata wang lain.

Kedua, kebimbangan yang semakin meningkat terhadap momentum pertumbuhan global yang semakin perlahan, terutamanya momentum pertumbuhan Republik Rakyat China (RR China), yang merupakan ekonomi kedua terbesar di dunia pada masa ini, menambah lagi turun naik pasaran kewangan global. Walaupun pada awal suku kedua tahun 2015 sentimen pelabur disokong oleh langkah pelonggaran berterusan yang diambil oleh pihak berkuasa China, trend ini beralih arah berikutan pengumuman data ekonomi yang lebih lemah oleh RR China dan kebimbangan terhadap pasaran saham RR China yang terlebih nilai. Sentimen pelabur terjejas dengan teruk pada bulan Ogos akibat pembetulan pasaran saham di RR China[3] dan langkah tidak dijangka yang

Rajah 2.3

Spread Indeks Bon Pasaran Sedang Pesat Membangun (EMBI) JP Morgan



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.4

Kadar *Federal Funds* Tersirat Pasaran*



* Kadar *federal funds* tersirat pasaran diperoleh daripada kontrak hadapan kadar *federal funds* 1 bulan. Harga kontrak ini biasanya digunakan untuk mengukur jangkaan pasaran bagi kadar *federal funds*.

Sumber: Bloomberg, Pengiraan Bank Negara Malaysia

[1] Sumber: Emerging Market Portfolio Research (EPFR) Global.

[2] Kadar federal funds tersirat pasaran diperoleh daripada harga kontrak hadapan kadar federal funds dan biasanya digunakan untuk mengukur jangkaan pasaran bagi kadar faedah AS pada masa depan.

[3] Indeks Komposit Bursa Saham Shanghai jatuh secara mendadak pada bulan Ogos 2015, terutamanya pada 24 dan 25 Ogos, iaitu sebanyak 15% dalam tempoh dua hari tersebut.

Rajah 2.5

Prestasi Mata Wang Pasaran Sedang Pesat Membangun Terpilih Berbanding dengan Dolar AS pada tahun 2015



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg

diambil oleh PBoC untuk menurunkan kadar pariti pusat Renminbi (RMB). Kejatuhan mendadak ekuiti RR China mencetuskan penghindaran risiko global yang meningkat apabila pelabur cuba memahami implikasi perkembangan di RR China terhadap ekonomi lain.

Ketiga, ketidakpastian berkaitan dengan krisis hutang kerajaan Greece juga memberikan tekanan yang ketara terhadap pasaran kewangan global. Hal ini terutamanya berkisar pada kesolvenan negara tersebut yang bergelut untuk memenuhi obligasi hutangnya. Rundingan berpanjangan berhubung dengan pakej bantuan kewangan (bailout) ketiga dalam tempoh lima tahun, yang menyebabkan Greece terpaksa mengenakan kawalan modal dan gagal membuat pembayaran kepada IMF pada bulan Jun, meningkatkan penghindaran risiko oleh pelabur dan menambah lagi turun naik pasaran kewangan global pada suku kedua dan ketiga tahun 2015. Namun begitu, kebimbangan terhadap krisis hutang Greece reda berikutan tercapainya persetujuan untuk pakej bantuan kewangan ketiga pada bulan Ogos.

Keempat, penurunan harga komoditi global, terutamanya minyak mentah, terus memberikan tekanan terhadap kadar pertukaran global, terutamanya mata wang negara pengeksport komoditi. Walaupun harga minyak mentah global meningkat sehingga USD68 setong (Brent) pada suku kedua tahun 2015, harga itu kemudiannya jatuh sehingga USD42 setong pada suku ketiga, iaitu harga terendah dalam tempoh enam tahun. Meskipun harga minyak mentah global terjejas akibat permintaan global yang lebih rendah, bekalan minyak mentah global yang semakin bertambah merupakan faktor utama di sebalik kejatuhan harga. Ini termasuk pengeluaran berterusan oleh anggota OPEC dan AS semasa tempoh tersebut. Kebanyakan pengeksport komoditi mengalami aliran keluar modal yang besar dan tekanan susut nilai ke atas kadar pertukaran mereka disebabkan kebimbangan atas kesan kejatuhan harga komoditi terhadap ekonomi mereka.

Selain perkembangan makroekonomi ini, turun naik dalam pasaran kewangan global diburukkan lagi oleh tingkah laku spekulatif pelabur global. Di peringkat global, peranan industri pengurusan aset yang semakin penting – aktiviti pengantaraan aset dianggarkan bernilai USD76 trilion di seluruh dunia (bersamaan dengan 100% KDNK dunia dan kira-kira 40% aset kewangan global)[4] – merupakan saluran utama yang menyumbang kepada peningkatan turun naik dalam aliran dana global. Tingkah laku berkumpulan (herding) dalam kalangan pengurus portfolio global telah menjadi lebih ketara, dan ini telah meningkatkan kejutan dalam pasaran kewangan global. Akibatnya, pergerakan dana pelaburan dalam jumlah yang besar merentas pasaran kewangan global, yang dicetuskan oleh peristiwa pengambilan risiko dan penghindaran risiko yang berlaku, telah menyebabkan pergerakan yang ketara dalam harga aset kewangan global. Dalam kebanyakan kes, pergerakan ini melebihi apa yang diwajarkan oleh asas-asas ekonomi. Contohnya, tindakan pelabur global mencari aset yang mempunyai pulangan yang lebih tinggi menyebabkan aliran modal masuk ke dalam pasaran sedang pesat membangun pada bulan April apabila ECB dan PBoC mengumumkan langkah-langkah pelonggaran selanjutnya. Keadaan ini beralih arah dengan cepat dengan bermulanya fasa penghindaran risiko pada suku kedua dan ketiga tahun 2015 apabila kemerosotan yang mendadak dalam sentimen pelabur menyebabkan berlakunya peralihan kepada aset yang lebih selamat (flight to safety). Pelupusan pantas aset kewangan pasaran sedang pesat membangun dan kebalikan aliran modal ke arah aset selamat (safe-haven assets) dalam ekonomi maju mencetuskan trend negatif dalam pasaran kewangan dan kadar pertukaran pasaran sedang pesat membangun yang terbabit. Perubahan mendadak dalam sikap pelabur terhadap risiko (risk attitude) dan amalan pengambilan risiko (risk-taking behaviour) merupakan pendorong penting turun naik pasaran kewangan global pada tahun 2015.

[4] Laporan Kestabilan Kewangan Global IMF (IMF Global Financial Stability Report), April 2015.

Meskipun langkah Fed menaikkan kadar faedah telah mengurangkan punca utama ketidakpastian, faktor lain masih wujud. Perbezaan berterusan dalam dasar monetari bank pusat utama, berlatarkan pertumbuhan global yang sederhana dan tidak sekata, harga minyak mentah global yang terus rendah dan perkembangan geopolitik yang negatif, menunjukkan bahawa ketidaktentuan yang tinggi dan peralihan mudah tunai secara besar-besaran akan terus berlaku dalam pasaran kewangan global.

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN DOMESTIK

Kadar Pertukaran

Ringgit dan kebanyakan mata wang utama dan mata wang serantau mengalami tekanan susut nilai yang ketara pada tahun 2015. Kadar pertukaran sebahagian besarnya mencerminkan perkembangan global, terutamanya momentum pertumbuhan ekonomi pasaran sedang pesat membangun yang lebih perlahan dan ketidakpastian tentang perubahan dasar monetari dalam ekonomi maju. Kemerosotan dalam hasil komoditi menjejaskan lagi nilai mata wang ekonomi pengeksport komoditi. Oleh itu, ringgit menyusut nilai lebih daripada mata wang yang setara dengannya pada tahun 2015 disebabkan kejatuhan mendadak harga minyak mentah global dan sentimen negatif yang timbul ekoran perkembangan dalam negeri.

Bagi keseluruhan tahun 2015, ringgit menyusut nilai sebanyak 18.6% untuk mengakhiri tahun itu pada RM4.2920 berbanding dengan dolar AS. Berbanding dengan mata wang utama dan mata wang serantau, ringgit pada amnya lebih lemah. Kadar Pertukaran Efektif Nominal (NEER) ringgit, yang mengukur prestasi ringgit berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia, menyusut nilai sebanyak 14.5%.

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS yang lebih kukuh disebabkan perkembangan dalam dan luar negeri

Perkembangan ringgit pada tahun 2015 amat dipengaruhi oleh aliran pelaburan portfolio yang berpunca daripada faktor luaran. Trend penyusutan nilai ringgit pada tahun 2014 berterusan hingga suku pertama tahun 2015 kerana faktor yang mempengaruhi ringgit pada tahun 2014 masih belum diselesaikan. Pertama, jangkaan dan susulan kenaikan kadar dasar AS telah menyebabkan pengimbangan semula pelaburan portfolio kepada aset kewangan AS. Ini mendorong penambahan nilai yang ketara dalam dolar AS. Oleh itu, Indeks Dolar AS[5], yang mengukur prestasi dolar AS berbanding dengan sekumpulan mata wang, menambah

Rajah 2.6

Ringkasan Prestasi Ringgit Malaysia (RM) Berbanding dengan Mata Wang Utama dan Serantau



Nota: (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang asing

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.7

Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia (RM) dan Mata Wang Serantau Terpilih Berbanding dengan Dolar AS



[1] Mata wang serantau: renminbi China, rupiah Indonesia, won Korea, peso Filipina, dolar Singapura, dolar Taiwan Baharu dan baht Thailand. Setiap mata wang bewajaran seimbang.

Nota: Peningkatan indeks menunjukkan penambahan nilai ringgit atau mata wang serantau terpilih berbanding dengan dolar AS

Sumber: Bank Negara Malaysia

[5] Sumber: Bloomberg.

nilai sebanyak 9.3% pada tahun 2015. Berlatarbelakangkan persekitaran ini, mata wang serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar AS dalam julat 3.9% hingga 18.6%. Kedua, kebimbangan yang semakin meningkat terhadap prospek ekonomi global berikutan semakan ke bawah unjuran pertumbuhan global tahun 2015 oleh IMF dan Bank Dunia juga mempengaruhi sentimen global. Gabungan faktor ini mendorong aliran keluar pelaburan portfolio daripada kebanyakan pasaran sedang pesat membangun, termasuk Malaysia. Ketiga, ringgit dan mata wang kebanyakan negara pengeksport komoditi yang lain juga terjejas ekoran kebimbangan terhadap kesan harga minyak mentah dan komoditi yang lebih rendah terhadap ekonomi. Akhir sekali, sentimen negatif terhadap ringgit diburukkan lagi oleh ketidakpastian berkaitan dengan perkembangan dalam negeri. Akibatnya, ringgit menyusut nilai kepada RM4.4725 berbanding dengan dolar AS. Ini serentak dengan ketidakpastian yang memuncak dalam pasaran kewangan global antara bulan Ogos hingga September.

Bagi ekonomi terbuka seperti Malaysia yang bersepadu secara meluas dengan sistem ekonomi dan kewangan global, penyusutan nilai ringgit merupakan suatu keperluan untuk menghadapi gangguan luaran yang sedang dihadapi oleh ekonomi dalam negeri. Peralihan dalam kedudukan mudah tunai global dan tanda-tanda kelemahan pertumbuhan global berlaku serentak dengan harga komoditi yang semakin menurun dan terus rendah. Pelarasan ringgit adalah sejajar dengan perkembangan ini dan sekali gus membantu membendung kesan negatif terhadap sektor luaran ekonomi. Pertama, memandangkan harga kebanyakan eksport adalah dalam dolar AS, ringgit yang lebih lemah membolehkan pengeksport Malaysia mengurangkan kerugian yang mungkin dialami akibat harga komoditi yang lebih rendah menerusi hasil yang lebih tinggi daripada penukaran mata wang. Kedua, apabila mata wang lain menyusut nilai, penyusutan nilai ringgit membantu memastikan daya saing relatif pengeksport Malaysia tidak terjejas oleh pergerakan mata wang. Tanpa pelarasan dalam kadar pertukaran nominal, beban pelarasan akan dipindahkan ke bahagian ekonomi yang lain. Sebagai contoh, kehilangan daya saing mungkin menyebabkan peralihan pelaburan perkilangan ke luar Malaysia, lalu mengakibatkan kehilangan pekerjaan dan kejatuhan pendapatan. Dalam persekitaran sedemikian, fleksibiliti ringgit untuk dilaraskan sebagai tindak balas kepada perkembangan global merupakan ciri utama rejim apungan terurus yang membolehkan perubahan kadar pertukaran menyerap kejutan luar dan mengurangkan kesannya terhadap ekonomi dalam negeri.

Walau bagaimanapun, pergerakan aliran modal secara besar-besaran merentas sempadan dalam keadaan pasaran kewangan global yang sangat tidak menentu juga telah menyebabkan pelarasan berlebihan dalam kadar pertukaran. Ini menyebabkan ringgit terkurang nilai (undervalued) dan tidak sejajar dengan asas-asas ekonomi. Kelemahan ringgit diburukkan lagi oleh tanggapan salah tentang kebergantungan Malaysia pada komoditi dan kedudukannya sebagai satu-satunya pengeksport bersih minyak di rantau ini. Tanggapan salah ini boleh dilihat dalam magnitud penyusutan nilai ringgit yang setara berbanding dengan mata wang negara yang tahap kebergantungannya pada komoditi adalah jauh lebih tinggi. Ringgit juga terjejas oleh perkembangan dalam negeri yang mempengaruhi sentimen pelabur terhadap aset kewangan ringgit. Secara keseluruhannya, penyusutan nilai ringgit yang melebihi paras lazimnya (overshooting) pada tahun 2015 lebih didorong oleh kemerosoton mendadak sentimen pelabur, dan bukannya perubahan ketara dalam asas-asas ekonomi.

Melangkah ke hadapan, Malaysia perlu mampu bertahan dan mengharungi ketidaktentuan yang berpunca daripada sektor luaran. Sehingga kini, walaupun pasaran kewangan tidak menentu dan

Rajah 2.8

Prestasi ringgit tidak mencerminkan kebergantungan Malaysia pada komoditi yang secara relatif rendah



*Kebergantungan pada komoditi = Jumlah eksport komoditi utama / Jumlah eksport (%) pada tahun 2014. Komoditi utama merujuk kepada minuman dan tembakau, bahan mentah, makanan, bahan api, minyak dan lelemak serta logam.

Sumber: Bloomberg, Bank Negara Malaysia dan UN Conference on Trade and Development (UNCTAD)

ringgit menyusut nilai, pengantaraan kewangan masih tidak terganggu dan lebih penting lagi, tiada dislokasi dalam aktiviti ekonomi. Kesan penyusutan nilai ringgit terhadap inflasi telah berkurang disebabkan penurunan ketara dalam harga komoditi global. Kedudukan kewangan institusi kewangan tetap kukuh dan aktiviti pembiayaan terus berkembang. Imbangan akaun semasa masih mencatat lebihan, disokong oleh pertumbuhan eksport yang kukuh. Di samping itu, kesan penyusutan nilai ringgit terhadap peminjaman luar pesisir dalam mata wang asing, yang akan meningkat seiring dengan peningkatan hutang dalam nilai ringgit, tetap terkawal pada 40.1% daripada KDNK.

Keadaan yang tidak menentu ini dijangka berterusan selagi ketidakpastian tentang dasar monetari, pertumbuhan global dan harga komoditi global masih wujud. Dalam hal ini, adalah penting untuk penggubal dasar untuk mendapat akses kepada pelbagai jenis alat dasar untuk mengurus risiko-risiko ini. Pertama, ringgit yang fleksibel dan rizab antarabangsa yang lebih daripada mencukupi akan bertindak sebagai penyerap kejutan (shock absorber) untuk mengurangkan kesan ketidaktentuan pasaran kewangan terhadap ekonomi benar. Kedua, pasaran kewangan Malaysia yang mendalam dan sistem perbankan yang kukuh akan memastikan pengantaraan kewangan terus dilaksanakan tanpa gangguan. Ketiga, ekonomi Malaysia yang pelbagai membantu memberikan perlindungan daripada risiko yang muncul daripada mana-mana sektor tertentu atau mana-mana rakan perdagangan tertentu. Keempat, menyokong permintaan dalam negeri menerusi langkah propertumbuhan akan memastikan pertumbuhan ekonomi Malaysia terus mampan dalam keadaan yang tidak menentu pada masa ini.

Kadar Faedah, Kadar Hasil Bon dan Harga Ekuiti

Meskipun perkembangan dalam pasaran domestik dan antarabangsa tidak menentu, kadar faedah domestik pada amnya kekal stabil sepanjang tahun 2015. Dalam pasaran wang, berikutan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) yang tidak berubah, purata harian bagi kadar antara bank semalaman (daily average overnight interbank rate, AOIR) diniagakan dalam julat kecil 3.03% hingga 3.25%. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain[6] juga secara relatif stabil.

Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lebih panjang terus menunjukkan trend menaik sejak akhir tahun 2014. Kadar yang lebih tinggi ini mencerminkan peningkatan kos pendanaan bank ekoran persaingan yang lebih sengit bagi mendapatkan pendanaan yang stabil. Persaingan untuk memperoleh dana yang stabil disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam deposit ekoran aliran keluar bersih dan pelaksanaan berperingkat keperluan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR)[7] Basel III. Walau bagaimanapun, kadar faedah yang sederhana dapat diperhatikan pada suku kedua susulan pengumuman Bank Negara Malaysia pada 30 Januari 2015 tentang pengaturan untuk memudahkan peralihan kepada pelaksanaan LCR yang sepenuhnya. Pengaturan yang membantu untuk meredakan tekanan terhadap pendanaan ini, termasuk memperluas skop pengiktirafan aset mudah tunai berkualiti tinggi (high-quality liquid assets, HQLA) dan penjelasan tentang olahan jangkaan aliran keluar tunai bank-bank. Operasi repo berbalik oleh Bank untuk menyuntik mudah tunai ke dalam pasaran antara bank turut membantu memudahkan trend menurun dalam kadar antara bank. Pada separuh tahun kedua, kadar antara bank sekali lagi mula menunjukkan trend yang lebih tinggi, mencerminkan peralihan mudah tunai ke arah tempoh matang yang lebih pendek. Hal ini

Rajah 2.9

Kadar Polisi dan Kadar Pasaran Antara Bank



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

[6] Tempoh jangka pendek merujuk pada tempoh satu bulan atau kurang.

[7] Matlamat Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) adalah untuk menggalakkan daya tahan jangka pendek bagi profil risiko mudah tunai bank-bank. Matlamat ini bagi memastikan bank-bank mempunyai stok aset mudah tunai berkualiti tinggi (high-quality liquid assets, HQLA) yang tiada halangan menggunakannya dan boleh ditukar dengan mudah dan serta-merta kepada wang tunai dalam pasaran swasta untuk memenuhi keperluan mudah tunai mereka dalam senario di bawah tekanan dalam tempoh 30 hari kalendar.

Rajah 2.10

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

menggambarkan aliran modal yang keluar semula pada akhir suku ketiga. Walau bagaimanapun, kenaikan kadar antara bank yang terkini adalah lebih sederhana. Bagi tahun 2015 secara keseluruhan, Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) 3 bulan telah menurun daripada setinggi 3.86% pada awal tahun 2015 hingga ke paras terendah 3.69% dari akhir bulan Mei hingga akhir bulan Ogos, sebelum meningkat kepada 3.84 % pada akhir tahun 2015.

Kadar pinjaman runcit pada amnya stabil sepanjang tahun 2015 meskipun terdapat pergerakan dalam kadar faedah pasaran wang. Pada 2 Januari 2015, Kadar Asas (Base Rate, BR) untuk sistem perbankan mencatat paras purata 3.90% semasa diperkenalkan. BR menggantikan Kadar Pinjaman Asas (Base Lending Rate, BLR) sebagai kadar rujukan utama untuk pinjaman kadar terapung dan kemudahan pembiayaan runcit yang baharu. Peralihan kepada BR tidak mengubah kadar pinjaman runcit, dengan majoriti bank mengekalkan kadar pinjaman efektif mereka pada kadar yang sama. Sejak pengenalan BR, lima bank telah menurunkan BR mereka pada pertengahan tahun 2015 selaras dengan penurunan KLIBOR dalam tempoh tersebut, menjadikan BR purata sistem perbankan pada 3.85%. Menjelang akhir tahun 2015 dan awal tahun 2016, beberapa bank ini telah mengubah kadar mereka kepada paras yang lebih tinggi berikutan pergerakan menaik KLIBOR. Walau bagaimanapun, BR purata sistem perbankan pada 3.86% kekal lebih rendah berbanding dengan permulaan tahun 2015. Mencerminkan penurunan BR, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul menurun sedikit pada tahun 2015 (Januari 2015: 5.47%; Disember 2015: 5.40%). Kadar pinjaman bagi pinjaman baharu untuk perniagaan dan isi rumah pada amnya stabil merentas kebanyakan sektor dan tujuan.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bank perdagangan untuk tempoh 1 hingga 12 bulan juga secara relatif stabil dengan julat 3.09% hingga 3.31%. Pendeposit terus menerima manfaat daripada kadar pulangan benar yang positif bagi tabungan mereka pada tahun 2015.

Pada tahun 2015, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) terus dipengaruhi oleh faktor luaran dan dalam negeri. Walaupun ketidaktentuan yang berpanjangan dalam pasaran kewangan global, kesan limpahan kepada pasaran bon Malaysia agak terkawal. Bagi keseluruhan tahun 2015, kadar hasil MGS bagi kedua-dua tempoh, iaitu 3 dan 5 tahun telah menurun sebanyak 37 mata asas, manakala kadar hasil MGS bagi 10 tahun meningkat sebanyak 4 mata asas. Pemegangan MGS oleh bukan pemastautin berada pada paras tertinggi dalam sejarah sebanyak 47.7% daripada jumlah MGS terkumpul (2014: 44.1%).

Keadaan pasaran bon domestik pada amnya stabil meskipun pasaran kewangan global mengalami turun naik yang ketara

Walaupun Malaysia mengalami aliran keluar bersih terutamanya daripada Nota Monetari Bank Negara

Rajah 2.11

Keluk Kadar Hasil Tanda Aras Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Malaysia (Bank Negara Malaysia Monetary Notes, BNMN) dan pasaran ekuiti, pasaran bon kerajaan domestik secara relatif kekal stabil disebabkan oleh aliran masuk portfolio bukan pemastautin yang berterusan berjumlah RM16.8 bilion ke dalam pasaran MGS. Pada separuh tahun pertama, dasar monetari yang longgar oleh bank-bank pusat utama menyumbang kepada penurunan dalam kadar hasil jangka panjang dalam ekonomi maju. Perkembangan tersebut memperkukuhkan lagi usaha dalam kalangan pelabur global untuk memperoleh kadar hasil bon kerajaan yang lebih tinggi dalam pasaran yang sedang pesat membangun, termasuk Malaysia. Seterusnya, hal ini menyebabkan kadar hasil MGS, terutamanya pada hujung keluk kadar hasil yang lebih pendek[8], kekal rendah pada separuh pertama tahun 2015.

Walau bagaimanapun, tekanan ke bawah pada hujung keluk kadar hasil yang lebih pendek diimbangi oleh pengurangan pemegangan MGS bank-bank domestik. Bank-bank berupaya untuk lebih fleksibel menguruskan pemegangan MGS mereka kerana kebanyakan daripada mereka telah melebihi keperluan LCR. Oleh itu, bank-bank memainkan peranan sebagai penstabil bagi membendung pelarasan yang berlebihan dalam kadar hasil berikutan penyertaan asing yang meningkat dalam pasaran MGS.

Pemegangan MGS oleh bukan pemastautin terus meningkat sepanjang tahun 2015 kecuali semasa penjualan sementara dalam tempoh antara Julai hingga September 2015. Pelabur bukan pemastautin mengurangkan pemegangan MGS sebanyak RM13.0 bilion pada tempoh tersebut,

Rajah 2.12

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

[8] Merujuk pada hasil MGS 3 tahun dan ke bawah.

berikutan peningkatan jangkaan pasaran terhadap kemungkinan kenaikan kadar faedah oleh Fed pada bulan September dan ditambah pula oleh kelembapan dalam pertumbuhan ekonomi RR China yang menyebabkan kebimbangan terhadap kesan limpahan ke atas pertumbuhan serantau. Seterusnya, kadar hasil semua tempoh matang MGS telah meningkat sebanyak 12 hingga 42 mata asas dalam tempoh tersebut.

Dalam pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS), kadar hasil pada amnya tidak berubah dalam tempoh tujuh bulan pertama sebelum meningkat sedikit pada bulan-bulan yang berikutnya. Kesan limpahan daripada pasaran MGS secara relatif terkawal disebabkan oleh penyertaan asing yang rendah dan stabil dalam pasaran PDS (2015: 2.7%; 2014: 3.0%). Bagi tahun 2015, kadar hasil untuk sekuriti penarafan AAA, AA dan A dengan tempoh matang 5 tahun mencatat kenaikan kecil masing-masing sebanyak 10, 13 dan 10 mata asas. Kadar hasil PDS yang secara relatif stabil ini memastikan aktiviti pemerolehan dana yang berterusan dalam pasaran PDS bagi menyokong aktiviti ekonomi. Terbitan PDS baharu berjumlah RM128.8 bilion pada tahun itu (2014: RM117.3 bilion)[9] mencerminkan terutamanya permintaan terhadap pembiayaan untuk tujuan aktiviti baharu, modal kerja dan kegunaan am syarikat. Mudah tunai dalam pasaran PDS juga kekal kukuh pada tahun 2015, seperti yang ditunjukkan oleh jumlah urus niaga yang lebih tinggi berjumlah RM114.5 bilion (2014: RM112.4 bilion).

Pasaran ekuiti domestik dipengaruhi oleh perkembangan kewangan global

Pada tahun 2015, Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) merosot sebanyak 3.9% (2014: -5.7%) dan ditutup pada 1692.5 mata. Bagi sebahagian besar tahun 2015, prestasi pasaran ekuiti domestik dipengaruhi terutamanya oleh sentimen pelabur global yang lemah dan sebahagiannya oleh perkembangan dalam negeri yang tidak menentu.

Pada awal tahun 2015, indeks ekuiti domestik meningkat dengan stabil meskipun berlakunya

[9] Merujuk kepada sekuriti konvensional dan Islam yang diterbitkan di Malaysia oleh syarikat tempatan dan asing sama ada kertas pelaburan jangka pendek, jangka sederhana atau jangka panjang.

turun naik dalam keadaan ketidakpastian global yang meningkat. Hal ini didorong terutamanya oleh pengumuman perolehan syarikat yang kukuh pada suku keempat 2014, terutamanya dalam sektor perbankan, yang telah mencatat pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi. Di samping itu, penilaian ekuiti yang menarik juga mendorong pelabur institusi domestik meningkatkan pemegangan ekuiti mereka. Sentimen positif berikutan pengumuman langkah-langkah pelonggaran monetari oleh ECB juga menyebabkan peningkatan belian dalam pasaran ekuiti serantau oleh pelabur bukan pemastautin. Dalam KLCI, keadaan ini dicerminkan oleh aliran masuk semula bukan pemastautin selepas tujuh bulan berturut-turut mengalami aliran keluar bersih. Oleh itu, indeks mencecah paras tertinggi untuk tempoh itu sebanyak 1862.8 mata pada 21 April 2015.

Walau bagaimanapun, pada Mei 2015, indeks terjejas dengan ketara oleh sentimen pasaran global dan domestik yang lemah. Faktor yang mendorong kepada sentimen global yang lemah ini termasuk antara lain, pengembalian semula kadar faedah ke paras yang wajar yang akan dilaksanakan oleh Fed yang seterusnya akan menyebabkan perbezaan pulangan yang semakin kecil antara aset kewangan pasaran maju dengan pasaran sedang pesat membangun. Tambahan pula, pelabur menjadi semakin bimbang tentang pertumbuhan ekonomi di RR China dan implikasinya ke atas kemapanan pertumbuhan serantau. Faktor ini menyebabkan meningkatnya penghindaran risiko terhadap ekuiti dalam pasaran sedang pesat membangun, lantas mengurangkan pemegangan ekuiti oleh bukan pemastautin di rantau ini, termasuk di Malaysia. Yang ketara, pelabur bukan pemastautin menjual ekuiti domestik bernilai RM15.0 bilion antara Mei hingga September 2015. Memandangkan saiz pendedahan KLCI yang agak besar kepada sektor berasaskan sumber[10], penurunan harga minyak global yang mendadak pada bulan Ogos 2015 turut menyumbang kepada prestasi indeks yang kurang memberangsangkan. Perolehan syarikat yang lebih lemah juga menyebabkan sentimen pasaran domestik yang negatif. Khususnya, industri telekomunikasi dan pengangkutan terjejas oleh kos input yang lebih tinggi disebabkan oleh kejatuhan nilai ringgit. Hasil syarikat runcit turut terjejas disebabkan oleh perbelanjaan pengguna yang sederhana berikutan pelaksanaan GST. Oleh itu, pada 24 Ogos 2015, trend menaik FBM KLCI bertukar arah dan menurun kepada 1532.1 mata, iaitu paras terendah untuk tahun itu.

[10] Sektor berasaskan sumber mencakupi hampir 30% daripada jumlah permodalan pasaran dalam pasaran utama.

Rajah 2.13

Indeks Pasaran Ekuiti



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.14

Prestasi Indeks Ekuiti Mengikut Sektor



Sumber: Bloomberg

Menjelang akhir tahun, prestasi pasaran ekuiti domestik bertambah baik walaupun sederhana. Keadaan ini disokong oleh pemulihan sementara dalam harga komoditi global yang meningkatkan saham berkaitan perladangan, serta minyak dan gas. Di samping itu, pengumuman langkah-langkah ekonomi yang proaktif oleh Kerajaan pada 14 September 2015 memberikan sedikit kestabilan kepada pasaran. Langkah-langkah ini, termasuk pengaktifan semula ValueCap dengan saiz dana sebanyak RM20 bilion untuk menyokong pembelian saham yang terkurang nilai, berjaya menaikkan harga saham perdana terpilih, yang secara relatif menyumbang kepada kestabilan FBM KLCI untuk baki tempoh tahun itu.

Mudah Tunai dan Agregat Monetari

Pada tahun 2015, mudah tunai sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi meskipun lebih rendah disebabkan oleh aliran keluar bersih dalam sektor luaran. Pada peringkat sistem, agregat

mudah tunai terkumpul yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia kekal tinggi. Pada peringkat institusi, kebanyakan institusi perbankan terus mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai.

Sepanjang tahun 2015, operasi Bank Negara Malaysia tertumpu pada usaha untuk mengekalkan kestabilan pasaran wang antara bank. Penempatan mudah tunai yang besar dengan Bank bertindak sebagai penampan kepada sistem perbankan semasa tempoh berlakunya aliran keluar kerana tekanan penguncupan terhadap mudah tunai diimbangi oleh pengeluaran bersih dana yang ditempatkan di Bank. Komposisi instrumen kewangan yang digunakan untuk menyerap mudah tunai lebihan juga diselaraskan untuk memberikan fleksibiliti yang lebih luas kepada bank-bank bagi menguruskan kedudukan mudah tunai mereka. Terbitan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN) digantikan dengan instrumen lain yang mempunyai tempoh matang yang lebih pendek, seperti peminjaman pasaran wang dan repo. Oleh itu, dana yang dipinjamkan kepada Bank matang dengan lebih kerap, lantas membolehkan bank-bank sedia memenuhi sebarang pengeluaran dana secara tiba-tiba yang disebabkan oleh aliran keluar. Pada tahun itu, Bank juga menggunakan operasi monetari, termasuk kemudahan repo berbalik, untuk menyediakan mudah tunai kepada sistem perbankan. Sebagai sebahagian daripada usaha yang menyeluruh untuk terus memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan dalam negeri, Bank mengurangkan nisbah keperluan rizab berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) daripada 4.00% kepada 3.50%, berkuat kuasa 1 Februari 2016.

Rajah 2.15

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.16

Sumbangan Kepada Pertumbuhan M3



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.17

Sumbangan kepada Pertumbuhan Deposit Sistem Perbankan[1]



[1] Tidak termasuk deposit antara bank domestik
[2] Termasuk entiti domestik lain dan entiti asing

Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah tunai sektor swasta, seperti yang diukur oleh wang secara luas (M3), berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 2.7% pada tahun 2015 (2014: 7.0%). Pertumbuhan sederhana wang secara luas disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih sektor luaran, berikutan aliran keluar dana portfolio yang besar pada tahun itu. Aliran keluar bersih juga sebahagiannya mencerminkan beberapa faktor struktur seperti lebihan akaun semasa yang semakin

kecil, perkembangan perniagaan domestik di rantau dan pempelbagaian pelaburan yang lebih luas oleh pelabur institusi dalam negeri. Ini dicerminkan oleh pertumbuhan deposit yang lebih perlahan oleh institusi kewangan bukan bank domestik (2015: -4.1%, 2014: 9.0%) dan perniagaan (2015: 0.9%, 2014: 5.1%). Oleh itu, jumlah deposit sistem perbankan[11] turut meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 2.3% pada tahun 2015 (2014: 6.6%). Walau bagaimanapun, deposit isi rumah terus mencatat pertumbuhan yang sihat sebanyak 5.3% pada tahun itu (2014: 6.7%).

PEMBIAYAAN EKONOMI

Pertumbuhan pembiayaan bersih melalui sistem perbankan, institusi kewangan bukan bank[12] dan pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) berkembang pada kadar tahunan 8.2% pada tahun 2015 (2014: 8.6%). Kadar pertumbuhan yang sederhana pada tahun itu didorong oleh pertumbuhan pinjaman terkumpul[13] yang lebih rendah (2015: 7.5%; 2014: 8.9%), terutamanya kepada sektor isi rumah. Walau bagaimanapun, pembiayaan kepada sektor perniagaan kekal teguh serta seiring dengan aktiviti ekonomi, dengan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pinjaman terkumpul dan terbitan bersih sekuriti hutang swasta oleh sektor perniagaan (2015: 9.4%; 2014: 8.3%).

Pembiayaan kepada sektor swasta kekal kukuh dengan pertumbuhan yang terus mantap dalam pinjaman terkumpul kepada PKS

Pinjaman perniagaan terkumpul[14] meningkat 7.7%, terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan pinjaman PKS yang kukuh sebanyak 14.6% pada tahun 2015 (2014: masing-masing 9.0%

[11] Tidak termasuk deposit antara bank domestik.
[12] Institusi kewangan bukan bank terdiri daripada institusi kewangan pembangunan (IKP), Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (dahulu Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan), insurans dan syarikat broker saham, dan lain-lain.
[13] Termasuk pinjaman terkumpul yang diberikan oleh sistem perbankan dan institusi kewangan bukan bank.
[14] Termasuk pinjaman terkumpul perusahaan awam, tetapi tidak termasuk pinjaman terkumpul institusi kewangan domestik, institusi kewangan bukan bank domestik, Kerajaan, entiti domestik lain, dan entiti asing dengan sistem perbankan dan IKP.

Rajah 2.18

Jumlah Pembiayaan Bersih kepada Sektor Swasta melalui Bank, Institusi Kewangan Bukan Bank (IKBB) dan Pasaran Sekuriti Hutang Swasta (PDS)



[1] Tidak termasuk terbitan Cagamas dan bukan pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

dan 13.3%). Peningkatan pertumbuhan pinjaman PKS sebahagian besarnya didorong oleh pinjaman kepada sektor *perkhidmatan* dan pinjaman bagi tujuan *modal kerja* serta *pembelian harta tanah bukan kediaman*. Paras pengeluaran pinjaman kepada perniagaan, termasuk kepada PKS, kekal mampan (purata bulanan sepanjang tahun 2015: RM67.1 bilion; 2014: RM65.6 bilion) dengan jumlah yang lebih besar daripada pinjaman diberikan kepada sektor *pertanian; pendidikan*, *kesihatan dan perkhidmatan lain; kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan;* serta sektor *perlombongan dan kuari.*

Permintaan sektor perniagaan untuk pembiayaan daripada pasaran modal, terutamanya daripada pasaran bon, secara relatif kekal stabil dalam keadaan ketidaktentuan pasaran kewangan yang menjejaskan sentimen pasaran secara keseluruhan. Terbitan PDS baharu[15] berjumlah RM79.9 bilion pada tahun 2015 (2014: RM66 bilion) dengan terbitan terutamanya daripada sektor *elektrik, gas dan bekalan air* serta *kewangan, insurans dan harta tanah*. Pembiayaan melalui pasaran ekuiti[16] kekal mampan pada RM11.3 bilion pada tahun 2015 (2014: RM13.1 bilion), dengan dua terbitan hak yang besar dan tawaran awam awal (Initial Public Offering, IPO) oleh syarikat-syarikat dalam sektor *perdagangan dan perkhidmatan*; serta *harta tanah*.

[15] Tidak termasuk dana yang diperoleh institusi kewangan, Cagamas dan bukan pemastautin.
[16] Tidak termasuk terbitan yang berkaitan institusi kewangan.

Rajah 2.19

Jumlah Pinjaman Terkumpul Mengikut Peminjam[1]



[1] Termasuk pinjaman terkumpul sistem perbankan dan pinjaman institusi kewangan bukan bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.20

Terbitan Kasar PDS Mengikut Sektor[1]



[1] Tidak termasuk terbitan institusi kewangan, Cagamas dan bukan pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

Hutang isi rumah[17] terus berkembang pada kadar sederhana, iaitu 7.3% (2014: 9.4%) pada tahun 2015. Peningkatan ini sebahagiannya adalah hasil daripada langkah-langkah awalan kehematan makro dan mikro yang dilaksanakan oleh Bank serta langkah fiskal yang diperkenalkan oleh Kerajaan sejak tahun 2010 untuk memastikan pertumbuhan hutang isi rumah yang mampan.

Khususnya, terdapat penurunan dalam pinjaman untuk *pembelian sekuriti* (2015: 1.7%; 2014: 12.3%) dan *pembelian harta tanah bukan kediaman* (2015: 8.1%; 2014: 10.6%). Pertumbuhan pinjaman untuk *harta tanah kediaman*, yang mencakupi 49% daripada jumlah hutang isi rumah, kekal kukuh (2015: 11.0%; 2014: 12.4%).

[17] Terdiri daripada pinjaman isi rumah terkumpul yang diberikan oleh bank dan institusi kewangan bukan bank. Institusi kewangan bukan bank terdiri daripada dua institusi kewangan pembangunan, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (dahulu Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan), insurans dan syarikat broker saham, dan lain-lain.

2015

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2015

103 Dasar Monetari

105 *Rencana: Evolusi Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia: Peristiwa Penting Sejak Penubuhannya*

109 Operasi Monetari

DASAR MONETARI

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada tahun 2015, dengan tumpuan diberikan pada usaha memastikan keadaan monetari menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan dan kestabilan harga. Pendirian dasar monetari adalah akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi, berlatarkan ketidakpastian yang meningkat dalam persekitaran dasar ekoran beberapa perkembangan luar negeri dan dalam negeri yang mempengaruhi prospek ekonomi Malaysia dan menimbulkan risiko kepada kestabilan makroekonomi keseluruhan. Walau bagaimanapun, dengan persekitaran kadar faedah yang rendah, MPC terus berwaspada terhadap risiko kepada ketidakseimbangan kewangan.

Pada tahun 2015, MPC memberikan tumpuan pada usaha memastikan keadaan monetari menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan dan kestabilan harga dalam persekitaran yang bercirikan ketidaktentuan dan ketidakpastian yang ketara

Rajah 3.1

Kadar Dasar Semalaman (OPR)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang pada kadar yang stabil antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2015. Prospek ini berdasarkan jangkaan bahawa permintaan dalam negeri akan menjadi peneraju pertumbuhan dalam keadaan permintaan luaran yang lemah, selaras dengan prospek pertumbuhan global yang sederhana dan harga eksport komoditi yang lebih rendah. Pertumbuhan penggunaan swasta dijangka menjadi sederhana berbanding dengan pertumbuhan pada tahun-tahun sebelumnya berikutan kos yang lebih tinggi yang dihadapi oleh isi rumah, khususnya pada separuh kedua tahun itu, dan ketidakpastian persekitaran ekonomi yang meningkat. Walaupun begitu, berdasarkan penilaian, perbelanjaan isi rumah dijangka terus disokong oleh pertumbuhan upah dan keadaan guna tenaga yang stabil pada tahun itu. Aktiviti pelaburan turut diunjurkan kekal berdaya tahan, dengan perbelanjaan modal yang menyeluruh oleh sektor swasta dan awam mengimbangi kemerosotan aktiviti pelaburan minyak dan gas. Aktiviti pelaburan dijangka diterajui oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, serta projek infrastruktur.

Inflasi keseluruhan diramalkan berada dalam julat 2 - 3%. Penurunan harga komoditi global dan inflasi global yang pada amnya lebih rendah dijangka dapat mengimbangi peningkatan faktor kos dalam negeri berikutan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST), pelarasan harga dalam negeri yang lain dan kadar pertukaran ringgit yang lebih lemah. Setelah mencatat paras terendah pada suku pertama tahun 2015, inflasi keseluruhan diunjurkan meningkat, seterusnya mencatat paras tertinggi pada suku pertama tahun 2016, dan menjadi sederhana selepas itu. Sepanjang tahun 2015, inflasi asas secara relatif dijangka kekal sederhana dalam keadaan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih perlahan.

Sepanjang tahun 2015, prospek asas (baseline) untuk pertumbuhan dalam negeri dan inflasi ini bergantung pada ketidakpastian yang berpunca daripada beberapa perkembangan luaran dan dalam negeri yang memberikan kesan kepada ekonomi Malaysia. Dalam perbincangan

yang telah dibuat sepanjang tahun itu, MPC memantau perkembangan ini dengan teliti dan membuat penilaian secara berterusan mengenai risiko yang mungkin timbul terhadap kestabilan makroekonomi keseluruhan. Pada permulaan tahun itu, punca utama kebimbangan ialah perubahan yang ketara dan ketidakpastian dalam prospek harga komoditi dan ekoran itu, risiko terhadap daya tahan ekonomi Malaysia pada masa hadapan. Khususnya, kebimbangan mengenai kesan kepada sektor minyak dan gas dan limpahan kepada aktiviti pelaburan dan eksport yang lebih luas, di samping implikasi kepada imbangan pembayaran keseluruhan dan kedudukan fiskal Kerajaan. MPC juga bimbang tentang salah tanggapan bahawa ekonomi Malaysia sangat bergantung pada komoditi. Yang nyata ialah ekonomi Malaysia amat pelbagai, dengan sektor perkhidmatan dan perkilangan memainkan peranan penting. Dalam penyampaian komunikasinya, Bank Negara Malaysia berusaha untuk membetulkan salah tanggapan ini. MPC juga memberikan perhatian yang teliti terhadap hasil pengenalan GST pada bulan April 2015. Meskipun GST memberikan manfaat kepada ekonomi pada jangka lebih panjang, kesannya dalam jangka terdekat terhadap tingkah laku isi rumah dan perniagaan mungkin meninggalkan kesan ekonomi. Kesan langsung terhadap inflasi dianggap kurang membimbangkan berikutan persekitaran inflasi global dan dalam negeri yang sederhana. Walau bagaimanapun, terdapat kebimbangan tentang kemungkinan berlakunya pencatutan dan tingkah laku penentuan harga oleh firma, khususnya kerana terdapat beberapa perubahan lain dalam harga dalam negeri, seperti pelaksanaan mekanisme penentuan harga apungan terurus untuk produk bahan api dalam negeri.

Pada separuh kedua tahun 2015, kebimbangan terhadap kesan negatif ekoran kemerosotan harga komoditi dan kemungkinan berlakunya pelarasan yang tidak teratur kepada GST telah reda. Namun begitu, beberapa risiko global utama yang dikenal pasti pada permulaan tahun itu menjadi kenyataan. Ini termasuklah pertumbuhan global yang lebih perlahan berikutan momentum pertumbuhan global yang menjadi lebih lembap dalam beberapa ekonomi maju utama dan ekonomi sedang pesat membangun, ketidaktentuan yang meningkat dalam pasaran kewangan global yang sebahagiannya berpunca daripada ketidakpastian dasar dalam ekonomi utama dan

Rajah 3.2

KDNK dan Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

ketidaktentuan harga komoditi yang berterusan. Perkembangan luaran ini memberikan kesan yang ketara kepada pasaran kewangan domestik dan kadar pertukaran ringgit pada separuh kedua tahun itu. Faktor dalam negeri sedikit sebanyak turut memburukkan sentimen pelabur terhadap aset kewangan ringgit. Secara kumulatif, perkembangan ini menyebabkan kemerosotan sentimen ekonomi secara keseluruhan dalam kalangan isi rumah dan perniagaan dalam negeri. Perkembangan ini sedikit sebanyak telah menyebabkan sentimen ekonomi dalam negeri mencapai tahap yang kali terakhir dialami semasa krisis dalam ekonomi maju pada tahun 2008-2009[1].

Meskipun melalui perkembangan ini, jangkaan awal tentang prospek pertumbuhan dalam negeri dan inflasi tidak terbabas. Ekonomi Malaysia terbukti berdaya tahan. Ciri-ciri ekonomi dan eksportnya yang amat pelbagai membantu mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Pasaran kewangan yang mendalam dan permodalan institusi kewangan yang kukuh berupaya menghadapi aliran modal yang besar dan tidak menentu dan terus menyediakan pembiayaan bagi menyokong aktiviti ekonomi. Yang penting, meskipun perkembangan global dan dalam negeri menjejaskan kadar pertukaran ringgit dan pasaran kewangan domestik, mudah tunai domestik keseluruhan kekal mencukupi manakala institusi kewangan terus beroperasi dengan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh.

[1] Contohnya, Indeks Sentimen Pengguna MIER (Malaysian Institute of Economic Research, MIER) mencapai paras yang lebih rendah berbanding dengan paras pada tahun 2008, manakala Indeks Keadaan Perniagaan MIER dan Indeks Guna Tenaga MIER masing-masing berada pada paras yang terendah sejak tahun 2009 dan 2008.

Evolusi Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia: Peristiwa Penting Sejak Penubuhannya

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia telah mengadakan mesyuarat pertamanya empat belas tahun lalu. Sejak itu, MPC telah berkembang dan meningkatkan keberkesanannya sebagai satu-satunya badan yang bertanggungjawab merumuskan dasar monetari dan dasar bagi pengendalian operasi dasar monetari di Malaysia. Rencana ini secara ringkas memaparkan peristiwa penting dalam perkembangan MPC sejak ditubuhkan.

Tahun 2002 hingga tahun 2008: Membina Asas

MPC dibentuk pada tahun 2002. Pada permulaannya, MPC dibentuk sebagai sebuah jawatankuasa penasihat yang dianggotai pengurusan kanan Bank Negara Malaysia (Bank) yang menyokong Gabenor sebagai pembuat keputusan tunggal dasar monetari. Mesyuarat MPC lazimnya berlangsung seharian, dimulakan dengan pembentangan kakitangan, diikuti dengan perbincangan dalam kalangan ahli jawatankuasa dan diakhiri dengan keputusan yang dibuat oleh Gabenor mengenai pendirian dasar monetari. MPC yang bermesyuarat secara berkala berperanan untuk menilai keadaan ekonomi secara konsisten dan memastikan bahawa pendirian dasar monetari adalah sesuai mengikut perubahan prospek pertumbuhan dan inflasi.

Bahagian penting dalam proses membuat keputusan dasar monetari ialah proses dalaman sebelum mesyuarat MPC. Dalam hal ini, Kumpulan Kerja Dasar Monetari (Monetary Policy Working Group, MPWG) memainkan peranan penting. MPWG ditubuhkan pada tahun 2002 sebagai forum dalaman untuk membincangkan penilaian kakitangan mengenai perkembangan dan prospek terkini ekonomi,

Gambar Rajah 1

Proses Dasar Monetari di Bank Negara Malaysia



Nota: Penomboran menunjukkan urutan proses dasar monetari
Sumber: Bank Negara Malaysia

monetari dan pasaran kewangan, isu-isu dasar dan dapatan kajian sebelum pembentangan kepada MPC. Selain fungsi kawalan kualitinya, MPWG juga memastikan bahawa pandangan semua bahagian yang terlibat dengan Bank diambil kira dan dipertimbangkan dengan teliti. MPWG dipengerusikan oleh Penolong Gabenor yang bertanggungjawab terhadap dasar monetari dan ahlinya ialah pengarah-pengarah jabatan yang terlibat dalam bidang dasar monetari, ekonomi, operasi pelaburan dan pasaran kewangan, pemantauan dan pengawasan kewangan, dan pentadbiran pertukaran asing. Pada mulanya, MPWG bermesyuarat sekurang-kurangnya satu kali sebulan, tetapi mesyuarat ini telah bertukar menjadi lapan kali setahun pada tahun 2005 dan enam kali setahun pada tahun 2010, selaras dengan kekerapan mesyuarat MPC.

Komponen penting dalam pengendalian dasar monetari ialah komunikasi mengenai keputusan dasar kepada orang ramai dan pasaran kewangan. Alat komunikasi dasar yang utama bagi MPC ialah Pernyataan Dasar Monetari (Monetary Policy Statement, MPS). MPS yang pertama dikeluarkan pada bulan Ogos 2003, dan pada mulanya dijadualkan siarannya sebanyak empat kali setahun bersesuaian dengan penyiaran prestasi suku tahunan KDNK Malaysia. Tarikh siaran kemudiannya ditukar bermula pada bulan Disember 2005 supaya bersesuaian dengan tarikh mesyuarat MPC. Ini juga merupakan kali pertama penyiaran kalendar lebih awal bagi mesyuarat-mesyuarat MPC untuk tahun akan datang. MPS adalah pernyataan pandang ke hadapan yang menggariskan pendirian dasar monetari dan rasional bagi keputusan dasar yang dibuat.

Tahun 2009: Autonomi dan Keinstitusian

Pada tahun 2009, peristiwa yang sangat penting telah berlaku dalam perkembangan MPC dengan penguatkuasaan Akta Bank Negara Malaysia 2009[1] (Akta). Akta ini menetapkan bahawa dasar monetari hendaklah dirumuskan dan dilaksanakan secara autonomi oleh Bank dan dari segi undang-undang MPC diiktiraf sebagai badan yang bertanggungjawab dalam merumuskan dasar monetari dan dasar bagi pengendalian operasi dasar monetari di dalam negara. Akta ini juga menginstitusikan dan menjelaskan lagi beberapa aspek yang telah mantap dalam pengendalian dasar monetari oleh pihak Bank. Aspek ini meliputi, sebagai contoh, objektif dasar monetari, iaitu mengekalkan kestabilan harga sambil mengambil kira perkembangan dalam ekonomi, dan keperluan rasmi untuk menyiarkan MPS selepas setiap kali mesyuarat diadakan.

Selain itu, Akta ini memperkenalkan prosedur tadbir urus yang penting yang berperanan menyediakan rangka kerja untuk meningkatkan kemantapan bukan sahaja persekitaran untuk membuat keputusan dasar monetari, malahan akan turut membenarkan MPC untuk terus berkembang pada masa hadapan. Tadbir urus proses dasar monetari turut berpandukan undang-undang kecil MPC, yang antara lain, menyediakan set amalan untuk membuat keputusan dasar yang cekap dan mantap; mentakrifkan peranan, tanggungjawab dan kebertanggungjawaban ahli MPC; dan mentakrifkan kitaran membuat keputusan dasar monetari. Undang-undang kecil ini meliputi peruntukan seperti keperluan untuk campuran yang optimum (optimal mix) dari segi perwakilan konstituensi dalam komposisi MPC bagi mengimbangi keputusan yang berat sebelah, pendekatan membuat keputusan dan struktur mesyuarat MPC.

MPC berkembang menjadi jawatankuasa yang membuat keputusan berdasarkan persepakatan bersama dengan keputusan dibuat secara konsensus, dan Gabenor, sebagai Pengerusi, berperanan untuk mengetuai perbincangan dan pertimbangan, serta mendorong wujudnya konsensus dalam kalangan ahli MPC. Kriteria keanggotaan MPC juga ditakrifkan dengan lebih jelas dalam Akta ini. Pertimbangan menyeluruh untuk dicalonkan sebagai ahli MPC ialah mempunyai kepakaran dan pengalaman yang berkaitan dengan tanggungjawab dan fungsi MPC; dan seorang yang jujur, berwibawa dan berfikiran waras. Gabenor dan Timbalan-Timbalan Gabenor terus kekal sebagai ahli MPC selagi mereka masih memegang jawatan itu. Ahli yang lain dilantik oleh Lembaga Pengarah Bank daripada kalangan pegawai kanan Bank yang mempunyai

[1] Sila rujuk ``Rencana: Proses Dasar Monetari di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009´´, dalam Bab 3 Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2009 untuk huraian yang terperinci.

kepakaran yang berkaitan, atas cadangan Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga Bank[2]. Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga ini boleh mencadangkan ahli luar Bank kepada Menteri Kewangan untuk dilantik menganggotai MPC.

Tempoh setiap mesyuarat MPC juga dilanjutkan kepada dua hari. Ini bertujuan untuk memberikan masa yang mencukupi bagi pembentangan yang mendalam oleh kakitangan dan untuk ahli MPC menilai dan membincangkan implikasi daripada perkembangan baharu. Masa tambahan ini juga membolehkan pandangan konsensus mengenai hala tuju dasar berkembang, dan akhirnya penyediaan draf MPS. Akta ini juga menetapkan bahawa MPC perlu bermesyuarat enam kali setahun, dengan fleksibiliti untuk mengadakan mesyuarat tambahan jika perlu.

Tahun 2010 hingga tahun 2015: Meningkatkan Kemantapan Rangka Kerja Membuat Keputusan

Bank terus menghadapi persekitaran dasar yang mencabar pada tahun-tahun selepas mengalami kemelesetan ekonomi global. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh perkembangan dan ketidakpastian yang ketara dalam persekitaran ekonomi dan pasaran kewangan global. Dalam tempoh ini, beberapa usaha telah dilakukan oleh Bank untuk memperkukuh rangka kerja membuat dasarnya. Bank menubuhkan Jawatankuasa Dasar Bersama pada tahun 2010, iaitu jawatankuasa dasar peringkat tinggi yang terdiri daripada ahli MPC dan Jawatankuasa Kestabilan Kewangan Bank[3]. Jawatankuasa ini ditubuhkan dengan kesedaran bahawa dasar monetari dan kestabilan kewangan amat saling bergantung antara satu sama lain, dan penyelarasan yang berkesan antara kedua-dua dasar ini sangat penting untuk mengekalkan kestabilan makroekonomi dan kewangan. Jawatankuasa Dasar Bersama mempermudah pengawasan yang lebih meluas dan penilaian risiko yang lebih menyeluruh terhadap isu-isu dengan menggabungkan pengawasan makroekonomi dengan analisis sektor kewangan pada peringkat mikro. Ini membolehkan Bank untuk membincangkan isu-isu merentas pelbagai kategori dan memastikan pelarasan dasar secara berkesan yang mungkin mempunyai impak terhadap sistem kewangan dan ekonomi secara lebih menyeluruh.

Pada tahun 2012, proses ini berubah lagi apabila Kod Etika dan Konflik Kepentingan Jawatankuasa Dasar Monetari (Kod) diwujudkan. Kod ini menetapkan garis panduan bagi memelihara integriti membuat keputusan oleh MPC dengan berusaha untuk meminimumkan dan menguruskan sebarang konflik kepentingan. Selain itu, Rangka Kerja untuk Pelantikan Ahli Luar Bank kepada Jawatankuasa Dasar Monetari (Rangka Kerja) dalaman turut dirangka pada tahun 2012. Rangka Kerja ini menyediakan prinsip yang menjadi pedoman, berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam Akta dan undang-undang kecil MPC bagi memudahkan Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga Bank menilai kesesuaian calon luar Bank untuk dicadangkan sebagai ahli MPC. Rangka Kerja ini mengukuhkan perlindungan yang sedia ada, seperti menetapkan bahawa mana-mana calon yang dicadangkan untuk menjadi ahli MPC, Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga harus terlebih dahulu berpuas hati bahawa calon itu akan mengukuhkan kepelbagaian kepakaran dan pengalaman yang tersedia dalam MPC, dan menghendaki ahli luar Bank menyertakan penafian apabila memberikan pandangan dalam kapasiti sebagai ahli profesional di tempat lain supaya pembezaan dapat dibuat dengan pandangan MPC.

Dua ahli luar Bank telah dilantik pada bulan April 2015. Penyertaan ahli luar Bank merupakan peristiwa penting yang mencerminkan kemajuan berterusan MPC sebagai jawatankuasa membuat keputusan, dengan anggota luar Bank menambah kepelbagaian pandangan dan kepakaran yang berkaitan dengan proses membuat keputusan dasar monetari.

---

[2] Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga yang dianggotai oleh pengarah bukan eksekutif, membantu Lembaga Pengarah dalam peranan pengawasannya. Antara tanggungjawab Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga adalah untuk mencadangkan calon yang akan dilantik ke MPC dan Jawatankuasa Bank yang lain. Sila rujuk ``Rencana: Akta Bank Negara Malaysia 2009´´, dalam Bab 5 Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2009 untuk maklumat lanjut.

[3] Perbincangan selanjutnya mengenai Jawatankuasa Dasar Bersama boleh didapati dalam rencana ``Rencana: Jawatankuasa Dasar Bersama Bank Negara Malaysia´´, dalam Bab 3 Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2012.

Gambar Rajah 2

Evolusi Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kesimpulan

Asas yang disediakan sejak kewujudan MPC empat belas tahun lalu, khususnya rangka kerja tadbir urus dan proses yang mapan, telah menyediakan satu platform yang kukuh kepada MPC untuk melaksanakan tanggungjawabnya merumuskan dasar monetari dan dasar bagi pengendalian operasi dasar monetari di Malaysia.

Berdepan dengan persekitaran ini, MPC membuat penilaian bahawa pendirian dasar monetari adalah sesuai dan konsisten dengan pencapaian kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Pendirian dasar itu, bersama-sama dengan langkah kehematan mikro dan makro sebelum ini juga terus memainkan peranan untuk memastikan pertumbuhan hutang isi rumah yang mampan dan mengurangkan risiko ketidakseimbangan kewangan. MPC berwaspada terhadap tahap ketidakpastian yang meningkat dalam persekitaran ekonomi global dan dalam negeri, dan telah meminta kakitangan Bank Negara Malaysia untuk menjalankan pemantauan yang lebih intensif terhadap perkembangan ini dan kesannya terhadap ekonomi Malaysia. Dalam komunikasinya menerusi Pernyataan Dasar Monetari (Monetary Policy Statement, MPS), MPC berusaha memberikan penjelasan yang lebih baik berhubung dengan penilaiannya tentang prospek ekonomi dan harga serta risiko terhadap prospek ini.

OPERASI MONETARI

Ketidakpastian yang meningkat dalam pasaran kewangan global menyebabkan aliran keluar modal pada tahun 2015. Aliran keluar modal itu terutamanya adalah daripada instrumen pasaran wang jangka pendek, dan sebahagiannya daripada pelaburan ekuiti. Walau bagaimanapun, pasaran bon kerajaan domestik mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM25.7 bilion bagi tahun 2015. Aliran keluar bersih daripada pasaran wang menyebabkan pengurangan dalam agregat mudah tunai lebihan yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia daripada RM269.9 bilion pada akhir tahun 2014 kepada RM205.1 bilion pada akhir tahun 2015. Oleh itu, operasi monetari Bank Negara Malaysia tertumpu pada usaha menguruskan pengurangan lebihan mudah tunai ini dengan memastikan bahawa proses pengantaraan kewangan terus berjalan dengan licin dengan keadaan pasaran kewangan yang teratur.

Pada separuh pertama tahun 2015, Bank Negara Malaysia mengurangkan terbitan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN) dengan ketara, sebahagiannya sebagai tindak balas terhadap pengurangan mudah tunai yang disebabkan oleh aliran keluar. Hanya pada separuh kedua tahun 2015 Bank Negara Malaysia mula menerbitkan semula BNMN kepada pelabur jangka panjang[2] apabila aliran modal mula menjadi stabil pada penghujung bulan Ogos 2015. Oleh itu, BNMN terkumpul menurun daripada RM107.1 bilion pada akhir

Rajah 3.3

Perubahan Bulanan Pemegangan Sekuriti Ringgit oleh Pelabur Bukan Pemastautin



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.4

Mudah Tunai Terkumpul yang Ditempatkan di Bank Negara Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

[2] Pelabur jangka panjang ini menggunakan strategi beli dan pegang dan komited untuk melanjutkan BNMN dan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) yang matang bagi mengekalkan dedahan negara untuk mandat pelaburan.

Rajah 3.5

Komposisi Mudah Tunai Terkumpul yang Ditempatkan di Bank Negara Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

tahun 2014 kepada RM24.5 bilion pada akhir tahun 2015, dan 97% daripadanya dipegang oleh pelabur jangka panjang.

Berikutan ketidaktentuan aliran modal yang meningkat pada tahun 2015, pilihan institusi perbankan untuk mengurus profil mudah tunai mereka beralih kepada kematangan jangka lebih pendek untuk menguruskan ketidakpastian dalam keperluan mudah tunai. Selaras dengan itu, Bank Negara Malaysia memendekkan tempoh peminjaman pasaran wang dan repo, dengan itu mengurangkan tempoh purata operasi penyerapan mudah tunai keseluruhan daripada 56 hari pada akhir tahun 2014 kepada 34 hari pada akhir tahun 2015. Bank Negara Malaysia juga menyediakan mudah tunai kepada sistem perbankan pada tahun itu dengan jumlah RM39.5 bilion pada akhir tahun 2015. Sebahagian daripada penyediaan mudah tunai dilaksanakan menerusi kemudahan repo berbalik (reverse repo) yang diperkenalkan sejak bulan Mac 2015. Kemudahan ini membenarkan peserta yang layak untuk mendapatkan mudah tunai bagi tempoh matang antara satu hingga enam bulan dengan memberikan cagaran yang berkualiti tinggi kepada Bank Negara Malaysia.

Rajah 3.6

Jumlah BNMN Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.7

Repo Berbalik Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.8

Jumlah Penerimaan Jangka Pendek Islam Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia menerima pakai strategi yang serupa untuk menguruskan mudah tunai Islam, dengan penekanan tambahan terhadap penggunaan Program Komoditi Murabahah (Commodity Murabahah Programme, CMP) yang dilelong secara kompetitif, untuk menggalakkan lagi ketelusan kadar keuntungan dalam pasaran wang Islam. Bank-bank Islam telah menukarkan simpanan Wadiah mereka dengan Bank Negara Malaysia secara berperingkat kepada CMP, dengan bahagian CMP berbanding dengan jumlah penerimaan jangka pendek Islam meningkat daripada 14.5% pada tahun 2014 kepada 22.7% pada tahun 2015. Bank Negara Malaysia juga memperkenalkan Sijil Bank Negara Malaysia – Mudarabah (BNM M-Cert), iaitu instrumen ekuiti hibrid, untuk menambah kepelbagaian kepada instrumen yang tersedia bagi pengurusan mudah tunai. BNM M-Cert distrukturkan mengikut persetujuan perkongsian keuntungan antara Bank Negara Malaysia dengan pemegang sukuk, apabila Bank Negara Malaysia memainkan peranan sebagai pengurus pelaburan dengan melaburkan dana dalam aset berlandaskan Syariah dan mengagihkan keuntungan mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui. BNM M-Cert diiktiraf sebagai aset mudah tunai berkualiti tinggi (high-quality liquid assets, HQLA) Paras 1 dan boleh didagangkan dalam pasaran sekunder.

Meskipun kadar pasaran wang jangka pendek dengan tempoh matang satu minggu atau kurang daripada satu minggu kekal stabil, dengan kadar antara bank semalaman purata (average overnight interbank rate, AOIR) menuruti OPR dan diurusniagakan antara 3.03% hingga 3.25%, kadar pasaran wang jangka lebih panjang mengalami turun naik dan mencatat trend menaik pada tahun itu. Kadar antara bank jangka lebih panjang dengan tempoh matang

Rajah 3.9

OPR dan Kadar Antara Bank



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.10

Kadar KLIBOR



Sumber: Bloomberg dan Bank Negara Malaysia

Rajah 3.11

Komposisi Urus Niaga Pasaran Wang Antara Bank



Sumber: Bank Negara Malaysia

melebihi satu bulan telah mencatat paras yang tinggi pada awal tahun 2015, berikutan trend menaik pada lewat tahun 2014. Ini mencerminkan peningkatan kos pendanaan untuk bank-bank ekoran peningkatan persaingan untuk pendanaan yang stabil. Persaingan untuk pendanaan yang stabil disebabkan oleh pertumbuhan deposit yang lebih perlahan berikutan aliran keluar bersih sektor luaran serta persediaan bank-bank untuk pelaksanaan secara berperingkat keperluan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III (Basel III Liquidity Coverage Ratio, LCR)[3], yang dikuatkuasakan sepenuhnya pada bulan Jun 2015. Walau bagaimanapun, kadar faedah ini menurun secara beransur-ansur, dengan Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) 3 bulan menurun daripada paras tertingginya sebanyak 3.86% kepada 3.69% pada separuh pertama tahun itu. Ini berikutan peluasan skop pengiktirafan HQLA yang meliputi Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) dan deposit bertempoh yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia, serta penjelasan oleh Bank Negara Malaysia mengenai olahan jangkaan aliran keluar tunai bank-bank. Operasi repo berbalik oleh Bank Negara Malaysia juga menyuntik mudah tunai ke dalam pasaran antara bank[4], lantas mengurangkan tekanan ke atas bank-bank untuk mencari pendanaan jangka panjang daripada pasaran antara bank. Pada separuh kedua tahun itu, kadar antara bank lebih tinggi dengan KLIBOR 3 bulan mencecah 3.84% pada akhir tahun itu, apabila bank-bank bersaing semula untuk mendapatkan pendanaan yang lebih stabil bagi menyokong nisbah pinjaman kepada deposit mereka dalam persekitaran aliran keluar bersih sektor luaran.

Jumlah urus niaga pasaran wang antara bank, yang meliputi deposit dan penerimaan, penerimaan jurubank (banker's acceptance, BA), dan instrumen deposit boleh niaga (negotiable instrument of deposits, NID) dalam pasaran wang konvensional dan Islam, tidak berubah pada RM3.2 trilion (2014: RM3.2 trilion). Meskipun deposit (peminjaman dan pinjaman tidak bercagar konvensional) kekal sebagai instrumen utama yang diniagakan, urus niaga NID meningkat disebabkan oleh pengiktirafannya sebagai HQLA di bawah keperluan LCR.

Melangkah ke hadapan, keadaan mudah tunai domestik dijangka terus dipengaruhi oleh aliran modal yang cepat berubah. Operasi monetari Bank Negara Malaysia akan terus tertumpu pada usaha memastikan mudah tunai kekal lebih daripada mencukupi bagi menyokong pengantaraan kewangan dan pasaran kewangan domestik yang berfungsi secara teratur.

[3] Objektif LCR adalah untuk menggalakkan daya tahan jangka pendek profil risiko mudah tunai bank. Ini dilaksanakan dengan memastikan bank-bank mempunyai stok HQLA tidak terhalang penggunaannya yang mencukupi yang boleh ditukar dengan mudah dan serta-merta dalam pasaran swasta kepada tunai untuk memenuhi keperluan mudah tunai mereka untuk senario tekanan mudah tunai selama 30 hari kalendar.

[4] Bank-bank boleh mencagarkan sekuriti yang dikumpul secara beransur-ansur untuk pelaksanaan LCR sebagai cagaran untuk repo berbalik, dengan itu membolehkan mereka menukar pemegangan HQLA mereka kepada tunai.

BAB 5

PROSPEK DAN DASAR PADA TAHUN 2016

115 Prospek Ekonomi Antarabangsa

118 Ekonomi Malaysia

126 *Rencana: Peralihan Ke Arah Teknologi Baharu, Meniti Arus Perubahan: Evolusi Industri Elektronik dan Elektrik (E&E) Malaysia*

129 Prospek Inflasi

131 Dasar Monetari

131 Dasar Fiskal

PROSPEK EKONOMI ANTARABANGSA

Pada tahun 2016, ekonomi global dijangka meningkat pada kadar yang sederhana. Walau bagaimanapun, prospek pertumbuhan masih terdedah kepada risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan yang ketara ekoran perkembangan dasar dalam ekonomi utama, ketidakpastian yang tinggi dalam hala tuju harga komoditi global, dan pelarasan pasaran kewangan yang mendadak. Pertumbuhan dalam ekonomi maju dijangka terus berkembang beransur-ansur dan tidak sekata. Meskipun dengan dasar monetari yang sangat akomodatif, ekonomi maju sedang mengalami keadaan kapasiti lebihan ekonomi yang lemah dan berpanjangan, berikutan isu-isu struktur yang belum selesai dan kelemahan dalam permintaan dalam negeri. Bagi ekonomi sedang pesat membangun, pertumbuhan diunjurkan pulih daripada kejutan permintaan luar negeri yang dialami pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan akan bergantung pada beberapa faktor, termasuk perkembangan harga komoditi, keadaan pasaran kewangan dan keupayaan ekonomi untuk membendung kelemahan dalam negeri yang semakin meningkat. Dalam persekitaran ini, aktiviti perdagangan global dijangka mencatat peningkatan yang sederhana sahaja. Gabungan rintangan dari luar dan dalam negeri akan menjadikan tahun 2016 lebih mencabar bagi pembuat dasar di seluruh dunia.

Ekonomi global akan bertambah baik pada tahun 2016 walaupun risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan masih ketara

Momentum pertumbuhan tidak sekata merentas ekonomi utama

Ekonomi **AS** dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil, disokong oleh penggunaan swasta yang terus meningkat. Penggunaan swasta, yang mencakupi kira-kira dua pertiga daripada KDNK, diunjurkan lebih kukuh disebabkan oleh keadaan pasaran pekerja

Rajah 4.1

Pertumbuhan: Dunia dan Ekonomi Maju Utama (2015-2016)



a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

yang menggalakkan dan kedudukan kewangan isi rumah yang bertambah baik. Khususnya, kelemahan pasaran pekerja semakin berkurang seperti ditunjukkan oleh trend menurun dalam bilangan pekerja sambilan yang memilih untuk bekerja sepenuh masa, dan bilangan pekerja yang ditempatkan sementara, termasuk pekerja tak giat. Pasaran pekerja yang terus bertambah baik dalam persekitaran harga tenaga yang rendah akan terus menyokong pertumbuhan dalam pendapatan individu benar, yang telah meningkat pada purata 4.1% pada tahun 2015 (purata 2003-2007: 3%). Trend ini memberikan limpahan positif terhadap pasaran perumahan. Harga rumah terus menunjukkan pemulihan yang berterusan, berikutan permintaan terhadap perumahan yang semakin pulih dalam keadaan penawaran yang semakin berkurang. Perkara ini memberikan sokongan kepada ekuiti rumah dan mengukuhkan kedudukan kewangan isi rumah. Bahagian pemilik rumah yang mempunyai baki hutang gadai janji yang lebih tinggi daripada nilai pasaran yang saksama kini kurang daripada separuh berbanding dengan jumlah tertinggi yang dicatat pada suku pertama tahun 2012. Pelaburan kediaman turut meningkat secara beransur-ansur, dengan pembinaan rumah keluarga tunggal terus menunjukkan trend menaik dan pembinaan rumah keluarga berbilang kekal

pada paras yang tinggi. Meskipun terdapat trend yang positif ini, kekuatan pemulihan ekonomi AS akan dipengaruhi oleh kelemahan dalam industri berkaitan tenaga dan sedikit sebanyak oleh limpahan daripada perkembangan pasaran kewangan dan sektor luaran negeri.

Pertumbuhan di **RR China** dijangka menjadi sederhana apabila permintaan dalam negeri menerima kesan segera daripada pelarasan struktur yang sedang dilaksana. Meskipun pertumbuhan mampan dalam sektor perkhidmatan terus menyokong ekonomi RR China, namun keadaan ini dijangka diimbangi oleh kelembapan sektor yang mempunyai lebihan kapasiti, seperti sektor perindustrian dan harta tanah. Selain itu, kemungkinan kemunculan semula ketidaktentuan pasaran kewangan akan menjejaskan sentimen serta menimbulkan risiko kestabilan kewangan dan pertumbuhan yang lebih perlahan. Berikutan cabaran ini, dasar dalam negeri dijangka kekal akomodatif untuk menyokong pertumbuhan. Sehingga kini, pembuat dasar di RR China telah mengumumkan pelbagai langkah, seperti pelaburan infrastruktur yang lebih tinggi, memastikan sektor berdaya maju dalam ekonomi mendapat akses kepada kredit yang berterusan, dan pengurangan cukai ke atas pembelian kenderaan dan rumah.

Rajah 4.2

Ekonomi Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar (2015 - 2016)



a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

Di **kawasan euro**, meskipun peningkatan aktiviti ekonomi secara beransur-ansur dijangka berterusan, kadar pemulihan dijangka tidak sekata merentas rantau itu. Dalam ekonomi teras seperti Jerman dan Perancis, aktiviti penggunaan swasta dijangka dipacu oleh pasaran pekerja yang bertambah baik dan keadaan kredit yang menggalakkan. Kadar pengangguran telah menurun kepada 10.9% (purata 2012-2014: 11.7%), manakala pertumbuhan kredit sektor swasta mula pulih walaupun secara beransur-ansur (2015: 0.7%; purata 2012-2014: -1.6%). Namun, prospek bagi sesetengah ekonomi yang terjejas oleh krisis masih lemah berikutan kemajuan yang perlahan dalam pembaharuan struktur dan pengurangan hutang awam. Keputusan dasar untuk terus melaksanakan pembaharuan struktur dan sektor kewangan, termasuk penyahkawalseliaan pasaran pekerja, pengurangan hutang awam, dan pembentukan kesatuan perbankan, akan terus menjadi elemen penting untuk menggalakkan keyakinan dan menyokong pemulihan ekonomi yang berterusan.

Aktiviti ekonomi di **Jepun** dijangka berkembang pada kadar yang amat sederhana. Pertumbuhan akan disokong terutamanya oleh rangsangan monetari dan fiskal. Yang ketara, Kabinet telah meluluskan belanjawan tambahan berjumlah ¥3.5 trilion (0.7% daripada KDNK nominal) untuk menyokong permintaan dalam negeri melalui peningkatan perkhidmatan kebajikan, pemberian bantuan wang tunai kepada pesara, dan pencepatan pembinaan semula kawasan yang musnah akibat gempa bumi dan tsunami pada Mac 2011. Bank of Japan telah menerima pakai dasar monetari yang lebih agresif. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan ini masih bergantung pada keberkesanan transmisi daripada langkah-langkah dasar ini kepada aktiviti ekonomi benar, kemajuan pembaharuan struktur, prospek pertumbuhan upah dan peningkatan perbelanjaan modal.

Pertumbuhan ekonomi di **Asia** diunjurkan bertambah baik pada tahun 2016, didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang serta pemulihan yang sederhana dalam permintaan luar negeri. Pertumbuhan diunjurkan lebih tinggi berbanding dengan tahun 2015 dalam kebanyakan ekonomi Asia. Aktiviti penggunaan swasta dijangka terus disokong oleh peningkatan pendapatan yang berterusan berikutan keadaan pasaran pekerja

yang menggalakkan, termasuk kenaikan upah minimum di beberapa ekonomi serantau. Inisiatif infrastruktur dijangka menyokong peningkatan perbelanjaan modal, khususnya dalam ekonomi ASEAN. Pelaksanaan langkah fiskal tambahan dalam beberapa ekonomi Asia, termasuk China Taipei, Thailand, Indonesia dan Korea, akan turut merancakkan aktiviti ekonomi dalam negeri. Langkah-langkah ini termasuklah sokongan kewangan untuk perniagaan kecil, pelaburan awam yang lebih tinggi dan rebat untuk menggalakkan pembelian barangan pengguna tahan lama.

Tekanan inflasi global akan kekal sederhana
Inflasi global dijangka kekal sederhana pada tahun 2016, mencerminkan tekanan penawaran dan permintaan yang lemah. Dari segi penawaran, risiko inflasi tolakan kos dijangka kekal terkawal, berikutan jangkaan harga komoditi global yang terus rendah. Di samping pertumbuhan yang sederhana dalam permintaan global, harga minyak mentah dijangka dipengaruhi oleh lebihan bekalan yang berterusan daripada anggota Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (Organisation of the Petroleum Exporting Countries, OPEC) dan bukan OPEC, pemulihan bekalan minyak dari Iran susulan penamatan sekatan ekonomi terhadap negara tersebut, serta pembatalan larangan eksport minyak AS. Harga makanan juga dijangka kekal sederhana berikutan hasil pengeluaran tanaman yang lebih tinggi dan inventori yang tinggi. Bagi komoditi berkaitan logam, permintaan yang lebih rendah dari beberapa ekonomi utama, termasuk RR China, akan terus memberi tekanan terhadap harga khususnya untuk tembaga, nikel, zink dan bijih besi.

Berikutan prospek yang sederhana bagi harga komoditi global, kadar inflasi keseluruhan dijangka kekal di bawah sasaran inflasi bank-bank pusat kebanyakan ekonomi maju dan sedang pesat membangun. Dalam kebanyakan ekonomi maju, tekanan inflasi asas dijangka lemah, mencerminkan lebihan kapasiti yang berterusan dan permintaan yang lemah dalam ekonomi ini. Dalam seluruh ekonomi sedang pesat membangun, inflasi diunjurkan menunjukkan trend yang berbeza-beza. Meskipun harga bahan api yang lebih rendah meredakan tekanan inflasi dalam kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun, beberapa ekonomi, termasuk Komanwel Negara-negara Merdeka, Amerika Latin, dan Timur Tengah, diunjurkan mengalami kadar kenaikan harga yang lebih cepat, ekoran penamatan subsidi dalam usaha mengukuhkan kedudukan fiskal. Selain itu, kesan ini mungkin diburukkan lagi oleh inflasi diimport, mencerminkan terutamanya kesan susut nilai mata wang yang ketara.

Risiko pertumbuhan ekonomi global menjadi lebih perlahan masih tinggi
Unjuran peningkatan dalam ekonomi global bergantung pada **risiko pertumbuhan** menjadi lebih perlahan yang ketara, dalam persekitaran pertumbuhan dan dasar yang sangat mencabar.

Walaupun pengimbangan semula ekonomi RR China diperlukan untuk beralih ke arah model pertumbuhan yang lebih mampan, proses ini berdepan cabaran daripada kelemahan dalam negeri, termasuk keberhutangan yang tinggi dan kapasiti berlebihan yang berterusan dalam beberapa sektor industri. Memandangkan peranan RR China semakin penting dalam ekonomi global serta hubungan perdagangan dan kewangan yang tersebar luas, potensi pertumbuhan ekonomi RR China yang jauh lebih sederhana daripada jangkaan akan memberikan kesan limpahan yang ketara terhadap aktiviti perdagangan global, sentimen pelabur dan harga komoditi.

Ketidakpastian harga komoditi utama akan terus mempengaruhi prospek pertumbuhan beberapa ekonomi besar. Yang penting, pelarasan menurun yang selanjutnya dalam harga komoditi akan menyebabkan prospek negara-negara pengeksport komoditi menjadi lebih lemah daripada jangkaan, di samping mewujudkan tekanan disinflasi dalam beberapa ekonomi.

Tindak balas yang ketara dalam pasaran kewangan global terhadap peralihan dasar monetari dalam ekonomi maju sepanjang dua tahun lalu mencerminkan kelemahan asas dalam fasa pemulihan semasa, dan kesanggupan mengambil risiko kewangan keseluruhan yang didorong oleh pencarian hasil. Melangkah ke hadapan, tingkah laku pelabur akan terus dipengaruhi oleh perbezaan dalam dasar monetari ekonomi utama. Peningkatan ketidaktentuan pasaran kewangan yang berlaku berikutan peralihan besar dalam mudah tunai global mungkin memberikan kesan kepada keadaan pembiayaan, dan dengan itu, mempengaruhi prospek pertumbuhan. Tambahan lagi, ketegangan geopolitik yang bertambah buruk di beberapa wilayah boleh

menjejaskan sentimen dengan ketara dan mengalihkan tumpuan pembuat dasar daripada pengukuhan asas-asas ekonomi.

Bagi Asia, tahap ketidakpastian yang tinggi dalam persekitaran luar akan terus mewujudkan ketidaktentuan yang tinggi dalam pasaran kewangan dan mata wang domestik. Sehingga kini, pengantaraan kewangan dalam kebanyakan ekonomi Asia tidak terjejas. Malah terdapat ruang yang lebih daripada mencukupi untuk pembuat dasar melaksanakan dasar kitaran balas jika keadaan memerlukannya. Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh langkah-langkah dasar yang dilaksanakan sedekad yang lalu untuk mengukuhkan asas-asas makroekonomi dan memelihara kestabilan kewangan. Melangkah ke hadapan, Asia terus berdepan cabaran daripada persekitaran dalam dan luar negeri yang memerlukan penyesuaian semula dasar secara aktif di samping mengekalkan usaha pembaharuan struktur untuk menyokong prospek pertumbuhan jangka sederhana.

EKONOMI MALAYSIA

Landskap ekonomi dan kewangan antarabangsa yang mencabar dijangka menjadi faktor utama yang akan mempengaruhi prospek ekonomi Malaysia pada 2016. Kekukuhan pertumbuhan ekonomi global dan trajektori harga minyak global akan mempunyai implikasi penting terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Ekonomi Malaysia juga terus dipengaruhi oleh prospek pertumbuhan rakan perdagangan utamanya, keadaan dalam pasaran kewangan serta tahap keyakinan pelabur dan pengguna.

Namun begitu, Malaysia mempunyai kedudukan yang kukuh untuk menghadapi cabaran ini, dengan disokong oleh struktur dalam negeri yang pelbagai, asas-asas ekonomi yang kukuh dan fleksibiliti dasar. Pertumbuhan akan terus diterajui oleh permintaan dalam negeri. Pengantaraan kewangan dijangka kekal menyokong pertumbuhan, disokong oleh institusi kewangan yang kukuh serta pasaran kewangan yang mendalam dan maju. Walaupun keadaan harga yang lemah akan terus memberikan kesan kepada eksport komoditi, eksport Malaysia dijangka disokong oleh pemulihan yang beransur-ansur dalam ekonomi maju dan pertumbuhan yang berterusan dalam ekonomi serantau. Ciri kepelbagaian dalam eksport Malaysia dari segi produk dan pasaran terus menyediakan daya tahan kepada prestasi perdagangan Malaysia.

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 4 - 4.5% pada tahun 2016

Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia dijangka berkembang 4 – 4.5% (2015: 5.0%). Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri dijangka berkembang pada kadar yang lebih sederhana disebabkan pengguna dan pelabur terus membuat penyesuaian terhadap persekitaran ekonomi yang mencabar. Penggunaan swasta diunjurkan berkembang pada kadar di bawah trend purata jangka panjang, apabila pengguna terus membuat pelarasan perbelanjaan sebagai tindak balas terhadap kesan pelaksanaan GST yang berlanjutan, serta perubahan dalam harga ditadbir. Perbelanjaan isi rumah turut dipengaruhi oleh keadaan ketidakpastian dalam pasaran pekerja dan kewangan. Namun, kesan daripada penurunan ini akan diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan yang berterusan dalam pendapatan dan pekerjaan, serta beberapa sokongan daripada langkah-langkah Kerajaan yang menyasarkan peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah. Dalam persekitaran ketidakpastian yang berterusan dan sentimen perniagaan yang berhati-hati, unjuran bagi pertumbuhan pelaburan swasta kurang memberangsangkan berbanding dengan prestasinya sepanjang 5 tahun yang lalu, apabila ia mencatat pertumbuhan pada kadar purata 12.2%. Perbelanjaan modal sektor swasta dijangka disokong oleh projek-projek yang sedang dilaksanakan dan projek-projek pelaburan baharu dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Akaun semasa imbangan pembayaran diunjurkan kekal dalam kedudukan lebihan sekitar 1 – 2% daripada pendapatan negara kasar (PNK), sebahagian besarnya berikutan lebihan yang besar dalam akaun perdagangan. Hasil daripada langkah yang diperkenalkan untuk memudahkan perjalanan dari negara terpilih serta usaha pemasaran dan promosi bersasaran, ketibaan pelancong dijangka dapat meningkatkan pendapatan pelancongan dan

menyumbang kepada defisit yang lebih rendah dalam akaun perkhidmatan.

Inflasi diunjurkan lebih tinggi sebanyak 2.5 – 3.5% pada tahun 2016 (2015: 2.1%), disebabkan terutamanya oleh pelarasan harga terhadap harga ditadbir beberapa barangan dan kadar pertukaran ringgit yang lemah. Walau bagaimanapun, kesan daripada faktor kos ini terhadap inflasi akan diimbangi oleh harga tenaga dan komoditi global yang rendah, inflasi global yang secara amnya lemah, dan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana. Namun, trajektori inflasi boleh menjadi lebih tidak menentu kerana ia tertakluk pada ketidakpastian seperti keadaan yang berkaitan dengan pertumbuhan global, harga minyak global dan kadar pertukaran ringgit.

Unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2016 adalah berdasarkan jangkaan bahawa pertumbuhan global akan meningkat dengan sederhana dan perbelanjaan sektor swasta di dalam negeri yang kukuh. Risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan diakui telah meningkat berikutan meningkatnya ketidakpastian dalam ekonomi global dan dalam negeri. Momentum pertumbuhan di RR China terus menjadi salah satu sumber utama risiko kepada ramalan pertumbuhan, apabila negara itu terus mengimbangi semula ekonominya. Walaupun RR China kekal sebagai salah satu rakan perdagangan utama Malaysia, kemungkinan kesan langsung yang ketara dari RR China adalah terhad memandangkan RR China hanya mencakupi bahagian sebanyak 13% daripada eksport. Walau bagaimanapun, eksport juga boleh terjejas secara tidak langsung sekiranya terdapat kesan limpahan yang ketara daripada perdagangan serantau yang lemah dan kelembapan yang selanjutnya dalam harga komoditi global. Persekitaran ekonomi global yang mencabar ini juga boleh diburukkan lagi oleh ketidakpastian dalam harga minyak global dan turun naik yang tinggi dalam aliran modal dan pasaran kewangan. Di dalam negeri, transmisi dan magnitud kejutan luaran ini merupakan sumber meningkatnya ketidakpastian terhadap sistem ekonomi dan kewangan, terutamanya berkaitan dengan pasaran pekerja, sentimen perniagaan dan aktiviti pengantaraan kewangan.

Pengalaman lalu telah menunjukkan bahawa Malaysia mampu membuat penyesuaian ekonomi dan kewangan untuk menghadapi persekitaran yang mencabar ini. Kekuatan Malaysia terletak pada empat faktor, iaitu asas-asas makroekonomi yang kukuh, struktur ekonomi yang pelbagai, sistem kewangan yang kukuh dan lebih maju, serta instrumen dasar yang teguh. Asas-asas makroekonomi telah disokong oleh pertumbuhan yang mampan antara 4 – 6% selama beberapa tahun, dengan inflasi yang stabil dan pengangguran yang rendah. Kedudukan luaran dijangka kekal menggalakkan, disokong oleh lebihan yang berterusan dalam akaun semasa imbangan pembayaran, FDI yang berterusan dan paras rizab antarabangsa yang teguh.

Pengukuhan struktur yang dilaksanakan selama beberapa tahun lalu telah memberi Malaysia pelbagai sumber pertumbuhan. Ekonomi negara terus berkembang pada kadar yang kukuh pada tahun 2015, meskipun harga komoditi jatuh dengan mendadak dan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang lebih sederhana. Kekukuhan dan kedalaman sektor kewangan juga merupakan satu lagi sumber daya tahan ekonomi. Institusi perbankan yang kukuh dan pasaran kewangan domestik yang mendalam dan maju telah bertindak dengan cekap dan berkesan untuk mengantara kejutan kewangan yang dicetuskan oleh aliran modal yang tidak menentu. Oleh itu, akses kepada pembiayaan kekal tidak terjejas dan terus memudahkan aktiviti ekonomi. Langkah awalan kehematan makro untuk membendung ketidakseimbangan kewangan telah menyediakan ruang yang mencukupi untuk membuat keputusan dasar yang berkesan. Yang penting, pengukuhan fiskal yang lalu telah membolehkan Kerajaan kekal teguh dengan komitmennya terhadap konsolidasi fiskal. Di samping itu, dasar monetari terus kekal akomodatif untuk menyokong pertumbuhan. Secara keseluruhan, pembuat dasar di Malaysia mempunyai keupayaan untuk melaksanakan langkah dasar yang diperlukan bagi mengurus kejutan yang selanjutnya terhadap ekonomi.

Permintaan dalam negeri terus menjadi pemacu utama pertumbuhan

Pertumbuhan **permintaan dalam negeri** diunjurkan menjadi sederhana kepada 4.3% pada tahun 2016 (2015: 5.1%). Ini berikutan jangkaan bahawa ejen ekonomi akan terus membuat pelarasan yang diperlukan untuk menguruskan kesan harga pengguna yang lebih tinggi dan keadaan sektor luaran yang lebih tidak menentu. Permintaan dalam negeri, bagaimanapun, akan kekal sebagai peneraju pertumbuhan, didorong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Mencerminkan komitmen Kerajaan terhadap konsolidasi fiskal,

Sektor-sektor Ekonomi Utama Berkembang

Pada tahun 2016, sektor-sektor ekonomi utama diunjurkan berkembang, pada kadar yang lebih sederhana. Sektor perkhidmatan dan perkilangan akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan keseluruhan, manakala pertumbuhan dalam sektor pembinaan dijangka mampan. Meskipun harga minyak dan gas lebih rendah, pertumbuhan dalam sektor perlombongan akan disokong oleh kapasiti pengeluaran gas yang baharu. Sektor pertanian dijangka mencatat penguncupan yang kecil disebabkan oleh hasil yang lebih rendah akibat fenomena cuaca El-Nino.

Jadual 1

KDNK Benar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (2010=100)

	2015*a*	2015*a*	2016*r*	2015*a*	2016*r*
	% daripada KDNK	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)	
Perkhidmatan	53.5	5.1	4.4	2.8	2.4
Perkilangan	23.0	4.9	4.1	1.1	0.9
Perlombongan dan pengkuarian	8.9	4.7	3.5	0.4	0.3
Pertanian	8.8	1.0	-0.3	0.1	0.0
Pembinaan	4.4	8.2	7.9	0.3	0.3
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.0**	**4.0 ~ 4.5**	**5.0**[1]	**4.0 ~ 4.5**

[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Sektor perkhidmatan akan terus berkembang pada tahun 2016, walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Pertumbuhan dalam subsektor berkaitan penggunaan seperti perdagangan runcit, makanan & minuman dan penginapan dijangka menjadi sederhana seiring dengan pertumbuhan penggunaan swasta yang lebih perlahan. Sebaliknya, subsektor maklumat dan komunikasi dijangka mencatat pertumbuhan yang mantap selaras dengan permintaan terhadap perkhidmatan komunikasi data yang kekal kukuh. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan akan terus berkembang, mendapat manfaat daripada aktiviti perdagangan yang lebih baik. Prestasi subsektor kewangan dan insurans dijangka kekal lemah, sejajar dengan pertumbuhan pinjaman yang lebih sederhana dan aktiviti pasaran modal yang lebih perlahan.

Pertumbuhan sektor perkilangan dijangka menjadi sederhana pada tahun 2016 disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan industri-industri berorientasikan eksport yang lebih perlahan. Permintaan serantau yang dijangka semakin lemah akan memberikan kesan kepada prestasi kelompok berkaitan sumber. Meskipun kelompok elektronik dan keluaran elektrik (E&E) akan terus menyokong pertumbuhan, permintaan yang semakin lemah daripada ekonomi sedang pesat membangun dan kekukuhan dolar AS mungkin akan menjejaskan permintaan global terhadap barangan elektronik. Pertumbuhan industri-industri berorientasikan dalam negeri juga dijangka menjadi perlahan sejajar dengan keadaan permintaan dalam negeri yang lebih lemah.

Momentum pertumbuhan sektor pembinaan diunjurkan menurun sedikit pada tahun 2016. Dalam subsektor kediaman, pertumbuhan diunjurkan kekal sederhana berikutan kelulusan perumahan dan pelancaran harta tanah yang lemah. Prestasi subsektor bukan kediaman dijangka menjadi lebih sederhana berikutan aktiviti pembinaan yang lebih perlahan dalam segmen harta tanah industri dan komersial. Walau bagaimanapun, prestasi keseluruhan sektor pembinaan akan disokong oleh projek kejuruteraan awam baharu dan projek berbilang tahun sedia ada, terutamanya dalam segmen pengangkutan dan petrokimia.

Dalam sektor komoditi, pengeluaran pertanian dijangka mencatat penguncupan yang kecil pada tahun 2016. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh hasil minyak sawit yang lebih rendah berikutan keadaan cuaca panas dan kering ekoran fenomena cuaca El Nino yang kuat. Pertumbuhan sektor perlombongan akan disokong oleh kapasiti pengeluaran gas yang baharu daripada kemudahan pengeluaran LNG Train 9 di Bintulu, Sarawak.

Jadual 4.1

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2010=100)

	2015*a*	2016*r*	2015*a*	2016*r*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)	
Permintaan Dalam Negeri[1]	**5.1**	**4.3**	**4.6**	**4.0**
Perbelanjaan sektor swasta	6.1	5.2	4.2	3.6
Penggunaan	*6.0*	*5.1*	*3.1*	*2.7*
Pelaburan	*6.4*	*5.5*	*1.1*	*0.9*
Perbelanjaan sektor awam	2.1	1.6	0.5	0.4
Penggunaan	*4.3*	*2.0*	*0.6*	*0.3*
Pelaburan	*-1.0*	*1.1*	*-0.1*	*0.1*
Perubahan dalam Stok			**0.6**	**0.0**
Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan	**-3.7**	**1.1**	**-0.3**	**0.1**
Eksport	0.7	3.2	0.5	2.3
Import	1.3	3.4	0.8	2.2
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**5.0**	**4.0~4.5**	**5.0**	**4.0~4.5**

[1] Tidak termasuk stok
a Awalan
r Ramalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pertumbuhan perbelanjaan sektor awam akan kekal sederhana pada 2016, namun akan terus menyokong pertumbuhan keseluruhan.

Perbelanjaan swasta akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, dengan sokongan yang berterusan daripada sektor awam

Pertumbuhan **penggunaan swasta** diunjurkan menjadi sederhana kepada 5.1% pada tahun 2016 (2015: 6.0%), mencerminkan sebahagian besarnya pelarasan isi rumah yang berterusan terhadap persekitaran harga yang lebih tinggi dan ketidakpastian yang lebih ketara. Isi rumah dijangka terus membuat pelarasan perbelanjaan disebabkan kos sara hidup yang lebih tinggi ekoran pelaksanaan GST dan perubahan dalam harga ditadbir bagi beberapa barangan dan perkhidmatan. Selain itu, perbelanjaan isi rumah akan dipengaruhi oleh sentimen pengguna yang lebih lemah disebabkan oleh ketidakpastian keadaan pasaran pekerja, pasaran kewangan dan prestasi ringgit. Kesan negatif ini, bagaimanapun, akan diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga yang berterusan, serta langkah-langkah Kerajaan yang menyasarkan peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah. Langkah-langkah ini termasuk pengurangan caruman KWSP pekerja sebanyak tiga mata peratusan, pindahan tunai Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang lebih tinggi dan pelepasan cukai tambahan sebanyak RM2,000[1].

Penggunaan swasta terus berkembang meskipun isi rumah membuat penyesuaian terhadap kos sara hidup yang lebih tinggi

Meskipun pertumbuhan pada separuh pertama tahun 2016 dijangka menjadi lebih sederhana, perbelanjaan pengguna diunjurkan bertambah baik secara beransur-ansur berikutan kesan GST yang berkurang. Keadaan yang semakin bertambah baik ini akan terus didorong oleh peningkatan upah minimum kebangsaan dan kenaikan gaji kakitangan awam yang berkuat kuasa pada bulan Julai 2016. Perbelanjaan penggunaan juga dijangka disokong oleh harga minyak sawit mentah (MSM) dan getah yang lebih tinggi, terutamanya perbelanjaan oleh isi rumah di luar bandar.

Pasaran pekerja Malaysia secara keseluruhannya dijangka kekal stabil. Walaupun tenaga kerja akan terus berkembang sejajar dengan pertumbuhan penduduk, peningkatan guna tenaga dijangka menjadi sederhana. Risiko berpunca daripada sentimen yang lemah dalam kalangan pencari kerja dan perniagaan, berikutan ketidakpastian dalam prospek harga minyak global dan pertumbuhan global. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri yang sederhana dan sektor luaran yang bertambah baik secara beransur-ansur dijangka terus menyokong pasaran pekerja. Kadar pengangguran mungkin meningkat sedikit tetapi dijangka kekal rendah

[1] Pelepasan cukai ini terpakai pada pembayar cukai individu berpendapatan bulanan RM8,000 atau ke bawah untuk tahun taksiran 2015.

sekitar 3.3 – 3.5% (2015: 3.2%). Meskipun pasaran pekerjaan membuat penyesuaian secara beransur-ansur terhadap keadaan ini, upah akan terus meningkat sejajar dengan perkembangan ekonomi keseluruhan. Kaji selidik tahunan oleh Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (Malaysian Employers Federation, MEF) melaporkan bahawa majikan menjangka kenaikan gaji pada kadar purata sekitar 5.5% pada tahun 2016[2] (2015: 5.7%). Pertumbuhan upah berkemungkinan disokong oleh pertumbuhan upah yang mantap dalam sektor berorientasikan eksport, manakala upah dalam sektor berorientasikan dalam negeri akan terus berkembang dengan sederhana.

Pelaburan swasta akan disokong oleh projek yang sedang dilaksanakan dan projek pelaburan baharu, khususnya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan

Memandangkan persekitaran ketidakpastian yang berterusan dan sentimen perniagaan yang berhati-hati, pertumbuhan **pelaburan swasta** diunjurkan berada di bawah trend purata jangka panjangnya dan berkembang 5.5% pada tahun 2016. Persekitaran harga komoditi yang rendah secara berterusan akan memberikan kesan kepada perbelanjaan modal dalam sektor perlombongan huluan, terutamanya pelaburan yang berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan medan minyak selingan. Namun begitu, perbelanjaan modal sektor swasta akan disokong oleh projek yang sedang dilaksanakan dan projek pelaburan baharu, terutamanya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Dengan pertumbuhan permintaan daripada ekonomi maju yang sederhana, pelaburan dalam sektor perkilangan dijangka didorong oleh peningkatan kapasiti dalam industri perkilangan berorientasikan eksport seperti pengilang-pengilang E&E dan produk berasaskan sumber. Di samping itu, pengilang juga dijangka meningkatkan perbelanjaan modal mereka untuk menyokong penggunaan automasi bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti, berikutan persekitaran perniagaan yang lebih bersaingan.

[2] Sumber: Laporan Kaji Selidik Gaji Eksekutif dan Bukan Eksekutif 2015 oleh MEF.

Dalam sektor perkhidmatan, pelaburan akan dipacu oleh pelaksanaan bagi projek pengembangan kapasiti sedia ada yang berterusan, khususnya yang berkaitan dengan subsektor pelancongan, pengangkutan, penjagaan kesihatan dan telekomunikasi. Secara khusus, pelaburan dalam subsektor telekomunikasi akan dipacu oleh pengembangan infrastruktur untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat di seluruh negara terhadap perkhidmatan internet yang boleh diharap serta berkelajuan tinggi, termasuk pengembangan rangkaian 4G/LTE dan struktur fiber. Projek dalam segmen harta tanah kediaman, bagaimanapun, dijangka terus berkembang pada kadar yang lebih sederhana berikutan kelulusan dan pelancaran perumahan baharu kekal sederhana.

Perbelanjaan sektor awam akan kekal menyokong pertumbuhan keseluruhan

Pertumbuhan **penggunaan awam** dijangka menjadi sederhana kepada 2.0% pada tahun 2016, mencerminkan terutamanya perbelanjaan yang lebih rendah untuk bekalan dan perkhidmatan berikutan komitmen Kerajaan terhadap perbelanjaan yang lebih berhemat dalam persekitaran semasa yang tidak pasti. Walau bagaimanapun, penggunaan awam akan terus memberikan sumbangan positif kepada pertumbuhan keseluruhan, disokong oleh peningkatan emolumen yang berterusan.

Pelaburan awam dijangka kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.1%. Meskipun Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan pengecilan saiz perbelanjaan dan penyusunan semula keutamaan beberapa projek pembangunan, jumlah perbelanjaan untuk aset tetap akan kekal lebih tinggi pada tahun 2016 berbanding dengan tahun sebelumnya. Sementara itu, syarikat awam dijangka meneruskan momentum pelaburan yang positif seperti yang dicatat pada separuh kedua tahun 2015, selepas mencatat pertumbuhan negatif sejak tahun 2014. Ini mencerminkan pelaksanaan projek infrastruktur utama yang berterusan dalam pelbagai sektor, termasuk sektor utiliti, pengangkutan serta minyak dan gas hiliran.

Keluaran Potensi Malaysia

Keluaran potensi dapat diterangkan sebagai keluaran maksimum yang boleh dihasilkan oleh sesebuah ekonomi tanpa memberikan tekanan terhadap harga. Perbezaan antara keluaran sebenar dengan keluaran potensi ialah jurang keluaran, iaitu penunjuk yang berguna untuk menilai tahap penggunaan sumber ekonomi. Walaupun anggaran jurang keluaran tidak boleh dilihat secara langsung dan agak sensitif terhadap spesifikasi model, jurang keluaran merupakan salah satu penunjuk yang sering digunakan oleh pembuat dasar untuk meramalkan inflasi dan membuat keputusan tentang kadar faedah.

Bagi menganggarkan keluaran potensi dan jurang keluaran Malaysia, Bank Negara Malaysia menggunakan tiga pendekatan umum. Pendekatan tersebut termasuk model univariat (penuras Hodrick-Prescott (HP) dan univariate state space), model struktur (fungsi pengeluaran Cobb-Douglas) dan model multivariat (penuras Kalman dan penuras multivariat berasaskan model). Semua pendekatan ini digunakan untuk mendapatkan anggaran purata jurang keluaran. Oleh sebab setiap model ini mempunyai kekuatan dan kelemahannya tersendiri[1], penggunaan gabungan kaedah penganggaran membolehkan perbandingan dan semakan keputusan secara bersilang .

Keluaran Potensi dan Jurang Keluaran pada Tahun 2015-2016

Pada tahun 2015, jurang keluaran Malaysia[2] mengecil kepada +0.21% (2014: +0.32%), dengan potensi pertumbuhan juga meningkat secara sederhana, kira-kira 4.8%. Meskipun pelaburan dalam negeri yang berterusan serta kadar guna tenaga dan kadar penyertaan pekerja yang pada amnya stabil (2015: 67.6%; 2014: 67.5%) terus menyokong keluaran potensi, perkembangan global, iaitu kejatuhan harga minyak global, telah memberikan kesan negatif terhadap keluaran potensi[3]. Dalam hal ini, pertumbuhan keluaran potensi terjejas, terutamanya menerusi saluran pelaburan, apabila firma dalam industri minyak dan gas mengurangkan perbelanjaan modal mereka sebagai tindak balas terhadap kejatuhan harga minyak, menyebabkan pengumpulan modal berlaku pada kadar yang lebih perlahan. Dengan pertumbuhan keluaran potensi meningkat secara sederhana seiring dengan keluaran sebenar (2015: 5%, 2014: 6%), jurang keluaran mengecil pada tahun itu. Selaras dengan jurang keluaran yang lebih kecil ini, inflasi dalam negeri berada pada kadar 2.1% (2014: 3.2%).

Jurang keluaran diramalkan hampir kepada sifar pada tahun 2016, dengan keluaran potensi dianggarkan meningkat kira-kira 4.6% (2015: 4.8%) (Rajah 1). Pengumpulan modal yang berterusan, keadaan guna tenaga yang stabil dan peningkatan produktiviti faktor dijangka menyokong pertumbuhan keluaran potensi. Walaupun pelaburan dalam industri minyak dan gas berkemungkinan kekal lemah pada tahun 2016, pelaburan dalam sektor bukan tenaga dijangka berterusan pada tahun 2016, dengan itu menghasilkan limpahan positif kepada

Rajah 1

Jurang Keluaran, Pertumbuhan Keluaran Potensi dan Sebenar, 1995-2016*r*



r Ramalan

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

[1] Chuah, L.L dan Shahrier, N.A. (2014). Estimating Malaysia's Output Gap: Have We Closed the Gap?, Bank Negara Working Paper Series WP4/2014.

[2] Jurang keluaran ialah keputusan purata yang diperoleh daripada lima kaedah penganggaran, yang termasuk penuras Hodrick-Prescott (HP), univariate state space (USS), fungsi pengeluaran Cobb-Douglas, penuras Kalman multivariat (MVKF) dan penuras multivariat berasaskan model.

[3] Kajian menunjukkan bahawa turun naik harga minyak mungkin mempunyai akibat yang meluas kepada aktiviti ekonomi. Sebagai contoh, lihat Jiménez-Rodríguez, R. dan Sánchez, M. (2004). Oil Price Shocks and Real GDP Growth. Empirical Evidence for Some OECD Countries. ECB Working Paper Series, No. 362 / May 2004.

bahagian ekonomi yang lain. Selain itu, kadar penyertaan pekerja dijangka mampan pada tahun 2016, lantas menyokong pertumbuhan keluaran potensi.

Tekanan permintaan dijangka dapat dibendung. Agregat permintaan diunjurkan meningkat 4.3% berbanding dengan 5.1% pada tahun 2015, selaras dengan sumber yang ada dalam ekonomi. Unjuran inflasi meningkat sedikit kepada 2.5-3.5% (2015: 2.1%), yang akan didorong terutamanya oleh pelarasan beberapa barang harga ditadbir dan kadar pertukaran mata wang yang lemah. Oleh itu, tekanan permintaan dalam negeri dijangka tidak akan menjadi faktor utama yang mendorong inflasi.

Beberapa ketidakpastian masih wujud, seperti yang ditunjukkan dalam penyelerakan (dispersion) carta kipas (Rajah 2). Jurang keluaran berada dalam lingkungan jalur carta kipas yang paling dalam, dengan julat antara -0.46% hingga +0.34%. Berdasarkan ketidakpastian ini, maklumat yang diperoleh daripada industri digunakan sebagai cara untuk membuat penilaian keputusan yang berasaskan model. Berdasarkan kaji selidik dan perbincangan Bank dengan perniagaan, firma dalam sektor berorientasikan eksport secara umumnya berpendirian optimis tetapi berhati-hati berdasarkan keadaan global yang bertambah baik. Namun begitu, risiko luaran seperti kelemahan ringgit dan kelembapan ekonomi China akan terus mempengaruhi keputusan perniagaan firma. Memandangkan prospek berhati-hati ini, firma bersikap memilih dalam membuat keputusan pelaburan dan pengambilan pekerja, dan oleh itu, mereka akan terus melabur hanya dalam bidang yang penting bagi operasi mereka dan mengambil pekerja yang kritikal bagi pengeluaran. Pada keseluruhannya, maklumat ini menunjukkan prospek pertumbuhan yang sederhana dalam keluaran dan keluaran potensi pada tahun 2016.

Rajah 2

Ketidakpastiaan Anggaran Jurang Keluaran, 2016*r*



r Ramalan

Sumber : Anggaran Bank Negara Malaysia

Sektor luaran kekal berdaya tahan

Sejajar dengan unjuran permintaan luar negeri yang bertambah baik, prestasi eksport Malaysia dijangka kekal positif pada tahun 2016. Eksport kasar dijangka berkembang 2.4% pada tahun 2016, disokong oleh peningkatan permintaan yang sederhana daripada ekonomi maju dan pertumbuhan berterusan ekonomi serantau. Harga komoditi yang lemah akan terus menjejaskan eksport Malaysia tetapi kesannya akan lebih kecil berbanding dengan tahun 2015. Pempelbagaian eksport Malaysia yang baik akan terus menyokong pertumbuhan eksport secara keseluruhan.

Akaun semasa imbangan pembayaran akan kekal positif pada tahun 2016

Dengan pertumbuhan menyeluruh dalam keluaran E&E dan bukan E&E, eksport perkilangan diunjurkan mencatat pertumbuhan yang positif. Eksport E&E dijangka terus meraih manfaat daripada pempelbagaian yang progresif dalam sektor ini. Permintaan yang berterusan terhadap separa konduktor untuk pelbagai aplikasi pengguna dan perniagaan dalam industri yang berkembang pesat, seperti peranti mudah alih, sensor automotif dan fotosensitif (photosensitive) berkemungkinan menyokong pertumbuhan eksport E&E. Eksport bukan E&E akan terus berkembang, disokong oleh permintaan serantau yang berterusan terhadap keluaran berasaskan sumber seperti keluaran kimia, petroleum dan getah.

Kelemahan harga keluaran perlombongan yang berpanjangan akan menjejaskan eksport komoditi. Keadaan ini dijangka diburukkan lagi oleh permintaan global yang lembap terhadap komoditi secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, tahap penurunan harga perlombongan tidak mungkin seburuk tahun 2015, justeru, kesan negatif daripada harga komoditi yang lebih rendah terhadap eksport akan menjadi lebih kecil pada tahun 2016. Tambahan lagi, harga MSM dijangka meningkat lebih tinggi berikutan permintaan yang berterusan dan bekalan yang lebih rendah disebabkan oleh hasil yang lebih rendah akibat keadaan cuaca El-Nino. Ini akan memberikan sedikit sokongan kepada eksport komoditi.

Pertumbuhan import kasar diunjurkan meningkat kepada 4.9% pada tahun 2016. Import barangan pengantara, yang membentuk sebahagian besar daripada import Malaysia, dijangka meningkat seiring dengan aktiviti pengeluaran yang kukuh untuk eksport dan penggunaan serta pelaburan dalam negeri. Perkembangan berterusan dalam aktiviti pelaburan dalam negeri, terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan, dijangka menyumbang kepada pertumbuhan import barangan modal yang lebih tinggi. Pertumbuhan dalam kategori import barangan pengantara dan modal mungkin lebih tinggi, sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas tahunan yang rendah pada tahun 2015. Import barangan penggunaan akan mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana, walaupun import makanan dan minuman, yang secara relatif tidak anjal dari segi permintaan, akan terus mendorong pertumbuhan import barangan penggunaan.

Berdasarkan prestasi eksport perkilangan yang mampan dan lebihan imbangan perdagangan komoditi yang berterusan, imbangan perdagangan keseluruhan dijangka terus mencatat lebihan pada tahun 2016. Magnitud lebihan ini, bagaimanapun, akan menjadi lebih kecil. Sebagai pengeksport bersih LNG dan MSM yang besar, harga komoditi ini akan memberikan kesan kepada imbangan perdagangan Malaysia. Harga LNG yang lebih rendah akan menjejaskan

Jadual 4.2

Perdagangan Luar Negeri

	2015*a*	2016*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Eksport kasar	**1.9**	**2.4**
antaranya:		
Perkilangan	6.5	5.6
Pertanian	-2.7	-3.8
Mineral	-20.6	-17.0
Import kasar	**0.4**	**4.9**
antaranya:		
Barangan modal	0.0	8.9
Barangan pengantara	-2.3	4.7
Barangan penggunaan	24.1	3.0
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**94.6**	**79.5**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Peralihan Ke Arah Teknologi Baharu, Meniti Arus Perubahan: Evolusi Industri Elektronik dan Elektrik (E&E) Malaysia

Industri elektronik dan elektrik (E&E) global telah mengalami beberapa perubahan sejak bermulanya alaf baharu. Pertama, RR China muncul sebagai pengeksport E&E terbesar dunia selepas menyertai Pertubuhan Perdagangan Sedunia (World Trade Organisation, WTO) pada tahun 2000, dengan aspirasi untuk mencapai tahap lebih tinggi dalam rantaian nilai dalam masa tersingkat. Kedua, kemajuan yang dicapai dalam pengeluaran peranti pintar dan teknologi tanpa wayar yang lebih moden, sedikit banyak telah menjejaskan pengeluar komputer peribadi (PCs) dan komponen, yang selama ini merupakan salah satu pemacu pertumbuhan utama industri sebelum berlakunya Krisis Kewangan Global (Global Financial Crisis, GFC). Sebaliknya, penggunaan pesat elektronik dalam semua jenis produk, selain komputer peribadi dan peralatan telekomunikasi, telah memberikan sokongan yang lebih besar kepada pengeluar separa konduktor. Ketiga, rantaian penawaran E&E global yang makin tersebar luas juga telah menyebabkan persaingan yang lebih sengit antara ekonomi bagi menarik dan mengekalkan pelaburan langsung asing (FDIs) daripada syarikat multinasional (MNCs). Secara keseluruhannya, perkembangan ini telah mendorong banyak ekonomi dan firma yang terlibat dalam industri E&E untuk menilai semula strategi mereka masing-masing.

Berlatarkan persekitaran ini, industri E&E Malaysia perlu membuat penyesuaian selaras dengan perubahan persekitaran global untuk kekal relevan dan berdaya saing. Tambahan pula, kejatuhan harga komoditi global baru-baru ini telah menarik lebih perhatian terhadap keupayaan eksport E&E Malaysia untuk mengimbangi kesan kelembapan eksport komoditi dan eksport secara keseluruhannya, sambil menyokong pertumbuhan. Pelarasan struktur ini dapat diperhatikan dalam industri E&E tempatan yang telah menjalani pempelbagaian yang berterusan daripada komputer peribadi dan komponen kepada bidang pertumbuhan baharu yang sedang pesat berkembang serta produk yang lebih tinggi dalam rantaian nilai.

Peralihan Ke Arah Teknologi Baharu

Sejak awal tahun 2000-an sehingga krisis kewangan dalam ekonomi-ekonomi maju, pengeluaran dan eksport E&E Malaysia sebahagian besarnya didorong oleh keluaran yang berkaitan dengan industri komputer peribadi dan komponen (Rajah 1). Ini merangkumi perkhidmatan ujian dan pemasangan untuk litar bersepadu (integrated circuits, ICs) hingga kepada pengilangan komponen. Meskipun dapat diperhatikan bahawa krisis kewangan telah menyebabkan **kelemahan kitaran** dalam permintaan terhadap keluaran elektronik, prestasi eksport E&E Malaysia terus terjejas oleh **peralihan struktur** dalam pilihan pengguna daripada komputer peribadi kepada telefon pintar dan tablet. Ditambah pula dengan permintaan yang berterusan lemah daripada ekonomi-ekonomi maju selepas krisis kewangan, Malaysia mencatat pemulihan yang lebih perlahan dalam eksport E&E pada tahun 2012 dan 2013 berbanding dengan rakan serantaunya yang memberikan lebih tumpuan pada pasaran peranti pintar yang sedang berkembang pesat (Rajah 2).

Berdepan dengan peralihan struktur dalam industri ini, banyak firma perkilangan E&E di Malaysia, baik firma multinasional mahupun firma tempatan, memutuskan untuk memberikan tumpuan kepada pempelbagaian daripada segmen komputer peribadi dan komponen kepada segmen yang lebih pantas berkembang dan mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Contohnya, banyak firma dalam industri separa konduktor bagi pemprosesan data, terutamanya firma penyimpanan data, telah memanfaatkan permintaan yang semakin tinggi terhadap pengkomputeran awan (cloud computing), berikutan peningkatan kegiatan yang berkaitan dengan Internet, dengan meningkatkan penglibatan mereka dalam pasaran pelayan pelbagai pengguna (enterprise servers). Satu lagi perkembangan penting ialah penglibatan Malaysia yang semakin aktif dalam industri separa konduktor automotif (Rajah 3). Dengan permintaan yang terus mantap terhadap alat pengesan automotif yang didorong oleh faktor keselamatan dan kecekapan, industri ini dijangka mengalami pertumbuhan jangka panjang yang stabil berbanding dengan segmen telefon pintar dan tablet. Ini dijangka menjadi pemangkin kepada pertumbuhan yang lebih mampan bagi industri separa konduktor Malaysia. Usaha pempelbagaian yang berterusan dalam industri E&E telah meningkatkan keupayaan Malaysia untuk memanfaatkan peningkatan pertumbuhan dalam ekonomi-ekonomi maju.

Meskipun terdapat sokongan yang menggalakkan dalam industri E&E, ruang masih ada bagi pempelbagaian campuran keluaran (product mix) industri separa konduktor Malaysia dalam segmen lain yang berkembang pesat. Contohnya, pada tahun-tahun yang akan datang, penggunaan alat pengesan dan separa konduktor yang semakin meluas dalam pelbagai keluaran industri dan pengguna, disepadukan pula dengan teknologi tanpa wayar dan perisian canggih, yang secara tidak rasmi dikenali sebagai ``Internet of Things (IoT)´´, akan menjadi pemangkin yang kukuh bagi pertumbuhan industri E&E Malaysia. Walaupun masih pada peringkat awal, cakupan keluaran yang

Rajah 1

Pertumbuhan Eksport E&E Malaysia



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 2

Pertumbuhan Eksport E&E bagi Ekonomi-Ekonomi Utama Asia (dalam USD)



Sumber: Global Trade Atlas

Rajah 3

Bahagian Jumlah Jualan Separa Konduktor Malaysia



Sumber: Gartner Dataquest (Disember 2013) dan anggaran Bank Negara Malaysia

luas dalam ruang IoT, yang terdiri daripada keluaran pemakaian, peralatan elektrik biasa dan juga peranti bioperubatan, merupakan peluang pempelbagaian yang menarik untuk peserta separa konduktor Malaysia. Malah, banyak peserta dalam industri ini telah pun mengatur strategi masing-masing dalam bidang pertumbuhan baharu ini.

Menyedari bahawa dasar awam perlu bertindak secara bersepadu dengan pengeluar E&E untuk meraih keuntungan yang terbaik daripada proses pempelbagaian ini, Kerajaan telah melancarkan, antara lain, Pelan Hala Tuju Strategik IoT Kebangsaan dan Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Kebangsaan 2015-2020. Pelancaran pelan-pelan ini menyediakan tumpuan strategik dan rangka kerja untuk memperuntukkan sumber awam bagi menyokong penyertaan yang lebih besar dalam bidang baharu ini. Orientasi semula insentif dan pemilihan lebih teliti ke arah pelaburan dengan nilai ditambah lebih tinggi melengkapkan lagi inisiatif sedia ada untuk mendorong lebih banyak operasi yang dipacu inovasi di Malaysia. Penggubal dasar perlu menjalankan penilaian semula secara berkala terhadap insentif dan dasar sedia ada bagi memastikan Malaysia dapat mengejar gelombang teknologi seterusnya dengan lebih awal untuk menjana faedah ekonomi yang besar. Kerjasama berterusan dengan sektor swasta untuk mengenal pasti dan bertindak balas terhadap trend yang sedang pesat berkembang adalah penting bagi memastikan Malaysia kekal relevan dalam rantaian nilai E&E global. Majlis Eksport Negara juga telah ditubuhkan untuk menerajui dasar yang meningkatkan lagi daya saing eksport Malaysia, termasuk industri E&E.

Meniti Arus Perubahan

Walaupun kebolehsesuaian untuk mendapatkan kedudukan yang strategik dalam segmen pasaran baharu yang pesat berkembang adalah penting bagi memastikan kelebihan daya saing Malaysia dalam industri E&E, ia masih perlu dilengkapkan dengan langkah-langkah yang dapat mengukuhkan asas-asas yang mendasarinya. Peningkatan akses kepada pasaran yang lebih besar dan tarikan tambahan untuk pelaburan langsung asing hasil daripada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (Trans-Pacific Partnership Agreement, TPPA) berkemungkinan besar menarik tumpuan pada keupayaan industri E&E Malaysia untuk memaksimumkan potensinya dalam persekitaran persaingan yang semakin sengit. Dalam hal ini, Malaysia perlu secara serentak memanfaatkan kemajuan yang dicapai dalam usaha memacu automasi dan meningkatkan bekalan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Meningkatkan keupayaan tenaga mahir adalah penting bagi memperdalam kedudukan Malaysia dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta reka bentuk dan pembangunan (D&D). Kedua-dua aktiviti ini penting memandangkan persaingan yang semakin sengit dan ruang yang terhad untuk pertumbuhan dalam segmen nilai ditambah yang lebih rendah. Walaupun kita berjaya menarik peserta E&E global utama untuk meningkatkan lagi pendedahan mereka dalam aktiviti nilai ditambah tinggi di Malaysia melalui pelaksanaan dasar, masih terdapat cabaran yang perlu ditangani sebelum jumlah firma dalam bilangan yang besar dapat dicapai. Walaupun peralihan kepada rantaian nilai yang lebih tinggi dan peningkatan produktiviti berkemungkinan memberikan tekanan kepada peserta yang terlalu bergantung pada operasi berintensifkan pekerja, orientasi semula tumpuan Malaysia pada pelaburan dan kegiatan yang lebih dipacu inovasi adalah penting untuk mencapai ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi.

Tanda-tanda semasa menunjuk kepada masa depan yang lebih cerah dan peranan utama industri E&E dalam ekonomi Malaysia yang pelbagai dengan syarat industri ini terus mengambil langkah yang diperlukan untuk mempertingkat daya saingnya. Memandangkan gangguan teknologi (technological disruption) yang lebih kerap menjadi kebiasaan, keupayaan untuk mengesan perubahan trend dan membuat penyesuaian yang sewajarnya akan menjadi faktor semakin penting yang memberikan kesan kepada daya saing ekonomi yang terlibat dalam industri E&E. Dengan kehadiran Malaysia sebagai peserta utama dalam rantaian nilai global, Malaysia berada pada kedudukan yang strategik untuk meraih manfaat daripada perkembangan positif dalam industri ini.

imbangan perdagangan Malaysia. Namun, kesannya akan diimbangi sebahagiannya oleh harga MSM yang bertambah baik. Dengan import sepadan bagi LNG dan MSM yang kecil, sumbangan kedua-dua komoditi ini kepada imbangan perdagangan Malaysia akan kekal positif. Pada masa yang sama, peningkatan sederhana dalam permintaan global dijangka menjana sumbangan positif yang berterusan kepada prestasi eksport keluaran perkilangan.

Akaun perkhidmatan dijangka mencatat defisit yang lebih kecil. Ini berlandaskan andaian jangkaan bahawa ketibaan pelancong dijangka bertambah baik di samping perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi. Pengenalan e-Visa untuk pelancong dari negara terpilih dan pelonggaran keperluan perjalanan untuk pelancong dari China, berserta usaha promosi yang terus dipergiat untuk industri pelancongan bersasaran seperti perubatan, sukan dan pelancongan halal, dijangka menarik lebih ramai pelancong asing ke Malaysia. Pertumbuhan import perkhidmatan, bagaimanapun, akan dipacu oleh kebergantungan berterusan terhadap pembekal perkhidmatan asing untuk pengangkutan dan perkhidmatan lain seperti perkhidmatan perniagaan dan profesional, sejajar dengan peningkatan aktiviti perdagangan dan pelaburan pada tahun 2016.

Dalam akaun pendapatan primer, keuntungan syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri dijangka lebih rendah, kebanyakannya disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah daripada syarikat minyak dan gas, yang mencakupi lebih satu pertiga daripada pendapatan pelaburan Malaysia di luar negeri. Walau bagaimanapun, ini akan diimbangi sebahagiannya oleh keuntungan yang berterusan daripada pelaburan luar negeri lain. Mencerminkan pertumbuhan yang mampan dalam eksport perkilangan, pendapatan pelaburan yang lebih tinggi dijangka bagi syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia. Secara keseluruhan, ini akan menyebabkan peningkatan defisit dalam akaun pendapatan primer pada tahun 2016. Sementara itu, defisit yang berterusan dalam akaun pendapatan sekunder adalah terutamanya disebabkan oleh jangkaan pengiriman wang keluar yang lebih tinggi, yang lebih daripada mengimbangi jangkaan peningkatan dalam pengiriman wang masuk.

Jadual 4.3

Akaun Semasa bagi Imbangan Pembayaran[1]

Butiran (Bersih)	2015*a*	2016*r*
	RM bilion	
Barangan	108.9	99.5
Perkhidmatan	-20.5	-19.2
Pendapatan primer	-32.2	-38.0
Pendapatan sekunder	-22.2	-23.1
Imbangan akaun semasa	**34.0**	**19.1**
% daripada PNK	*3.0*	*1~2*

[1] Data disusun mengikut Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi Keenam (BPM6) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
a Awalan
r Ramalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Secara keseluruhan, dengan eksport beransur-ansur bertambah baik, eksport bersih barangan dan perkhidmatan diunjurkan memberikan sedikit sokongan kepada pertumbuhan KDNK benar pada tahun 2016. Lebihan akaun semasa mungkin lebih rendah pada RM19.1 bilion atau 1 - 2% daripada PNK, disebabkan oleh lebihan barangan yang lebih rendah dan defisit pendapatan yang lebih besar.

Landskap ekonomi dan kewangan antarabangsa dijangka kekal mencabar pada tahun 2016, dengan sentimen pelabur dipengaruhi oleh risiko prospek pertumbuhan global menjadi lebih perlahan. Oleh itu, Malaysia berkemungkinan berdepan dengan pergerakan aliran modal dua hala yang besar, yang didorong oleh peralihan mudah tunai global yang besar dan tidak menentu. Meskipun dalam keadaan ketidakpastian ini, pasaran kewangan Malaysia yang mendalam dan maju kekal pada kedudukan yang baik untuk mengantara aliran yang sangat tidak menentu ini, sekali gus memastikan pasaran kewangan domestik terus berfungsi dengan teratur dan menyokong ekonomi benar. Keupayaan Malaysia untuk menghadapi kejutan luaran juga akan terus diperkukuh dengan tersedianya penampan yang mencukupi, rangka kerja dasar (policy framework) yang teguh, kebolehsesuaian ekonomi dan ruang dasar yang lebih daripada mencukupi.

PROSPEK INFLASI

Inflasi keseluruhan diunjurkan meningkat kepada 2.5 - 3.5% pada tahun 2016 (2015: 2.1%), disebabkan terutamanya oleh pelarasan harga beberapa barangan harga ditadbir dan kadar pertukaran ringgit yang lemah. Walau bagaimanapun, kesan

daripada faktor kos ini terhadap inflasi akan diimbangi oleh harga tenaga dan komoditi global yang rendah, inflasi global yang pada amnya lemah, serta permintaan dalam negeri yang sederhana. Walau bagaimanapun, trajektori inflasi boleh menjadi lebih tidak menentu dipengaruhi oleh ketidakpastian harga minyak global dan kadar pertukaran ringgit.

Tekanan inflasi daripada pelarasan harga ditadbir dan kadar pertukaran ringgit yang lebih lemah akan diimbangi oleh harga tenaga dan komoditi global yang rendah

Beberapa pelarasan terhadap harga ditadbir telah dilaksanakan sejak bulan Oktober 2015. Pelarasan harga ini merangkumi kenaikan kadar tol lebuh raya dalam bandar dan tambang kereta api serta pengurangan rebat tarif elektrik. Di samping itu, harga rokok meningkat kira-kira 23% pada bulan November berikutan kenaikan duti eksais bagi keluaran tembakau. Oleh sebab kebanyakan pelarasan harga ini dilaksanakan pada akhir tahun 2015, kesan inflasi akan lebih dirasai pada tahun 2016.

Kadar pertukaran ringgit yang lemah dijangka menyumbang kepada tekanan inflasi yang lebih tinggi pada tahun 2016. Kos barangan siap yang diimport akan menjadi lebih tinggi. Bahan mentah dan bahan pengantara yang diimport juga akan menjadi lebih mahal, menyebabkan harga barangan buatan tempatan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kesan keseluruhan kenaikan harga disebabkan oleh kadar pertukaran ringgit yang lebih lemah dijangka tidak ketara kerana barangan pengguna siap yang diimport tidak termasuk bahan api hanya mencakupi 7.2% daripada kumpulan IHP, manakala input pengantara yang diimport hanya mencakupi 20% daripada pengeluaran kasar[3].

Pada tahun 2016, IMF mengunjurkan harga purata minyak global pada USD35 setong[4] (purata 2015: USD51 setong) disebabkan pengeluaran global yang kekal tinggi dalam keadaan pertumbuhan permintaan global yang sederhana. Peningkatan inventori minyak global yang besar, di samping penghapusan sekatan ke atas Iran juga akan menyumbang kepada lebihan bekalan minyak, lantas menambahkan lagi tekanan menurun terhadap harga minyak global. Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Food and Agriculture Organisations of the United Nations, FAO) mengunjurkan harga makanan global juga akan terus menurun pada tahun 2016 memandangkan keadaan bekalan yang menggalakkan dalam keadaan permintaan global yang lebih perlahan. Unjuran harga tenaga dan komoditi yang rendah dijangka mengurangkan tekanan menaik terhadap harga ekoran kadar pertukaran ringgit yang lemah. Sebagai contoh, harga bahan api dalam negeri dijangka kekal rendah pada tahun 2016 disebabkan harga minyak global yang akan terus kekal rendah. Walau bagaimanapun, kesan imbangan daripada harga minyak global yang rendah ini dijangka tidak ketara seperti pada tahun 2015, disebabkan oleh penurunan harga minyak global yang lebih sederhana. Memandangkan harga tenaga dan komoditi global yang rendah dan permintaan dalam negeri yang lemah di beberapa negara rakan perdagangan utama Malaysia, inflasi yang diimport juga dijangka kekal rendah.

Tekanan inflasi yang berpunca daripada faktor permintaan dalam negeri dijangka menjadi sederhana, memandangkan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam perbelanjaan isi rumah berikutan pertumbuhan upah benar yang lebih sederhana. Sementara itu, jurang keluaran dijangka hampir kepada sifar pada tahun 2016. Dengan keadaan permintaan yang lebih sederhana ini, beberapa firma mungkin keberatan untuk memindahkan sepenuhnya peningkatan kos daripada pelarasan harga ditadbir dan kadar pertukaran yang lemah kepada pengguna.

Prospek inflasi pada tahun 2016 dipengaruhi oleh dua risiko. Pertama, trajektori inflasi boleh menjadi tidak menentu disebabkan terutamanya oleh ketidakpastian terhadap pergerakan harga minyak global dan kadar pertukaran ringgit. Ketidakpastian ini akan mempengaruhi inflasi terutamanya melalui kesannya terhadap harga bahan api dalam negeri. Kedua, perubahan kadar pertukaran ringgit juga boleh memberikan pelbagai kesan kepada harga barangan dan perkhidmatan yang diimport.

[3] Dianggarkan berdasarkan Jadual Input-Output Malaysia 2010.

[4] Harga purata bagi minyak mentah Dated Brent, West Texas Intermediate (WTI) dan Dubai Fateh, dengan wajaran yang sama, seperti yang diunjurkan oleh Unjuran Harga Komoditi Utama IMF pada bulan Februari 2016.

Kesan pindahan daripada perubahan dalam kadar pertukaran kepada kadar inflasi dalam negeri adalah sangat tidak menentu dan bergantung pada keadaan ekonomi semasa serta tingkah laku firma dan isi rumah.

DASAR MONETARI

Dasar monetari pada tahun 2016 akan memberikan tumpuan pada usaha memastikan keadaan monetari kekal menyokong pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang mampan berserta kestabilan harga. Usaha ini berdepan dengan persekitaran dasar yang mencabar, yang bercirikan jangkaan pertumbuhan dalam negeri yang lebih sederhana, inflasi keseluruhan yang lebih tinggi dan tahap ketidakpastian persekitaran global dan dalam negeri yang tinggi. Khususnya, terdapat risiko pertumbuhan global menjadi lebih perlahan berikutan kelemahan keadaan ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun, ketidakpastian terhadap prospek harga tenaga dan komoditi, serta jangkaan turun naik yang berterusan dalam pasaran kewangan antarabangsa. Implikasi perkembangan ini terhadap prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri akan dipantau dengan rapi sepanjang tahun 2016. Di samping itu, dasar monetari juga akan terus menitikberatkan risiko ketidakseimbangan kewangan.

Dasar monetari pada tahun 2016 akan memberikan tumpuan pada usaha memastikan keadaan monetari kekal menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan berserta kestabilan harga

Dalam keadaan persekitaran global yang mencabar, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang pada kadar yang lebih sederhana antara 4.0% hingga 4.5% pada tahun 2016, dipacu oleh permintaan dalam negeri yang didorong sektor swasta. Inflasi keseluruhan dijangka berada antara 2.5% hingga 3.5% pada tahun 2016. Inflasi yang lebih tinggi berbanding tahun 2015 akan dipacu terutamanya oleh pelarasan naik harga ditadbir dan kadar pertukaran ringgit yang lemah. Namun, keadaan ini sebahagiannya akan diimbangi oleh harga tenaga dan komoditi global yang terus rendah.

Ketidakpastian dalam pergerakan kadar pertukaran ringgit dan harga tenaga global, bagaimanapun, merupakan risiko kepada prospek inflasi. Namun, inflasi asas dijangka kekal stabil secara relatif berikutan keadaan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana.

Prospek asas bagi pertumbuhan dalam negeri dan inflasi bergantung pada risiko sepanjang tahun ini, berikutan tahap ketidakpastian yang tinggi dalam persekitaran luar dan dalam negeri. Oleh itu, tumpuan Jawatankuasa Dasar Monetari adalah untuk memastikan pendirian dasar monetari terus konsisten dengan pencapaian kestabilan harga dan pertumbuhan yang mampan berikutan risiko yang berubah-ubah dalam ekonomi global dan dalam negeri. Selain itu, berdasarkan jangkaan bahawa aliran luaran akan mengalami turun naik yang berterusan, operasi monetari Bank akan memberikan tumpuan pada usaha memastikan mudah tunai domestik terus mencukupi dalam sistem kewangan bagi menyokong pasaran kewangan domestik berfungsi dengan teratur.

DASAR FISKAL

Dasar fiskal pada tahun 2016 akan terus tertumpu pada konsolidasi fiskal dalam keadaan persekitaran luar dan dalam negeri yang mencabar. Bajet 2016, yang dibentangkan pada bulan Oktober 2015, diubah suai pada bulan Januari 2016 untuk mengambil kira jangkaan penurunan harga minyak global[5], yang akan mempunyai implikasi terhadap hasil Kerajaan. Pengubahsuaian ini melibatkan pelaksanaan langkah-langkah berhemat dan awalan bagi menyusun semula keutamaan perbelanjaan Kerajaan. Langkah ini disokong oleh langkah-langkah pengurangan kos dalam perbelanjaan mengurus dan penyusunan semula keutamaan perbelanjaan pembangunan. Langkah-langkah untuk mempelbagaikan sumber hasil[6] juga telah diperkenalkan bagi mempertingkat kutipan hasil. Oleh itu, sasaran defisit fiskal Kerajaan bagi tahun 2016 kekal pada 3.1% daripada KDNK (2015: 3.2%) seperti yang diumumkan pada bulan Oktober 2015.

[5] Andaian harga minyak global telah disemak antara USD30 - USD35 setong (Bajet 2016: USD48 setong).

[6] Ini termasuk pengagihan semula dan bidaan untuk spektrum telekomunikasi, penguatkuasaan cukai yang ketat ke atas penjualan rokok, minuman keras dan kenderaan import di pulau bebas cukai serta memperkemas sistem levi pekerja asing.

Jadual 4.4

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	RM bilion			Perubahan %		
	2015	2016*s*		2015	2016*s*	
Harga minyak	52	30	35			
Hasil	219.1	216.3	217.9	-0.7	-1.3	-0.5
Jumlah perbelanjaan	257.8	255.7	257.2	-0.5	-0.8	-0.2
Perbelanjaan mengurus	*217*	*210.7*	*211.2*	*-1.2*	*-2.9*	*-2.7*
Perbelanjaan pembangunan kasar	*40.8*	*45.0*	*46.0*	*3.2*	*10.4*	*12.8*
Terimaan balik pinjaman	1.5	0.8	0.8			
Imbangan keseluruhan	**-37.2**	**-38.7**	**-38.5**			
% daripada KDNK	**-3.2**	**-3.1**	**-3.1**			
Sumber pembiayaan:						
Peminjaman dalam negeri bersih	38.9	-	-			
Peminjaman luar negeri bersih	0.7	-	-			
Harta boleh jual[1] dan pelarasan	-0.2	-	-			

[1] Tanda negatif (-) menunjukkan pertambahan dalam aset
s Pengubahsuaian / semakan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Meskipun persekitaran ekonomi lebih mencabar, Kerajaan akan terus melaksanakan langkah-langkah pembaharuan fiskal untuk mengukuhkan lagi kedudukan fiskal Kerajaan. Antaranya termasuk langkah-langkah untuk mengawal peningkatan perbelanjaan mengurus, yang merangkumi rasionalisasi subsidi dan pengurangan perbelanjaan tidak kritikal untuk bekalan dan perkhidmatan, serta pembelian aset. Bahagian perbelanjaan mengurus sebagai peratusan daripada KDNK dijangka menurun kepada kira-kira 17% pada tahun 2016 berbanding dengan 18.8% pada tahun 2015. Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST) telah menambah sumber pendapatan Kerajaan. Pelaksanaan ini akan membantu mengurangkan kehilangan hasil ekoran harga minyak yang lebih rendah dan mengurangkan kebergantungan pada hasil berasaskan komoditi yang amat tidak menentu. Sumbangan hasil berkaitan minyak kepada jumlah keseluruhan hasil telah menurun kepada 21.5% pada tahun 2015 berbanding dengan 30% pada tahun 2014. Penurunan ini dijangka berterusan kepada antara 13% dan 14% pada tahun 2016.

Jadual 4.5

Langkah-langkah Pelarasan Fiskal yang Diumumkan dalam Pengubahsuaian Bajet 2016

		RM bilion
Langkah pengoptimuman perbelanjaan		**9.0***
1	Pengurangan sebanyak 2 – 5% daripada peruntukan asal untuk bekalan dan perkhidmatan	1.7
2	Rasionalisasi pemberian dan serahan	1.0
3	Subsidi lebih rendah untuk LPG dan diesel	1.0
4	Penangguhan pembelian aset	0.2
5	Menyusun semula keutamaan pelaksanaan perbelanjaan pembangunan	5.0

*Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Ucapan Perdana Menteri pada 28 Januari 2016

Sumber fiskal pada tahun 2016 akan diberikan keutamaan kepada projek infrastruktur berimpak tinggi yang mempunyai kesan pengganda[7] yang lebih besar. Ini juga selaras dengan matlamat Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang menentukan keutamaan pembangunan Kerajaan bagi tempoh lima tahun akan datang (2016-2020). Perbelanjaan Kerajaan akan disalurkan ke arah usaha menambah baik kesalinghubungan dan infrastruktur, membina sistem pengangkutan awam yang cekap serta mempertingkat teknologi dan telekomunikasi,

[7] Ini termasuk pelaburan strategik seperti Pusat Bandar Siber, KLIA Aeropolis dan Iskandar Malaysia.

Rajah 4.3

Imbangan Fiskal dan Hutang Kerajaan Persekutuan



s Pengubahsuaian / semakan

Nota: Hutang luar negeri merujuk kepada peminjaman luar pesisir dan pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin (Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Bil-bil Perbendaharaan dan lain-lain)

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

yang akan meningkatkan kapasiti produktif dalam ekonomi. Penekanan ke arah memastikan pertumbuhan yang inklusif dan mampan akan terus diberikan melalui peningkatan kebajikan. Sokongan sosioekonomi kepada segmen berpendapatan rendah dan sederhana akan terus disediakan bagi mengekalkan keupayaan golongan ini menampung kos sara hidup[8] yang meningkat dan menyokong penggunaan swasta.

Dalam jangka sederhana, pembaharuan fiskal yang berterusan akan kekal sebagai elemen utama dalam agenda transformasi ekonomi Kerajaan. Pengukuhan kewangan awam ialah salah satu penunjuk asas daya tahan ekonomi. Kedudukan fiskal yang kukuh menyediakan ruang untuk dasar makroekonomi kitaran timbal balas (counter-cyclical) yang lebih berkesan, dan menyokong usaha Kerajaan dalam inisiatif pembangunan negara. Bagi tujuan ini, penambahbaikan Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana yang berterusan adalah penting untuk menyokong Jawatankuasa Dasar Fiskal memastikan peranan dasar fiskal Kerajaan yang mampan dan berkesan.

[8] Antaranya termasuk kenaikan gaji minimum kebangsaan, kenaikan dalam pelbagai bantuan fiskal dan pelepasan cukai pendapatan bagi golongan berpendapatan sederhana. Pengubahsuaian Bajet melengkapkan lagi langkah-langkah ini dengan pengurangan sementara caruman bahagian pekerja dalam KWSP dan pelepasan cukai khas untuk pembayar cukai individu berpendapatan bulanan RM8,000 dan ke bawah bagi tahun taksiran 2015.

BAB 5

TADBIR URUS, PEMBANGUNAN ORGANISASI DAN KOMUNIKASI

137 Tadbir Urus

141 Pembangunan Organisasi

145 Komunikasi

149 Struktur Organisasi

Sebagai sebuah institusi yang berkhidmat demi kepentingan terbaik negara, Bank sentiasa memberikan penekanan yang lebih pada usaha memperkukuh piawaian tadbir urus dan keupayaan dalamannya. Tumpuan yang berterusan ini memastikan Bank mencapai mandatnya dengan berkesan pada tahap profesionalisme, kredibiliti dan integriti paling tinggi. Tadbir urus dalaman Bank yang teguh bermula daripada peranan pengawasan yang mantap yang dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mengawasi dasar am, pentadbiran, prestasi institusi, pengurusan risiko, pengurusan kewangan, serta pengurusan rizab dan mata wang bagi mencapai mandatnya. Pematuhan dan amalan tadbir urus korporat yang baik ditekankan pada setiap peringkat operasi Bank.

Bagi memacu dan melaksanakan mandat Bank, keutamaan diberikan terhadap usaha untuk mendapatkan kakitangan yang profesional dan berkeupayaan tinggi dalam aspek teknikal dan kepimpinan. Kod etika Bank menentukan keperluan agar kakitangan Bank berkhidmat pada tahap profesionalisme dan integriti tertinggi. Pada tahun itu, Bank terus memberikan tumpuan pada inisiatif untuk menarik dan mengekalkan tenaga mahir berkaliber yang sesuai, termasuk menitik berat dan meningkatkan kemahiran kakitangan dalam kepimpinan, analisis serta pengawasan. Kebanyakan tugasan dalam organisasi ini memerlukan kerja secara berpasukan dan kerjasama merentas pelbagai fungsi pekerjaan dan jabatan.

Bank juga memberikan keutamaan yang tinggi terhadap ketersediaan infrastruktur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang diyakini dan selamat bagi menyokong fungsi-fungsi kritikal seperti sistem pembayaran, pengawasan, operasi monetari, pengumpulan data dan pembuatan keputusan. Kajian semula secara bebas dan kerja pembangunan dilaksanakan dengan kerap bagi memastikan infrastruktur ICT yang kritikal bagi Bank berkemampuan untuk terus berfungsi dan dalam keadaan tersedia.

Memandangkan tahap kebertanggungjawaban awamnya yang tinggi, Bank berkomunikasi secara meluas dengan pihak berkepentingan termasuk media, ahli ekonomi, penganalisis, pengurus dana, ahli parlimen dan orang ramai. Perbincangan dan interaksi ini bertujuan meningkatkan kesedaran pihak berkepentingan mengenai pendirian, dasar dan tindakan Bank, dan juga agar Bank memahami perspektif dan pandangan mereka.

TADBIR URUS

Keberkesanan pengawasan oleh Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah terdiri daripada Gabenor, tiga Timbalan Gabenor dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebagai ahli ex-officio, serta tujuh ahli bebas bukan eksekutif. Lembaga Pengarah disokong oleh tiga jawatankuasa Lembaga, iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga (Board Governance Committee, BGC), Jawatankuasa Audit Lembaga (Board Audit Committee, BAC) dan Jawatankuasa Risiko Lembaga (Board Risk Committee, BRC), yang hanya terdiri daripada pengarah bukan eksekutif.

Pada tahun 2015, dua orang ahli Lembaga Pengarah telah menamatkan penggal perkhidmatan mereka, manakala empat orang ahli Lembaga Pengarah baharu telah dilantik. Oleh itu, saiz Lembaga Pengarah bertambah daripada 10 orang kepada 12 orang, dengan tujuh orang pengarah bebas bukan eksekutif. Lembaga Pengarah telah meluluskan pelantikan dua orang ahli luar Bank yang baharu dalam Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC), yang memulakan tempoh dua tahun pelantikan mereka pada bulan April 2015. Pelantikan ini menandakan kali pertama MPC melantik ahli dari luar Bank, dan menambah jumlah ahli MPC daripada lapan orang kepada sepuluh orang. Pelantikan baharu ini menambah lagi kepelbagaian serta pengalaman, kepakaran dan pengetahuan Lembaga Pengarah dan MPC secara kolektif, lantas mengukuhkan lagi pengawasan Lembaga Pengarah Bank dan pelaksanaan fungsi MPC.

Sepanjang tahun itu, Lembaga Pengarah terus berbincang dan berinteraksi secara lebih kerap dengan pengurusan kanan Bank, di samping melaksanakan pengawasan yang

Rajah 5.1

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga



Sumber: Bank Negara Malaysia

rapi ke atas perancangan strategik tahunan, prestasi, pengurusan risiko, kewangan dan rizab antarabangsa Bank. Lembaga Pengarah juga telah dimaklumkan mengenai kemajuan projek-projek utama Bank dalam bidang operasi pelaburan dan perbendaharaan, pengurusan mata wang, statistik dan pengurusan data, serta infrastruktur ICT Bank.

Pengurusan risiko disokong oleh tadbir urus yang mantap

Rangka kerja tadbir urus risiko Bank yang mantap memastikan integriti dan kesinambungan operasi Bank sekalipun dalam keadaan yang sangat dinamik dan mencabar. Dengan menjangka risiko yang akan dihadapi, strategi bagi mengurangkan risiko telah dirangka. Risiko-risiko ini boleh muncul daripada pelbagai senario, termasuk perubahan dalam persekitaran domestik dan luaran, piawaian global yang baharu atau penularan daripada krisis, atau sebaran meluas media sosial.

Bank terus menyediakan pernyataan-pernyataan mengenai kesanggupan mengambil risiko dan toleransi risikonya berikutan ketersediaan data yang lebih terperinci

Risiko organisasi dikaji semula secara holistik pada peringkat tertinggi. Lembaga Pengarah yang disokong oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga mengkaji semula penilaian risiko sebagai sebahagian daripada peranan pengawasannya.

Rajah 5.2

Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko



* Dipengerusikan oleh Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Bank
** Dipengerusikan oleh Gabenor
*** Dipengerusikan oleh Timbalan Gabenor

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengurusan kanan Bank menjalankan penilaian risiko yang kerap melalui pelbagai jawatankuasa pengurusan risiko dalaman, seperti yang diterangkan dalam Rajah 5.2.

Pada tahun 2015, Bank memperincikan lagi pernyataan-pernyataan mengenai kesanggupan mengambil risiko dan toleransi risikonya berdasarkan data risiko yang lebih terperinci. Pernyataan-pernyataan yang disampaikan kepada kakitangan Bank ini memberikan penjelasan mengenai jangkaan pengurusan kanan terhadap tahap dan jenis risiko yang sedia dihadapi oleh Bank dalam usaha melaksanakan strategi-strateginya. Penjelasan ini membolehkan lebih banyak keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi dibuat dengan mengambil kira risiko yang terlibat dalam pelaksanaan strategi dan operasi harian, serta mempertimbangkan langkah-langkah sokongan yang bersesuaian sebagai langkah pengetahuan awal. Pengurusan risiko diterapkan dalam kalangan kakitangan Bank melalui program kesedaran risiko bersasaran, seperti bengkel dan sesi perkongsian ilmu. Integrasi pengurusan risiko dan perancangan urusan juga menggalakkan budaya pengurusan risiko yang lebih matang. Langkah ini mengurangkan berlakunya kejadian buruk, sama ada daripada aktiviti yang dirancang atau disebabkan oleh peristiwa yang tidak diduga.

Pemantauan profil risiko Bank secara keseluruhan dipermudah dengan adanya papan pemuka risiko (risk dashboards) serta laporan yang lebih komprehensif. Hal ini termasuk lebih banyak maklumat terperinci yang diperoleh melalui penilaian kendiri oleh jabatan dan analisis risiko rentas lintang yang mengesan kemunculan ancaman-ancaman yang berkemungkinan dihadapi dalam aktiviti Bank. Contoh risiko rentas lintang termasuk risiko warga kerja, undang-undang, teknologi dan keselamatan maklumat. Hasil laporan tersebut dan strategi pengurangan risiko yang berkaitan kemudiannya dibincangkan dalam jawatankuasa risiko Bank.

Memperkukuh amalan pengurusan kesinambungan perniagaan

Pengurusan kesinambungan perniagaan Bank terus dipertingkatkan lagi. Langkah ini memastikan penyampaian fungsi teras urusan Bank dalam apa jua keadaan, meskipun dalam

keadaan krisis. Latihan-latihan simulasi situasi krisis yang rapi berdasarkan pelbagai senario telah diadakan pada tahun 2015. Senario ini telah direka bentuk untuk mengenal pasti jurang, khususnya kesalingbergantungan yang memerlukan penambahbaikan dalam penyelarasan dalaman. Bank juga berbincang dan berinteraksi dengan institusi kewangan, Majlis Keselamatan Negara dan pihak berkepentingan lain untuk memastikan pengaturan pengurusan krisis diintegrasikan dengan baik secara dalaman mahupun luaran.

Hasil daripada beberapa latihan simulasi ini ialah penerapan amalan-amalan dan teknologi terkini bagi memastikan pengaturan pengurusan krisis Bank kekal berkesan. Antara contohnya ialah langkah-langkah untuk menangani wabak dan bencana alam berdasarkan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia, dan pengajaran daripada beberapa peristiwa seperti penyebaran Sindrom Pernafasan Koronavirus Timur Tengah dan gempa bumi yang berlaku di Sabah pada tahun itu.

Kawalan dalaman serta jaminan yang kukuh

Jabatan Audit Dalam (JAD) memberikan penilaian bebas terhadap kecukupan dan keberkesanan proses tadbir urus, langkah-langkah pengurusan risiko dan kawalan dalaman pada semua peringkat dan meliputi seluruh aktiviti penting Bank. Fungsi pengurusan risiko Bank tertakluk pada penilaian JAD untuk memberikan jaminan bahawa risiko utama berkaitan Bank diurus dengan baik.

Laporan juruaudit, saranan dan maklum balas jabatan yang telah diaudit dibincangkan secara aktif dalam Jawatankuasa Audit Lembaga yang bermesyuarat setiap suku tahun. Jawatankuasa Audit Lembaga menyediakan hala tuju kepada JAD tentang tindakan lanjut yang perlu diambil untuk memastikan isu-isu audit ditangani dengan baik oleh pihak pengurusan jabatan-jabatan yang telah diaudit. Bagi menyokong keberkesanan dan kesan daripada hasil penilaian JAD ini, Jawatankuasa Audit Lembaga memberikan panduan yang berterusan untuk mengukuhkan pendekatan dan metodologi audit dalam. Isu-isu audit dan tindakan pembetulan juga dibawa kepada pihak pengurusan kanan Bank sebagai makluman dan memastikan tindakan susulan yang sewajarnya telah diambil. Tindakan ini seterusnya membolehkan Jawatankuasa Audit Lembaga membantu Lembaga Pengarah dalam mengawasi keberkesanan persekitaran kawalan dalaman Bank secara keseluruhan.

JAD juga memberikan penilaian kepada entiti berkaitan Bank tentang sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman entiti tersebut. Audit dijalankan untuk memastikan aktiviti-aktiviti entiti ini tidak menimbulkan risiko yang tidak wajar terhadap Bank. Hasil audit dan saranan untuk menambah baik kawalan dan proses, dikemukakan kepada pihak pengurusan kanan dan lembaga pengarah entiti yang berkenaan. Tindakan intervensi untuk menangani isu-isu audit itu tetap menjadi tanggungjawab utama setiap entiti.

JAD menerima pakai pendekatan audit berasaskan risiko dalam bidang-bidang kritikal yang tertakluk pada kajian audit yang lebih kerap, dan semua jabatan diaudit sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh kitaran audit tiga tahun. Pada tahun itu, JAD menyempurnakan audit mengikut pelan yang dirancang, di samping melaksanakan tugasan dan penyiasatan audit ad hoc yang lain.

Pada tahun 2015, JAD menjalankan audit ke atas pengurusan rizab, operasi kewangan dan fungsi pejabat pemprosesan, pengurusan operasi mata wang, serta pejabat perwakilan Bank di London dan New York. Pelaksanaan audit ini adalah untuk memastikan kesempurnaan maklumat dan ketepatan rekod serta data kewangan. Penilaian utama yang lain termasuk bidang tadbir urus, kawalan dalaman serta proses-proses dalam perumusan dasar kehematan, pengurusan sumber manusia dan khidmat nasihat undang-undang. JAD juga menyempurnakan audit ICT, termasuk audit ke atas sistem aplikasi ICT yang kritikal bagi Bank untuk pengurusan mata wang, infrastruktur dan operasi pembayaran runcit, serta perkhidmatan biro kredit (Central Credit Reference Information System atau CCRIS).

Metodologi audit dan proses kerja JAD terus diperkukuh pada tahun 2015 dengan kajian semula piagam audit dan rangka kerja audit untuk subsidiari Bank dan entiti yang berkaitan. Langkah-langkah juga telah dikenal pasti untuk menambah baik kualiti penilaian audit melalui penilaian kendiri JAD yang dibandingkan dengan Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa (International Professional Practices Framework) yang dikeluarkan oleh Institut Juruaudit Dalaman. JAD juga menjalankan kaji selidik bagi mendapatkan maklum balas daripada pihak yang diaudit dan pihak berkepentingan, termasuk Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan Bank serta Jabatan Audit Negara, berkaitan kualiti audit dan jangkaan mereka. Keupayaan juruaudit JAD sentiasa diperkukuh melalui latihan dalam bidang-bidang seperti perbendaharaan, perakaunan dan ICT.

PEMBANGUNAN ORGANISASI

Fokus dan kejelasan matlamat Bank

Pelan Urusan Bank 2015-17 (Pelan Urusan) memberikan penjelasan kepada kakitangan mengenai matlamat dan strategi utama Bank bagi jangka sederhana. Ini termasuk peranan mereka secara khusus dan kerjasama yang diperlukan dengan pihak lain di seluruh Bank untuk mencapai matlamat tersebut. Pelan Urusan itu menggariskan tujuh bidang fokus utama seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.3. Bidang ini termasuk kestabilan monetari dan sistem kewangan, pengantaraan kewangan yang lebih meluas, rangkuman kewangan dan pemerkasaan pengguna. Bank juga memberikan tumpuan kepada usaha memperkukuh ekosistem pembayaran dan mengeratkan hubungan dengan ekonomi serantau dan antarabangsa. Pembangunan tenaga mahir untuk industri kewangan Malaysia juga merupakan satu bidang fokus utama memandangkan terdapat keperluan untuk menyediakan kumpulan tenaga mahir berkeupayaan tinggi yang juga akan bertindak dengan penuh tanggungjawab, tadbir urus yang baik dan etika pada tahap tertinggi. Bagi memenuhi semua mandat dengan berkesan, Pelan Urusan menetapkan dengan jelas kehendak Bank untuk menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi dan mampan. Ini termasuk pelaburan yang berterusan untuk mengukuhkan keupayaan dan sumber dalaman Bank.

Rajah 5.3

Tujuh Bidang Fokus Pelan Urusan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengurusan kewangan dan kecemerlangan perkhidmatan dalaman

Pelaburan Bank untuk meningkatkan prestasi kakitangan, serta infrastruktur ICT dan fizikal dilaksanakan dalam pengurusan kewangan berhemat dan budaya yang mementingkan kos. Bank terus mengawal perbelanjaan operasinya pada tahap yang mampan melalui kriteria dan proses kelulusan belanjawan yang ketat.

Bank menggunakan prinsip pengurusan projek yang baik untuk keberkesanan dan kecekapan operasi yang lebih tinggi. Projek-projek utama Bank merangkumi bidang-bidang seperti pelaburan dan operasi perbendaharaan, pengurusan mata wang, statistik dan pengurusan data, dan penaiktarafan infrastruktur ICT Bank untuk menyokong sistem pembayaran dan penyelesaian negara serta operasi dalaman Bank. Set kemahiran kakitangan yang terlibat dalam pengurusan projek ditingkatkan untuk menambah baik tadbir urus projek, pengurusan risiko, piawaian kualiti, pengurusan kontrak dan vendor, penglibatan pihak berkepentingan serta pemantauan dan kawalan.

Bank terus mengamalkan pengurusan kewangan berhemat, menambah baik disiplin dan keupayaan pengurusan projek, dan meningkatkan kecekapan dalaman organisasi

Perkhidmatan Sokongan Berpusat Bank terus menambah baik penyampaian, kualiti dan keberkesanan kos perkhidmatan korporat yang disediakan dalam Bank. Langkah ini dicapai dengan memperincikan lagi perjanjian tahap perkhidmatan untuk menyediakan piawaian penyampaian yang lebih jelas, pengurusan perkhidmatan pihak ketiga yang lebih baik, memanfaatkan kreativiti tenaga mahir dalaman serta meningkatkan portal perkhidmatan Perkhidmatan Sokongan Berpusat, sebagai antara muka dalam talian (online interface) tunggal bagi kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh Bank. Bank juga memilih vendor yang berkelayakan untuk meningkatkan lagi kecekapan dalam pemerolehan barangan dan perkhidmatan.

Bank mengamalkan proses pemerolehan yang ketat yang dinyatakan secara jelas dalam dasar dan prosedur pengurusan pemerolehan Bank. Dasar dan prosedur ini disokong oleh prinsip-prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban dan tadbir urus yang jelas, penyeragaman proses dan produk, proses pemberian tender yang terbuka dan berdaya saing, dan pengurusan risiko.

Tenaga kerja yang kompeten dan progresif

Bank memberikan keutamaan yang tinggi terhadap pelaburan untuk menarik, membangunkan dan mengekalkan tenaga mahirnya. Inisiatif Bank dirangka untuk memastikan kumpulan tenaga mahirnya kekal relevan dan berdaya saing. Dasar dan strategi modal insan Bank sentiasa disesuaikan supaya bergerak seiring dengan perubahan landskap pengurusan tenaga mahir. Trend ini termasuk peralihan dalam pergerakan tenaga mahir, perubahan teknologi dan amalan-amalan baharu dalam pengurusan tenaga mahir.

Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.4, Bank menerima pakai pendekatan bersepadu dalam pengurusan tenaga mahirnya. Rangka kerja pengurusan tenaga mahir Bank menghubungkan strategi urusannya dengan permintaan tenaga mahir, penawaran tenaga mahir dan pengurusan risiko kakitangan. Pada tahun 2015, Bank telah menjalankan kajian semula yang menyeluruh terhadap tugas dan kebertanggungjawaban, termasuk ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut. Kajian semula ini telah diadakan untuk kakitangan yang memegang peranan kritikal bagi memastikan tugas-tugas tersebut sejajar dengan Pelan Urusan Bank dan selaras dengan pelan penggantian Bank.

Rajah 5.4

Arkitektur Pengurusan Tenaga Mahir Bank



Sumber: Bank Negara Malaysia

Inisiatif pengurusan tenaga mahir Bank memberikan tumpuan pada usaha menyediakan kumpulan tenaga mahir Bank dari segi kesediaan dan kesesuaian untuk memikul tanggungjawab pengurusan dan kepimpinan yang lebih besar. Usaha ditumpukan ke arah memastikan bekalan tenaga mahir pengganti yang mencukupi, khususnya bagi jawatan-jawatan kritikal yang membolehkan Bank terus mencapai mandatnya. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.5, rangka kerja pengurusan penggantian ini melibatkan program pembangunan kepimpinan bersasaran untuk semua peringkat kakitangan di Bank. Pendekatan ini mengukuhkan lagi arkitektur pengurusan tenaga mahir Bank secara keseluruhan, dengan memastikan kesesuaian antara kakitangan yang menjalankan tugas dengan tugas yang diberikan. Latihan dan pementoran membantu membina kecekapan dan kesediaan, serta memupuk budaya korporat yang dikehendaki dalam kalangan barisan pelapis kakitangan bank pusat.

Sumber yang mencukupi ditumpukan ke arah memastikan bekalan tenaga mahir pengganti yang mantap

Bank telah mengamalkan pemberian ganjaran berdasarkan tahap prestasi sebagai sebahagian daripada usahanya untuk menarik, memotivasikan dan mengekalkan tenaga mahir. Usaha ini disertai dengan inisiatif berterusan untuk memupuk dan memperkukuh nilai-nilai Bank. Kod etika Bank menyediakan piawaian tingkah laku yang jelas untuk membimbing kakitangan, termasuk kewajipan untuk bertindak mengikut piawaian integriti yang tertinggi. Pelanggaran kod etika ditangani dengan segera oleh Bank, mencerminkan sikap toleransinya yang rendah terhadap tingkah laku atau kelakuan yang tidak wajar dalam kalangan kakitangan.

Pada tahun itu, Bank turut memberikan tumpuan pada usaha memupuk kesejahteraan kakitangannya melalui program kecergasan bersasaran, acara sukan, kemudahan perubatan dalaman yang lebih baik, dan penyediaan perkhidmatan kaunseling untuk pengurusan kerjaya. Usaha-usaha ini mencerminkan tindakan Bank yang berterusan untuk mewujudkan

Rajah 5.5

Rangka Kerja Pembangunan Kepimpinan dan Pelan Penggantian Bank



Sumber: Bank Negara Malaysia

persekitaran kerja yang selamat dan kondusif selaras dengan perubahan dalam demografi, teknologi dan pilihan gaya hidup.

Membangunkan tenaga kerja Bank melalui pelaburan yang berterusan dalam pembelajaran dan pengurusan pengetahuan

Kakitangan Bank diberikan peluang pembelajaran untuk membina kompetensi baharu bagi memenuhi tuntutan pekerjaan mereka. Pada tahun 2015, perbelanjaan latihan kakitangan Bank berbanding dengan jumlah gaji kasar ialah 5.1%, termasuk biasiswa untuk kakitangan meneruskan pengajian pascasiswazah. Dalam usaha mengukuhkan barisan tenaga mahir, Bank juga menganugerahkan biasiswa kepada pelajar yang layak pada peringkat prauniversiti dan ijazah. Secara keseluruhan, pelaburan Bank dalam latihan kakitangan dan biasiswa adalah sebanyak 12.2% daripada jumlah gaji kasar.

Usaha dan pelaburan Bank mencerminkan komitmen yang tinggi untuk membangunkan kompetensi kepimpinan, teknikal dan kendiri kakitangannya. Bagi mengukuhkan kompetensi kepimpinan, Bank melaksanakan program pembangunan kepimpinan yang komprehensif dan meliputi semua peringkat (Rajah 5.5). Peluang pembelajaran ini termasuk berbicara dengan personaliti antarabangsa yang telah menunjukkan kewibawaan kepimpinan dalam pelbagai bidang seperti daya tahan fizikal, muzik, sukan dan membantu golongan miskin dan golongan kurang bernasib baik.

Program teknikal yang bersasaran dan bersesuaian dirangka selaras dengan jabatan-jabatan fungsian di Bank bagi memastikan kesediaan tenaga mahir yang mencukupi dilengkapi kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan berkenaan perbankan pusat. Kakitangan

sentiasa digalakkan supaya terus meningkatkan keberkesanan diri, termasuk mengikuti kursus untuk meningkatkan kemahiran berfikir, berkomunikasi dan ICT secara bersepadu. Selain pembelajaran formal, cara pembelajaran lain juga disediakan untuk kakitangan dalam usaha meneruskan pembelajaran sepanjang hayat melalui inisiatif sendiri. Antaranya ialah penyediaan pelbagai sumber fizikal dan dalam talian yang meliputi pelbagai bidang pengetahuan berkaitan Bank Pusat. 'Learning Tube' diperkenalkan untuk menyajikan koleksi video dalam talian untuk dipelajari kakitangan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Bank sentiasa menggalakkan wujudnya komuniti pembelajaran yang teguh dalam kalangan kakitangannya. Ini direalisasikan melalui perkongsian secara kerap tentang pengalaman kerja, iktibar kepimpinan, idea baharu dan wawasan dasar antara kakitangan Bank. Kakitangan juga membina hubungan kerja yang baik sesama mereka melalui aktiviti dalam Bank seperti acara sukan dan perayaan, aktiviti sukarela dan program kesejahteraan.

Bank menganugerahkan biasiswa untuk mengekalkan barisan tenaga mahir yang berterusan di samping menyumbang kepada pembangunan negara. Pada tahun 2015, sebanyak 71 biasiswa diberikan kepada pelajar cemerlang untuk menyertai program prauniversiti, ijazah dan pascasiswazah yang relevan dengan keperluan tenaga mahir Bank. Selepas menamatkan pengajian, pemegang biasiswa akan ditempatkan di pelbagai jabatan mengikut pengkhususan, minat dan kesesuaian peranan. Modal intelek Bank juga diperkukuh dengan memberikan peluang kepada kakitangan untuk meneruskan pengajian pascasiswazah dalam bidang yang berkaitan.

Empat pelajar yang layak telah dianugerahkan Biasiswa Kijang Emas yang berprestij pada tahun 2015. Biasiswa ini bermula pada tahun 2005 untuk menyokong pembangunan negara, dan atas dasar itu penerima biasiswa dikehendaki kembali dan berkhidmat untuk negara. Sehingga kini, 44 anak muda Malaysia yang berpotensi tinggi telah diberikan peluang untuk melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan, pergigian, genetik, biokimia, dietetik, fizik, kejuruteraan, undang-undang, psikologi dan seni bina di universiti terkemuka dunia. Setakat ini, 21 penerima biasiswa telah menamatkan pengajian mereka, dan dua belas daripadanya telah kembali ke tanah air, manakala sembilan lagi masih meneruskan pengajian dalam bidang pengkhususan yang relevan dengan pengajian mereka.

Jumlah kakitangan

Antara tahun 2013 hingga 2015, tenaga kerja Bank meningkat kira-kira 4.1% atau 115 kakitangan kepada 2,935 kakitangan. Penerima biasiswa terus menjadi sumber utama tenaga mahir baharu Bank. Dalam tempoh yang sama, kadar susutan (attrition rate) keseluruhan Bank kekal stabil, iaitu antara 3.6% hingga 4.6%, dengan purata 1.5% daripada keseluruhan kadar susutan disebabkan persaraan kakitangan.

Komposisi jantina kakitangan Bank adalah seimbang merentas pelbagai peringkat dalam Bank bagi jawatan eksekutif dan bukan eksekutif, dengan nisbah keseluruhan kakitangan lelaki kepada kakitangan wanita sebanyak 1:1 (Rajah 5.6). Bagi jawatan eksekutif, nisbah wanita lebih tinggi, iaitu 57% daripada jumlah eksekutif Bank.

Infrastruktur ICT yang Berkesan

Infrastruktur ICT Bank adalah selamat dan beroperasi sepenuhnya sepanjang tahun 2015.

Rajah 5.6

Komposisi Tenaga Kerja di Bank Mengikut Jantina



*Termasuk tenaga kerja perkhidmatan keselamatan Bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkhidmatan dan infrastruktur ICT kritikal Bank, yang turut menyokong sistem pembayaran dan penyelesaian negara, tidak mengalami sebarang gangguan yang besar.

Bagi memastikan Bank terus mengikuti perkembangan teknologi ICT yang semakin canggih, satu kajian semula secara bebas telah dimulakan terhadap arkitektur ICT Bank pada tahun 2015. Berdasarkan kajian semula ini, Bank menubuhkan pejabat pengurusan program untuk memantau pelaksanaan inisiatif ICT yang khusus untuk menambah baik infrastruktur ICT Bank dan seterusnya meningkatkan daya tahannya.

Proses membuat keputusan merentas kitaran hayat pembangunan sistem ditingkatkan bagi mengukuhkan lagi struktur tadbir urus ICT Bank. Kajian semula arkitektur ICT ini juga memperuntukkan dengan lebih jelas keperluan sumber untuk menyokong standard yang lebih tinggi bagi ketersediaan sistem dan pengurusan perkhidmatan ICT. Oleh itu, Bank berjaya mengukuhkan keupayaan dan sumber dalam bidang seperti arkitektur rangkaian dan pentadbiran sistem pangkalan data.

Kajian semula secara bebas ini masih dijalankan dan akan merangkumi penilaian terperinci mengenai tahap kematangan ICT Bank dan reka bentuk infrastruktur ICT pada masa hadapan.

Bank juga melaksanakan langkah pensijilan keselamatan maklumat pada tahun 2015 bagi memastikan pematuhan dengan standard yang tinggi untuk menjamin pengurusan dan penyimpanan maklumat asetnya. Hasilnya, Bank telah dianugerahkan ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk perkhidmatan infrastruktur Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS) oleh CyberSecurity Malaysia. Ancaman siber yang muncul juga diuruskan oleh Bank secara proaktif melalui langkah penggodaman beretika, pengawasan berwaspada terhadap infrastruktur ICT dan kawalan keselamatan yang ketat.

KOMUNIKASI

Tahun 2015 merupakan tahun yang terbukti mencabar bagi komunikasi Bank berikutan meningkatnya ketidakpastian dalam bidang ekonomi, pasaran kewangan dan bidang lain, di dalam dan di luar negara. Terdapat peningkatan ketara dalam bilangan sidang akhbar, temu bual dan sesi interaksi dan perbincangan dengan pihak berkepentingan utama. Sebagai contoh, sidang akhbar secara ad hoc diadakan untuk menangani salah tanggapan orang ramai yang semakin meningkat mengenai mandat Bank dan ketidaktentuan mata wang Ringgit. Semasa sesi ini, Bank memberikan tumpuan untuk menjelaskan pendirian Bank terhadap isu dalam negeri dan memberikan penilaian terhadap kestabilan sistem kewangan.

Komunikasi ditingkatkan sepanjang tahun 2015 bagi menggalakkan pemahaman yang lebih baik tentang perkembangan yang mempengaruhi ekonomi dan sistem kewangan Malaysia

Komunikasi keputusan dasar monetari Bank disampaikan melalui pernyataan dasar monetari selepas setiap mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC). Pernyataan tersebut termasuk penilaian Bank terhadap perkembangan ekonomi global dan serantau serta implikasinya terhadap ekonomi dalam negeri. Lebih penting lagi, pernyataan itu menjelaskan rasional bagi keputusan dasar monetari Bank, yang kemudiannya diperkukuh oleh pengurusan kanan Bank melalui ulasan dan ucapan mereka dalam pelbagai acara rasmi. Usaha ini memainkan peranan penting membentuk jangkaan pasaran melalui pemahaman yang lebih jelas tentang faktor-faktor yang mendorong dasar monetari.

Meningkatkan kesedaran orang ramai melalui program jangkauan

Sepanjang tahun 2015, Bank terus memberi tumpuan pada usaha mendekati rakyat Malaysia melalui pelbagai saluran seperti pusat perhubungan utama Bank, iaitu BNMLINK, TELELINK dan pejabat wilayah Bank, laman sesawang, media sosial dan aplikasi mudah alih. Usaha jangkauan ini membolehkan Bank memahami keperluan orang ramai dan menjelaskan dasar dan langkah yang diambil oleh Bank untuk membantu mereka.

Bank berinteraksi dan berbincang dengan usahawan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

di seluruh negara untuk mewujudkan kesedaran tentang pelbagai skim yang disediakan bagi memenuhi keperluan kewangan mereka. Skim ini termasuk peruntukan dana khas oleh Bank pada kadar pembiayaan yang munasabah, iaitu Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (FSMI2) dan Tabung Usahawan Baru 2 (NEF2).

Bank juga menyediakan maklumat tentang kewujudan saluran pembiayaan yang lain seperti Skim Pembiayaan Mikro untuk menyokong perusahaan mikro. PKS yang menghadapi masalah perniagaan dinasihatkan supaya mendapatkan bantuan penyusunan semula pembiayaan sedia ada mereka di bawah Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil Bank.

Pada tahun 2015, Bank berbincang dan berinteraksi dengan individu dan perniagaan yang dilanda banjir di negeri Kelantan, Terengganu, Perak, Sabah dan Sarawak. Bank menubuhkan skim Kemudahan Bantuan Khas untuk membantu membina semula perniagaan di wilayah tersebut. Bank juga membantu meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh komuniti tempatan di Ranau berikutan gempa bumi dan bencana banjir lumpur. Bank turut menggalakkan penyedia perkhidmatan kewangan supaya menawarkan bantuan kewangan kepada penduduk Ranau melalui skim penyusunan semula pinjaman dan moratorium.

Dalam usaha menawarkan perkhidmatan yang lebih baik bagi memenuhi keperluan orang ramai di wilayah-wilayah seluruh Malaysia, cawangan-cawangan Bank di Kuching, Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah telah diubah menjadi Pejabat Wilayah (Regional Office, RO) pada tahun 2015. RO Bank yang lain terletak di Pulau Pinang dan Johor Bahru, Johor. RO memudahkan Bank meningkatkan perbincangan dan interaksi pada peringkat negeri dan perbandaran dalam bidang yang merangkumi pengawasan ekonomi dan kewangan, rangkuman kewangan, pendidikan kewangan dan pengurusan mata wang.

Bank juga berbincang dan berinteraksi dengan orang ramai dan PKS di seluruh Malaysia dalam usaha meningkatkan kesedaran dan penggunaan pembayaran elektronik (e-pembayaran). Melalui pelbagai jerayawara (roadshow) dan kempen pada tahun 2016, Bank menjelaskan bagaimana perpindahan kepada e-pembayaran dapat mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan meningkatkan kecekapan ekonomi Malaysia secara keseluruhan. E-pembayaran juga membantu meningkatkan rangkuman kewangan dengan memperluas perkhidmatan kewangan kepada komuniti yang tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan. Program komunikasi ini juga membantu meningkatkan pemahaman orang ramai tentang pelbagai inisiatif e-pembayaran seperti kad bayaran, pemindahan dana dalam talian, JomPay untuk pembayaran bil dan amalan pembayaran dalam talian yang selamat.

Bank turut menyertai dialog dengan perniagaan dan institusi kewangan Malaysia untuk menerangkan manfaat penggunaan Renminbi dalam penyelesaian perdagangan dan pelaburan merentas sempadan. Bagi meningkatkan penggunaan saluran penyelesaian Renminbi merentas sempadan, Bank bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Dari tahun 2009 hingga 2015, jumlah penyelesaian perdagangan dalam Renminbi dengan China telah mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan terkompaun sebanyak 50%.

Muzium dan Galeri Seni (Muzium) Bank memberi orang ramai pengalaman yang unik untuk mempelajari dengan lebih lanjut tentang asal usul dan kepelbagaian mata wang, sejarah dan peranan Bank, kemajuan ekonomi Malaysia, dan evolusi sistem kewangan Islam global. Muzium juga mendidik generasi muda Malaysia mengamalkan pengurusan wang yang berhemat melalui Galeri Kanak-kanak, pameran celik kewangan dan pelbagai program untuk kanak-kanak sekolah. Pada tahun 2015, kira-kira 37,000 kanak-kanak dan pelajar daripada tadika hingga institusi pendidikan tinggi melawat Muzium ini (2014: 31,000).

Muzium juga mempamerkan karya artis tempatan dan serantau untuk menonjolkan warisan budaya dan tinta sejarah yang dicapai oleh Malaysia dan negara lain di rantau ASEAN. Galeri Muzium dan pameran secara tematik sepanjang tahun 2015 berjaya menarik hampir 64,000 orang (2014: 55,000), termasuk kira-kira 2,000 pelancong asing.

Meningkatkan perbincangan dan interaksi antarabangsa

Pada tahun 2015, Bank terus berperanan mempengaruhi isu perbankan pusat pada peringkat global, termasuk isu yang berkaitan dengan kewangan Islam, rangkuman kewangan, peraturan kehematan, krisis kewangan, tadbir urus,

dasar monetari dan integrasi kewangan serantau. Pengurusan kanan Bank telah diundang untuk berkongsi pandangan tentang isu yang melibatkan kepentingan strategik untuk komuniti kewangan dan ekonomi serta golongan akademik. Platform untuk berkongsi pandangan Bank termasuk Group of 20 Presidency – International Monetary Fund Flagship Seminar on Islamic Finance, 2015 Meetings of the World Bank Group and International Monetary Fund, 2015 Meetings of the Bank for International Settlements, the Yale Financial Crisis Forum, dan Global Ethical Finance Forum.

Peranan Bank sebagai kepimpinan berwawasan dan sokongan juga telah diiktiraf dengan pelantikan Gabenor sebagai Pengerusi bagi Responsible Finance Institute's Council of Advisors, Bank juga berperanan sebagai pemerhati, iaitu salah satu daripada tiga negara sedang pesat membangun yang dilantik, untuk Jawatankuasa Basel mengenai Penyeliaan Perbankan, dan Pengerusi bagi BIS Central Bank Governance Group. Pengiktirafan global terhadap kepimpinan kanan Bank juga termasuk anugerah kepimpinan Alliance for Financial Inclusion (AFI) dan anugerah perisytiharan Maya untuk kepimpinan global dalam rangkuman kewangan; Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat untuk pembangunan kewangan Islam global yang dianugerahkan oleh Tuan Yang Terutama Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, Pemerintah Dubai; Pingat Dekan Wharton yang berprestij untuk mengiktiraf pemimpin cemerlang dalam perusahaan swasta, perkhidmatan awam dan akademik; dan Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat oleh Central Banking Publications.

Pejabat penyelidikan Bank Dunia dan ibu pejabat baharu AFI dibuka dengan jayanya pada tahun 2015 di premis Bank di Sasana Kijang. Kehadiran entiti antarabangsa ini memudahkan Malaysia memberikan sumbangan yang lebih besar ke arah memenuhi agenda global dalam pembasmian kemiskinan dan rangkuman kewangan.

Asia School of Business (ASB), yang merupakan kerjasama antara Bank dengan Massachusetts Institute of Technology Sloan School of Management (MIT Sloan), akan beroperasi di Sasana Kijang pada tahun-tahun awalnya. ASB menyokong pertumbuhan tenaga mahir dengan memenuhi permintaan yang semakin bertambah terhadap keupayaan kepimpinan dan pengurusan, lebih-lebih lagi dengan transformasi dan potensi pertumbuhan rantau Asia yang berterusan. ASB menawarkan dua tawaran nilai yang utama: pendidikan pengurusan perniagaan yang berorientasikan amali, yang akan berteraskan pendekatan Pembelajaran Secara Praktikal (Action Learning) MIT Sloan; dan sebagai pusat pembelajaran global yang menitikberatkan isu dan cabaran dari dunia sedang pesat membangun, terutamanya dari rantau Asia. Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan ASB utama yang terawal, yang akan memanfaatkan kurikulum teras yang ditawarkan oleh kampus utama MIT Sloan, dijadualkan bermula pada bulan September 2016.

Pada tahun 2015, Bank terus menyokong inisiatif kerjasama teknikal antarabangsa, dengan memudahkan program berstruktur, lawatan sambil belajar dan pertukaran maklumat untuk pembuat dasar dari lebih 60 negara. Melalui sesi ini, kakitangan Bank berkongsi pengalaman mereka dalam pelbagai bidang, termasuk kewangan Islam dan rangkuman kewangan, dengan kerjasama AFI. Kursus BNM-AFI telah menarik minat dan penyertaan yang tinggi daripada pembuat dasar global untuk memperbaharui reka bentuk dan pelaksanaan strategi rangkuman kewangan yang efektif.

Sasana Kijang terus memainkan peranannya sebagai tempat pertemuan antarabangsa untuk kepimpinan berwawasan dan kerjasama perbankan pusat. Sasana Kijang menganjurkan sejumlah 1,560 acara pada tahun 2015,

Rajah 5.7

Penggunaan Laman Sesawang dan Media Sosial Bank



Sumber: Google Analytics, Facebook Insights dan Twitter Analytics

dengan 104 daripadanya acara pada peringkat antarabangsa, termasuk mesyuarat, program dan persidangan global peringkat tinggi.

Berbincang dan berinteraksi dengan pihak berkepentingan melalui saluran dalam talian dan mudah alih

Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.7, laman sesawang dan platform media sosial Bank terus menyediakan akses mudah untuk orang ramai mendapatkan maklumat berkaitan yang terkini dan memberikan maklum balas kepada Bank. Selaras dengan peningkatan pilihan terhadap komunikasi mudah alih, Bank membangunkan empat aplikasi mudah alih untuk pengguna kewangan pada tahun 2015, iaitu MyRinggit, MyBNM, MyLINK dan MyTabung.

Aplikasi ini memudahkan segmen populasi yang lebih meluas untuk akses kepada pengetahuan dan kemahiran bagi membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi dan berhemat. Aplikasi ini memberikan maklumat penting kepada pengguna kewangan termasuk ciri keselamatan mata wang Ringgit, maklumat terkini hal-ehwal kewangan, serta alat untuk merancang dan menguruskan kewangan dan melaksanakan hak mereka sebagai pengguna. Bank juga memberikan amaran kepada pengguna kewangan tentang individu dan entiti yang tidak dibenarkan atau diluluskan di bawah undang-undang dan peraturan berkaitan yang ditadbir oleh Bank, termasuk nasihat tentang cara mengesan skim kewangan haram.

BANK NEGARA MALAYSIA
Struktur Organisasi



* Melapor kepada Datuk Nor Shamsiah binti Mohd Yunus
** Ketua (Secara Pentadbiran)
*** Timbalan Pengarah

2015

PENYATA KEWANGAN TAHUNAN

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015

Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015

Nota-nota bagi Penyata Kewangan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Saya telah mengaudit penyata kewangan Bank Negara Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan dasar perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan yang lain.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang saksama selaras dengan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan piawaian pelaporan kewangan berkaitan yang diluluskan di Malaysia setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata atau ketinggalan yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan bebas daripada salah nyata atau ketinggalan yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata atau ketinggalan yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan Bank Negara Malaysia dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Negara Malaysia. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta menilai persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta hasil operasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dalam semua aspek yang ketara, selaras dengan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya. Penyediaan penyata kewangan ini adalah berbeza dalam beberapa aspek daripada piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia. Selaras dengan keperluan Seksyen 9 Akta tersebut, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki oleh Akta telah disimpan dengan sempurna oleh Bank Negara Malaysia.

(TAN SRI HJ. AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
7 MAC 2016

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, Zeti Akhtar Aziz dan Chin Kwai Yoong, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan ini disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2015 dan hasil operasinya bagi tahun yang berakhir pada tarikh itu.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



ZETI AKHTAR AZIZ
PENGERUSI

24 FEBRUARI 2016
KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



CHIN KWAI YOONG
PENGARAH

24 FEBRUARI 2016
KUALA LUMPUR

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Saya, Eugene Hon Kah Weng, pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Bank Negara Malaysia dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas di Kuala Lumpur)
pada 24 Februari 2016.)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 541
ZULKIFLA MOHD DAHLIM
MALAYSIA

NO: 17, JALAN PETALING
50000 KUALA LUMPUR

Bank Negara Malaysia

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015

	Nota	2015 RM juta	2014 RM juta
ASET			
Emas dan Pertukaran Asing	3	398,178	397,092
Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa	4	3,291	3,296
Milikan Hak Pengeluaran Khas	4	7,657	6,518
Kertas Kerajaan Malaysia	5	1,917	2,455
Deposit dengan Institusi Kewangan	6	1,290	1,731
Pinjaman dan Pendahuluan	7	6,958	6,499
Tanah dan Bangunan	8	2,114	2,114
Aset-aset Lain	9	19,163	7,912
Jumlah Aset		**440,568**	**427,617**
LIABILITI DAN MODAL			
Mata Wang dalam Edaran		88,157	77,735
Deposit oleh: Institusi Kewangan		157,170	141,161
Kerajaan Persekutuan		10,213	5,263
Lain-lain	10	588	2,034
Kertas Bank Negara		24,114	105,477
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas	4	8,009	6,819
Liabiliti-liabiliti Lain	11	21,083	17,877
Jumlah Liabiliti		309,334	356,366
Modal Berbayar	12	100	100
Kumpulan Wang Rizab Am	13	14,572	14,537
Rizab Risiko	14	112,716	52,827
Rizab Penilaian Semula Tanah	15	752	752
Keuntungan Sebelum Agihan	16	3,094	3,035
Jumlah Modal		131,234	71,251
Jumlah Liabiliti dan Modal		**440,568**	**427,617**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Bank Negara Malaysia

Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015

	Nota	2015 RM juta	2014 RM juta
Jumlah Pendapatan	17	**11,792**	**8,532**
Tolak:			
Perbelanjaan Berulang	18	(1,206)	(1,148)
Perbelanjaan Pembangunan	19	(2,740)	(948)
Jumlah Perbelanjaan		**(3,946)**	**(2,096)**
Untung Bersih Sebelum Perbelanjaan Cukai		**7,846**	**6,436**
Tolak: Cukai	20	(52)	(51)
Untung Bersih Selepas Perbelanjaan Cukai		**7,794**	**6,385**
Tolak: Pengagihan Pindahan kepada Rizab Risiko	14	(4,700)	(3,350)
Keuntungan Sebelum Agihan tahun semasa		**3,094**	**3,035**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota-nota bagi Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015

1. **Maklumat Am**

Bank Negara Malaysia (Bank) merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958. Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009. Ibu pejabat Bank terletak di Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Matlamat utama Bank adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Sehubungan dengan itu, fungsi utama Bank adalah seperti yang berikut:

(a) untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari di Malaysia;
(b) untuk mengeluarkan mata wang di Malaysia;
(c) untuk mengawal selia dan menyelia institusi kewangan yang tertakluk kepada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank;
(d) untuk mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing;
(e) untuk mengawasi sistem pembayaran;
(f) untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif;
(g) untuk memegang dan menguruskan rizab asing Malaysia;
(h) untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara; dan
(i) untuk bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan.

Lembaga Pengarah telah meluluskan penyata kewangan tahunan ini pada 24 Februari 2016.

2. **Dasar Perakaunan**

Dasar perakaunan utama yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan ini dihuraikan di bawah. Dasar perakaunan ini digunakan secara konsisten untuk kedua-dua tahun kewangan yang dikemukakan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.1 **Asas Penyediaan Penyata Kewangan**

(a) Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards, MFRS) yang berkaitan. Seksyen 10 Akta Bank Negara Malaysia 2009 memperuntukkan bahawa, dalam penyediaan penyata kewangannya, Bank hendaklah mematuhi piawaian perakaunan setakat yang, pada pendapat Lembaga Pengarah, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi Bank. Dengan mengambil kira tanggungjawabnya untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari yang berkesan serta menggalakkan kestabilan pasaran kewangan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa penyediaan penyata kewangan ini wajar berbeza daripada MFRS dalam beberapa aspek tertentu.

(b) Penyediaan penyata kewangan mengikut dasar yang dinyatakan pada para 2.1(a) menghendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian berdasarkan maklumat yang ada yang mungkin memberikan kesan kepada penggunaan dasar perakaunan dan jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan, termasuk pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun kewangan. Walaupun anggaran ini berasaskan pengetahuan terbaik pihak pengurusan mengenai peristiwa dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat.

2.2 **Asas Pengukuran dan Perakaunan**

Penyata kewangan ini disediakan pada asas akruan, menggunakan konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.3 **Penukaran Mata Wang Asing**

(a) Penyata kewangan disediakan mengikut nilai Ringgit Malaysia, iaitu mata wang bagi persekitaran ekonomi utama tempat Bank beroperasi.

(b) Aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula dalam Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran semasa tarikh tahun kewangan berakhir. Urus niaga dalam mata wang asing pada tahun ini telah dinilai dalam Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran semasa pada tarikh urus niaga.

(c) Keuntungan atau kerugian belum realis yang disebabkan oleh penilaian semula kadar pertukaran diiktiraf dalam Rizab Risiko, manakala keuntungan atau kerugian realis semasa tarikh penjualan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

2.4 **Emas**

Emas direkodkan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian belum realis yang disebabkan oleh perubahan nilai saksama emas diiktiraf dalam Rizab Risiko. Keuntungan atau kerugian realis daripada penjualan emas diiktiraf dalam penyata pendapatan.

2.5 **Sekuriti dan Pelaburan**

Sekuriti dan pelaburan dinyatakan terutamanya pada kos tolak peruntukan bagi penyusutan nilai pada 31 Disember 2015.

2.6 **Untung Bersih**

Untung bersih Bank diagihkan mengikut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan hanya untung direalisasikan layak diagihkan.

2.7 **Perjanjian Belian Balik (Repo) dan Repo Berbalik**

Amaun yang dipinjam di bawah perjanjian repo dilaporkan di bawah Liabiliti-liabiliti Lain, manakala amaun yang diberikan pinjaman di bawah perjanjian repo berbalik dilaporkan di bawah Aset-aset Lain. Di bawah perjanjian repo, perbezaan antara harga jualan dengan harga belian balik diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah di dalam penyata pendapatan, manakala di bawah perjanjian repo berbalik, perbezaan antara harga belian dengan harga jualan balik diiktiraf sebagai pendapatan faedah di dalam penyata pendapatan.

2.8 **Tanah dan Bangunan**

(a) Bank telah mempermodalkan semua tanahnya, manakala bangunan kekal dinyatakan pada nilai kos nominal RM10 setiap satu.

(b) Pada pengiktirafan awal, kos asal tanah yang dipermodalkan adalah termasuk harga belian berserta sebarang kos tambahan yang ditanggung untuk menjadikan tanah tersebut kepada keadaan semasa.

(c) Selepas pengiktirafan awal, tanah dinyatakan pada nilai penilaian semula. Penilaian profesional terhadap tanah milik Bank akan dilaksanakan sekali setiap 10 tahun dengan sebarang lebihan daripada penilaian semula diiktiraf secara terus dalam Rizab Penilaian Semula Tanah.

(d) Keuntungan atau kerugian daripada jualan tanah dikira berdasarkan perbezaan antara hasil jualan bersih dengan jumlah nilai bawaan tanah itu dan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan pada tarikh jualan.

2.9 **Aset Tetap Lain**

Semua aset tetap lain dihapus kira sepenuhnya pada tahun pembelian.

3. **Emas dan Pertukaran Asing**

	2015 RM juta	2014 RM juta
Emas	5,620	4,774
Sekuriti Asing	311,459	347,071
Deposit Asing	8,778	14,201
Baki di Bank Pusat Lain	52,091	11,970
Lain-lain	20,230	19,076
	398,178	397,092

4. **Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR) dan Peruntukan Hak Pengeluaran Khas**

Objektif IMF adalah untuk memupuk kerjasama kewangan global, menjamin kestabilan kewangan, memudahkan perdagangan antarabangsa, menggalakkan lebih banyak peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi yang mapan serta mengurangkan kemiskinan di seluruh dunia. IMF juga memberikan khidmat nasihat dan pembiayaan sementara sekiranya berlaku masalah baki pembayaran kepada negara anggota.

Kedudukan Rizab IMF

Ia terdiri daripada kedudukan bahagian rizab kuota Malaysia, pinjaman di bawah Rancangan Transaksi Kewangan (Financial Transaction Plan, FTP) dan Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB). Kuota IMF menentukan kekuatan undian negara anggota, sumbangan kewangan kepada IMF, jumlah pembiayaan yang boleh diterima oleh anggota sekiranya menghadapi kesukaran imbangan pembayaran dan jumlah SDR diperuntukkan kepada anggota. Kedua-dua program FTP dan NAB adalah untuk memberikan pinjaman sekiranya IMF mempunyai keperluan terhadap dana yang melebihi sumber kuota.

Milikan Hak Pengeluaran Khas

Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR) ialah aset rizab antarabangsa yang diwujudkan oleh IMF. SDR diperuntukkan secara berkala kepada negara-negara anggota IMF berdasarkan saiz kuota negara-negara anggota. Negara anggota boleh menggunakan SDR untuk memperolehi rizab pertukaran asing dari negara anggota lain serta membuat pembayaran termasuk kepada IMF.

Peruntukan Hak Pengeluaran Khas

Peruntukan hak pengeluaran khas ialah liabiliti kepada IMF yang mewakili amaun SDR yang telah diterima sejak penubuhannya.

5. **Kertas Kerajaan Malaysia**

Kertas Kerajaan Malaysia merujuk kepada pegangan instrumen hutang Kerajaan yang merupakan sebahagian daripada instrumen yang boleh digunakan dalam operasi dasar monetari Bank.

	2015 RM juta	2014 RM juta
Sekuriti Kerajaan Malaysia	1,917	2,455

6. **Deposit dengan Institusi Kewangan**

Deposit dengan institusi kewangan terdiri daripada deposit yang disimpan oleh Bank dengan institusi kewangan di bawah seksyen 75(i) dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

7. **Pinjaman dan Pendahuluan**

Pinjaman dan pendahuluan terdiri terutamanya daripada pendahuluan yang diberikan oleh Bank kepada institusi pelaksana di bawah pelbagai skim seperti Tabung Industri Kecil dan Sederhana dan Tabung Usahawan Baharu yang bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan pertubuhan perusahaan kecil dan sederhana. Pemberian pendahuluan ini diperuntukkan di bawah seksyen 48, seksyen 49 dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

8. **Tanah dan Bangunan**

	2015 RM juta	2014 RM juta
Tanah pegangan bebas, pada kos	1,250	1,250
Tanah pegangan bebas, pada penilaian semula	864	864
	2,114	2,114

Tanah pegangan bebas, pada kos, dibeli pada 2014. Tanah pegangan bebas, pada penilaian semula, dinilai semula oleh Jones Lang Wootton (JLW) pada 1 Ogos 2014. Bangunan yang direkodkan pada nilai nominal berjumlah RM3,550 (2014: RM3,570).

9. **Aset-aset Lain**

Aset-aset lain termasuk sekuriti yang dibeli melalui perjanjian repo berbalik sebanyak RM13,747 juta (2014: RM2,549 juta) dan pelaburan dalam saham dan bon sebanyak RM4,589 juta (2014: RM4,595 juta) yang diperoleh di bawah seksyen 48(1) dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

10. **Deposit oleh Lain-lain**

Sebahagian besar deposit ini terdiri daripada deposit institusi nasional, agensi kerajaan dan pihak berkuasa awam.

11. **Liabiliti-liabiliti Lain**

Sebahagian besar liabiliti lain adalah simpanan oleh institusi kewangan di bawah perjanjian repo.

12. **Modal Berbayar**

Modal berbayar sebanyak RM100 juta dimiliki oleh Kerajaan Malaysia.

13. **Kumpulan Wang Rizab Am**

	2015 RM juta	2014 RM juta
Pada 1 Januari (seperti yang dinyatakan pada tahun sebelum ini)	14,572	14,537
Pelarasan tahun sebelum ini:		
Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am yang diklasifikasikan semula sebagai Keuntungan Sebelum Agihan	(35)	(56)
Seperti dinyatakan semula	14,537	14,481
Amaun yang diluluskan dan dipindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Am pada tahun semasa	35	56
Pada 31 Disember	14,572	14,537

Pada tahun-tahun sebelum ini, pengagihan keuntungan bersih kepada kumpulan wang rizab am dan dividen kepada Kerajaan telah diiktiraf sebelum mendapat kelulusan daripada Menteri.

Mulai tahun 2015, pengagihan keuntungan bersih kepada kumpulan wang rizab am dan dividen kepada Kerajaan hanya akan diiktiraf setelah mendapat kelulusan daripada Menteri seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Pindahan kepada kumpulan wang rizab am bagi tahun berakhir 2014 sebanyak RM35 juta telah diluluskan oleh Menteri pada 4 Februari 2015.

14. **Rizab Risiko**

Rizab risiko ialah penampan kewangan yang merangkumi keuntungan atau kerugian belum realis daripada penilaian semula aset dan liabiliti mata wang asing serta perubahan nilai saksama bagi sekuriti sedia untuk dijual.

Rangka kerja pengukuran risiko pasaran digunakan untuk menganggarkan penampan kewangan yang diperlukan bagi mengimbangi kesan kerugian luar jangka berikutan faktor yang di luar kawalan Bank. Penampan kewangan ialah hasil daripada pengagihan yang dibuat seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

15. **Rizab Penilaian Semula Tanah**

Rizab Penilaian Semula Tanah adalah untuk lebihan belum realis daripada penilaian semula tanah.

16. **Keuntungan Sebelum Agihan**

	2015 RM juta	2014 RM juta
Baki 1 Januari	3,035	-
Pelarasan tahun sebelum ini – Keuntungan bersih tahun 2013 yang dipindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Am dan Dividen belum dibayar kepada Kerajaan diklasifikasikan semula sebagai Keuntungan Sebelum Agihan	-	1,556
Seperti dinyatakan semula	3,035	1,556
Tolak: Pengagihan yang diluluskan pada tahun semasa		
Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am	(35)	(56)
Dividen belum dibayar kepada Kerajaan	(3,000)	(1,500)
	-	-
Keuntungan Sebelum Agihan bagi tahun semasa	3,094	3,035
Baki 31 Disember	3,094	3,035

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2015, Lembaga Pengarah mencadangkan pindahan kepada kumpulan wang rizab am sebanyak RM94 juta dan dividen sebanyak RM3 bilion kepada Kerajaan.

Menurut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009, pengagihan kepada kumpulan wang rizab am dan pengisytiharan dividen kepada Kerajaan adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Menteri, dan jika diluluskan akan diiktiraf pada tahun kewangan yang berikutnya yang berakhir pada 31 Disember 2016. Dividen dibayar kepada Kerajaan pada tahun berakhir 2014 berjumlah RM3 bilion telah diluluskan oleh Menteri pada 4 Februari 2015.

17. **Jumlah Pendapatan**
Jumlah pendapatan merangkumi hasil daripada pengurusan rizab asing termasuk faedah dan dividen, pendapatan bukan perbendaharaan, keuntungan atau kerugian modal direalisasikan, dan dinyatakan pada nilai bersih setelah ditolak pelunasan/akresi atas premium/diskaun, dan kos dasar monetari.

18. **Perbelanjaan Berulang**
Perbelanjaan berulang merupakan perbelanjaan yang ditanggung dalam pengurusan dan pentadbiran operasi harian Bank.

19. **Perbelanjaan Pembangunan**
Perbelanjaan pembangunan merupakan perbelanjaan yang ditanggung terutamanya bagi membiayai projek pembangunan dan projek jangka panjang yang dilaksanakan oleh Bank, yang selaras dengan matlamat dan fungsi utama Bank.

20. **Cukai**
Bank dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan dan cukai pendapatan tambahan seperti yang ditetapkan dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 1989. Perbelanjaan cukai adalah cukai pegangan yang tidak boleh dituntut ke atas pendapatan asing.

21. **Perkara Luar Jangka dan Komitmen**

21.1 **Aset Luar Jangka**
Jumlah aset luar jangka pada 31 Disember 2015 ialah RM1,400 juta. Aset ini terdiri daripada jumlah sumbangan Bank kepada Tabung Amanah Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF) berjumlah RM800 juta dan Tabung Amanah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) berjumlah RM600 juta untuk membiayai aktiviti berkaitan dengan latihan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia dalam bidang perbankan dan perkhidmatan kewangan yang dikendalikan oleh Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF dan INCEIF. Surat Ikatan Amanah memperuntukkan bahawa jumlah sumbangan tersebut akan dikembalikan kepada Bank apabila Pusat-pusat tersebut mampu berdikari pada masa hadapan.

21.2 **Komitmen**
Jumlah komitmen pada 31 Disember 2015 terdiri daripada yang berikut:

(a) **Keanggotaan dengan IMF**

(i) Bank mempunyai kewajipan untuk membayar IMF sebanyak RM7,491 juta dalam bentuk SDR atau mata wang boleh tukar lain yang merupakan bahagian belum bayar kuota Malaysia di IMF di bawah Artikel Persetujuan.

(ii) Pada 15 Disember 2010, selaras dengan Resolusi Lembaga Gabenor No. 66-2, IMF telah menerima pakai `Fourteenth General Review of Quotas and Reform of the Executive Board´ dengan kuota bagi setiap negara anggota dinaikkan. Pada 31 Disember 2015, Malaysia telah bersetuju dengan kenaikan kuotanya sebanyak SDR1,860 juta (bersamaan dengan RM11,066 juta).

(iii) Bank telah menyertai Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB), iaitu satu set pengaturan kredit antara IMF dengan negara anggotanya bagi menyediakan sumber pembiayaan tambahan kepada IMF yang bertujuan untuk memelihara kestabilan sistem monetari antarabangsa. Pada 31 Disember 2015, jumlah kredit yang belum digunakan di bawah NAB ialah SDR307 juta (bersamaan dengan RM1,826 juta).

(iv) Pada 23 Julai 2012, Bank telah bersetuju menberikan sumbangan dua hala kepada IMF berjumlah USD1,000 juta (bersamaan dengan RM4,294 juta) yang diperuntukkan untuk tujuan luar jangkaan dan menangani krisis kewangan.

(b) **Pelaburan dalam Bank for International Settlements (BIS)**
Komitmen Bank sebanyak SDR12 juta (bersamaan dengan RM72 juta) merupakan bahagian belum dipanggil daripada 3,220 unit saham yang dipegang oleh Bank dalam BIS berdasarkan nilai nominal SDR5,000 setiap satu menggunakan kadar SDR pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

(c) **Pengaturan Swap**

(i) **Pengaturan Swap ASEAN**
Bank telah menyertai Pengaturan Swap ASEAN (ASEAN Swap Arrangement, ASA) pelbagai hala bersama-sama dengan bank pusat dan pihak berkuasa monetari ASEAN lain bagi memberikan sokongan mudah tunai mata wang asing jangka pendek kepada negara anggota yang menghadapi masalah imbangan pembayaran. Pada 31 Disember 2015, jumlah komitmen Bank adalah sebanyak USD300 juta (bersamaan dengan RM1,288 juta) dan tiada sebarang permohonan untuk sokongan mudah tunai di bawah ASA daripada mana-mana negara anggota bagi tahun kewangan tersebut.

(ii) **Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala**

(a) Pada 20 April 2015, Bank memperbaharui perjanjian Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala (Bilateral Currency Swap Arrangement, BCSA) dengan People's Bank of China yang bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara. Pada 31 Disember 2015, jumlah komitmen Bank di bawah BCSA ialah RM90 bilion dan tiada sebarang permohonan untuk mengaktifkan BCSA pada tahun kewangan tersebut.

(b) Pada 20 Oktober 2013, Bank menandatangani perjanjian BCSA dengan Bank of Korea yang bertujuan untuk menggalakkan perdagangan dua hala dan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara. Pada 31 Disember 2015, jumlah komitmen Bank di bawah BCSA ialah RM15 bilion dan tiada sebarang permohonan untuk mengaktifkan BCSA pada tahun kewangan tersebut.

(iii) **Pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai**
Bank telah menyertai pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai (Chiang Mai Initiative Multilateralisation, CMIM) yang bertujuan untuk memberikan sokongan kewangan kepada negara anggota ASEAN+3 yang menghadapi masalah imbangan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek. Tarikh kuat kuasa Perjanjian CMIM adalah pada 24 Mac 2010. Di bawah pengaturan CMIM, negara anggota yang menghadapi masalah imbangan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek boleh mendapatkan sokongan kewangan dalam dolar Amerika Syarikat melalui pengaturan swap terhadap mata wang negara masing-masing. Pada 31 Disember 2015, jumlah komitmen Bank ialah USD9.1 bilion (bersamaan dengan RM39 bilion) dan tiada sebarang permohonan untuk sokongan mudah tunai daripada mana-mana negara anggota.

(iv) **Perjanjian Repo dengan Bank Pusat dan Pihak Berkuasa Monetari**
Bank telah menandatangani perjanjian repo berjumlah USD5 bilion (bersamaan dengan RM22 bilion) dengan beberapa bank pusat dan pihak berkuasa monetari serantau di bawah Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) untuk menyediakan bantuan mudah tunai di waktu kecemasan. Pada 31 Disember 2015, tiada permohonan untuk bantuan mudah tunai daripada mana-mana anggota.

22. **Pengurusan Risiko Kewangan**
Jawatankuasa Pengurusan Rizab memantau penilaian, ukuran dan kawalan risiko pelaburan dalam pengurusan rizab supaya berada pada paras yang sewajarnya bagi memastikan matlamat melindungi modal, mudah tunai dan pulangan tercapai. Dalam melaksanakan fungsi ini, risiko utama pelaburan merangkumi yang berikut:

(a) **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran ialah dedahan pelaburan Bank terhadap pergerakan negatif dalam harga pasaran seperti kadar pertukaran asing, kadar faedah dan harga ekuiti. Risiko pasaran dinilai dan dipantau pada asas harian. Dasar tanda aras yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah mencerminkan matlamat pelaburan jangka panjang dan profil risiko-pulangan yang wajar. Pelaburan boleh dibuat dalam instrumen yang berbeza daripada tanda aras. Perbezaan dalam pelaburan ini dikawal melalui satu set had pengurusan risiko, pengaturan tadbir urus dan garis panduan pelaburan yang juga diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Analisis kepekaan dan ujian tekanan dijalankan untuk menilai risiko yang akan dihadapi dan kemungkinan kerugian yang ditaksirkan mengikut pasaran, berikutan pergerakan negatif dan turun naik dalam pasaran serta keadaan mudah tunai.

(b) **Risiko Kredit**

Risiko kredit ialah risiko kemungkiran oleh penerbit hutang atau kegagalan rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kontraktualnya kepada Bank yang menyebabkan Bank tidak memperoleh pulangan pokok dan/atau faedah, yang telah cukup tempohnya. Satu rangka kerja risiko kredit yang komprehensif mentadbir urus pelaburan dan kesanggupan mengambil risiko oleh Bank. Ini memastikan pelaburan dibuat dengan penerbit dan rakan niaga yang mempunyai kedudukan kredit yang tinggi dan kebarangkalian kerugian yang rendah. Rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah ini juga mengambil kira penunjuk kredit berasaskan pasaran seperti penarafan yang tersirat dalam harga pasaran kewangan dan penilaian kredit dalaman. Ini menambah baik rangka kerja kredit dengan menyediakan penilaian kredit yang lebih dinamik dan berpandangan ke hadapan.

(c) **Risiko Operasi**

Risiko operasi ialah risiko kerugian kewangan akibat kegagalan proses dalaman, kawalan dan prosedur yang tidak mencukupi, atau perkembangan dalaman atau luaran lain yang menjejaskan operasi. Risiko operasi dapat dikurangkan melalui rangka kerja tadbir urus yang mantap dan pelaksanaan kawalan dan had risiko yang berkesan. Satu mekanisme pengawasan risiko operasi yang menyeluruh telah diwujudkan untuk membantu usaha mengenal pasti risiko yang mungkin timbul dalam operasi Bank supaya tindakan boleh diambil bagi mengurus jurang yang ada dan mengurangkan kerugian kewangan.

23. **Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (SWA) dan Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) (disebut sebagai `Akaun Dana Perubatan´)**

SWA ditubuhkan pada 1 Mac 1991 di bawah seksyen 15 (5) dan (6) Akta Bank Negara 1958 manakala Akaun Dana Perubatan ditubuhkan pada 21 Jun 2006 di bawah seksyen 15 (6) Akta Bank Negara Malaysia 1958. Kedua-dua SWA and Akaun Dana Perubatan terus berada di bawah seksyen 83 (4) dan (5) Akta Bank Negara Malaysia 2009.

SWA ditadbir urus di bawah Arahan Amanah Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia 1991. Seperti yang ditetapkan dalam Arahan Amanah 1991, SWA hendaklah ditadbir oleh jawatankuasa yang diberikan kuasa oleh Lembaga Pengarah (Jawatankuasa Lembaga). Akaun SWA disediakan secara berasingan daripada akaun-akaun Bank yang lain dan hendaklah diaudit sama seperti Akaun Bank. Objektif SWA adalah untuk memberikan pinjaman kepada kakitangan untuk aktiviti-aktiviti yang dibenarkan, membiayai aktiviti-aktiviti persatuan-persatuan kakitangan Bank dan memberikan anugerah kecemerlangan pelajaran kepada anak-anak kakitangan. SWA juga menguruskan pampasan insurans kakitangan yang meninggal dunia, yang diterima oleh pihak waris yang belum mencapai had kelayakan umur.

Akaun Dana Perubatan ditadbir urus di bawah Arahan Amanah Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) 2006. Objektif Akaun Dana Perubatan ini adalah untuk membantu Bank membiayai perbelanjaan perubatan para pesara Bank dan tanggungan mereka yang layak. Seperti yang ditetapkan dalam Arahan Amanah Akaun Kebajikan (Dana Perubatan) 2006, Dana Perubatan hendaklah ditadbir oleh Jawatankuasa Dana Perubatan. Akaun Dana Perubatan disediakan secara berasingan di bawah Akaun Kebajikan Kakitangan dan hendaklah diaudit sama seperti Akaun Kebajikan Kakitangan.

24. **Angka Perbandingan**

Beberapa angka perbandingan telah dinyatakan semula supaya selaras dengan persembahan pada tahun semasa. Kesan daripada perubahan ini terhadap angka perbandingan adalah seperti yang berikut:

	Nota	Seperti dinyatakan sebelumnya RM juta	Klasifikasi semula RM juta	Seperti dinyatakan semula RM juta
Penyata Kedudukan Kewangan				
Emas dan Pertukaran Asing	a	395,559	1,533	397,092
Aset-aset lain	a	9,445	(1,533)	7,912
Liabiliti-liabiliti lain	b	20,877	(3,000)	17,877
Kumpulan Wang Rizab Am	b	14,572	(35)	14,537
Keuntungan Sebelum Agihan	b	-	3,035	3,035
Penyata Pendapatan				
Jumlah Pendapatan	c	8,481	51	8,532
Cukai	c	-	(51)	(51)

Nota:

a) Pengkelasan semula pelaburan sekuriti yang diterbitkan oleh pihak bukan pemastautin kepada Emas dan Pertukaran Asing yang sebelum ini dikelaskan di bawah Aset-aset Lain.

b) Mulai tahun 2015, pengagihan keuntungan bersih kepada kumpulan rizab am dan dividen kepada Kerajaan akan diiktiraf selepas mendapat kelulusan daripada Menteri.

c) Pengkelasan semula perbelanjaan cukai yang sebelum ini ditolak daripada Jumlah Pendapatan.

2015

TAMBAHAN

KANDUNGAN

Statistik Ekonomi dan Kewangan Utama

Akaun Negara

A.1 Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar Tahun 2010 MS 1
A.2 Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (2010=100) MS 2
A.3 Prestasi Sektor Perkhidmatan pada Harga Malar Tahun 2010 MS 2
A.4 PNK Mengikut Agregat Permintaan MS 3
A.5 Jurang Tabungan-Pelaburan MS 4
A.6 Pasaran Pekerja: Penunjuk Terpilih MS 5
A.7 Penunjuk Penggunaan Swasta MS 6
A.8 Penunjuk Pelaburan Swasta MS 7

Sektor Luar Negeri

A.9 Imbangan Pembayaran MS 8
A.10 Eksport Kasar MS 10
A.11 Import Kasar MS 11
A.12 Rakan Perdagangan Malaysia MS 12
A.13 Hutang Luar Negeri Terkumpul dan Khidmat Bayaran Hutang MS 13

Indeks Harga Pengguna dan Pengeluar

A.14 Indeks Harga Pengguna MS 14
A.15 Indeks Harga Pengeluar MS 14

Penunjuk Monetari dan Kewangan

A.16 Wang Secara Luas (M3) MS 15
A.17 Bekalan Wang: Perubahan Tahunan dan Kadar Pertumbuhan MS 16
A.18 Kadar Faedah (%) MS 17
A.19 Pergerakan Ringgit MS 18
A.20 Institusi Kredit Perumahan MS 19
A.21 Pinjaman Perumahan Terkumpul MS 20
A.22 Pinjaman Perumahan yang Diluluskan MS 20
A.23 Pembiayaan Ekonomi MS 21

Kewangan Awam

A.24 Kewangan Sektor Awam Disatukan MS 22

Penunjuk Terpilih Ekonomi Antarabangsa

A.25 Negara-Negara Maju Utama: Penunjuk Ekonomi Utama MS 23
A.26 Asia Sedang Pesat Membangun: Penunjuk Ekonomi Utama MS 24

Jadual A.1

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar Tahun 2010

	2011	2012	2013	2014	2015*a*	2016*r*
	RM juta					
Pertanian	88,555	89,406	91,097	92,979	93,904	93,576
Perlombongan dan pengkuarian	85,373	86,751	87,789	90,645	94,917	98,211
Perkilangan	202,960	211,921	219,216	232,868	244,247	254,215
Pembinaan	29,524	34,880	38,646	43,190	46,728	50,398
Perkhidmatan	449,854	479,300	507,935	541,185	569,046	594,025
Campur: Duti import	8,654	10,004	10,577	11,639	13,805	15,675
KDNK pada harga pembeli[1]	**864,920**	**912,261**	**955,260**	**1,012,506**	**1,062,647**	**1,106,100**
	Perubahan tahunan (%)					
Pertanian	6.8	1.0	1.9	2.1	1.0	-0.3
Perlombongan dan pengkuarian	-4.9	1.6	1.2	3.3	4.7	3.5
Perkilangan	5.4	4.4	3.4	6.2	4.9	4.1
Pembinaan	4.6	18.1	10.8	11.8	8.2	7.9
Perkhidmatan	7.0	6.5	6.0	6.5	5.1	4.4
Campur: Duti import	12.8	15.6	5.7	10.0	18.6	13.5
KDNK pada harga pembeli	**5.3**	**5.5**	**4.7**	**6.0**	**5.0**	**4.0 ~ 4.5**

[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.2

Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (2010=100)

	2012	2013	2014	2015	2013	2014	2015
	Indeks				Perubahan tahunan (%)		
Industri berorientasikan eksport	**110.4**	**114.5**	**120.8**	**126.7**	**3.7**	**5.6**	**4.8**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**106.7**	**117.3**	**131.1**	**143.1**	**9.9**	**11.8**	**9.2**
Elektronik	*108.2*	*128.3*	*141.8*	*142.9*	*18.5*	*10.6*	*0.7*
Keluaran elektrik	*100.7*	*96.9*	*110.0*	*145.2*	*-3.8*	*13.5*	*32.1*
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**112.1**	**113.1**	**116.0**	**118.9**	**0.9**	**2.5**	**2.5**
Kimia dan keluaran kimia	121.9	121.1	125.4	131.2	-0.7	3.6	4.6
Keluaran petroleum	108.3	108.6	109.2	110.5	0.2	0.6	1.2
Tekstil, pakaian dan kasut	105.2	102.4	113.5	122.0	-2.6	10.8	7.5
Kayu dan keluaran kayu	103.1	99.9	107.7	115.3	-3.1	7.8	7.1
Keluaran getah	124.3	134.5	132.8	139.5	8.2	-1.3	5.1
Pemprosesan di luar estet	104.6	111.5	117.2	113.1	6.6	5.1	-3.5
Keluaran kertas	112.9	115.5	114.2	117.7	2.3	-1.1	3.0
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**114.4**	**121.2**	**130.6**	**136.7**	**5.9**	**7.7**	**4.7**
Kelompok keluaran berkaitan pembinaan	**114.7**	**120.4**	**125.5**	**131.2**	**4.9**	**4.3**	**4.5**
Keluaran berkaitan pembinaan	105.6	106.9	112.3	*117.4*	1.3	5.1	4.5
Keluaran galian bukan logam	*115.4*	*115.0*	*122.9*	*131.3*	*-0.4*	*6.9*	*6.8*
Keluaran besi asas dan keluli dan logam bukan ferus	*95.4*	*98.6*	*101.4*	*102.9*	*3.4*	*2.8*	*1.6*
Keluaran logam yang direka	138.6	155.6	159.9	167.3	12.2	2.8	4.6
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**114.1**	**122.1**	**135.8**	**142.3**	**7.0**	**11.2**	**4.8**
Keluaran makanan	112.5	116.7	123.0	126.1	3.8	5.4	2.5
Kelengkapan pengangkutan	115.8	131.8	150.7	158.6	13.8	14.4	5.2
Minuman	105.6	103.3	121.6	135.8	-2.1	17.7	11.7
Keluaran tembakau	123.6	101.3	106.2	115.9	-18.0	4.8	9.1
Lain-lain	117.5	105.5	116.6	108.8	-10.2	10.6	-6.7
Jumlah	**111.3**	**116.0**	**123.0**	**128.9**	**4.2**	**6.1**	**4.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.3

Prestasi Sektor Perkhidmatan pada Harga Malar Tahun 2010

	2011	2012	2013	2014	2015*a*	2011	2012	2013	2014	2015*a*
	Perubahan tahunan (%)					Sumbangan kepada KDNK (%)				
Perkhidmatan	**7.0**	**6.5**	**6.0**	**6.5**	**5.1**	**52.0**	**52.5**	**53.2**	**53.5**	**53.5**
Perkhidmatan pengantara	6.5	7.5	5.4	5.9	4.6	20.0	20.4	20.5	20.5	20.4
Kewangan dan insurans	*6.8*	*7.8*	*2.0*	*2.3*	*-0.7*	*7.6*	*7.8*	*7.6*	*7.3*	*6.9*
Harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	*5.8*	*7.5*	*8.0*	*8.0*	*6.6*	*4.0*	*4.0*	*4.2*	*4.2*	*4.3*
Pengangkutan dan penyimpanan	*5.6*	*4.8*	*4.6*	*5.2*	*5.7*	*3.5*	*3.5*	*3.5*	*3.5*	*3.5*
Maklumat dan komunikasi	*7.4*	*8.9*	*9.1*	*9.7*	*9.4*	*4.9*	*5.1*	*5.3*	*5.5*	*5.7*
Perkhidmatan akhir	7.3	6.0	6.3	7.0	5.5	32.0	32.2	32.6	32.9	33.1
Perdagangan borong dan runcit	*6.8*	*4.6*	*6.3*	*8.9*	*6.9*	*13.9*	*13.8*	*14.0*	*14.4*	*14.7*
Makanan & minuman dan penginapan	*6.2*	*5.6*	*5.9*	*6.5*	*6.4*	*2.7*	*2.7*	*2.7*	*2.7*	*2.8*
Utiliti	*3.9*	*4.9*	*4.4*	*3.8*	*3.5*	*2.7*	*2.6*	*2.6*	*2.6*	*2.5*
Perkhidmatan Kerajaan	*11.1*	*9.6*	*7.6*	*6.1*	*4.0*	*8.3*	*8.6*	*8.8*	*8.8*	*8.8*
Perkhidmatan lain	*5.0*	*4.5*	*5.6*	*4.8*	*4.7*	*4.5*	*4.4*	*4.5*	*4.4*	*4.4*

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.4

PNK Mengikut Agregat Permintaan

	2011	2012	2013	2014	2015*a*	2016*r*
	pada Harga Semasa (RM juta)					
Penggunaan	558,333	616,680	667,571	727,554	778,176	830,759
Penggunaan swasta	*437,340*	*482,238*	*527,749*	*579,908*	*626,037*	*674,508*
Penggunaan awam	*120,993*	*134,442*	*139,822*	*147,646*	*152,139*	*156,251*
Pelaburan	202,251	246,343	269,814	287,498	302,922	319,738
Pelaburan swasta	*114,759*	*142,307*	*162,815*	*183,902*	*198,747*	*212,674*
Pelaburan awam	*87,492*	*104,037*	*106,999*	*103,595*	*104,175*	*107,064*
Perubahan dalam stok[1]	9,164	3,741	-5,522	-10,697	-12,631	-1,800
Eksport barangan dan perkhidmatan	777,302	770,202	770,368	817,176	821,420	851,520
Import barangan dan perkhidmatan	635,316	665,714	683,408	714,950	733,007	771,264
KDNK pada harga pembeli	911,733	971,252	1,018,821	1,106,580	1,156,881	1,228,952
Imbangan pendapatan primer	-21,600	-35,841	-33,975	-37,322	-32,192	-37,981
PNK	890,133	935,411	984,846	1,069,258	1,124,689	1,190,971
	pada Harga Malar Tahun 2010 (RM juta)					
Penggunaan	540,359	582,015	622,517	662,490	699,693	731,180
Penggunaan swasta	*422,376*	*457,625*	*490,798*	*524,979*	*556,304*	*584,900*
Penggunaan awam	*117,983*	*124,390*	*131,719*	*137,511*	*143,389*	*146,281*
Pelaburan	195,996	233,203	252,271	264,276	274,144	285,001
Pelaburan swasta	*110,863*	*134,543*	*151,749*	*168,510*	*179,375*	*189,211*
Pelaburan awam	*85,133*	*98,659*	*100,522*	*95,765*	*94,768*	*95,789*
Perubahan dalam stok[1]	4,793	4,289	-3,177	-8,598	-2,069	-2,000
Eksport barangan dan perkhidmatan	743,919	730,961	732,856	770,503	775,530	800,153
Import barangan dan perkhidmatan	620,147	638,206	649,208	676,165	684,652	708,234
KDNK pada harga pembeli	864,920	912,261	955,260	1,012,506	1,062,647	1,106,100
Imbangan pendapatan primer	-25,868	-40,457	-38,357	-40,589	-24,531	-28,428
PNK	839,052	871,804	916,903	971,917	1,038,116	1,077,671

[1] Termasuk perbezaan perangkaan
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.5

Jurang Tabungan-Pelaburan

	2011	2012	2013	2014	2015*a*
	RM juta				
Tabungan awam	87,998	94,383	96,131	90,465	64,486
Pembentukan modal dalam negeri kasar awam	87,492	104,037	106,999	103,595	104,175
Defisit/lebihan	506	-9,654	-10,868	-13,130	-39,689
Tabungan swasta	222,741	205,879	203,646	233,653	259,831
Pembentukan modal dalam negeri kasar swasta	123,923	146,048	157,293	173,205	186,116
Defisit/lebihan	98,818	59,831	46,353	60,448	73,715
Tabungan negara kasar	310,739	300,262	299,777	324,118	324,317
(% daripada PNK)	34.9	32.1	30.4	30.3	28.8
Pembentukan modal dalam negeri kasar	211,415	250,084	264,291	276,801	290,291
(% daripada PNK)	23.8	26.7	26.8	25.9	25.8
Imbangan akaun semasa	99,324	50,177	35,485	47,317	34,026
(% daripada PNK)	11.2	5.4	3.6	4.4	3.0

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

Jadual A.6

Pasaran Pekerja: Penunjuk Terpilih

	2011	2012	2013	2014	2015*a*
	(bilangan jawatan/orang)				
Kekosongan Jawatan Mengikut Industri[1]					
Pertanian, perhutanan & perikanan	399,522	337,466	306,542	240,552	269,469
Perlombongan & pengkuarian	3,369	2,180	1,880	2,605	9,929
Perkilangan	689,422	598,890	456,478	352,784	313,396
Pembinaan	388,241	310,954	308,783	202,878	208,912
Perkhidmatan	778,994	369,983	329,007	275,199	287,050
Elektrik, gas & air[2]	*15,091*	*6,521*	*7,043*	*8,339*	*5,834*
Perdagangan borong & runcit; penginapan & perkhidmatan makanan	*185,577*	*109,117*	*95,966*	*87,385*	*99,310*
Pengangkutan & penyimpanan; maklumat & komunikasi	*20,100*	*17,921*	*14,864*	*19,375*	*39,068*
Kewangan & insurans; harta tanah & perkhidmatan perniagaan[3]	*372,346*	*114,099*	*96,399*	*75,936*	*70,784*
Pentadbiran awam & pertahanan; keselamatan sosial wajib	*6,897*	*5,115*	*4,020*	*2,485*	*1,360*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial & lain-lain	*178,983*	*117,210*	*110,715*	*81,679*	*70,694*
Jumlah kekosongan	**2,259,548**	**1,619,473**	**1,402,690**	**1,074,018**	**1,088,756**
Pemberhentian Pekerja Mengikut Industri[4]					
Pertanian, perhutanan & perikanan	172	156	180	77	173
Perlombongan & pengkuarian	24	81	117	318	863
Perkilangan	5,635	7,616	7,940	5,716	3,328
Pembinaan	290	1,002	353	564	383
Perkhidmatan	3,329	2,639	2,605	3,756	4,783
Elektrik, gas & air[2]	*66*	*46*	-	*67*	*127*
Perdagangan borong & runcit; penginapan & perkhidmatan makanan	*1,322*	*743*	*742*	*1,759*	*1,482*
Pengangkutan & penyimpanan; maklumat & komunikasi	*293*	*292*	*362*	*478*	*925*
Kewangan & insurans; harta tanah & perkhidmatan perniagaan[3]	*672*	*827*	*628*	*888*	*1,313*
Pentadbiran awam & pertahanan; keselamatan sosial wajib	*545*	*511*	*548*	*339*	*747*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial & lain-lain	*431*	*220*	*325*	*225*	*189*
Jumlah pemberhentian pekerja	**9,450**	**11,494**	**11,195**	**10,431**	**9,530**
Guna Tenaga Mengikut Industri[5] **('000 orang)**					
Pertanian, perhutanan & perikanan	1,410	1,602	1,682	1,660	1,635
Perlombongan & pengkuarian	76	81	87	84	103
Perkilangan	2,222	2,228	2,215	2,266	2,222
Pembinaan	1,134	1,164	1,244	1,226	1,280
Perkhidmatan	7,443	7,649	7,982	8,296	8,519
Elektrik, gas & air[2]	*122*	*142*	*144*	*145*	*135*
Perdagangan borong & runcit; penginapan & perkhidmatan makanan	*2,942*	*3,073*	*3,236*	*3,388*	*3,471*
Pengangkutan & penyimpanan; maklumat & komunikasi	*813*	*833*	*813*	*805*	*826*
Kewangan & insurans; harta tanah & perkhidmatan perniagaan[3]	*1,157*	*1,231*	*1,258*	*1,374*	*1,418*
Pentadbiran awam & pertahanan; keselamatan sosial wajib	*749*	*698*	*764*	*745*	*760*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial & lain-lain	*1,660*	*1,672*	*1,767*	*1,840*	*1,908*
Jumlah guna tenaga	**12,285**	**12,723**	**13,210**	**13,532**	**13,759**
Kadar penyertaan tenaga kerja (% daripada populasi umur bekerja)	**64.4**	**65.5**	**67.0**	**67.5**	**67.6**
Kadar pengangguran (% daripada tenaga kerja)	**3.1**	**3.0**	**3.1**	**2.9**	**3.2**

[1] Merujuk kepada jumlah kekosongan jawatan yang dilaporkan oleh majikan melalui portal JobsMalaysia. Mulai tahun 2012, data tidak boleh dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya ekoran pengelasan semula data
[2] Merujuk kepada elektrik, gas, wap, penyaman udara; bekalan air, pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan
[3] Merujuk kepada kewangan dan insurans, harta tanah, perkhidmatan profesional, saintifik, teknikal, pentadbiran dan sokongan
[4] Bagi tahun 2015, berdasarkan jumlah pekerja yang diberhentikan bagi tempoh Januari-Oktober 2015
[5] Bagi anggaran awalan tahun 2015, berdasarkan purata guna tenaga bagi tempoh Januari-Disember 2015
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.7

Penunjuk Penggunaan Swasta

	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Jualan kenderaan penumpang ('000 unit)	543.6	520.5	552.2	576.7	588.3	591.3
Perubahan tahunan (%)	11.8	-4.3	6.1	4.4	2.0	0.5
Import barangan penggunaan (RM bilion)	34.5	41.0	43.7	47.6	50.3	62.5
Perubahan tahunan (%)	9.5	19.0	6.6	8.8	5.7	24.1
Kutipan cukai						
Cukai jualan (RM bilion)	8.2	8.6	9.5	10.1	10.9	5.2
Cukai perkhidmatan (RM bilion)	3.9	5.0	5.6	5.9	6.3	3.0
Wang secara kecil (M1)						
Perubahan tahunan (%)	11.7	15.4	11.9	13.0	5.7	4.1
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Kredit penggunaan (tidak termasuk kenderaan penumpang)						
Perubahan tahunan (%)	12.5	13.3	-3.6	5.9	-0.1	1.7
Perniagaan borong dan runcit, restoran dan hotel						
Perubahan tahunan (%)	16.3	13.8	26.0	3.4	21.5	-9.8
Jualan runcit MRA (% perubahan tahunan)	8.4	8.1	5.5	4.5	3.4	2.0[e]
Jumlah perbelanjaan kad kredit[1] (RM bilion)	79.8	88.8	94.1	99.7	105.5	112.7
Perubahan tahunan (%)	15.1	11.3	6.0	6.0	5.8	6.8
Indeks Sentimen Pengguna MIER[2]	117.2	106.3	118.7	82.4	83.0	63.8
FBM KLCI	1,518.9	1,530.7	1,689.0	1,867.0	1,761.3	1,692.5
Harga komoditi						
Minyak sawit mentah (RM/tan)	2,752.1	3,278.9	2,863.5	2,374.5	2,412.4	2,165.5
Minyak mentah Brent (USD/tong)	80.3	110.9	111.7	108.7	99.4	53.7
Getah (sen/kg)	1,069.6	1,366.5	962.4	785.9	554.2	521.3

[1] Perbelanjaan pemastautin sahaja
[2] Merujuk kepada suku keempat
[a] Anggaran

Sumber: Persatuan Automotif Malaysia; Jabatan Perangkaan Malaysia; Kementerian Kewangan Malaysia; Persatuan Peruncit Malaysia; Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia; Bursa Malaysia Berhad; Lembaga Minyak Sawit Malaysia; Bloomberg; Lembaga Getah Malaysia; dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.8

Penunjuk Pelaburan Swasta

	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Jualan kenderaan perdagangan ('000 unit)	61.6	65.0	75.6	79.1	78.1	75.4
Perubahan tahunan (%)	21.8	5.6	16.2	4.7	-1.3	-3.5
Import barangan modal (RM bilion)	73.8	80.2	96.1	98.2	95.9	95.9
Perubahan tahunan (%)	13.2	8.7	19.9	2.2	-2.4	0.0
Kelulusan oleh MIDA (Sektor perkilangan)						
Bilangan projek	910	846	804	787	811	680
Pelaburan modal (RM bilion)	47.2	56.1	41.1	52.1	71.9	74.7
Tempatan	*18.1*	*21.9*	*20.2*	*21.6*	*32.3*	*52.8*
Asing	*29.1*	*34.1*	*20.9*	*30.5*	*39.6*	*21.9*
Pelaburan baharu (% bahagian)	50.6	59.0	65.4	73.1	60.5	80.6
Pelaburan semula (% bahagian)	49.4	41.0	34.6	26.9	39.5	19.4
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Sektor perniagaan						
Perubahan tahunan (%)	9.8	12.5	20.7	-1.0	18.6	2.2
Sekuriti Hutang Swasta (tidak termasuk kertas pelaburan jangka pendek)						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	52.1	69.6	121.1	83.9	85.5	85.6
Aktiviti baharu	13.5	8.4	19.5	7.5	13.1	20.0
Tawaran Awam Awal (Bursa Malaysia)						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	19.8	7.4	22.9	8.2	5.9	4.4
Tinjauan Keadaan Perniagaan MIER						
Indeks Keadaan Perniagaan[1]	99.5	96.6	94.1	92.0	86.4	87.1
Kadar Penggunaan Kapasiti[1]	82.9	81.2	80.9	80.0	79.5	78.0
Syarikat Berstatus MSC						
Bilangan syarikat	218	215	213	236	229	249
Pelaburan yang diluluskan (RM bilion)	1.5	2.5	2.9	3.0	2.9	4.6

[1] Merujuk kepada suku keempat

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Bursa Malaysia Berhad; Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia; Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia; Perbadanan Pembangunan Multimedia; dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.9

Imbangan Pembayaran

	2012			2013		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
	RM juta					
Barangan[1]	**644,864**	**531,835**	**113,030**	**637,683**	**541,131**	**96,552**
Perkhidmatan	**125,337**	**133,879**	**-8,542**	**132,685**	**142,277**	**-9,592**
Pengangkutan	13,761	35,801	-22,040	14,701	38,610	-23,909
Perjalanan	62,548	37,726	24,821	67,733	38,566	29,167
Perkhidmatan lain	48,771	59,680	-10,908	49,951	64,583	-14,632
Urus niaga Kerajaan t.t.t.l.	257	672	-415	300	518	-218
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**770,202**	**665,714**	**104,488**	**770,368**	**683,408**	**86,959**
Pendapatan primer	**42,297**	**78,138**	**-35,841**	**47,656**	**81,631**	**-33,975**
Pampasan pekerja	3,994	7,076	-3,082	4,486	8,492	-4,007
Pendapatan pelaburan	38,303	71,062	-32,760	43,170	73,138	-29,969
Pendapatan sekunder	**6,661**	**25,130**	**-18,469**	**7,597**	**25,096**	**-17,498**
Imbangan akaun semasa	**819,160**	**768,983**	**50,177**	**825,620**	**790,135**	**35,485**
% daripada PNK			**5.4**			**3.6**
Akaun modal			**241**			**-15**
Akaun kewangan			**-23,014**			**-20,216**
Pelaburan langsung			-24,415			-6,276
Aset			*-51,957*			*-41,928*
Liabiliti			*27,542*			*35,653*
Pelaburan portfolio			63,859			-3,012
Aset			*-21,464*			*-32,088*
Liabiliti			*85,323*			*29,076*
Derivatif kewangan			972			-253
Pelaburan lain			-63,431			-10,675
Sektor awam			*-1,674*			*-3,965*
Sektor swasta			*-61,756*			*-6,710*
Imbangan akaun modal dan kewangan			**-22,773**			**-20,231**
Kesilapan dan ketinggalan			**-23,531**			**-605**
antaranya:						
Penambahan (+) / pengurangan (-) nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing			-7,686			18,611
Imbangan keseluruhan (lebihan + / defisit -)			**3,873**			**14,649**
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih[2]						
RM juta			427,204			441,853
USD juta			139,715			134,902
Rizab sebagai bilangan bulan import tertangguh			9.5			9.5

[1] Diselaraskan untuk penilaian dan liputan bagi asas imbangan pembayaran
[2] Semua aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan penambahan/pengurangan nilai juga ditunjukkan dengan sewajarnya dalam akaun Bank

a Awalan
r Ramalan
t.t.t.l. Tidak tercatat di tempat lain
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

2014			2015*a*			2016*r*		
+	-	Bersih	+	-	Bersih	+	-	Bersih
RM juta								
679,913	**566,500**	**113,414**	**685,757**	**576,866**	**108,891**	**707,610**	**608,106**	**99,504**
137,263	**148,451**	**-11,188**	**135,663**	**156,141**	**-20,478**	**143,910**	**163,158**	**-19,249**
15,618	41,726	-26,108	15,814	41,535	-25,722	15,957	45,072	-29,115
73,951	40,478	33,472	68,725	40,930	27,796	75,236	43,643	31,592
47,404	65,620	-18,216	50,797	72,769	-21,972	52,363	73,475	-21,111
289	626	-337	326	906	-580	353	968	-615
817,176	**714,950**	**102,226**	**821,420**	**733,007**	**88,413**	**851,520**	**771,264**	**80,255**
52,310	**89,632**	**-37,322**	**48,785**	**80,977**	**-32,192**	**44,981**	**82,963**	**-37,981**
5,149	10,150	-5,000	6,303	12,237	-5,934	6,176	12,180	-6,004
47,160	79,482	-32,322	42,482	68,740	-26,259	38,805	70,783	-31,978
10,308	**27,894**	**-17,586**	**11,712**	**33,906**	**-22,195**	**11,610**	**34,748**	**-23,138**
879,794	**832,476**	**47,317**	**881,916**	**847,890**	**34,026**	**908,111**	**888,975**	**19,136**
		4.4			**3.0**			**1~2**
		272			**-1,151**			
		-81,597			**-53,277**			
		-18,480			232			
		-53,096			*-37,406*			
		34,616			*37,638*			
		-38,536			-28,155			
		-28,111			*-9,156*			
		-10,425			*-18,998*			
		-975			-491			
		-23,606			-24,863			
		-2,030			*-1,880*			
		-21,576			*-22,984*			
		-81,325			**-54,428**			
		-2,500			**24,143**			
		7,573			57,299			
		-36,507			**3,741**			
		405,345			409,096			
		115,930			95,283			
		8.3			8.4			

Jadual A.10

Eksport Kasar

	2013	2014	2015*a*	2014	2015*a*	2015*a*
	RM juta			Perubahan tahunan (%)		% bahagian
Perkilangan	**548,146**	**587,175**	**625,475**	**7.1**	**6.5**	**80.2**
antaranya:						
Barangan elektrik dan elektronik	236,982	256,145	277,923	8.1	8.5	35.6
Semikonduktor	*111,442*	*127,366*	*137,460*	*14.3*	*7.9*	*17.6*
Mesin pejabat, dan kelengkapan pemprosesan data automatik	*48,999*	*46,214*	*51,951*	*-5.7*	*12.4*	*6.7*
Jentera elektrik, perkakas litar dan peralatan, dan komponen	*38,134*	*41,518*	*47,864*	*8.9*	*15.3*	*6.1*
Kelengkapan telekomunikasi dan rakaman dan penghasilan semula bunyi	*38,407*	*41,047*	*40,648*	*6.9*	*-1.0*	*5.2*
Kimia dan keluaran kimia	47,470	51,447	55,142	8.4	7.2	7.1
Keluaran petroleum	68,369	70,356	54,552	2.9	-22.5	7.0
Jentera, perkakas dan komponen elektrik	27,068	29,998	36,140	10.8	20.5	4.6
Keluaran logam	28,164	26,444	34,909	-6.1	32.0	4.5
Kelengkapan optik dan saintifik	20,837	23,661	26,111	13.6	10.4	3.3
Keluaran getah	18,943	18,003	20,183	-5.0	12.1	2.6
Makanan diproses	14,241	16,560	18,011	16.3	8.8	2.3
Keluaran kayu	14,183	14,716	15,453	3.8	5.0	2.0
Pertanian	**68,799**	**69,175**	**67,278**	**0.5**	**-2.7**	**8.6**
antaranya:						
Minyak sawit dan keluaran berasaskan minyak sawit	47,028	48,266	45,612	2.6	-5.5	5.8
Getah asli	7,025	4,574	4,029	-34.9	-11.9	0.5
Kayu siap digergaji dan acuan	3,140	3,372	4,007	7.4	18.8	0.5
Mineral	**97,937**	**104,051**	**82,667**	**6.2**	**-20.6**	**10.6**
antaranya:						
Gas asli cecair	59,567	63,750	47,070	7.0	-26.2	6.0
Minyak mentah	31,013	32,723	26,075	5.5	-20.3	3.3
Lain-lain	**5,110**	**5,015**	**4,526**	**-1.9**	**-9.8**	**0.6**
Jumlah	**719,992**	**765,417**	**779,947**	**6.3**	**1.9**	**100.0**

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Beberapa perubahan kecil telah dibuat dalam pemilihan kod bagi eksport barangan perkilangan utama dan terpilih, yang bertujuan untuk menyeragamkan klasifikasi produk antara pengumpul dan pengguna utama statistik perdagangan luar

Data dalam jadual ini tidak boleh dibandingkan secara terus dengan penerbitan Laporan Tahunan 2014 disebabkan oleh perbezaan klasifikasi

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.11

Import Kasar

	2013	2014	2015*a*	2014	2015*a*	2015*a*
	RM juta			Perubahan tahunan (%)		% bahagian
Barang modal	**98,202**	**95,882**	**95,908**	**-2.4**	**0.0**	**14.0**
Barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	78,352	80,246	85,609	2.4	6.7	12.5
Alat kelengkapan pengangkutan perindustrian	19,850	15,636	10,299	-21.2	-34.1	1.5
Barang pengantara	**379,455**	**408,181**	**398,807**	**7.6**	**-2.3**	**58.2**
Makanan dan minuman, khusus untuk industri	16,740	17,978	19,747	7.4	9.8	2.9
Bekalan perindustrian	166,324	172,390	167,192	3.6	-3.0	24.4
Bahan api dan pelincir	46,326	58,108	39,835	25.4	-31.4	5.8
Alat ganti dan aksesori barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	131,615	138,845	146,989	5.5	5.9	21.4
Alat ganti dan aksesori untuk alat kelengkapan pengangkutan	18,450	20,859	25,044	13.1	20.1	3.7
Barang penggunaan	**47,584**	**50,309**	**62,456**	**5.7**	**24.1**	**9.1**
Makanan dan minuman, khusus untuk penggunaan isi rumah	20,080	21,490	25,510	7.0	18.7	3.7
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	1,434	1,084	1,056	-24.4	-2.5	0.2
Barang pengguna t.s.t.l.	26,071	27,735	35,890	6.4	29.4	5.2
Lain-lain	**123,455**	**128,566**	**128,220**	**4.1**	**-0.3**	**18.7**
antaranya:						
Barangan dua guna	28,610	26,088	21,923	-8.8	-16.0	3.2
Eksport semula	92,002	99,540	103,217	8.2	3.7	15.1
Jumlah	**648,695**	**682,937**	**685,391**	**5.3**	**0.4**	**100.0**

a Awalan
t.s.t.l. Tidak disebutkan di tempat lain
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah A.12

Rakan Perdagangan Malaysia



Jadual A.13

Hutang Luar Negeri[1] Terkumpul dan Khidmat Bayaran Hutang

	2011	2012	2013	2014	2015*a*
	RM juta				
Peminjaman luar pesisir[2]	**257,273**	**257,594**	**324,088**	**371,067**	**463,621**
Jangka sederhana dan panjang	153,525	165,139	195,986	211,417	285,900
Kerajaan Persekutuan	*18,105*	*16,848*	*16,763*	*16,776*	*21,477*
Syarikat Awam	*69,562*	*71,392*	*82,141*	*76,343*	*106,842*
Sektor swasta	*65,859*	*76,899*	*97,082*	*118,298*	*157,581*
Jangka pendek	103,748	92,455	128,102	159,651	177,721
Sektor perbankan	*92,302*	*79,981*	*113,530*	*139,917*	*161,301*
Sektor swasta bukan bank	*11,446*	*12,474*	*14,573*	*19,734*	*16,420*
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	**163,268**	**223,606**	**229,655**	**223,260**	**211,346**
Sekuriti Kerajaan	*104,270*	*132,410*	*141,669*	*151,377*	*175,964*
Lain-lain	*58,998*	*91,196*	*87,986*	*71,883*	*35,382*
Deposit bukan pemastautin	**43,917**	**58,963**	**77,325**	**87,665**	**81,616**
Lain-lain[3]	**72,997**	**61,897**	**65,524**	**65,493**	**77,162**
Jumlah hutang luar negeri:	**537,456**	**602,060**	**696,592**	**747,485**	**833,745**
Jumlah hutang luar negeri (USD juta)	**167,908**	**194,646**	**209,792**	**211,818**	**192,245**
% PNK	*60.4*	*64.4*	*70.7*	*69.9*	*74.1*
Perubahan tahunan (%)	*23.8*	*12.0*	*15.7*	*7.3*	*11.5*
Komposisi mata wang (% bahagian)	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**
Ringgit	*42.6*	*49.2*	*45.9*	*41.0*	*36.2*
Dolar AS	*44.0*	*39.2*	*43.2*	*47.6*	*51.3*
Yen Jepun	*4.7*	*3.2*	*2.6*	*2.4*	*2.6*
Lain-lain	*8.6*	*8.4*	*8.3*	*9.0*	*9.9*
Jumlah khidmat bayaran hutang (termasuk bayaran faedah jangka pendek)	**124,124**	**139,988**	**141,923**	**155,847**	**185,548**
antaranya:					
Hutang jangka sederhana dan panjang	**123,114**	**138,739**	**140,716**	**154,366**	**184,049**
Bayaran balik[4]	**114,706**	**128,849**	**130,603**	**143,219**	**172,071**
antaranya:					
Penebusan sekuriti hutang domestik yang matang oleh bukan pemastautin	18,369	23,982	23,490	23,698	27,695
Bayaran faedah	**8,408**	**9,890**	**10,113**	**11,147**	**11,978**
antaranya bayaran faedah ke atas:					
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	3,679	5,067	5,694	6,941	6,645
Nisbah khidmat bayaran hutang (% eksport barangan dan perkhidmatan)					
Jumlah hutang	**16.0**	**18.2**	**18.4**	**19.1**	**22.6**
Hutang jangka sederhana dan panjang	15.8	18.0	18.3	18.9	22.4
antaranya:					
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	2.4	3.1	3.0	2.9	3.4

[1] Seperti yang didefinisikan semula, berkuatkuasa mulai suku pertama 2014. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana bertajuk 'Definisi Semula Hutang Luar Negeri' dalam Buletin Suku Tahunan mengenai Perkembangan Ekonomi dan Kewangan dalam Perkembangan Ekonomi Malaysia pada Suku Pertama 2014

[2] Peminjaman luar pesisir adalah bersamaan dengan hutang luar negeri berdasarkan definisi terdahulu yang terdiri terutamanya daripada pinjaman dalam matawang asing yang diperoleh serta bon dan nota yang diterbitkan di luar pesisir

[3] Terdiri daripada kredit perdagangan, pengagihan SDR oleh Tabung Kewangan Antarabangsa dan liabiliti hutang lain

[4] Termasuk prabayaran

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.14

Indeks Harga Pengguna

	Wajaran (%) (2010=100)	2012	2013	2014	2015
		Perubahan tahunan (%)			
Jumlah	**100.0**	**1.6**	**2.1**	**3.2**	**2.1**
antaranya:					
Makanan dan minuman bukan alkohol	30.3	2.7	3.6	3.3	3.6
Minuman alkohol dan tembakau	2.2	0.4	6.0	11.6	13.5
Pakaian dan kasut	3.4	-0.6	-0.6	-0.2	0.5
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	22.6	1.6	1.7	3.4	2.5
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1	2.0	1.5	1.0	2.7
Kesihatan	1.3	2.0	1.9	2.9	4.5
Pengangkutan	14.9	0.7	2.0	4.9	-4.5
Komunikasi	5.7	-0.6	-0.7	-0.7	1.9
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.6	1.2	0.1	1.5	1.7
Pendidikan	1.4	2.4	2.4	2.4	2.4
Restoran dan hotel	3.2	2.9	2.5	4.7	4.1
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.3	2.0	0.3	0.7	4.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.15

Indeks Harga Pengeluar

	Wajaran (%) (2010=100)[1]	2012	2013	2014	2015
		Perubahan tahunan (%)			
Jumlah	**100.0**	**0.1**	**-1.7**	**1.4**	**-4.8**
antaranya:					
Makanan	5.7	0.3	1.5	4.4	1.2
Minuman dan tembakau	1.0	0.7	1.3	2.8	0.5
Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan	6.7	-12.7	-12.8	-2.1	-3.8
Bahan api galian, pelincir, dll.	19.9	5.7	-0.6	0.3	-22.1
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	7.3	-10.0	-15.2	7.5	-6.2
Bahan kimia	8.2	-0.5	0.8	2.2	0.1
Barang-barang keluaran kilang	11.3	-0.5	-0.6	0.5	0.2
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	33.9	1.9	0.9	1.3	2.2
Pelbagai barang keluaran kilang	5.4	0.8	0.5	0.8	1.8
Pelbagai urusniaga dan barangan	0.6	3.2	-4.9	-2.5	6.2
Pengeluaran tempatan	66.7	-0.4	-2.7	1.5	-7.4
Import	33.3	1.2	0.5	1.1	0.7

[1] Bermula tahun 2015, Indeks Harga Pengeluar merujuk kepada tahun asas baharu 2010=100, daripada tahun asas 2005=100 sebelum ini

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.16

Wang Secara Luas (M3)

	Perubahan tahunan					Pada akhir
	2011	2012	2013	2014	2015	2015
	RM juta					
Wang secara luas (M3)[1]	155,581	111,211	107,470	101,490	41,456	1,595,264
Mata wang dalam edaran[2]	5,142	3,971	5,913	5,319	8,613	76,643
Deposit permintaan	28,854	26,998	32,013	13,333	5,087	282,874
Separuh wang secara luas	121,585	80,242	69,545	82,838	27,756	1,235,747
Deposit tetap	*72,789*	*60,894*	*66,957*	*39,956*	*25,342*	*746,186*
Deposit tabungan	*10,728*	*8,070*	*8,025*	*3,166*	*659*	*135,591*
NID	*-1,239*	*-1,392*	*-1,626*	*4,005*	*-8,921*	*9,256*
Repo	*-1,701*	*2,150*	*100*	*-1,592*	*-497*	*0*
Deposit mata wang asing	*13,125*	*14,090*	*4,434*	*15,397*	*42,714*	*138,228*
Deposit lain	*27,883*	*-3,570*	*-8,345*	*21,905*	*-31,541*	*206,486*
Faktor Penentu M3						
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	2,803	-3,339	21,164	34,317	-8,762	95,568
Tuntutan terhadap Kerajaan	*4,838*	*868*	*15,794*	*31,336*	*-1,471*	*153,880*
Tolak: Deposit Kerajaan	*2,035*	*4,207*	*-5,370*	*-2,981*	*7,292*	*58,312*
Tuntutan terhadap sektor swasta	105,116	129,747	118,033	117,955	120,132	1,559,398
Pinjaman	*111,787*	*106,870*	*107,934*	*111,388*	*106,122*	*1,396,418*
Sekuriti	*-6,670*	*22,877*	*10,099*	*6,568*	*14,010*	*162,981*
Aset asing bersih	117,621	20,448	13,298	-9,952	23,074	527,520
Bank Negara Malaysia[3]	*94,530*	*4,095*	*14,185*	*-35,003*	*1,027*	*401,087*
Sistem perbankan	*23,091*	*16,353*	*-888*	*25,051*	*22,047*	*126,433*
Pengaruh lain	-69,959	-35,645	-45,024	-40,830	-92,987	-587,223

[1] Tidak termasuk deposit yang disimpan sesama institusi perbankan
[2] Tidak termasuk pemegangan oleh sistem perbankan
[3] Termasuk kerugian/keuntungan penilaian semula kadar pertukaran
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan

Jadual A.17

Bekalan Wang: Perubahan Tahunan dan Kadar Pertumbuhan

	2011		2012		2013		2014		2015	
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%
Mata wang dalam edaran	5,803	12.2	3,907	7.3	5,449	9.5	5,189	8.2	8,699	12.8
Deposit permintaan dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam	28,769	16.3	26,872	13.1	32,318	13.9	13,630	5.2	5,343	1.9
M1[1]	34,572	15.4	30,779	11.9	37,768	13.0	18,820	5.7	14,042	4.1
Deposit lain dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam[2]	120,878	14.5	87,005	9.1	73,696	7.1	89,386	8.1	30,504	2.5
Deposit dalam institusi perbankan lain[3]	131	0.5	-6,574	-25.2	-3,993	-20.5	-6,715	-42.3	-3,091	-33.8
M3[4]	155,581	14.3	111,211	9.0	107,470	7.9	101,490	7.0	41,456	2.7

[1] Terdiri daripada mata wang dalam edaran dan deposit permintaan sektor swasta
[2] Terdiri daripada deposit tabungan dan tetap, instrumen deposit boleh niaga (negotiable instruments of deposits, NID), repo dan deposit mata wang asing sektor swasta dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam
[3] Terdiri daripada deposit panggilan, deposit tetap, instrumen deposit boleh niaga (negotiable instruments of deposits, NID), repo dan deposit mata wang asing sektor swasta dalam bank saudagar/bank pelaburan. Tidak termasuk deposit yang disimpan sesama institusi perbankan
[4] Terdiri daripada M1 ditambah deposit lain sektor swasta dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam serta deposit sektor swasta dalam institusi perbankan lain, iaitu bank saudagar/bank pelaburan

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan

Jadual A.18

Kadar Faedah (%)

	Pada akhir tahun						Pada akhir bulan tahun 2015											
	2009	2010	2011	2012	2013	2014	Jan.	Feb.	Mac	Apr.	Mei	Jun	Jul.	Ogos	Sept.	Okt.	Nov.	Dis.
Antara bank semalaman	1.99	2.72	2.99	3.00	2.99	3.23	3.24	3.24	3.24	3.24	3.19	3.24	3.25	3.25	3.12	3.18	3.15	3.05
Antara bank 1 minggu	2.02	2.77	3.01	3.01	3.02	3.30	3.27	3.24	3.25	3.25	3.26	3.25	3.24	3.25	3.24	3.26	3.22	3.13
Antara bank 1 bulan	2.07	2.83	3.05	3.06	3.20	3.38	3.41	3.29	3.28	3.28	3.28	3.48	3.45	3.35	3.60	3.64	3.45	3.45
Bank perdagangan																		
Deposit tetap																		
3 bulan	2.03	2.74	2.99	2.97	2.97	3.13	3.13	3.13	3.13	3.13	3.14	3.14	3.14	3.14	3.14	3.13	3.13	3.13
12 bulan	2.50	2.97	3.22	3.15	3.15	3.31	3.31	3.31	3.31	3.31	3.31	3.31	3.31	3.31	3.31	3.31	3.31	3.31
Deposit tabungan	0.86	1.00	1.15	1.03	0.99	1.07	1.07	1.06	1.08	1.07	1.07	1.06	1.06	1.05	1.06	1.05	1.04	1.04
Kadar pinjaman asas (BLR)	5.51	6.27	6.53	6.53	6.53	6.79	6.79	6.79	6.79	6.79	6.79	6.79	6.79	6.79	6.79	6.79	6.79	6.79
Kadar asas							3.90	3.90	3.90	3.88	3.88	3.88	3.85	3.85	3.85	3.85	3.85	3.86
Bil perbendaharaan (91 hari)[1]	1.98	2.82	2.99	3.04	3.00	3.42	3.35	3.28	3.19	3.12	3.12	3.06	3.19	3.11	3.14	2.96	2.77	2.74
Sekuriti Kerajaan[1]																		
1 tahun	2.12	2.85	2.82	3.01	3.03	3.48	3.35	3.27	3.21	3.19	3.13	3.04	3.08	3.08	3.20	2.81	2.60	2.59
5 tahun	3.79	3.39	3.23	3.24	3.66	3.84	3.66	3.63	3.59	3.59	3.59	3.67	3.62	3.98	3.86	3.71	3.70	3.47
Sekuriti hutang swasta[1]																		
AAA																		
3 tahun	3.72	3.63	3.65	3.53	3.71	4.00	4.04	4.00	4.01	4.00	3.99	3.99	4.00	4.07	4.12	4.12	4.14	4.13
5 tahun	4.32	4.07	3.99	3.80	3.96	4.27	4.28	4.25	4.22	4.22	4.20	4.19	4.21	4.32	4.38	4.38	4.36	4.37
AA																		
3 tahun	4.50	4.34	4.29	4.04	4.16	4.33	4.38	4.37	4.41	4.41	4.39	4.35	4.38	4.41	4.44	4.45	4.44	4.49
5 tahun	5.07	4.75	4.65	4.30	4.41	4.60	4.63	4.64	4.64	4.64	4.62	4.58	4.60	4.69	4.73	4.73	4.73	4.73
A																		
3 tahun	6.80	6.90	6.57	6.34	6.32	6.25	6.29	6.39	6.40	6.28	6.28	6.22	6.22	6.44	6.10	6.25	6.31	6.34
5 tahun	7.57	7.53	7.11	6.98	7.02	6.87	6.93	7.04	6.99	6.88	6.89	6.87	6.82	7.19	7.03	7.03	7.01	6.97
BBB																		
3 tahun	10.18	10.40	10.21	10.06	10.02	10.16	10.37	10.46	10.50	10.28	10.23	9.89	10.00	10.46	10.04	10.01	10.01	9.90
5 tahun	11.32	11.43	11.24	11.14	11.17	11.17	11.37	11.50	11.53	11.27	11.23	10.80	10.90	11.40	11.22	11.23	11.26	11.13
BB & ke bawah																		
3 tahun	12.58	12.78	12.62	12.53	12.52	13.03	13.63	13.68	13.73	13.42	13.25	12.66	12.94	13.46	12.96	13.05	12.89	12.55
5 tahun	14.02	14.51	14.13	13.76	13.70	14.60	14.89	14.99	15.04	14.62	14.42	13.78	13.98	14.78	14.34	14.42	14.35	13.89

[1] Sumber: FAST, Bank Negara Malaysia

Jadual A.19

Pergerakan Ringgit

	RM berbanding dengan satu unit mata wang asing[1]			Perubahan tahunan (%)		Perubahan (%)
	2005	2014	2015	2014	2015	21 Jul. '05 - Dis. '15
	21 Jul.[2]	Akhir Dis.				
SDR	5.5049	5.0853	5.9912	-0.7	-15.1	-8.1
Dolar AS	3.8000	3.4950	4.2920	-6.1	-18.6	-11.5
Dolar Singapura	2.2570	2.6449	3.0356	-1.9	-12.9	-25.6
100 yen Jepun	3.3745	2.9255	3.5645	6.9	-17.9	-5.3
Paun sterling	6.6270	5.4396	6.3607	-0.6	-14.5	4.2
Dolar Australia	2.8823	2.8664	3.1338	2.2	-8.5	-8.0
Euro	4.6212	4.2513	4.6918	6.5	-9.4	-1.5
100 baht Thailand	9.0681	10.627	11.922	-6.1	-10.9	-23.9
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0281	0.0311	-4.2	-9.5	24.4
100 won Korea	0.3665	0.3201	0.3651	-2.9	-12.3	0.4
100 peso Filipina	6.8131	7.8066	9.1494	-5.3	-14.7	-25.5
100 dolar Taiwan Baharu	11.890	11.068	13.056	-0.5	-15.2	-8.9
Renminbi China	0.4591	0.5637	0.6610	-3.8	-14.7	-30.5

[1] Kadar dolar Amerika Syarikat ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengah hari dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Antara Bank Kuala Lumpur
Kadar bagi mata wang selain dolar Amerika Syarikat ialah kadar silang yang diperoleh daripada kadar mata wang asing tersebut berbanding dengan dolar Amerika Syarikat dan kadar RM/dolar Amerika Syarikat

[2] Ringgit bertukar daripada kadar pertukaran tetap berbanding dengan dolar Amerika Syarikat kepada apungan terurus berbanding dengan sekumpulan mata wang

Jadual A.20

Institusi Kredit Perumahan

	Tahun penubuhan	Objektif	Kadar pinjaman untuk pinjaman perumahan baharu (%)		Bilangan cawangan	
			2014	2015	2014	2015
Bank perdagangan	-		4.38[1,2]	4.54[1,2]	4,243[3]	4,254[3]
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (dahulu Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan)	1970	Menyediakan pinjaman perumahan untuk kakitangan Kerajaan	4.00[1]	4.00[1]	1	1
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	1954	Sebuah koperasi yang mengambil deposit dan menyediakan kemudahan perbankan berlandaskan prinsip Syariah	6.90[1]	7.00[1]	147	148
Malaysia Building Society Berhad	1950	Untuk menjadi institusi kewangan yang berasaskan pengguna dengan menawarkan aktiviti pinjaman harta benda dan pengambilan deposit, ke arah mewujudkan pengurusan kekayaan untuk pelanggannya	7.43 ~ 7.54	7.40 ~ 7.61	46	45
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	1958	Menyediakan pinjaman perumahan khusus untuk kakitangan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak	6.75 ~ 7.50	6.75 ~ 7.50	2	2
Bank Simpanan Nasional	1974	Untuk menggalakkan dan menggembleng simpanan terutamanya daripada penyimpan kecil serta memupuk tabiat berjimat cermat dan suka menyimpan	4.93[1]	4.96[1]	402	400
Sabah Credit Corporation	1955	Untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi rakyat Malaysia di Sabah melalui akses kepada kredit kewangan yang mudah	3.00 ~ 7.50	3.00 ~ 7.50	12	13

[1] Kadar pinjaman purata 12 bulan
[2] Tidak termasuk bank-bank Islam
[3] Termasuk bank-bank Islam

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.21

Pinjaman Perumahan Terkumpul

	2014	2015*a*	2014	2015*a*	2014	2015*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)		% bahagian	
Bank perdagangan[1]	367,950	411,280	13.1	11.8	86.2	86.0
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (dahulu Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan)	43,898	50,225	20.9	14.4	10.3	10.5
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	2,361	2,599	-8.1	10.1	0.6	0.5
Malaysia Building Society Berhad	5,303	5,467	-1.4	3.1	1.2	1.1
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	714	755	8.3	5.7	0.2	0.2
Bank Simpanan Nasional	6,430	7,794	28.5	21.2	1.5	1.6
Sabah Credit Corporation	69	58	-14.7	-16.3	...	...
Jumlah	**426,725**	**478,177**	**13.7**	**12.1**	**100.0**	**100.0**

[1] Termasuk bank-bank Islam
a Awalan
... Terlalu kecil
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.22

Pinjaman Perumahan yang Diluluskan

	2014	2015*a*	2014	2015*a*	2014	2015*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)		% bahagian	
Bank perdagangan[1]	115,628	99,764	3.8	-13.7	89.4	86.2
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (dahulu Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan)	9,314	9,452	3.0	1.5	7.2	8.2
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	659	1,113	16.4	68.9	0.5	1.0
Malaysia Building Society Berhad	936	1,113	82.8	18.9	0.7	1.0
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	130	95	-23.8	-26.9	0.1	0.1
Bank Simpanan Nasional	2,703	2,583	6.7	-4.4	2.1	2.2
Sabah Credit Corporation	0	1,610	...	...	...	1.4
Jumlah	**129,370**	**115,730**	**4.1**	**-10.5**	**100.0**	**100.0**

[1] Termasuk bank-bank Islam
a Awalan
... Terlalu kecil
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.23

Pembiayaan Ekonomi

Mengikut pelanggan / Mengikut jenis pembiayaan/institusi	Perusahaan perniagaan[1]		Isi rumah	Kerajaan	Jumlah Pembiayaan
	Jumlah	*antaranya: PKS*			
	RM juta				
Perubahan Bersih dalam Pembiayaan (2014)					
Pengantara Kewangan					
Institusi Perbankan	48,493	*27,798*	68,912	-3,343	114,062
Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)[2]	3,000	*326*	5,352	-	8,352
Pengantara Domestik Lain[3]	-4,457	*102*	7,974	-	3,517
Pasaran Modal					
Pasaran Bon[4]	30,598	-	-	37,557	68,155
Pasaran Ekuiti	19,163	-	-	-	19,163
Pembiayaan Luar					
Pelaburan Langsung Asing	35,344	–	–		35,344
Peminjaman Luar Pesisir[5]	20,579	–	–	13	20,593
Jumlah	**152,720**	***28,226***	**82,238**	**34,227**	**269,185**
Perubahan Bersih dalam Pembiayaan (2015*a*)					
Pengantara Kewangan					
Institusi Perbankan	47,737	*33,782*	58,996	-1,311	105,421
Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)[2]	2,033	*1,172*	5,088	-	7,121
Pengantara Domestik Lain[3]	-7,715	*-182*	6,873	-	-842
Pasaran Modal					
Pasaran Bon[4]	47,371	-	-	38,931	86,301
Pasaran Ekuiti	17,919	-	-	-	17,919
Pembiayaan Luar					
Pelaburan Langsung Asing	39,520	–	–		39,520
Peminjaman Luar Pesisir[5]	66,468	–	–	4,701	71,169
Jumlah	**213,333**	***34,773***	**70,956**	**42,320**	**326,609**

[1] Perusahaan perniagaan termasuk institusi perbankan domestik, institusi kewangan domestik bukan bank, entiti bukan perusahaan perniagaan tempatan dan entiti asing

[2] Merujuk kepada IKP di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan, 2002

[3] Pengantara domestik lain termasuk syarikat insurans, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), institusi kredit perumahan, syarikat pemajakan dan pemfaktoran, dan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (dahulu Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan)

[4] Merujuk kepada perubahan terkumpul dalam sekuriti hutang swasta (PDS) dan sekuriti Kerajaan (Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan) yang dipegang oleh pemastautin dan bukan pemastautin. Data tidak termasuk bon Cagamas, kertas pelaburan jangka pendek dan terbitan bukan pemastautin

[5] Merujuk kepada semua peminjaman luar pesisir berdasarkan hutang luar negeri yang didefinisikan semula pada suku pertama tahun 2014, kecuali peminjaman luar pesisir jangka pendek sektor perbankan

a Awalan

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan

Jadual A.24

Kewangan Sektor Awam Disatukan

	2012	2013	2014	2015*a*	2016*r*
	RM bilion				
Hasil[1]	188.8	192.4	204.9	216.0	225.8
% pertumbuhan	*17.5*	*1.9*	*6.5*	*5.4*	*4.5*
Perbelanjaan mengurus	227.2	237.0	243.4	245.0	243.5
% pertumbuhan	*15.9*	*4.3*	*2.7*	*0.7*	*-0.6*
Baki semasa SABK[2]	129.8	137.4	126.1	90.7	96.2
Jumlah baki semasa sektor awam	**91.3**	**92.8**	**87.6**	**61.6**	**78.4**
% daripada KDNK	***9.4***	***9.1***	***7.9***	***5.3***	***6.4***
Perbelanjaan pembangunan[3]	138.4	139.4	154.6	161.5	173.4
% pertumbuhan	*36.7*	*0.7*	*10.9*	*4.5*	*7.4*
Kerajaan Am[4]	53.0	49.5	48.9	51.0	55.0
SABK	85.4	89.9	105.7	110.5	118.3
Baki keseluruhan	**-47.1**	**-46.6**	**-66.9**	**-99.8**	**-95.0**
% daripada KDNK	***-4.8***	***-4.6***	***-6.0***	***-8.6***	***-7.7***

[1] Tidak termasuk bayaran pindahan dalam Kerajaan Am
[2] Merujuk kepada 29 SABK utama mulai tahun 2014 dan seterusnya
[3] Mengambil kira bayaran pindahan dan pinjaman bersih antara sektor awam
[4] Terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan, dan badan berkanun
a Awalan
r Ramalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Syarikat Awam Bukan Kewangan (SABK)

Jadual A.25

Negara-negara Maju Utama: Penunjuk Ekonomi Utama

	2011	2012	2013	2014	2015*a*	2016*r*
	Perubahan tahunan (%)					
KDNK BENAR						
Amerika Syarikat	1.6	2.2	1.5	2.4	2.4	2.6
Jepun	-0.5	1.7	1.4	0.0	0.5	1.0
Kawasan euro	1.6	-0.8	-0.3	0.9	1.6	1.7
Jerman	*3.7*	*0.6*	*0.4*	*1.6*	*1.7*	*1.7*
United Kingdom	2.0	1.2	2.2	2.9	2.2	2.2
INFLASI						
Amerika Syarikat	3.2	2.1	1.5	1.6	0.1	1.1
Jepun	-0.3	0.0	0.3	2.8	0.8	0.4
Kawasan euro	2.7	2.5	1.3	0.4	0.0	1.0
Jerman	*2.1*	*2.1*	*1.5*	*0.9*	*0.2*	*1.2*
United Kingdom	4.5	2.8	2.6	1.5	0.0	1.5
	% daripada tenaga kerja					
PENGANGGURAN						
Amerika Syarikat	8.9	8.1	7.4	6.2	5.3	4.9
Jepun	4.6	4.3	4.0	3.6	3.4	3.5
Kawasan euro	10.2	11.4	12.0	11.6	10.9	10.5
Jerman	*5.9*	*5.4*	*5.2*	*5.0*	*4.6*	*4.7*
United Kingdom	8.1	8.0	7.6	6.2	5.4	5.5
	% daripada KDNK					
IMBANGAN AKAUN SEMASA						
Amerika Syarikat	-3.0	-2.8	-2.3	-2.2	-2.6	-3.0
Jepun	2.2	1.0	0.8	0.5	3.3	3.0
Kawasan euro	0.1	1.2	1.8	2.0	3.0	3.0
Jerman	*6.1*	*6.8*	*6.4*	*7.4*	*8.2*	*8.0*
United Kingdom	-1.7	-3.3	-4.5	-5.1	-4.7	-4.3
IMBANGAN FISKAL[1]						
Amerika Syarikat	-9.6	-7.9	-4.7	-4.1	-3.8	-3.6
Jepun	-9.8	-8.8	-8.5	-7.3	-5.9	-4.5
Kawasan euro	-4.1	-3.6	-2.9	-2.4	-2.0	-1.7
Jerman	*-0.9*	*0.1*	*0.1*	*0.3*	*0.5*	*0.3*
United Kingdom	-7.6	-7.8	-5.7	-5.7	-4.2	-2.8

[1] Merujuk kepada imbangan fiskal kerajaan am
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

Jadual A.26

Asia Sedang Pesat Membangun: Penunjuk Ekonomi Utama

	2011	2012	2013	2014	2015*a*	2016*r*
KDNK BENAR	Perubahan tahunan (%)					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China	9.5	7.7	7.7	7.3	6.9	6.3
Korea	3.7	2.3	2.9	3.3	2.6	3.2
China Taipei	3.8	2.1	2.2	3.9	0.7	2.6
Singapura	6.2	3.7	4.7	3.3	2.0	2.9
Hong Kong SAR	4.8	1.7	3.1	2.6	2.4	2.7
Malaysia	5.3	5.5	4.7	6.0	5.0	4.0~4.5
Thailand	0.8	7.2	2.7	0.8	2.8	3.2
Indonesia	6.2	6.0	5.6	5.0	4.8	5.1
Filipina	3.7	6.7	7.1	6.1	5.8	6.3
INFLASI	Perubahan tahunan (%)					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China	5.4	2.6	2.6	2.0	1.4	1.8
Korea	4.0	2.2	1.3	1.3	0.7	1.8
China Taipei	1.4	1.9	0.8	1.2	-0.3	1.0
Singapura	5.2	4.6	2.4	1.0	-0.5	1.8
Hong Kong SAR	5.3	4.1	4.3	4.4	3.0	3.0
Malaysia	3.2	1.7	2.1	3.2	2.1	2.5~3.5
Thailand	3.8	3.0	2.2	1.9	-0.9	1.5
Indonesia	5.3	4.0	6.4	6.4	6.4	5.4
Filipina	4.8	3.2	2.9	4.2	1.4	3.4
IMBANGAN AKAUN SEMASA	% daripada KDNK					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China	1.8	2.5	1.6	2.1	3.1	2.8
Korea	1.6	4.2	6.2	6.3	7.1	6.7
China Taipei	8.2	9.9	10.8	12.4	14.5	11.8
Singapura	22.0	17.2	17.9	19.1	19.7	18.0
Hong Kong SAR	5.6	1.6	1.5	1.9	2.2	2.5
Malaysia	10.9	5.2	3.5	4.3	3.0	1.0~2.0
Thailand	2.4	-0.4	-1.1	3.8	8.8	5.4
Indonesia	0.2	-2.7	-3.2	-3.1	-2.1	-2.1
Filipina	2.5	2.8	4.2	3.8	5.0	4.5
IMBANGAN FISKAL[1]	% daripada KDNK					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China[2]	-0.5	0.0	-1.1	-1.2	-1.9	-2.3
Korea[2]	1.7	1.6	0.7	0.8	-0.5	0.4
China Taipei[2]	-4.0	-4.3	-3.2	-2.7	-2.7	-2.4
Singapura[2]	8.5	7.8	5.5	3.3	1.1	2.1
Hong Kong SAR[2]	4.1	3.3	1.1	3.8	3.5	2.7
Malaysia	-4.7	-4.3	-3.8	-3.4	-3.2	-3.1
Thailand	-1.4	-4.0	-2.2	-2.0	-1.9	-1.4
Indonesia	-1.1	-1.8	-2.2	-2.1	-2.3	-2.3
Filipina	-2.0	-2.3	-1.4	-0.6	-0.1	-0.6

[1] Merujuk kepada imbangan fiskal kerajaan pusat
[2] Merujuk kepada imbangan fiskal kerajaan am
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pihak Berkuasa Negara dan anggaran Bank Negara Malaysia